

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 20**

**Selasa**

**12 Disember 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 32)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 12 Disember 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Sopiah binti Sharif** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bilangan kes kemalangan yang melibatkan kenderaan berat termasuk bas di lebuhraya dan Jalan Persekutuan. Apakah jenis denda dan hukuman yang dikenakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal selia kenderaan-kenderaan industri termasuk bas kilang supaya tragedi buruk boleh dielakkan.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Sopiah kerana prihatin dengan isu kemalangan jalan raya yang melibatkan bas dan lori.

Secara puratanya, kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan bas adalah 0.6 peratus dan lori adalah tiga peratus daripada keseluruhan angka korban di Malaysia dari tahun 2008 hingga September 2017. Berdasarkan data kemalangan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik PDRM, Bukit Aman, data kematian bagi Januari hingga September 2017 mencatatkan 12 kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu dan penumpang bas dan 144 kematian yang melibatkan pemandu dan penumpang lori.

Bagi kesalahan yang mengakibatkan kemalangan, pemandu kenderaan berkenaan boleh disabitkan melakukan kesalahan di bawah seksyen 41 di mana penjara daripada dua tahun hingga 10 tahun ataupun denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM20,000. Bagi kesalahan seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan, denda tidak lebih daripada RM5,000 dan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Ataupun bagi kesalahan di bawah seksyen 43 di mana denda tidak melebihi RM10,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan dan mempertingkatkan keselamatan pengangkutan jalan terutamanya bas awam ialah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi mempertingkatkan penguatkuasaan seperti berikut.

Pertama, anggota Penguatkuasa JPJ menjalankan pemeriksaan bas di terminal bas utama. *We are random check* dekat semua *bus terminal* untuk pastikan bas dalam keadaan selamat dari segi tayar, brek dan sebagainya.

Kedua, anggota penguat kuasa JPJ menjalankan penguatkuasaan secara penyamaran sebagai penumpang bas. Contohnya dalam musim hari raya ataupun hari besar, kita akan ada

penyamaran untuk menangkap *bus driver* yang hisap rokok, menggunakan telefon bimbit dan juga kelajuan yang tinggi.

Ketiganya, mempertingkatkan pemeriksaan terhadap bas dan lain-lain kenderaan perkhidmatan awam di jalan utama negeri dan lebuhraya. Kita juga ada pemeriksaan atau *road block* ya.

Keempat, menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh MIROS dan dianggotai oleh JPJ, PDRM, JKJR dan SPAD bagi mengkaji kaedah dan tindakan yang berkesan yang boleh diambil terhadap pemandu kenderaan perdagangan yang kerap melakukan kesalahan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif dan pendekatan utama yang telah dilaksanakan oleh pihak JPJ bagi mengawal selia dan meningkatkan tahap keselamatan bas di Malaysia adalah seperti berikut.

Pertamanya, kita melaksanakan prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) terhadap setiap model baharu bagi memastikannya telah mematuhi setiap piawaian pembinaan keselamatan yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedahya.

Kedua, kita menguatkuasakan piawaian antarabangsa berkaitan dengan bas iaitu berdasarkan kepada rangka kerja di bawah *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations (WP29)* melibatkan sebanyak 55 peraturan *United Nations* yang merangkumi aspek *general safety, active safety, passive safety* dan *environmental* melalui prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ. Oleh itu semua struktur bas yang telah diubahsuai perlu mematuhi *United Nations Harmonization Standard*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Puan Sopiah binti Sharif:** Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada pagi yang berbahagia ini, saya mengemukakan soalan nombor 1. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua- terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi kepada saya untuk bertanya soalan ini.

#### ■1010

Di Pulau Pinang baru-baru ini menghadapi masalah tanah runtuh dan banjir kilat. Negara juga dikejutkan dengan kemalangan negeri yang membabitkan dua kes bas kilang dan satu van kilang yang berlaku di Tol Juru pada bulan Oktober yang lepas. Ini menjadi sebab dengan tragedi kemalangan yang berlaku di jalan raya dan lebuhraya di negara kita.

Sekiranya kehilangan harta benda atau wang Ringgit boleh dicari ganti, namun tidak dibandingkan dengan nyawa manusia yang tidak ternilai yang berlaku baru-baru ini. Berdasarkan kepada angka dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, jelas menunjukkan kadar kemalangan masih lagi tinggi di negara ini. Untuk tragedi kemalangan, saya sebut di sini berpunca daripada salah satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini bukan perbahasan Yang Berhormat. Soalan tambahan itu, apa soalan tambahan?

**Puan Sopiah binti Sharif:** Ini hendak masuk dah ini. Nak masuk dah. Apakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila tanya soalan tambahan.

**Puan Sopiah binti Sharif:** Soalan saya, apakah kaedah yang diguna dan dipakai oleh kementerian di dalam menentukan ataupun memantau usia kenderaan kerana ini merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemalangan di atas jalan raya?

Selain daripada itu, terdapat juga kes bas-bas kilang yang dipandu oleh orang asing yang bukan tempatan, contohnya saya dimaklumkan di sebelah Sabah dan Sarawak. Hal ini kerana syarikat tidak mahu menanggung kos yang banyak. Apakah tindakan kementerian?

Akhir sekali, apakah kementerian bercadang masa hadapan untuk meminda seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987? Hal ini kerana terdapat juga kes di mana kesalahan dikenakan hukuman denda ataupun sedangkan kecuaiannya dia membawa kenderaan menyebabkan nyawa melayang. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi memang ada banyak soalanlah.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Boleh, kita sekali gus jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia kaedah-kaedah untuk mengenal pasti umur kenderaan, yang Sabah Sarawak, dan juga apakah tindakan.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Boleh. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Sopiah. Memang kadar kemalangan jalan raya dalam negara kita agak tinggi ya. Tahun lalu 7,152 yang meninggal akibat kemalangan jalan raya, tahun lalu. Kadar ini masih meningkat dan kementerian telah menetapkan kita punya matlamat untuk terus mengurangkan kadar ini sekurang-kurangnya 10 peratus setiap tahun.

Bagi kaedah kita untuk menentukan usia kenderaan, memang sekarang kita ada pemeriksaan berkala. Bagi semua *commercial vehicles*, perlu melalui PUSPAKOM untuk menentukan kebolegunaan kenderaan tersebut dan kita sekarang dalam satu proses merangka dasar *End-of-Life Vehicle* (ELV). Dasar ini penting kerana dengan adanya dasar ini, maka kenderaan itu ada hayatnya. Sekarang kenderaan kita ada *birth cert*, tetapi kita tidak ada *death cert*. Tidak ada hayat panjang kenderaan itu, tidak ada orang kata tamat hayat dia. Ini kecuali JPJ akan menggubal dasar kita dan undang-undang kita untuk adakan dasar untuk menamatkan hayat kenderaan tersebut. Itu dalam proses kajian kementerian bersama dengan agensi-agensi yang lain.

Keduanya berhubung dengan pemandu orang asing bagi bas kilang. Ini adalah salah di sisi undang-undang kerana dalam negara kita sekarang, kita tidak benarkan mana-mana syarikat menggaji orang asing untuk memandu bas kilang atau bas ekspres, mana-mana bas komersial. Tidak boleh dibenarkan kerana kita mesti pastikan bahawa kenderaan kita dipandu oleh rakyat Malaysia.

Ketiganya berhubung dengan seksyen 41. Akta Pengangkutan Jalan, seksyen 41 adalah satu seksyen di mana memandu dengan melulu dan berbahaya mengakibatkan kematian. Ada 42 dan 43, ia ringan sedikit tetapi yang berat ini 41. Ada banyak cadangan, ada yang katakan kita kena mandatori penjara. Sekarang penjara adalah antara dua tahun hingga 10 tahun. Penalti RM2,000 sampailah RM20,000, tetapi saya rasa ini memang kita kena kaji balik kerana denda ini walaupun kita ada denda, penjara tetapi kebanyakannya kes-kes ini kita memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menentukan penalti dia, sama ada denda RM2,000 sampai RM20,000 atau pun penjara. So, saya memang boleh mengkaji balik dari segi penalti yang dikenakan kepada pemandu-pemandu yang cuai

memandu kerana ini adalah satu kesalahan serius kerana mengakibatkan kematian kepada mangsa-mangsa yang tidak berdosa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B).

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada faktor penyumbang kepada kes kemalangan adalah sikap pemandu itu sendiri. Jadi soalan tambahan saya ialah, apakah pelan tindakan kementerian untuk melestarikan sikap pemandu supaya pemandu itu lebih berwaspada, contohnya sentiasa dalam *mode defensive driving*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar kerana dapat beri satu soalan yang penting di mana bagaimana kita boleh meningkatkan ataupun mengubah sikap pemandu-pemandu kita. Sebenarnya Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan banyak usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai. Kita ada banyak usaha ya. Lima usaha utama, lima kategori.

Pertama, kita adakan kempen kesedaran, tingkatkan kesedaran. Kedua, kita adakan usaha pendidikan di sekolah lagi. Mula sekolah rendah lagi kita adakan pendidikan, sejak awal lagi kita tanamkan pentingnya menjaga keselamatan jalan raya. Ketiganya, kita usaha untuk pastikan bahawa jalan raya kita selamat dari segi *engineering*. Jalan raya kita memang ada *star rating*. Kita melalui MIROS dan kita bekerjasama dengan JKR, kita maklumkan kepada orang ramai bahawa jalan raya ini bahaya. Kita kena, selekoh mana bahaya- dia punya *star rating* berapa. So orang ramai apabila memandu, dia tahu apa dan mana salah silapnya. So, kita pastikan dia ada usaha untuk kita maklumkan kepada orang ramai tentang pentingnya menjaga keselamatan jalan raya.

Keempatnya, kita adakan penguatkuasaan. Penguatkuasaan memang penting. Kita ada JPJ, ada polis dan ada SPAD. Dari segi penguatkuasaan, kita tingkatkan juga. Kita sekarang adakan kamera, kita gunakan AWAS di mana kita mulai April tahun ini, daripada 15 April sehingga hari ini kita telah pun- sampai 4 Disember, 21 kamera yang ada di atas jalan raya sudah kita beri saman lebih kurang 62,000 orang, 62,271 saman telah dikeluarkan. Kita meningkatkan penguatkuasaan dan kita harap orang ramai dapat mematuhi undang-undang. Apabila kita mematuhi undang-undang jalan raya, maka selamatlah jalan raya kita. Apa yang penting, kita mematuhi undang-undang dan kita pastikan keselamatan dapat kita tingkatkan.

Kelima, *area* yang penting adalah dari segi *response time*. Apabila ada *accident*, ambulan sampai awal, kita dapat sampai cepat, kita dapat selamatkan nyawa. *The first 10 -15 minutes* adalah masa keemasan dan *also* ini juga kita kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, bagaimana kita boleh mendapatkan sokongan daripada semua pihak untuk menyelamatkan nyawa. Oleh sebab itu, kita baru-baru ini ada cadangan untuk adakan *eCall* di mana apabila *accident*, tak payah telefon lagi. Kereta kita akan bagi signal terus kepada MERS 999, kita terus dapat ambulans, terus sampai untuk mendapatkan bantuan yang segera.

## ■1020

So, banyak lagi usaha yang kita akan terus usahakan termasuk MIROS juga telah mengadakan *Safety Star Grading* untuk semua bas ekspres. Kita adakan *volunteer campaign* di mana semua bas ekspres menyertai *star rating* ini. Kita ada *five star rating*, sekarang *star rating* ini yang paling mendapat *five star rating* contohnya satu, Sani Express Bus telah pun mendapat *star rating* yang tinggi. Kita memberikan semua pengiktirafan yang baik kepada *stakeholder* yang menyertai kempen dan juga pendidikan keselamatan jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tidak ada soalan untuk Menteri lagi? Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah terima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya sedikit. Selepas Genting Highlands punya *accident*, ada satu *recommendation* yang dibuat oleh *safety board*, antaranya ada banyak cadangan, hanya sebahagian sahaja yang dilaksanakan. /cuma hendak tahu dari segi *progress to date*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Kita amat mengambil berat tentang cadangan-cadangan akibat daripada kemalangan di Genting Highlands dahulu. Satu jawatankuasa yang diwujudkan yang diterajui oleh Tan Sri Lee Lam Thye. Jawatankuasa telah mengeluarkan satu laporan. Laporan itu telah pun diterima baik oleh Kabinet, Jemaah Menteri.

Sebanyak 51 cadangan, kesemuanya telah pun kita- sebahagian telah dilaksanakan dan sebahagian dalam proses termasuk satu cadangan yang paling penting adalah untuk mewujudkan *National Transport Safety Council*. Ini satu cadangan yang penting di mana dari segi penyiasatan kemalangan memerlukan satu badan *independent* yang boleh menyiasat akibat kemalangan, mana-mana kemalangan udara, kemalangan laut, kemalangan darat dan kemalangan kereta api. Semua perlu menjadi satu badan yang mempunyai kuasa penuh dan tidak boleh sama dengan *regulatory body*.

Contohnya kalau JPJ *is regulatory body*, SPAD *regulatory body* dan ia tidak boleh siasat sendiri. So, kita kena adakan satu lagi jawatankuasa. Cadangan ini saya telah masukkan, telah pun kita buat banyak huraian dan telah pun kita bantangkan di Jemaah Menteri dan telah pun mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Kita dalam proses merangka undang-undang tersebut. Satu undang-undang yang penting untuk menjaga keselamatan dari segi kemalangan pengangkutan termasuk semua daripada udara sampailah ke darat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sebelum saya meneruskan soalan saya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan kedatangan Pertubuhan Integrasi dan Masyarakat 1Malaysia ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih.

**2. Puan Hajah Rahemah binti Idris** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, statistik terkini bilangan wanita dalam keahlian Lembaga Pengarah GLC dan GLIC serta Badan Berkanun dan juga strategi kementerian dalam menjayakan 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris atas soalan yang dikemukakan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan analisis Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga November 2017 terdapat 41 pelantikan wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam GLIC dan GLC utama. Jumlah pelantikan tersebut merupakan 18.3 peratus daripada keseluruhan 224 pelantikan ahli lembaga pengarah syarikat dalam GLIC dan GLC.

Berdasarkan rekod terkini Kementerian Kewangan, daripada 132 Badan Berkanun Persekutuan (BBP), hanya 17 BBP atau 13 peratus telah mencapai pelantikan 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarah. Manakala 81 lagi ataupun 61 peratus lagi mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah wanita. Hanya 34 sahaja atau 26 peratus yang tidak mempunyai seorang pun ahli lembaga pengarah wanita.

Tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai Tahun Memperkasakan Wanita dan ia jelas dilihat dengan pelbagai kemudahan yang dikhususkan untuk wanita. Berdasarkan pengumuman Bajet 2018, ia adalah lebih menjurus kepada *gender responsive budget* iaitu bajet tahun ini menyeluruh dari aspek ekonomi, infrastruktur dan juga sosial. Daripada segi ekonomi contohnya, peruntukan disalurkan melalui TEKUN dan AIM bagi membantu wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan.

Kerajaan juga memfokuskan kepada golongan TN40 iaitu mewajibkan 30 peratus keahlian wanita dalam lembaga pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun. Bagi memastikan negara mencapai sasaran penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membantu wanita melalui potongan cukai pendapatan individu ke atas wanita yang kembali bekerja selepas dua tahun.

Tambahan pula, pelepasan awal satu jam bagi penjawat awam wanita mengandungi juga merupakan contoh keprihatinan kerajaan terhadap keperluan wanita hamil. Kerajaan juga mencadangkan cuti bersalin mandatori dinaikkan dari 60 hari ke 90 hari untuk dilaksanakan di sektor swasta yang menunjukkan bahawa kerajaan tidak sekali-kali mengetepikan wanita di sektor swasta dan suara mereka juga didengari. Kini kerajaan juga telah mewajibkan semua bangunan baru menyediakan pusat jagaan kanak-kanak atau taska bermula di Kuala Lumpur.

Bagi pihak kementerian pula, kita akan mengadakan empat perkara yang akan kita tekankan. Pertamanya, usaha sama serta kolaborasi strategik dengan agensi lain sebagai kaedah pelaksanaan yang mampu melonjak peranan wanita. Keduanya, pemantauan yang berterusan terhadap penglibatan wanita sebagai golongan sasaran dengan agensi kerajaan dan sektor korporat yang lain akan menjadi fokus utama kementerian ini bagi tahun 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

Ketiga, inisiatif yang ketiga ialah melaksanakan kempen *Together* ataupun #2GetHER. Kempen ini adalah usaha untuk menyokong pemerksaan wanita di peringkat global melalui pelbagai mekanisme khususnya dalam era milenium dengan melayari portal yang direka khusus iaitu *2gether.my* dan Kempen *Together* ini juga memberi fokus kepada aspek kesihatan, keselamatan, ekonomi dan budaya yang lebih inklusif melalui kolaborasi N-BOS dengan pelbagai pihak sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Perancangan berterusan telah dirangka bagi Tahun Memperksa Wanita 2018 yang akhirnya akan direalisasikan dalam bentuk data dan pembangunan wanita yang lebih komprehensif.

Keempat, pada tahun 2018 juga kementerian akan memfokuskan program yang berteraskan 13 sektor dalam Dasar Wanita Negara yang mana antaranya ialah wanita dan ekonomi. Bantuan ekonomi melalui AIM dan TEKUN, wanita dalam bidang pendidikan, PERWANI@School dan Lay Counselor PERWANI. Wanita dalam bidang sains dan teknologi, meningkatkan penglibatan wanita dalam program berbentuk inovasi akan diperhebat dan akan memberikan latihan dalam bidang ICT dan digital. Wanita di peringkat pembuat keputusan, memperbanyakkan lagi Program Pengarah Wanita atau *Women Directors Programme* yang dianjurkan oleh NIEW. Terima kasih.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang banyak memperjuangkan wanita dalam pemerksaan wanita dalam tahun 2018 ini.

Soalan saya yang pertama, saya ingin bertanya apakah bentuk program yang disediakan oleh kementerian bagi persediaan bagi kumpulan wanita yang layak yang memenuhi kriteria untuk mengisi kekosongan sebagai pembuat dasar dan pembuat keputusan dalam GLC, GLIC dan Badan Berkanun? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris di atas soalan tambahan. Kita ada mempunyai pelbagai program ataupun inisiatif yang kita laksanakan di kementerian bagi memastikan kita mempunyai wanita-wanita yang telah tersedia untuk mengisi jawatan ALP di GLIC dan juga GLC serta Badan Berkanun Kerajaan.

■1030

Pertamanya kita telah memperkenalkan Program Pengarah Wanita ataupun *Women Directors Programme* (WDP) yang mana yang bermula pada tahun 2012 hinggalah tahun 2016, seramai 1,051 calon pengarah wanita telah pun menyertai Program Pengarah Wanita yang dianjurkan oleh NIEW ataupun *NAM Institute for the Empowerment of Women* ini.

Saya ingin maklumkan di sini bahawa bagi tempoh 2013 hingga November 2017, 70 *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat tersenarai awam atau *public listed companies* di Bursa Malaysia dari kalangan alumni Program Pengarah Wanita telah pun dilaksanakan iaitu pada tahun 2013 sebanyak 13 *placement*; 2014 sebanyak 13 *placement*; 2015 sebanyak 14 *placement*; 2016 sebanyak 14 *placement*; dan tahun 2017 sebanyak 16 *placement*.



Keduanya, kita juga menubuhkan 30 peratus kelab di Malaysia pada Mei 2015 yang mana dilancarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Komposisi kelab 30 peratus ini adalah terdiri daripada tokoh-tokoh korporat dan juga *captain of industry* di Malaysia.

Ketiga, seterusnya ialah kita mengadakan usaha *engagement* dengan *captain of industry* dan juga tokoh-tokoh korporat di Malaysia bersama-sama dengan Bursa Saham Malaysia dan juga 30 peratus kelab, Suruhanjaya Sekuriti dan MINDA bagi kita memperkenalkan mereka yang telah kita latih kepada syarikat-syarikat yang berkenaan ini.

Seterusnya juga kita mengadakan *Mentoring Programme* di mana ahli-ahli wanita yang telah dilatih tadi, calon-calon pengarah wanita yang telah kita beri latihan itu kita letakkan mereka dengan *Mentoring Programme* bersama-sama dengan *business leaders*, CEO dan juga *chairman* syarikat-syarikat yang terkenal di Malaysia.

Keempatnya, baru-baru ini seperti mana yang kita semua dengar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan Bajet 2018 telah pun menekankan supaya pada tahun 2018 GLIC dan GLC dalam negara kita ini diwajibkan untuk melantik 30 peratus wanita pada tahun hadapan. *Insyaa-Allah*, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun, silakan.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**3. Dato' Indera Hoh Khai Mun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah kementerian sudah melaksanakan perbincangan dengan sektor swasta, kesatuan pekerja dan pihak berkepentingan industri-industri mengenai peningkatan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional dan kementerian amat prihatin tentang peranan dan tanggungjawab wanita sama ada dalam sektor awam dan swasta, ini lagi wanita, Timbalan Menteri Wanita. Seramai lebih kurang 5.7 juta pekerja wanita di negara kita daripada sejumlah 14.7 juta *work force* ataupun tenaga kerja. Di antara keistimewaan terkini yang diumumkan oleh kerajaan melalui bajet baru-baru ini seperti mana juga yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi ialah:

- (i) tahun 2018 sebagai tahun memperkasa wanita;
- (ii) mewajibkan 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga pengarah GLC, GLIC serta badan berkanun;
- (iii) cuti bersalin mandatori sektor swasta dinaikkan 60 kepada 90 hari; dan
- (iv) pengecualian cukai pendapatan individu ke atas pendapatan yang diperoleh dalam tempoh 12 bulan kepada wanita yang kembali bekerja sekurang-kurangnya dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wanita ini banyak keistimewaan diberi. Umpamanya kita tidak benarkan wanita bekerja bawah tanah, tidak benarkan wanita bekerja waktu malam kecuali ada syarat-syarat tetapi orang lelaki tidak banyak. Saya bimbang kalau lelaki banyak mati, banyak ibu tunggal bertambah [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soalan asal Yang Berhormat Dato' Indera, dalam merealisasikan cadangan pemberian cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari di sektor swasta, perkara ini akan dilaksanakan dalam dua keadaan. Fasa pertama iaitu dengan menggalakkan majikan untuk memberi cuti bersalin 90 hari kepada pekerja wanita dalam sektor swasta terutama syarikat GLC. Dalam tempoh ini, sesi libat urus sedang dan akan diadakan bagi mendapat pandangan dan maklum balas daripada *stakeholder* ataupun majikan-majikan.

Di negara ini Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa menggunakan pendekatan *tripartite*. Majikan, pekerja dan kerajaan kerana tidak semua faedah yang akan diperoleh oleh pekerja itu akan dipersetujui oleh majikan. Oleh sebab itulah kita gunakan konsep *tripartite*. Persetujuan antara majikan, pekerja dan juga dibimbing oleh kerajaan sebagai orang pengantara.

Fasa kedua pula akan diteruskan dengan membuat pindaan ke atas peruntukan seksyen 37, Akta Kerja 1955, seksyen 83, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67), dan seksyen 84 Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) bagi mewajibkan cuti bersalin 90 hari ini dilaksanakan. Jadi kita perlu pinda, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan undang-undang sedia ada tidak menghalang mana-mana majikan untuk memberikan kemudahan cuti dan elaun bersalin yang lebih baik kepada pekerjanya. Malah perlindungan yang lebih baik juga boleh dirundingkan di antara kesatuan sekerja dan majikan untuk dimasukkan dalam perjanjian bersama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Indera, kita berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana prihatin menambahkan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasihlah kerana ada fasa-fasa tetapi soalan itu adakah kementerian sudah bertemu dengan pihak swasta untuk berbincang, sudah atau belum?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kita sedang dan meneruskan perundingan, perbincangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini saya ucapkan terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas dan baik. Soalan tambahan saya yang pertama ialah berkaitan dengan adakah peningkatan cuti bersalin tersebut untuk sektor swasta adalah bergaji ataupun tanpa gaji?

Soalan kedua saya ialah bilakah pindaan ke atas Akta Kerja 1955, atau Akta 265 diusulkan oleh kementerian untuk memastikan pelaksanaan wajib dan bagi cuti bersalin kepada 90 hari untuk golongan wanita di sektor swasta. Ini kerana kebanyakan sektor swasta berpandangan bahawa peningkatan cuti bersalin kepada 90 hari ini hanya suatu galakan dan bukan mandatori. Oleh yang demikian, saya juga ingin mengetahui apakah tindakan atau hukuman yang akan dilaksanakan oleh kementerian sekiranya sektor swasta tidak mematuhi ataupun tidak melaksanakan peraturan ini? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mandatori atau galakan? Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, bajet telah diluluskan, telah dipersetujui. Ini cadangan dibawa oleh kerajaan supaya cuti bergaji kepada pekerja wanita swasta dinaikkan daripada, bersalin ini 60 hari kepada 90 hari. Ini maknanya satu arahan, satu keputusan yang telah dibuat. Jadi sebab itulah saya katakan tadi, oleh kerana seperti mana Yang Berhormat Dato' Indera sebut tadi memang umpamanya kita hendak melaksanakan gaji minimum, itu pun dapat sebahagian bukan tentangan tetapi dianggap bebanan oleh majikan. Begitu juga cuti bersalin, kita dah menerima banyak pandangan-pandangan daripada majikan mengatakan bahawa ini membebaskan mereka.

Sebenarnya kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kita harus membuka sikit minda majikan dan pekerja dan kerajaan di negara kita kerana sebenarnya di dunia ini banyak negara telah memberikan cuti bersalin lebih besar daripada 90 hari untuk pekerja mereka. Kenapa harus kita- kalau negara maju, kita letakkan pekerja kita di tahap yang rendah. Umpamanya saya bagi contoh, Brazil selama empat bulan, kalau satu bulan 30 hari, 120 hari tetapi kalau kita cadangkan 120 hari, mungkin majikan lagi melompat saya ingat. Jadi sebab itulah kita sebutkan konsep *philosophy tripartite* ini.

Kita hendak supaya majikan berfikir, sedar bahawa kejayaan mereka, kemajuan dan untungnya syarikat mereka bukan kerana mereka sendiri, kerana pekerja, adanya sumbangan mungkin yang lebih hebat daripada pekerja, baru mereka menjadi kaya. Jadi sebab itulah kita berpendirian sedemikian, inilah pandangan kerajaan. Kerajaan sebagai orang pengantara mencadangkan dan ini juga usul daripada pekerja dan sebagainya. Jadi sebab itulah kita perlu rundingkan melalui konsep *tripartite* ini.

■1040

China, tiga bulan atau 90 hari. India, 135 hari. Indonesia, tiga bulan. Sweden, 18 bulan. Maknanya negara-negara lain, saya tak nak mengemukakan ini tetapi saya kira kalau *google*, mungkin semua orang tahu, pekerja tahu. Akan tetapi apakah kita hendak berikan cuti kepada wanita ini sampai 300 hari, maknanya setahun ataupun 200 hari setahun sehingga kita melumpuhkan majikan, tidak boleh. Tidak ada ertinya.

Macam juga gaji minimum. Kita bukan tidak boleh bayar, saya setuju dibayar gaji minimum RM3,000 sebulan tetapi apakah hari ini kita dapat RM3,000 bulan depan semua pekerja berhenti kerja kerana *company* sudah tutup. Jadi sebab itulah kita perlukan *tripartite concept* ini. Perundingan bersama dan persetujuan bersama dan akhirnya kita terpaksa meminda undang-undang yang ada setakat ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingat cadangan ini baik tetapi kita akan cari jalan penyelesaian terbaik supaya *win-win situation* ini akan diterima oleh pekerja, majikan dan kerajaan berada dalam keadaan harmoni, melahirkan pekerja dan membangunkan ekonomi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan panjang lebar dan memang betul-betul. Memang sebenarnya tepat pada masanya apabila kerajaan mencadangkan cuti bersalin dipanjangkan 90 hari kerana banyak negara-negara yang telah

melaksanakannya dengan lebih banyak harinya. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan peruntukan undang-undang ataupun satu bentuk tindakan kepada majikan sekiranya majikan tidak mahu mengambil pekerja yang sedang mengandung. Maknanya kalau wanita itu tengah mengandung, dia kata sebab dia sudah tahu tempoh cuti bersalin 90 hari, panjang dan dia tidak hendak ambil wanita itu bekerja. Adakah ada satu tindakan ataupun undang-undang untuk mengekang diskriminasi terhadap kaum wanita yang mengandung. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya diskriminasi ini jelas, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak boleh mendiskriminasikan atau membezakan antara pekerja itu sedang mengandung, tidak mengandung dan sebagainya. Makna kalau ada, *please* tolong beritahu kita. *Report* kepada kita dan kita ada hak untuk mengambil tindakan. Majikan tidak boleh melakukan walaupun umpama contoh, dalam pemakaian tudung yang menjadi isu baru-baru ini. Walaupun dalam akta tidak ada dinyatakan tetapi diskriminasi itu tidak boleh dilakukan kepada pekerja kita. Oleh sebab itulah kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan siasatan kepada mana-mana syarikat yang mengeksploitasi dan mendiskriminasikan pekerja wanita selaras dengan peruntukan Akta Pekerja 1995.

Jika terdapat sebarang aduan, pekerja boleh membuat aduan di 51 pejabat Jabatan Tenaga Kerja di Semenanjung, 14 Pejabat Tenaga Kerja di Sabah dan 12 Pejabat Tenaga Kerja di Sarawak. Yang Berhormat Senator, kita boleh mengambil tindakan dan majikan tidak boleh lepas dengan mudah untuk melakukan diskriminasi kepada pekerja mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** So kita ada undang-undang, kaedah undang-undang untuk wanita yang hamil?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Siti Aishah.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri sebab memberikan jawapan yang baik untuk isu bersalin tetapi saya ada satu isu lain sikit daripada yang bersalin tetapi masih lagi soal pekerja.

Pertamanya, sekarang ini heboh isu pekerja dipanggil oleh majikan melalui *WhatsApp*. Maknanya lepas waktu kerja, dia dapat terima *WhatsApp* untuk masuk bekerja dan baru-baru ini TV9 juga membuat satu sesi di dalam siaran beritanya tentang isu ini. Maknanya pekerja dipanggil oleh majikan melalui *WhatsApp*. Saya hendak tanya soalan yang pertama ini kepada pihak kementerian, adakah panggilan kerja melalui *WhatsApp* ini boleh dianggap rasmi kerana kalau mengikut Akta Pekerja, seorang pekerja hanya boleh dipanggil melalui *on call* ataupun memo awal yang mana dia harus bekerja selepas waktu kerja. Itu yang pertama.

Kedua, perincian garis panduan daripada pihak kementerian tentang pekerja yang harus bekerja selepas waktu bekerja ini Tuan Yang di-Pertua, sebab kadang-kadang dia tengah bercuti, dia dapat *WhatsApp* dan majikan ini kata *WhatsApp* itu rasmi. Kalau dia tidak datang, potong gaji. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kementerian.

Ketiga dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah isu kalaulah kementerian merasmikan perkara ini, bukankah perlu ataupun wajar kita menetapkan kepada majikan itu untuk dia menyediakan elaun khas kepada pekerja-pekerja yang dipanggil luar waktu kerja dia untuk datang bekerja. Jadi saya minta pendapat daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. *WhatsApp* itu rasmi tidak?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *WhatsApp* itu antara salah satu sistem komunikasi yang ada pada hari ini. Dia yang pertama Tuan Yang di-Pertua, kita tengok apakah *agreement* pekerjaan mula. Saya minta kerja dengan majikan saya dan apakah perjanjian awalnya. Kalau ikut dalam itu, kalau kita tengok mana-mana jawatan pun di bawah sekali, lain-lain tugas yang diarahkan daripada semasa ke semasa. Maknanya dia dah terangkum di situ.

Cuma, ini sebenarnya lebih kepada budi bicara majikan Tuan Yang di-Pertua. Saya tak nak komen terlalu panjang sangat tentang perkara ini tetapi memanglah kadang-kadang majikan kena gunakan budi bicara. Kalaulah pekerja mereka tengah ada program lain ataupun keluarga yang kemalangan dan sebagainya mungkin, walaupun ada keperluan bekerja di pejabat, mungkin boleh ambil orang lain. Jadi itu antara pendekatan-pendekatan yang lebih harmoni yang sepatutnya dilakukan oleh majikan. Jadi mungkin ini Tuan Yang di-Pertua, kita tengok balik. Setakat ini saya ingat tidak ada dalam undang-undang kita, *WhatsApp* ini dimasukkan sebagai satu- tetapi itu lebih kepada budi bicara.

Oleh sebab itulah kesatuan sekerja berperanan untuk bagaimana mewujudkan hubungan dalam majikan dengan pekerja. Dalam *public sector* kita ada Majlis Bersama Jabatan sebab saya pernah juga terlibat dalam perkara ini. Jadi ini sebenarnya pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan. Begitu juga daripada segi elaun. Oleh sebab itulah bagi kita Tuan Yang di-Pertua, gaji minimum umpamanya, walaupun kita tetapkan RM1,000 di Semenanjung dan RM920 di Sabah dan Sarawak dan juga Labuan tetapi banyak majikan telah membayar lebih daripada itu. Maknanya kita menggalakkan, begitu juga macam tadi cuti bersalin.

*Why not* kalau ada majikan hendak beri cuti bersalin lebih daripada 90 hari kepada pekerjanya kerana menghargai jasa pekerja, saya rasa tidak ada masalah. Kita berikan peluang. Ini adalah pendekatan-pendekatan yang harus digunakan oleh majikan dan juga untuk memberikan apresiasi kepada pekerja mereka. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Tambirajah. Silakan.

**4. Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, hasil siasatan insiden kebocoran data peribadi 46.2 juta pelanggan nombor telefon mudah alih, sebab-sebab kelewatan untuk bertindak sedangkan kebocoran ini berlaku pada tahun 2014 dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kejadian sedemikian tidak berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan yang menanyakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kebocoran ini berlaku pada 18 Oktober tahun ini yang melibatkan data untuk tahun 2014 dan bukan data terkini, so data 2014. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memandang serius isu penyalahgunaan data pengguna oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Susulan daripada kejadian tersebut, pihak Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi, agensi di bawah kementerian telah bekerjasama bagi memulakan siasatan terperinci.

Siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis adalah merujuk kepada peruntukan undang-undang di bawah seksyen 4, Akta Jenayah Komputer 1997, dan seksyen 130, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Jadi masih terlalu awal untuk disimpulkan dalang di sebalik insiden yang berlaku. Walau bagaimanapun, pihak PDRM telah pun memanggil saksi-saksi yang dikenal pasti untuk diambil keterangan. Sebagai contoh, saksi-saksi yang terlibat seperti pengendali laman web Lowyat.net, Jobstreet.my, syarikat-syarikat telco, *Malaysian Medical Association*, dengan izin, dan mana-mana individu yang dipercayai dapat membantu pihak polis dalam menjalankan siasatan.

Bagi maklumat data *telco* pula, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah berhubung dengan setiap syarikat *telco* yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas berhubung insiden ini. Pada masa yang sama, syarikat *telco* juga telah diarahkan supaya memeriksa setiap transaksi sistem bagi memastikan tiada penggodaman ataupun kebocoran maklumat berlaku di pihak mereka dan kita nasihatkan supaya semua pihak di luar sana supaya tidak membuat sebarang spekulasi.

Selain daripada kerangka kawal selia data peribadi yang diperuntukkan di bawah Akta 563 dan Akta 709, kerangka perlindungan data peribadi ini telah lama wujud di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 melalui syarat lesen dan juga seksyen 2.2 kod am pengguna ataupun *general consumer code*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang sama, masyarakat diperingatkan supaya mengambil langkah-langkah keselamatan bagi melindungi maklumat dan data peribadi masing-masing. Antara langkah-langkah keselamatan adalah antaranya:

- (i) elakkan daripada memberi maklumat peribadi kepada pihak-pihak yang tidak diyakini sama ada melalui panggilan telefon, pesanan ringkas, media sosial ataupun e-mel; dan

■1050

- (ii) jangan mendedahkan kata laluan melalui saluran komunikasi yang mencurigakan. Dinasihatkan juga kata laluan ini diwujudkan seelok-eloknya dalam bentuk *alphanumeric*, dengan izin, dan digantikan setiap tiga bulan sekali.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan soalan tambahan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan tadi. Sebenarnya, kefahaman saya ialah kebocoran berlaku pada tahun 2014, bukan tahun ini. Akan tetapi sudah terima jawapan berlaku pada tahun ini, data 2014. Soalan saya sebenarnya ada dua soalan.

Satu, MCMC pun sebenarnya tidak tahu mengenai kebocoran ini sehingga lowyat.com melaporkannya. *So questions* saya sama ada- ini *first time* ya. Mungkin kita boleh belajar dari ini- sama ada MCMC ada *internal system* untuk kesan kebocoran sebelum pihak ketiga. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak tahu pasal kalau kita tengok banyak laporan, kebocoran ini ia berasal ataupun punca dari kontraktor *cellular phone blocking service*. Saya tidak hendak sebut nama syarikat itu. Saya cuma hendak tahu status siasatan. Fasal dia kontraktor MCMC walaupun siasatan sedang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kontraktor? Kontraktor apa?

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** MCMC. Dia ada satu kontraktor untuk *cellular phone blocking services*. Banyak *speculation* itu, kebocoran punca dari kontraktor itu. Walaupun siasatan dijalankan oleh pihak polis sama ada Yang Berhormat Menteri boleh *update* status siasatan itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya dua persoalan. Pertamanya berkaitan dengan isu kes *Lowyat* tadi itu. Pada hari insiden berlaku, pihak MCMC mendapati terdapat satu iklan yang dimuat naik dalam *lowyat.net* yang menjual data pengguna yang diperoleh secara tidak sah.

Jadi sebagai langkah pencegahan, pihak MCMC terus menghubungi pentadbir laman sesawang tersebut untuk menurunkan iklan tersebut serta-merta dan pentadbir telah memberi kerjasama penuh kepada pihak MCMC dengan menurunkan artikel kerana sebenarnya dalam benda itu terdapat *content* ataupun kandungan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan kita menghubungi terus.

Walau bagaimanapun, memandangkan kes tersebut dia berlaku adalah berkemungkinan ada unsur-unsur jenayah, jadi kita telah menyerahkan kertas tersebut kepada pihak PDRM untuk disiasat di bawah Akta Jenayah Komputer. Ini kerana pihak MCMC juga telah membuat satu laporan polis kerana kita rasakan kita tidak pasti sama ada kebocoran itu berlaku dari segi penggodaman, sabotaj ataupun akses yang tidak sah. Itu yang pertama.

Berkaitan dengan persoalan yang kedua, mengenai syarikat tersebut. Kita ingin nyatakan di sini bahawa seperti yang saya nyatakan tadi, oleh kerana proses siasatan masih sedang dijalankan, saya rasa agak terlalu awal untuk saya memberikan pandangan berkaitan dengan hasil siasatan tersebut. Akan tetapi pada masa yang sama, pihak kementerian melalui MCMC, kita kesallah dengan apa yang berlaku dan kita menegaskan kepada pihak *telco* agar memastikan, mengawal selia dari segi bentuk-bentuk maklumat yang ada dalam simpanan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Pasal siasatan itu tidak payah tanya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *Sorry* ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau soalan tambahan itu mengenai siasatan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada soalan Yang Berhormat tadi rakan saya, terdapat laporan yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia, pihak berkuasa Malaysia menyiasat sindiket menjual lebih 46 juta data pengguna telefon yang dicuri, 46 juta. Rakyat Malaysia 32 juta.

Satu laporan yang telah pun keluar, yang dibuat oleh *Global Data Leakage Report 2016* di Amerika semasa pilihan raya di Amerika Syarikat, telah pun menyatakan bahawa mereka yang

memberi data secara *voluntary* dan juga mencuri data ini, 66 peratus adalah *employee*- 66 peratus *employee*; 29.8 peratus *external intruder*; dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dua peratus *suprisingly* dengan izin kontraktor, satu peratus *former employee*; 0.8 peratus *executive*; 0.5 peratus *system administrator*. Semua mereka yang didapati memberi data-data ini terdapat di Malaysia juga Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, apakah tindakan- kalau kita tengok daripada sini, sah dan terang di Amerika Syarikat sendiri *employee* yang memberi data-data ini. Kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang Yang Berhormat Menteri sebab ada satu kes yang berlaku apabila anak perempuan ini masuk ke dalam bilik air bawa telefonnya dengan membuka *Facebook* dan kawan sebelah membuka *Facebook* yang sama, lantas memasukkan kamera dan nampak segala-galanya di dalam *Facebook* tersebut. Ini kemungkinan berlaku kepada anak kita.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kempen yang diadakan oleh kementerian untuk anak-anak kita ini membuka minda mereka dari segi *leakage* yang saya katakan tadi kerana data kita adalah amat mustahak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika kementerian ada kempen.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Ada, ada Tuan Yang di-Pertua, ada. Akan tetapi sebelum saya menjawab itu, sebenarnya kita ini orang Malaysia kita memang terkenallah kita suka berkongsi. Pertamanya apabila kita buat kajian dua perkara iaitu kecuaiannya pengguna data sendiri iaitu syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi kerana kalau ikut akta yang disediakan di bawah seksyen 9, ia ada peruntukan prinsip-prinsip keselamatan. Maknanya, setiap pengguna data perkhidmatan itu hendaklah mengambil langkah bagi memastikan dalam dua kes yang berlaku itu pemindahan itu selamat. Pertamanya kecuaiannya di peringkat mereka dan keduanya, sikap rakyat Malaysia yang kita memang gemar berkongsi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator.

Jadi walau bagaimanapun, di pihak kita, memandangkan terdapat kes yang telah diambil tindakan iaitu untuk tahun ini saja kita telah mengambil tiga kes yang di bawah kesalahan di bawah Akta Perlindungan Peribadi dan satu kes masih di dalam perbicaraan dan tujuh kes lagi masih menunggu arahan Timbalan Pendakwa Raya. Jadi kita dapat lihat bahawa betapa seriusnya berkaitan isu kecuaiannya data peribadi ini.

Jadi antara faktor-faktor yang menyebabkan mengapa ini berlaku ialah jenayah siber ini dia beroperasi secara licik. Jadi ada empat modus operandi yang biasanya digunakan oleh penjenayah untuk mendapatkan maklumat peribadi. Ini saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Senator. Pertamanya menggunakan teknik penggodaman. Kedua, dia mencuri secara fizikal. Maknanya dia mencuri komputer, *laptop* kita, telefon pintar dan sebagainya. Ketiga, menggunakan teknik kejuruteraan sosial. Dia menyamar melalui telefon, e-mel, fizikal dan sebagainya dan yang keempat, menggunakan teknik *social media*. Inilah dia memanipulasikan maklumat melalui laman *web social media* dan sebagainya.

Jadi di pihak kita, kita telah mengadakan pelbagai program. Antaranya kita telah mengeluarkan terutamanya di dalam di bawah agensi kementerian iaitu Jabatan Perlindungan Data Peribadi, kita



sarankan menggunakan *hashtag* (#), *hashtag* yang diuruskan oleh pihak JPDP iaitu *#jomambilpeduli*. Maknanya ini ada dokumen... [Menunjukkan senaskhah dokumen] *Insyallah*, saya boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Senator yang minatlah kita boleh.

Keduanya, di bawah satu lagi agensi iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kita ada mengeluarkan satu laman sesawang yang menyatakan apabila kita melayari talian Internet, kita haruslah waspada dalam talian. Pertamanya, antaranya hadkan perkongsian maklumat, tingkatkan tahap keselamatan peranti. Maknanya apabila kita ada antivirus, *firewall* dan sebagainya dan yang pentingnya, kita haruslah berhati-hati dalam perkongsian dan ini juga ada dalam laman sesawang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

■1100

**Tuan Aklan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya *simple* sahaja iaitu kita lihat sekarang ini menjadi trend kepada masyarakat Malaysia untuk memberi *handphone* kepada anak-anak yang kadang-kadang itu berumur 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun dan sebagainya. Ada tidak kementerian bercadang untuk memperkenalkan sesuatu kaedah mungkin paksa tidak boleh tetapi kaedah untuk menyedarkan ibu bapa betapa ketagihan terhadap *handphone* dan sebagainya ini menjadi suatu isu yang utama. Oleh kerana kalau kita pergi ke restoran itu, *handphone* menjadi penjaga anak apabila ibu bapa makan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu lebih baik ditujukan kepada Kementerian Pendidikan. Tidak apalah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Sebenarnya ketagihan *handphone* ini susah Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya percayalah, betul juga apa yang berlaku di seberang sana, berlaku juga dalam semua kalangan keluarga kerana saya ingin berkongsi. Sebenarnya, kalau ikut peratusan pengguna *internet* yang menggunakan rangkaian media sosial, kita guna telefon ini bukan hanya untuk menelefon tetapi kita gunakan untuk media sosial. Melalui *internet user survey*, kajian pengguna *internet*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, yang kita lakukan pada 2016- 80 peratus yang menggunakan rangkaian media sosial. Pada tahun 2017 setakat ini 89.3 peratus.

Jadi, kita tidak nafikan bahawa masyarakat sekarang lebih gemar menggunakan *phone* tidak kira pada setiap masa. Laman-laman yang biasanya dilayari antaranya saya ingin berkongsi- *Facebook* tahun 2016 dari segi *survey* kita- 96.5 peratus, tahun ini 97.3 peratus, *Instagram* 46.7 peratus, 56.1 peratus pada tahun 2017, *Wechat Moment* 60.2 peratus 2016, tahun 2017- 43.7 peratus dan *Twitter* 26.5 peratus dan tahun ini 26.6 peratus.

Jadi, pengguna *internet* di Malaysia ialah setakat ini, Tuan Yang di-Pertua ialah 24.1 juta jika dibandingkan dan itu tahun 2015- 24.1 juta dan tahun 2016- 24.5 juta. Jadi, sebanyak 15.5 peratus pengguna adalah remaja di bawah 19 tahun dan mereka melayari *internet* sehari lebih daripada 4 jam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Ir. Yong Wui Chong** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah yang diambil kerajaan dalam membendung aktiviti sindiket penipuan penjualan rumah, dan bilakah akta sedia ada akan dipinda bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad bertarikh 14 Disember 2017 kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini membangkitkan isu yang sama berkaitan dengan penipuan Skim Tawaran Penjualan Rumah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong, hari ini Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin tidak bersama tetapi saya sudah maklumkan jawapan saya akan bagikan kepada beliau.

Kementerian amat memandang serius berkaitan dengan skim penipuan hartanah ataupun penjualan rumah ini dan kerana ia melibatkan pembeli-pembeli yang tidak bersalah dan pembeli-pembeli akan teraniaya. Tindakan yang sedang dan terus dilaksanakan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti berikut: Pertama, penubuhan jawatankuasa khas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat skim penipuan hartanah ataupun penjualan rumah. Keahlian kepada jawatankuasa khas ini dilaksanakan secara NBOS, Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan agensi-agensi seperti berikut:

- (i) menjadi fungsi kepada jawatankuasa khas ini adalah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara sendiri;
- (ii) dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- (iii) Polis Diraja Malaysia;
- (iv) Bank Negara;
- (v) Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (vi) Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia;
- (vii) *Communication and Multimedia Content Forum of Malaysia*; dan
- (viii) Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

Ini adalah ahli-ahli jawatankuasa kepada jawatankuasa khas yang telah pun kita tubuhkan di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tanggungjawab jawatankuasa khas ini, satu ialah untuk menyiasat semua skim-skim tawaran penipuan pembinaan perumahan, termasuklah rumah mampu milik oleh syarikat-syarikat swasta. Kedua Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan cadangan penyelesaian kepada permasalahan yang berbangkit secara susulan daripada aduan orang ramai mengenai skim tawaran pembinaan rumah, sama ada ia rumah mampu milik atau sebagainya. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenal pasti langkah-langkah pembetulan berhubung dengan isu penipuan pembinaan hartanah ini ataupun perumahan.

Keputusan yang telah pun diambil oleh jawatankuasa ini Yang Berhormat, yang telah pun bersidang pada 27 September 2017 dan telah pun memutuskan beberapa perkara. Pertama, kita di

peringkat kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sedang mengadakan perbincangan bagi mengenal pasti jurang ataupun *gap* di antara Akta 118 yang ada di peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu Akta 599. Ini adalah di bawah bidang kuasa KPDNKK berhubung dengan aset tak alih ataupun hartanah. So, kita sedang mengadakan perbincangan supaya tidak ada jurang, *gap* antara kedua-dua akta yang saya nyatakan ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, tindakan pencegahan yang diambil melalui keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini, PDRM akan teruskan siasatan berdasarkan kepada laporan yang diterima dan daripada Persatuan Pengguna Islam menjadi ahli kepada Jawatankuasa Khas tadi berserta dengan dokumen lengkap. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan mengkaji tindakan yang boleh diambil ke atas individu-individu yang disyaki dan menghalang daripada pembentukan syarikat baru pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, mulai daripada 6 Oktober 2017 Yang Berhormat, kementerian telah pun mengenakan syarat tambahan bagi kelulusan permit iklan dan jualan melalui media massa sama ada radio, televisyen ataupun apa-apa bentuk siaraya, *broadcast* yang perlu diluluskan dan perlu diluluskan oleh pengawal perumahan dan diwajibkan untuk memasukkan kenyataan, "iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan". Itu menjadi syarat baru kepada permohonan APDL yang akan dikemukakan oleh mana-mana pemaju perumahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Yong Wui Chong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, masih ramai antara kita yang tidak sedar mengenai fungsi Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia (LPPH) yang mengawal selia profesion hartanah di Malaysia. Lembaga ini mentauliahi seseorang yang disahkan layak dari aspek akademik dan pengalaman profesional, ditauliahi lesen penilai berdaftar, ejen hartanah berdaftar dan pengurus harta berdaftar.

Oleh yang demikian, soalan tambahan saya, apakah usaha kementerian bagi menyedarkan rakyat Malaysia akan peranan LPPH ini bagi mengelakkan mereka dari ditipu oleh ejen hartanah mahupun sindiket penipuan ini? Soalan kedua saya ialah mengenai menubuhkan sebuah pasukan khas tetapi telah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan penipuan skim tawaran perumahan, Yang Berhormat.

Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ia tidak ada kaitan dengan perkara yang saya maklumkan tadi. Jadi, saya berharap Yang Berhormat faham tadi jawapan yang telah pun saya maklumkan, Yang Berhormat. Sebagai untuk kita Akta 118 ini Tuan Yang di-Pertua, termaktub di dalam Akta 118 itu Yang Berhormat, yang berkaitan dengan hak untuk melindungi pembeli, yang ini Yang Berhormat kena faham. Berkaitan dengan hak melindungi pembeli dan antara perkara-perkara yang akan melindungi pembeli ataupun bakal pembeli di bawah Akta 118 ini, Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah seksyen 8A. Pertama, pembeli boleh memohon tamatkan apa-apa perjanjian jual beli S&P sekiranya tidak ada apa-apa kemajuan berlaku di atas tapak projek unit yang dibeli, maknanya dalam tempoh enam bulan.

■1110

Kalau dalam tempoh enam bulan tidak ada apa-apa kemajuan pembinaan di atas tapak yang dibeli oleh pembeli, pembeli boleh tamatkan perjanjian jual beli atau S&P. Itu yang paling penting, Yang Berhormat. Sebelum pindaan Akta 118 ini, Yang Berhormat, tidak ada ruang seperti itu. Sekarang sudah ada ruang. *Within six months, you can just terminate your S&P*, dengan izin.

Dan yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah sub seksyen 16AD(1), kadar penalti maksimum adalah RM50,000 bagi pemaju perumahan yang gagal mematuhi kepada perkara-perkara yang mungkin dibawa oleh pembeli kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata yang ada di peringkat kementerian. Jadi kalau ada perkara-perkara yang dibawa oleh pembeli kepada tribunal ini dan sekiranya pemaju ingkar, maka akan dikenakan tindakan di bawah sub seksyen 16AD tadi.

Dan yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 16M, pembeli pun boleh buat tuntutan maksimum RM50,000 di TPPS, tribunal yang saya sebutkan tadi, sekiranya berlaku perkara-perkara seperti kelewatan penyerahan pemilikan kosong atau *vacant possession*; keduanya, rumah tidak mengikut kepada spesifikasi; dan ketiga, mutu kerja dan bahan binaan tidak memenuhi spesifikasi dan berlaku kerosakan dalam tempoh liabiliti kecacatan. Yang ini pun pembeli boleh bawakan aduan mereka. Adukan dan bawakan kepada tribunal.

Dan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, di bawah setiap perjanjian jual beli, dia perlulah mengikut kepada format yang telah pun diletakkan dalam Peraturan 1989 iaitu pemaju dikehendaki mematuhi klausa-klausa yang telah pun ditetapkan dalam mana-mana perjanjian di bawah perjanjian jual beli antara pemaju dengan pembeli. Yang ini saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat. Dalam Akta 118 tadi, hak kepada pembeli itu telah pun termaktub di bawah akta tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ada dua persoalan di sini yang perlu saya bangkitkan.

Yang pertamanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan agaknya macam mana modus operandi penipuan skim tawaran perumahan ini? Itu yang pertama.

Yang keduanya, ia bukan berhubung kait dengan soal penipuan tetapi perlu saya bangkit, Tuan Yang di-Pertua, sebab hajat saya semalam tidak kesampaian, masa sudah tidak cukup. Satu lagi perkara yang perlu saya bangkitkan ialah berhubung dengan isu lambakan rumah yang tidak terjual. Dalam rencana bertajuk '*Ketidakseimbangan Dalam Pasaran Hartanah*', Bank Negara Malaysia melaporkan pada suku pertama tahun 2017, jumlah hartanah kediaman yang tidak terjual sebanyak 130,690 unit. Jumlah tertinggi dalam tempoh sedekad dan ia hampir menyamai dua purata dalam sejarah yang pernah mencatat sebanyak 72,239 unit setahun antara tahun 2004 hingga 2016.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk, soalan pokok itu yang disediakan jawapan oleh kementerian hanya kepada soalan pokok dan soalan tambahan berkenaan dengan soalan pokok.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tolonglah saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk boleh bangkitkan bila kementerian menjawab. Saya izinkan Yang Berhormat untuk mencelah dan Yang Berhormat bangkitkan isu tersebut.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua tetapi saya sudah baca tadi, saya mintalah penjelasan Yang Berhormat Menteri. Dan dalam masa Yang Berhormat Menteri menjawab, menggulung, saya akan mencelah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama boleh dijawab, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana amat memahami dengan persoalan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yahya tadi iaitu labakan rumah dan sebagainya, seperti cadangan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk boleh bangkitkan dalam jawapan penggulungan yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri saya pada petang nanti, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya iaitu apakah modus operandi penipuan skim tawaran perumahan mampu milik ini sampai pembeli boleh tertipu dan terperangkap.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, bentuk penipuan ini biasanya dilakukan oleh pemaju melalui tawaran-tawaran pembinaan rumah yang dilakukan oleh syarikat swasta dengan harga yang amat murah berbanding dengan harga yang ada di pasaran dengan tempoh pembinaan yang sangat singkat. Sudah lah harganya murah, rumah dapat disiapkan dalam masa yang amat singkat. Cepat rumah dapat disiapkan dengan harga yang murah.

Dan antara modus operandi oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab ini, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, yang pertama ialah mereka membuat promosi penjualan pembinaan rumah yang tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Perumahan Negara melalui media sosial dan iklan yang saya sebutkan tadi sebagai syarat baru, syarat tambahan kepada lesen APDL tadi.

Yang kedua, promosi produk ini menarik dan ditawarkan seperti rumah banglo pada kadar harga yang amat murah bagi menarik pembeli-pembeli. Yang ketiga, deposit pada kadar mampu bayar oleh bakal pembeli akan dikutip. Sebagai contoh, dalam kes DBI yang telah pun diambil tindakan oleh pihak Jabatan Perumahan Negara, amaun deposit yang dikutip adalah kecil iaitu RM10,000 sahaja.

Dan yang keempat, kes resit tidak diberi ataupun resit yang tiada bukti penerima yang jelas. Yang kelima, perjanjian pembelian dibuat selalunya agak samar-samar seperti tiada tempoh bila rumah akan siap dan sebagainya.

Yang keenam, pembayaran deposit perlu dibuat melalui ejen yang akan mendapat komisen. Dan yang ketujuh, ejen akan memasukkan deposit tersebut dalam akaun individu pemilik syarikat. Dan yang kelapan, ejen juga kadang-kadang menjadi mangsa penipuan.

Jadi, ini antara gerakan-gerakan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat perumahan yang mengatakan mereka adalah syarikat perumahan tetapi sebenarnya mereka adalah kontraktor saja yang

mengambil ruang dan peluang mengenakan pembeli-pembeli yang terperangkap dengan tawaran-tawaran luar biasa yang diberikan oleh mereka ini, Tuan Yang di-Pertua.

Nasihat saya, Tuan Yang di-Pertua, nasihat kementerian kepada bakal pembeli rumah supaya tidak terperangkap dalam modus operandi syarikat yang tidak bertanggungjawab dalam skim tawaran penipuan penjualan rumah ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, pastikan pemaju perumahan ini berdaftar dengan Jabatan Perumahan Negara. Itu yang pertama. Apa yang perlu dilihat yang menyatakan mereka berdaftar dengan Jabatan Perumahan Negara ialah yang pertama, mempunyai lesen yang sah dan masih berkuat kuasa. Kedua, mempunyai permit iklan dan jualan yang sah dan masih berkuat kuasa.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pastikan kandungan dalam brosur penjualan rumah mempunyai perkara-perkara seperti berikut. Mereka akan berikan brosur untuk kita lihat dan dapatkan maklumat sebelum kita buat pilihan, contohnya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, pastikan nombor lesen pemaju perumahan dan tarikh sah laku ada. Keduanya, nombor permit iklan dan jualan serta tarikh sah laku ada. Ketiga, nama dan alamat pemaju perumahan, pemegang surat kuasa syarikat pengurusan projek jika ada. Dan seterusnya, nama projek perumahan, tarikh projek perumahan dijangka siap, harga jualan bagi setiap unit rumah dan bilangan unit mengikut jenis rumah dan nama pihak berkuasa tempatan bagi pelan bangunan dan nombor rujukannya.

Jadi ini antara perkara-perkara yang perlu diambil berat oleh bakal-bakal pembeli supaya mereka tidak akan menjadi pembeli yang teraniaya, terperangkap dalam skim penipuan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ada menteri dan timbalan menteri yang tunggu untuk menjawab. Masa pun singkat. Saya pun izin Yang Berhormat mencelah bila kementerian menjawab.

**6. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pelan jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani kemasukan pendatang Rohingya ekoran jumlah sedia ada di negara ini sudah ramai; dan
- (b) sedar kah kita, Malaysia merupakan satu-satunya negara jiran yang bersimpati menerima kemasukan mereka secara bersyarat namun beberapa negara jiran lain tidak menerima pendatang ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor yang bertanya soalan.

Seperti yang semua sedia maklum, dari segi polisi, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Dalam kalangan negara ASEAN, hanya Filipina dan Kemboja yang merupakan negara pihak kepada konvensyen dan protokol tersebut.

Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, pelarian yang telah diberikan status perlindungan antarabangsa oleh Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR)

telah dibenarkan tinggal untuk sementara waktu sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Ini termasuklah etnik Rohingya dari Myanmar yang telah diberikan status pelarian oleh UNHCR.

#### ■1120

Sehingga 31 Oktober 2017, jumlah pelarian Rohingya yang berada di Malaysia adalah sebanyak 63,814 orang. Jumlah ini meningkat sebanyak 1,661 orang berbanding dengan jumlah pada bulan September 2017 iaitu sebanyak 62,153 orang. Sebagai perbandingan Yang Berhormat, jumlah pelarian daripada Myanmar ialah 133,952 orang.

Justeru, antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu pelarian Rohingya adalah seperti berikut. Kerajaan bersama-sama NGO Malaysia sedang giat menghantar bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya yang tinggal di kem pelarian Rohingya di *Cox's Bazar*. Langkah ini bagi memastikan pelarian Rohingya mendapat bantuan secukupnya dan kehidupan mereka yang serba kekurangan dan daif di kem pelarian dapat diperbaiki.

Selain daripada penghantaran bantuan kemanusiaan, kerajaan juga telah menubuhkan Hospital Medan yang mempunyai sebanyak 50 buah katil dan boleh menempatkan seramai 150 orang pesakit pada satu-satu masa selain dilengkapi dengan bilik pembedahan, *X-ray* serta bilik khas bagi kemudahan ibu dan anak di kem pelarian Rohingya di *Cox's Bazar*, Bangladesh. Hospital medan ini dibina bagi membolehkan pelarian Rohingya mendapat perkhidmatan rawatan perubatan termasuk pemeriksaan bagi ibu mengandung. Sementara itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri turut menjalinkan hubungan kerjasama dengan Kerajaan Thailand dalam bidang keselamatan dan pertahanan di sempadan kedua-dua negara bagi menangani isu penyeludupan dan pemerdagangan manusia.

Bagi pengurusan etnik Rohingya yang telah pun menetap di Malaysia, kerajaan memegang prinsip asas di peringkat antarabangsa iaitu *non-refoulement* di mana adalah menjadi tanggungjawab sesebuah negara untuk tidak menghantar pulang pelarian ke negara asal sekiranya kerajaan tahu bahawa pelarian itu akan dianiayai atau dizalimi dan mungkin dibunuh di negara asal melainkan atas kerelaan pelarian itu sendiri.

Menyentuh mengenai isu bahawa Malaysia merupakan negara jiran yang bersimpati dan sanggup menerima pelarian Rohingya melalui UNHCR, kerajaan memang sedar bahawa bantuan yang telah diberikan oleh Malaysia ini sebenarnya melebihi bantuan yang diberikan oleh negara-negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1957 di ASEAN dan juga lain-lain lagi yang sepatutnya menawarkan bantuan kepada pelarian Rohingya.

Namun begitu, bantuan ini diberikan di atas dasar kemanusiaan di mana Kerajaan Malaysia berusaha sedaya upaya untuk cuba membantu etnik Rohingya yang ditindas ini dengan memberikan pelbagai bantuan sehingga pelarian ini dihantar pulang ke negara ketiga atau pulang ke negara asal mereka.

Kerajaan Malaysia terus mengajak negara-negara lain untuk bersama-sama membantu pelarian Rohingya ini atas dasar kemanusiaan walaupun terdapat negara dunia adalah bukan negara pihak kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 sama seperti Malaysia dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan bantuan kepada pelarian Rohingya, namun sekurang-kurangnya

bantuan ini dapat meringankan beban pelarian Rohingya yang hidup dalam keadaan daif dan menyedihkan dan sentiasa diseksa dan dizalimi oleh tentera Myanmar.

Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mengambil bahagian dalam forum-forum antarabangsa dan mengemukakan serta menyokong usul-usul di peringkat antarabangsa bagi memastikan nasib pelarian Rohingya terbela. Usaha ini adalah berterusan sehingga masalah ini selesai dan pelarian Rohingya dapat dihantar pulang ke negara asal mereka. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia mengenai krisis Rohingya bukanlah satu tentangan terhadap Myanmar.

Namun, sebagai penyokong ke arah satu resolusi keamanan. Kita sebenarnya mahu menyatakan kebimbangan kerana melihat pelanggaran hak asasi manusia sedang berlaku di sana. Ini kerana Myanmar adalah anggota ASEAN dan sudah menandatangani Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN. Oleh itu, ia menjadi kepentingan semua pihak untuk melindungi rakyat rantau itu.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan menentukan tindakan yang boleh menekan Myanmar agar menghentikan kezaliman dan penganiayaan termasuk memberikan semula etnik Rohingya status kerakyatan negara itu? Ini kerana terima mereka atau Muslim Rohingya hanya penyelesaian sementara bagi mengelakkan mala petaka kemanusiaan tercetus. Penyelesaian jangka panjang adalah Myanmar mesti mengiktiraf Rohingya sebagai rakyat mereka.

Selagi isu kerakyatan tidak diselesaikan, selagi itu isu ini berlarutan. Adakah kerajaan bercadang untuk memprotes tindakan kekejaman ini dan cara menggantung sementara urusan dagangan Malaysia-Myanmar dan menutup Kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur?

Kerajaan Malaysia juga disarankan terus menghantar pasukan bantuan kemanusiaan dengan mendesak Kerajaan Myanmar untuk bekerjasama. Di peringkat antarabangsa pula, kita perlu mendesak ASEAN, OIC dan beberapa negara barat yang cenderung ke arah *human right* untuk terlibat secara langsung termasuk negara Amerika Syarikat. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah cadangan untuk putus hubungan diplomatik?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang ini akan dijawab dengan hebatnya oleh Kementerian Luar Negeri termasuk soal penutupan, soal memutuskan hubungan dan juga lain-lain lagi serta memberi tekanan kepada Myanmar. Pihak Kementerian Luar Negeri akan membuat penggulungan, saya minta Yang Berhormat bertanya soalan ini dengan hebatnya.

Saya lebih tertumpu kepada memberi bantuan kemanusiaan. Itu kita bagi tidak ada hentinya, malah kita bekerjasama dengan semua pihak yang ingin memberi bantuan kepada orang Rohingya di *Cox's Bazar*. Yang Berhormat, dia punya senario sekarang ada berlainan sedikit yang merupakan cabaran kepada Malaysia. Setiap masalah itu adalah cabaran. Dulu semasa kisah tragedi *boat people* ataupun orang hanyut daripada Vietnam yang datang beratus ribu, kita tempatkan mereka di Pulau Bidong. Masa itulah Menteri Dalam Negeri telah menjemput UNHCR untuk datang membantu supaya mereka ini dapat dipindahkan ke negara ketiga.



Jadi kerajaan telah berusaha dengan gigih untuk menempatkan mereka ini di negara ketiga sehinggalah pada tahun 90-an, orang yang terakhir, satu keluarga telah dipindahkan keluar. Mereka ini ditempatkan di satu pulau tetapi yang datang sekarang ini, mereka sudah berada dalam masyarakat dan ia merupakan cabaran kepada kerajaan untuk menangani masalah ini kerana mereka berada di mana-mana.

Akan tetapi yang di luar Malaysia iaitu di *Cox's Bazar*, yang ini Kerajaan Malaysia dan juga NGO tidak terputus untuk memberi bantuan kepada orang Rohingya, yang tempatan ini, NGO dan juga pelbagai pihak memberi bantuan kepada orang Rohingya. Cumanya, bila kita hendak bantu orang Rohingya ini, kena kenal pasti penempatan mereka di mana kerana kalau sekiranya berdasarkan persatuan, dia banyak persatuan Rohingya. Ada persatuan yang ahlinya seramai 20,000 orang, ada persatuan yang ahlinya- dan ada persatuan yang ahlinya lima orang. Jadi, ini cabaran kepada kita untuk memberi bantuan.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh tidur dengan masalah. Kita akan selesaikan masalah ini. Lain-lain akan dijawab oleh pihak kementerian. Tadi saya sebut pulau, mungkin tersilap, saya sebut Pulau Bidong. Pulau Bidong di Terengganu iaitu kisah orang Vietnam. Berhubung dengan orang Rohingya ini yang sepatutnya ditempatkan di negara ketiga, jumlahnya terlampau sedikit dan kita sedang berusaha untuk memastikan supaya mereka ini dapat pulang dan selamat. Kalau pulang tidak selamat, jadi kita dalam bentuk kemanusiaan tadi, kita akan terus memberi bantuan kepada mereka.

**7. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, jenis galakan dan insentif yang diberikan kepada syarikat swasta, universiti awam dan universiti swasta dalam menjalankan kajian berkenaan penggunaan bahan pembungkusan makanan alternatif bagi menggantikan penggunaan bahan plastik dan polistirena demi menggalakkan kelestarian alam sekitar serta kemajuan teknologi hijau negara.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian kerana pertanyaan ini, isu-isu yang kontemporari sekarang ini.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyediakan pelbagai galakan insentif dan pembayaran dana R&D kepada syarikat-syarikat swasta, universiti awam dan universiti swasta dalam menjalankan kajian berkenaan dengan penggunaan dan pembangunan dalam pembungkusan makanan alternatif bagi menggantikan penggunaan bahan plastik dan polistirena hari ini.

Untuk universiti awam dan universiti swasta, dia lebih tertumpu kepada *fundamental research* ataupun *research* asas yang mana kalau ada idea kita akan bagi mereka peruntukan maksimum kepada RM500 ribu yang kita panggil *ScienceFund*.

Kedua, kalau produk ini sudah melepasi pendidikan asas *fundamental research* dan ingin dikomersialkan untuk dikomersialkan, pre-pengkomersilan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menyediakan satu daripada ini yang dipanggil *SMART Fund*, yang kedua dipanggil *InnoFund* dan ketiga

dipanggil *MOSTI Social Innovation*. Kita juga menerima bantuan ataupun geran pendidikan daripada MTDC iaitu satu agensi Dana Perolehan Teknologi yang dipanggil *Technology Acquisition Fund* dan juga Dana Pengkomersilan Kajian dan Penyelidikan ataupun *Commercialization of R&D Fund* ataupun CRDF.

Ini adalah saya bercerita berkenaan dengan *research* kalau melibatkan universiti atau syarikat swasta. Kalau kita bercerita tentang perkembangan yang selanjutnya, pertamanya dari segi pendidikan dan pembangunan R&D, MOSTI telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.13 juta bagi membiayai enam projek berkaitan dengan produk ini dari tahun 2001 sehingga kini. Kita tidak mempunyai peruntukan khas tetapi kita bergantung kepada permohonan. Kalau permohonan itu ada dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penyelidikan yang ditubuhkan oleh kementerian, kita akan meluluskan peruntukan itu. Jadi buat masa sekarang RM3.13 juta sudah diperuntukkan untuk penyelidikan ini.

Contohnya, saya bagi satu dulu. Contohnya ialah projek pengkomersilan produk pinggan mangkuk pakai buang berasaskan upih pinang. Pakai upih pinang pun sudah jadi pinggan sekarang ini oleh Syarikat Jesa Enterprise Sdn. Berhad. Teknologi ini dibangunkan sendiri oleh syarikat ini dan telah berjaya menjana jualan sebanyak RM148 ribu. Hasil produk ini boleh didapati di rangkaian pasar raya terkemuka seperti di *Jaya Grocer*, *Village Grocer* dan juga *Cold Storage*. Produk ini juga telah di eksport ke Singapura, Thailand, Hong Kong, Australia dan Amerika Syarikat. Ini produk yang dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang telah dikomersialkan, itu pertama.

Kedua, pembangunan standard. Kalau kita ada produk, tidak ada standard juga tidak boleh. Jadi pembangunan standard berasaskan bioplastik iaitu ECO 001:2016, produk plastik biodegradasi dan juga ECO 009:2016 produk berasaskan tumbuhan, ini berasaskan kepada tumbuhan untuk tadi. Jadi kalau kita mengikuti projek ini fasal itu Jabatan Standard kata ada standard untung, jadi kita kena *compile* benda ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ECO 001 adalah standard bagi bioplastik yang merangkumi *biodegradable*, *compostable* dan *oxo-biodegradable* dan juga *photodegradation*.

ECO 009 pula ialah bagi barangan bioplastik yang dihasilkan sepenuhnya dengan menggunakan tumbuhan. Ada yang menggunakan ubi kayu, ada yang menggunakan jagung ada yang menggunakan kanji itu dan ini. Penyelidikan ini sangat aktif dan produk ini sudah pun dikomersialkan. Aktiviti ketiga bagi menyokong industri ini menawarkan insentif pengecualian cukai pendapatan dan juga pinjaman mudah cara ataupun *soft loan* iaitu *Biotechnology Commercialization Fund* (BCF) kepada syarikat-syarikat yang juga memenuhi kriteria kelayakan terutamanya kepada syarikat-syarikat BioNexus. Syarikat ini juga boleh mendapatkan akses bagi menggunakan rangkaian makmal BioNexus Partnering Laboratories (BNP) untuk menjalankan kajian. Ini pun kita sediakan.

Antara syarikat tempatan yang berjaya memanfaatkan ialah Free The Seed Sdn. Berhad. yang telah memiliki kepakaran untuk menghasilkan produk biodegradasi dengan teknologi tindak balas enzim. Teknologi ini telah dipatenkan di bawah *World Intellectual Property Organization* (WPO).

Aktiviti ke empat untuk menyokong industri ini pelaksanaan program perkongsian idea dan bantuan fasilitasi. MOSTI telah memperkenalkan *Program Innovators Dynamic* bagi mengenal pasti teknologi inovatif yang bersesuaian untuk dibangunkan dan diaplikasikan bagi mengatasi isu-isu spesifik yang dihadapi oleh masyarakat dalam sektor industri tertentu. Program ini membuka ruang dan

juga menjadi platform kepada inovator, penggiat utama dan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam kajian dan membangunkan pembangunan serta industri untuk berbincang dan memberi pandangan bagi merangka hala tuju untuk membangunkan teknologi industri pembungkusan alternatif yang mesra alam.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI sentiasa komited dalam menyokong usaha kerajaan dalam agenda *green growth* ke arah pembangunan yang lebih mampan terutama dalam cadangan-cadangan yang berteknologi dan menjimatkan tenaga dan juga menggunakan produk-produk untuk tenaga yang boleh digunakan semula. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, ada soalan tambahan? Boleh berikan dan kementerian jawab.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Ya, *quick one*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pertimbangan atau faktor-faktor yang diambil kira oleh kementerian sebelum menyediakan dan meluluskan geran penyelidikan khususnya berkenaan kajian dan penyelidikan teknologi penggunaan pembungkusan makanan alternatif kepada syarikat-syarikat swasta mahupun universiti awam dan swasta, serta jumlah peruntukan yang akan disediakan pada tahun hadapan bagi tujuan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kaedah-kaedah secara ringkas yang ditentukan untuk memberi insentif.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya dalam pembahagian geran ini sebenarnya dia tidak ada pengkhususan atau pengurusan sahaja, dia kena mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Di mana apabila *application* geran yang diminta seperti yang saya cakapkan tadi yang juga dinyatakan oleh Yang Berhormat, kita akan menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar daripada universiti, daripada masyarakat dan daripada syarikat swasta untuk menilai permohonan ini.

Kalau permohonan ini macam saya katakan tadi, kalau daripada universiti kita hendak tengok apakah idea ini boleh digunakan. Adakah benda ini bersesuaian? Apakah ada bahan mentah yang kita takut nanti dia kata *biodegradable* tetapi produknya menggunakan buah-buahan ataupun barang yang di import.

Jadi kita kena tengok, kita tubuhkan komuniti ini untuk menilai. Bukan sahaja menilai, kita juga mencari satu *collaborator* supaya penyelidikan ini dapat dijalankan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian. Jadi apabila pakar ini telah rekomen kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi barulah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan meluluskan permohonan jumlah wang dana yang dipohon bersesuaian dengan projek yang kena dilakukan. Itu yang pertama.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata di awal pembentangan jawapan saya tadi, kita tidak ada jumlah yang khusus untuk pembungkusan sahaja. Kita tidak bagi dia *special treatment* tetapi kita mempertimbangkan semua sahaja produk-produk *innovation* yang untuk kepentingan negara yang kita pertimbangkan kerana kita mempunyai dana yang mencukupi. Kalau produk itu dirasakan untuk kepentingan negara untuk menyokong negara dalam mencapai *Green Growth* dalam pembuatan teknologi hijau dan boleh memperbaiki tahap hidup rakyat dan boleh

mengurangkan guna tenaga negara pada masa akan datang, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan mempertimbangkan permohonan geran ini. Sekian, terima kasih.

**8. Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Hj. Mohd Nor (B)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kelebihan dan manfaat penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya masa sudah habis tetapi saya izinkan Yang Berhormat Menteri kena pagi-pagi Yang Berhormat Menteri sudah datang... [*Tepuk*] Terima kasih silakan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor atas soalan. Projek Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan NESR dengan sasaran untuk menggandakan kadar pertumbuhan e-dagang di Malaysia daripada 10.8 peratus pada tahun 2016 kepada 20.8 peratus menjelang tahun 2020.

■1140

Fasa pertama DFTZ telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jack Ma dari *Alibaba* pada 3 November 2017. Ia bertempat di Terminal Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sehingga kini 1,998 perusahaan kecil sederhana (PKS) tempatan telah pun mendaftar untuk mengeksport produk mereka menerusi platform *Alibaba* di bawah DFTZ. DFTZ akan mendatangkan manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana tempatan dengan memberi peluang kepada PKS yang menceburi perniagaan talian *online* untuk meningkatkan eksport mereka ke pasaran global dengan mengguna pakai kelebihan *Alibaba* sebagai syarikat e-dagang gergasi antarabangsa yang mempunyai 500 juta pengguna di 190 buah negara. DFTZ dijangka akan dapat menggandakan jumlah eksport PKS tempatan menjelang tahun 2025 kepada USD38 bilion.

Kedua, menawarkan program kemahiran kepada syarikat teknologi tempatan dan PKS melalui pusat teknologi dan kecemerlangan kemahiran seperti *Alibaba Global Leadership Academy* dan *Global E-Commerce Talents*.

Ketiga, menyediakan kemudahan pembayaran kepada pelancong China untuk membeli produk-produk dan perkhidmatan tempatan secara dalam talian melalui Alipay.com dengan kerjasama *Alibaba* serta bank-bank tempatan. *Alibaba* juga telah pun menawarkan untuk mempromosi produk makanan dan pelancongan Malaysia secara dalam talian kepada pengguna di China dan antarabangsa menerusi Kempen *Malaysian Week* selama seminggu pada tahun 2018.

Secara keseluruhannya adalah menjadi hasrat kerajaan supaya pelaksanaan DFTZ akan menyediakan platform terbaik bagi PKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti e-dagang rentas sempadan. MITI dan agensi-agensi di bawahnya seperti MATRADE dan SME Corp. dan juga MDEC akan terus memastikan PKS yang terlibat dalam DFTZ akan kekal berdaya maju untuk tempoh jangka panjang. Selain itu, usaha akan dipergiatkan bagi melibatkan lebih ramai dan lebih banyak PKS untuk menembusi pasaran eksport di bawah inisiatif DFTZ. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada soalan tambahan? Yang Berhormat.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Ringkas soalan tambahan saya. Apakah faktor kejayaan kritikal, *the critical success factor*, dengan izin, yang boleh menentukan perusahaan kecil dan sederhana berjaya meningkatkan keuntungan jika terlibat dalam zon DFTZ ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pertama yang penting kepada PKS, mereka hendaklah mempunyai produk yang berkualiti. Itu yang pertama.

Kedua, produk-produk yang berkualiti itu hendaklah dengan harga yang patut. Ketiga ialah keupayaan syarikat PKS untuk memberikan jumlah pasaran yang tertentu yang diminta oleh pembeli di seluruh antarabangsa. Sebagai contoh, Afiq Trading Co. lokasi di Kota Kinabalu. Apabila telah disenaraikan di DFTZ baru-baru ini, sebagai contoh produk makanan dan buah-buahan sejuk beku daripada Kota Kinabalu ini sedang menguruskan penghantaran bagi tempahan dua kontena buah kelapa ke Polland.

Satu lagi syarikat, sebagai contoh, syarikat PKS, AXG Industries Sdn. Berhad, lokasi di Klang, produk sarung tangan getah telah menerima tempahan untuk eksport ke India menerusi platform *Alibaba*. Satu lagi contoh, Yanming Resources Sdn. Berhad, lokasi di Puchong, sarang burung- *birds' nests*, telah mengeksport ke China menerusi Program *Single's Day* DFTZ.

Jadi usaha-usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh kerajaan akan terus dimantapkan. Antaranya ialah program *e-trade* di bawah MATRADE, kita memberikan subsidi kepada syarikat-syarikat PKS yang meletakkan produk mereka di platform *Alibaba*, di platform *eBay*, *Amazon*, *Google* dan setakat ini 2,065 syarikat telah diluluskan insentif di bawah *e-trade* ini. Akhir Tuan Yang di-Pertua, kita boleh belajar tentang *e-commerce* ini. Satu lagi *critical success factor* ialah untuk meningkatkan ilmu tentang *e-commerce*. Oleh kerana itu, kita telah melancarkan [www.goecommerce.my](http://www.goecommerce.my). Goecommerce.my ini sudah ada 6,005 syarikat yang mendaftar. Kita mengajar 130 modul latihan dan bimbingan secara dalam talian percuma untuk PKS menembusi pasaran eksport. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan akhir. Yang Berhormat YBM. Engku Naimah binti Engku Taib.

**YBM. Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**9. YBM. Engku Naimah binti Engku Taib** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah kejayaan Ekspo Negaraku 2017, dan setakah manakah ekspo ini berjaya memupuk semangat patriotik dan cintakan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ekspo Negaraku 2017 yang diadakan di Dataran Merdeka merupakan ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mempamerkan projek-projek infrastruktur semasa

ataupun 'infra-rakyat' dan masa hadapan yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan demi menyediakan kehidupan yang lebih bermakna kepada segenap lapisan rakyat. Ekspo Negaraku 2017 ini telah dibuka kepada rakyat bermula 15 November 2017 dan akan melabuhkan tirainya pada 15 Disember 2017 ini.

Sehingga 11 Disember 2017, hampir 500,000 pengunjung yang telah melawat Ekspo Negaraku 2017. Kehadiran pengunjung adalah terdiri daripada segenap lapisan masyarakat dari seluruh pelosok negara termasuk daripada Sabah dan Sarawak dan juga pelancong asing. Secara khususnya, tiada kayu pengukur yang boleh mengukur kejayaan penganjuran Ekspo Negaraku 2017. Ia bukan sekadar pameran biasa tetapi menawarkan satu pengalaman yang informatif dan interaktif supaya pengunjung dapat merasai sendiri denyut nadi pembangunan negara secara lebih dekat dan mengecap satu pengalaman yang menyeronokkan bersama keluarga dan taulan.

Menerusnya pengunjung dapat memahami visi kerajaan dalam membangunkan negara selaras dengan matlamat mencapai status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Berdasarkan maklum balas daripada pengunjung, serta laporan media, sambutan adalah amat positif dan menggalakkan. Tambahan pula, kelima-lima kubah pameran yang dibangunkan mempunyai keistimewaan dan penceritaan yang tersendiri yang akan meningkatkan kecintaan rakyat kepada kemakmuran dan pencapaian negara.

Selain itu, saya dimaklumkan oleh rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat MITI, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, ramai pelabur yang ditemui memuji penganjuran Ekspo Negaraku dalam mengetengahkan pencapaian dan pembangunan negara. Saya berharap daripada inisiatif-inisiatif yang dipamerkan dapat meningkatkan lagi jumlah pelabur yang ingin melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sistem kaedah penyampaian yang lebih menarik ini juga, ia menarik minat orang ramai untuk mengetahui lebih lanjut lagi mengenai perancangan pembangunan yang telah dirangka oleh kerajaan dan menjadi tanggungjawab mereka untuk sama-sama merealisasikan. Seterusnya ini dapat memupuk semangat patriotisme dan jati diri untuk sama-sama menyumbang ke arah pembangunan negara di masa hadapan. Selain itu, ekspo ini juga menarik kunjungan pemimpin negara dan pelabur luar untuk melihat sendiri aspirasi dan pelaksanaan pembangunan negara.

Kesimpulannya, semangat cintakan negara dan patriotisme ini tidak mudah untuk di kuantiti dan diukur secara spesifik tetapi keduanya boleh dan harus dipupuk dari dan untuk rakyat Malaysia. Justeru, Ekspo Negaraku yang telus menerangkan dan mempamerkan apa yang sudah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional dalam fasa pembangunan negara adalah sebuah titik tolak yang tepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**YBM. Engku Naimah binti Engku Taib:** Sedikit sahaja soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan cukup terperinci untuk soalan tambahan saya yang pertama. Soalan tambahan saya yang kedua, setakat manakah Ekspo Negaraku 2017 ini dapat mengetepikan persepsi salah rakyat terhadap kerajaan yang memerintah sekarang dan adakah kerajaan bercadang membawa Ekspo Negaraku 2017 ini ke Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tambahan ini. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan sedikit berkenaan dengan tohmahan dan juga fitnah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat saudara Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli semalam dalam satu sidang media.

■1150

Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bahawa Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi, Ahli Parlimen Pandan telah menuduh bahawa- pertamanya sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Mulia- telah menuduh bahawa kononnya saya telah memberikan kontrak penganjuran Expo Negaraku ini kepada sebuah syarikat yang bernama PICO Integrated Exhibit Sdn. Berhad, yang kononnya dipunyai oleh abang saya sendiri.

Saya melihat ini satu benda yang serius Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita melihat sidang media yang dibuat oleh Yang Berhormat Rafizi semalam, kalau orang yang tidak mempunyai penjelasan ataupun pengetahuan tentang isu ini, saya boleh pastikan bahawa 100 peratus akan percaya dengan cara Yang Berhormat Rafizi menuduh dan memfitnah tersebut dengan gaya badan, cara bercakap, lenggok, *body language* dan intonasi. Dia begitu yakin bahawa kononnya saudara Raslan Dahlan iaitu CEO syarikat ini adalah abang kandung saya sendiri. Dia boleh melihat kepada kamera itu dengan melihat seolah-olah bercakap dengan penuh gaya keyakinan yang terlalu tinggi sehinggakan kalau orang tidak tahu orang akan percaya Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu saya terpaksa tinggalkan semua kerja saya semalam dan membuat satu sidang akhbar kerana hendak menjawab Yang Berhormat Mulia punya soalan tadi berkenaan dengan persepsi dan juga tohmahan fitnah yang melulu yang dibuat oleh Yang Berhormat Rafizi. Ini perlu dijawab dan saya sudah kata ini penyakit yang tidak boleh diubati. Dia telah berkali-kali dibuktikan memfitnah dan membuat tuduhan yang melulu. Salah identiti ini adalah satu perkara yang tidak boleh dimaafkan kerana ini adalah *basic*. Dia kata dia sudah membuat penyiasatan. Dia kata dia sudah buat penjelasan.

Malah ini lagi saya hendak beritahu, malah dia kata maklumat daripada pegawai-pegawai dalaman EPU, dia hendak laga-lagakan saya dengan pegawai-pegawai saya. Dia kata maklumat yang dia terima adalah daripada pegawai-pegawai dalaman EPU, sama ada betul atau tidak kita tidak tahu. Akan tetapi kalau cara dia bercakap seolah-olah pegawai-pegawai saya dalam EPU yang bekerja siang dan malam untuk *expo* ini dan untuk membangunkan, merancang pembangunan ekonomi negara kita ini dikatakan memberikan maklumat kepada beliau untuk melaga-lagakan kita, ahli-ahli politik, Menteri dengan kakitangan kerajaan.

Ini adalah satu taktik kotor yang amat berbahaya dan tidak berlaku adil kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja siang dan malam. Mereka akur kepada kerajaan yang memerintah sekarang ini dan mereka setia kepada kerajaan yang memerintah, ini falsafahnya. Akan tetapi cara dia bercakap- sebab itu kita gunakan *expo* ini Yang Berhormat Mulia. Saya beritahu dengan Yang Amat Berhormat bahawa kita kena menggunakan cara yang terbaik untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan sebab itu kita menggunakan pendekatan interaktif, tidak ada lagi *expo* yang begitu interaktif bertaraf dunia yang pernah dibuat di Malaysia selain daripada Expo Negaraku.

Kita mengambil keputusan, kita tidak mahu hanya membuat persembahan seperti biasa tetapi kita menggunakan kaedah interaktif yang tidak pernah dibuat di dalam Malaysia ini dan kalau ada Yang Berhormat Senator yang pernah melawat Expo Negaraku, Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya malah menteri-menteri daripada negara jiran, seorang Menteri daripada Singapura berjumpa dengan saya, dia kata *this is the best, I've never been to an expo* seperti ini. Negara-negara lain yang juga mengunjungi *expo* ini, pemimpin-pemimpin negara lain juga memuji usaha kita untuk memberi maklumat kepada rakyat dengan cara yang lebih interaktif.

Saya hendak jawab perkara yang kedua. Dalam sidang media yang dibuat oleh Yang Berhormat Rafizi semalam, beliau bertanya tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya ingat pendekkan kepada soalan sebab masa sudah- bila Yang Berhormat gulung boleh cakap pasal Yang Berhormat Rafizi. Ini berkenaan dengan, adakah *expo* ini akan diadakan di Sabah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengumumkan sedikit sahaja lagi bahawa kos yang telah kita belanjakan untuk *expo* ini adalah RM37 juta dan jumlah ini adalah hanya 0.08 peratus daripada RM46 bilion dana yang diuruskan oleh EPU. Jumlah ini adalah jumlah yang berpatutan memandangkan kita mengadakan program ini selama sebulan di satu kawasan yang begitu strategik dan bernilai iaitu Dataran Merdeka. Saya hendak bagi buat perbandingan kalau dahulu, kita buat *expo* dunia di Milan, kita berbelanja lebih kurang RM51 juta dan *content* yang ada dalam Expo Negaraku ini adalah empat kali lebih banyak daripada apa yang kita pameran di Milan.

Soalan tentang hendak bawa ke negeri-negeri yang lain, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta saya melihat sama ada kita boleh membawa Expo Negaraku ini ke negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak, kita sedang pertimbangkan. Apa yang penting daripada RM37 juta yang telah kita belanjakan itu, kita telah dapat membangunkan *content* yang sekarang ini milik kita jadi kalau kita bawa ke negeri-negeri yang lain kosnya jauh lebih murah kerana kita tidak perlu lagi mengulangi pembangunan *content* dan juga pengisiannya itu.

Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menamakan beberapa negeri yang perlu kita pergi tetapi saya akan hanya buat keputusan setelah berbincang dengan Kabinet hari Rabu kerana hari terakhirnya ialah pada 15 Disember 2017. Jadi untuk Sabah dan Sarawak mungkin dari segi mengangkat barangan mungkin agak susah sedikit, kita akan buat pendekatan yang lain.

Malah untuk Sabah dan Sarawak ramai studen daripada Sabah dan Sarawak yang telah kita beri *accommodation* yang percuma dan juga *transport* yang percuma untuk datang ke Expo Negaraku, mungkin itu lebih murah dari segi kos. Akan tetapi kalau dari segi satu lagi *expo* untuk dibuat di Sabah dan Sarawak, saya tidak ada masalah tetapi mungkin memerlukan satu penelitian yang lebih halus sebab hendak mengangkat kos barangan seperti yang ada dalam Expo Negaraku itu mungkin tidak dapat dijalankan, mungkin cara yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya bersimpati kerana tohmahan-tohmahan kepada Yang Berhormat Menteri ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**



**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.57 pg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti yang tertera di No. 14 di dalam senarai susunan giliran Yang Berhormat Menteri-Menteri menjawab ke atas perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang telah diedarkan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 13 Disember 2017.”

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018****Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, “Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.  
**[11 Disember 2017]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina.

**11.58 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat

Senator yang telah menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan Negara kali ini dan membangkitkan isu-isu di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai Menteri yang pertama menggulung daripada Jabatan Perdana Menteri, saya mohon untuk menjawab bagi pihak agensi berikut iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Perdana Menteri, Bahagian Pengurusan Hartanah dan Parlimen Malaysia. Memandangkan terdapat beberapa lagi rakan-rakan Menteri yang perlu menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, maka untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, saya akan menjawab secara lisan untuk beberapa isu utama dan seterusnya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi isu-isu yang lain dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya mengenai jumlah pesara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun yang ditanggung oleh kerajaan setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesara yang pencennya ditanggung oleh kerajaan meliputi pelbagai kategori termasuk pesara Kerajaan Persekutuan, Veteran Angkatan Tentera Malaysia, pesara badan berkanun dan pesara kerajaan negeri.

■1200

Jumlah keseluruhan pesara dan penerima yang ditanggung oleh kerajaan sehingga 30 November 2017, adalah seramai 784,416 orang.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff memohon penjelasan mengenai bagaimana kerajaan menangani isu penjawat awam yang terpaksa mendapatkan rawatan penyakit kronik di hospital pakar swasta, di mana Sijil Sakit- MC diberikan lebih daripada 14 hari sehingga menyebabkan gaji penjawat awam terpaksa dipotong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 2, Tahun 2006, iaitu mengenai peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit swasta untuk tujuan kemudahan cuti sakit, Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta kepada pegawai yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital atau klinik swasta boleh diterima dengan syarat tidak melebihi 15 hari dalam sesuatu tahun kalendar.

Sekiranya melebihi 15 hari, pegawai hendaklah mendapatkan tandatangan timbal daripada pegawai perubatan kerajaan. Langkah ini dilaksanakan oleh kerajaan sebagai kawalan untuk memastikan pegawai pesakit luar benar-benar sakit dan perlu berehat dari bekerja dan tidak menyalahgunakan cuti sakit untuk kepentingan peribadi.

Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang menghadapi masalah kesihatan yang kronik dan perlu dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam di hospital atau klinik swasta, Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh pegawai perubatan kerajaan boleh diterima sebagai sijil cuti sakit dan pegawai tidak perlu dibuat pemotongan gaji.

Bagi pesakit kronik seperti penyakit barah, tibi dan kusta yang tidak memerlukan masuk ke wad, diberikan keistimewaan di mana Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh hospital swasta tidak perlu tandatangan timbal balas oleh pegawai perubatan di hospital kerajaan. Jumlah cuti sakit sama ada berasaskan Sijil Sakit swasta atau Sijil Sakit kerajaan yang boleh diberikan adalah tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili pula telah bertanya mengenai berapa ramai kak pegawai dari Sarawak yang telah dilantik ke jawatan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah sepanjang 55 tahun ini dan apakah peluang untuk pegawai daripada Sarawak untuk dilantik ke jawatan tersebut pada masa akan datang. Manakala Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian bertanya mengenai statistik jumlah penduduk Sarawak yang memegang jawatan JUSA 'A', JUSA 'B' dan JUSA 'C'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan ke jawatan Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah adalah berdasarkan kelayakan merit, prestasi, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan di peringkat kementerian dan jabatan. Beberapa orang pegawai daripada Sarawak pernah dan sedang dilantik untuk menjawat jawatan utama iaitu KSU, KP antaranya adalah:

- (i) Datu Dr. Michael Dosim Ak Lunjew, mantan KSU Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi;
- (ii) Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iii) Puan Norsham binti Abdul Latip, Ketua Pengarah Jabatan Biokeselamatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (iv) Datuk Mohamad Sadik Kethergany, Ketua Pengarah Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri;
- (v) Puan Surayati binti Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri;
- (vi) Dato' Sulaiman bin Wak, TKP Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- (vii) Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara.

Selain itu, terdapat seramai 93 orang pegawai Sarawak yang sedang berkhidmat di peringkat Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) Gred Khas dengan menjawat jawatan timbalan ketua pengarah, pengarah bahagian dan setiausaha bahagian dari pelbagai skim seperti perkhidmatan tadbir dan diplomatik, pegawai perubatan dan pegawai perkhidmatan pendidikan pensyarah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariah ingin tahu bagaimanakah keadaan pelaksanaannya bagi penjawat awam hamil yang bekerja *shift* atau dalam skim perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan yang seumpamanya, setelah kerajaan membenarkan mereka untuk pulang awal sejam daripada waktu pulang bekerja?

Adakah skim perkhidmatan seperti ini boleh mengumpulkan kelonggaran pulang awal sejam ini dan dikumpulkan menjadi cuti gantian? Selain daripada itu, Yang Berhormat juga membangkitkan isu mengenai tambahan 60 hari lagi kepada 300 hari kemudahan cuti bersalin kepada penjawat awam wanita dalam pembentangan Bajet 2018. Adakah dengan penambahan jumlah cuti ini boleh dipakai untuk anak kelahiran keenam dan seterusnya?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan pembentangan bajet tahun 2018, penjawat awam wanita yang

mengandung lima bulan dan ke atas akan diberikan kebenaran pulang awal satu jam bagi mengelakkan pegawai mengharungi kesesakan lalu lintas pada waktu petang.

Selain itu, kemudahan ini juga akan dipanjangkan kepada suami yang merupakan penjawat awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan, yang pergi dan balik bersama isterinya dari rumah ke pejabat pada setiap hari. Kemudahan ini terpakai bagi semua pegawai lantikan tetap dan kontrak. Dalam hal ini, satu peraturan sedang disediakan meliputi semua perkhidmatan dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat. Kaedah pelaksanaannya akan dinyatakan melalui Pekeliling Perkhidmatan berkuat kuasa 1 Januari 2018. Walau bagaimanapun, kemudahan ini adalah bagi tujuan menjaga kebajikan pegawai wanita yang mengandung dan tidak boleh di kumpul sebagai cuti gantian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kelayakan kemudahan cuti bersalin secara bergaji penuh dari 300 hari telah ditambah baik melalui pembentangan Bajet 2018 kepada 360 hari bagi sepanjang seorang penjawat awam wanita.

Pada masa ini, pegawai diberikan fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh cuti bersalin antara 60 hari sehingga 90 hari bagi setiap kelahiran. Bilangan kelahiran adalah tertakluk kepada tempoh cuti bersalin yang dipilih oleh pegawai bagi setiap kelahiran anaknya. Oleh yang demikian, pegawai wanita yang bersalin anak keenam boleh menggunakan kemudahan cuti bersalin ini tertakluk kepada baki kelayakan cuti bersalin bergaji penuh pegawai tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiha binti Sharif pula telah bertanya mengenai apakah peluang golongan wanita untuk memegang jawatan pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam dapat direalisasikan pada tahun 2018 dan apakah inisiatif kerajaan untuk melaksanakan perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisian jawatan Gred Utama Dan Gred Khas dalam sektor awam adalah berdasarkan merit dan tidak terikat dengan keperluan untuk memenuhi sebarang kuota kaum atau jantina. Ini bagi memastikan pegawai yang mengisi jawatan utama dalam perkhidmatan awam adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan.

Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 35.6 peratus atau 1,432 orang pegawai wanita yang sedang memegang jawatan di peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam. Jumlah ini juga telah mencapai sasaran kuota 30 peratus wanita di peringkat pembuat dasar. Buat masa ini, belum ada inisiatif khusus untuk meningkatkan bilangan pegawai wanita dalam jawatan pengurusan tertinggi. Ini kerana sebarang program pembangunan kompetensi bagi pegawai-pegawai yang dinaikkan ke jawatan pengurusan tertinggi dibuat tanpa mengira jantina.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi membangkitkan mengenai status pesara yang berkahwin selepas bersara dan sekiranya meninggal dunia, adakah pasangan mereka hanya dibayar pencen terbitan untuk 12 tahun sahaja dan ia akan diberhentikan selepas dari tempoh tersebut. Yang Berhormat juga inginkan pencerahan mengenai dasar terkini berkaitan pemberian pencen kepada balu pesara yang berkahwin semula yang dikatakan tidak layak menerima pencen terbitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan para pesara. Pada tahun 2012, pindaan telah dibuat pada Akta Pencen 1980, Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta Saraan Hakim 1971 dan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Bagi maksud pemakaian seksyen ini, balu kepada pesara kerajaan yang berkahwin semasa pesara dalam perkhidmatan adalah layak untuk menerima pencen terbitan bagi 20

tahun pertama persaraan sehinggalah ke tahun-tahun seterusnya dan sekiranya mereka berkahwin semula, mereka masih lagi layak untuk menerima pencen terbitan yang sama.

Manakala bagi balu kepada pesara kerajaan yang berkahwin selepas persaraan, hanya layak untuk menerima pencen terbitan bagi 20 tahun pertama persaraan sahaja dan ia dihentikan apabila masuk ke tahun seterusnya. Begitu juga sekiranya balu kepada pesara kerajaan berkenaan berkahwin semula di mana pencen terbitan hanya layak dibayar setakat 20 tahun pertama persaraan pasangan mereka sahaja.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin memohon penjelasan mengenai isu pemberhentian pencen Setiausaha Politik setelah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan beranggapan jawatan Setiausaha Politik sebagai salah satu anggota pentadbiran dan mohon agar Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan faedah persaraan adalah mengikut ketetapan peruntukan akta dan peraturan-peraturan yang terpakai bagi sesuatu perkhidmatan. Dalam hal ini, faedah persaraan bagi Setiausaha Politik adalah di bawah Ketentuan Saraan Setiausaha Politik 1980 dan apabila seorang SUPOL sebagai Ahli Parlimen, maka perenggan 16(2) di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah juga terpakai untuknya. Mengikut peruntukan ini, pencen SUPOL yang selepas persaraannya yang dilantik menjadi Ahli Parlimen, akan terhenti. Beliau seterusnya dibayar elaun sebagai Ahli Parlimen. Apabila persaraan sebagai Ahli Parlimen pula berlaku, tempoh perkhidmatan sebagai SUPOL akan turut diambil kira sebagai jumlah tempoh perkhidmatan Ahli Parlimen tersebut dan pencen baru akan dikira menggunakan elaun akhir yang tertinggi diterima.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah dan Yang Berhormat Senator Dato' Shanim telah menyentuh mengenai *Socioeconomic and Environmental Research Institute* atau SERI, dengan izin, yang bakal ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, SERI ialah sebuah institut penyelidikan yang akan ditempatkan dalam Jabatan Perdana Menteri. Objektif dan fokus utama SERI akan tertumpu pada penyelidikan sosioekonomi dalam negara kita. Secara amnya, penyelidikan sosioekonomi akan menganalisis impak keadaan ekonomi semasa terhadap masyarakat setempat, di samping mengkaji keberkesanan program intervensi dan dasar-dasar kerajaan di dalam menangani permasalahan tersebut. Salah satu fokus pengajian di bidang sosioekonomi ialah isu permasalahan jurang pendapatan dan kualiti hidup serta sama ada masalah ini dipengaruhi faktor lokasi seperti bandar dan luar bandar ataupun faktor-faktor demografi yang lain.

Isu-isu ekonomi yang akan dikaji adalah terbuka, ditentukan mengikut keperluan semasa. Penumpuan daripada kajian sosioekonomi bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh penggubal dan pelaksana dasar kerajaan, malah juga boleh diguna pakai oleh badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Penyelidikan kajian sosioekonomi yang bakal dilaksanakan oleh SERI akan diguna pakai oleh kerajaan untuk merangka dasar polisi serta program yang lebih berkesan dan terangkum bagi menangani masalah pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia. Sesungguhnya penubuhan SERI merupakan bukti bahawa kerajaan sentiasa peka dan komited dengan penyampaian

perkhidmatan terbaik kepada rakyat di samping meneruskan agenda pembangunan negara agar lebih berdaya saing di persada ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook membangkitkan isu jawapan lisan yang tidak sempat dijawab di dalam Dewan dan jawapan secara bertulis tidak diterima pada hari yang sama, soalan tersebut ditanya. Yang Berhormat mencadangkan jawapan tersebut diberikan kepada Ahli Dewan pada hari yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urus setia Parlimen akan mengemukakan helaian jawapan lisan yang diterima dari kementerian kepada Ahli-ali Yang Berhormat di Dewan Negara pada hari yang sama jawapan tersebut diterima. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kelewatan dalam penyediaan jawapan oleh pihak kementerian atas sebab-sebab tertentu, maka jawapan tersebut akan dikemukakan keesokan harinya. Pihak urus setia Parlimen Malaysia akan sentiasa, memastikan agar jawapan-jawapan yang dapat diberikan kepada hari yang sama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, juga telah membangkitkan mengenai masalah pengiktirafan Kad Ahli Parlimen oleh pihak penguat kuasa. Selain itu, Yang Berhormat Senator turut mencadangkan, agar peruntukan bajet untuk Parlimen disalurkan secara terus dan bukannya melalui Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian untuk menambah baik Kad Ahli Parlimen berserta ciri-ciri keselamatan telah pun dibuat dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Jabatan tersebut telah mencadangkan beberapa ciri keselamatan bagi Kad Ahli Parlimen yang baharu. Kad Ahli Parlimen yang ditambah baik ini dijangka akan dilancarkan pada tahun 2018. Saya tidak tahu selepas atau sebelum pilihan raya akan datang. Fungsi utama Kad Ahli Parlimen adalah untuk memaklumkan bahawa pemegang merupakan seorang Ahli Parlimen dan beliau layak menerima beberapa hak dan keistimewaan seperti yang termaktub di dalam Kertas Statut 235 tahun 1983.

Walaupun bagaimanapun, ia bukan bertujuan sebagai pengganti kepada kad pengenalan. Sebarang cadangan untuk mengiktiraf Kad Ahli Parlimen sebagai kad pengenalan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Berkenaan isu peruntukan kepada Parlimen, merujuk kepada buku Bajet 2018, peruntukan Parlimen iaitu maksud B.01 adalah berada di bawah Parlimen Malaysia. Justeru, untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat, peruntukan ini diuruskan sendiri oleh pihak pengurusan Parlimen. Peruntukan Parlimen tidak diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri kerana peruntukan JPM diletakkan di bawah maksud berbeza iaitu maksud B.06.

Yang Berhormat juga telah bertanya berkenaan dengan isu pelantikan semula Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah sebagai Senator Dewan Negara dan menyatakan beliau tidak sepatutnya perlu memohon untuk pelantikan semula apabila tempoh *Senatorship*nya tamat, sebaliknya Bahagian Kabinet yang harus melantik semula beliau sebagai Ahli Dewan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 45(3), Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa tempoh jawatan seseorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun. Perkara 45(3A) pula mengehendkan tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara kepada dua penggal sahaja. Seseorang Ahli Dewan Negara akan dilantik semula untuk penggal kedua oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat juga bertanya tentang kuarters di Putrajaya, di mana pemberian kuarters wajar memberi keutamaan kepada polis, kakitangan hospital, guru dan bomba. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuarters di bawah seliaan BPH merupakan kuarters guna sama yang mana adalah di peruntukkan kepada semua skim perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, polis, kakitangan hospital, guru dan bomba adalah tidak di diskriminasikan dan layak untuk memohon dan mendiami kuarters tersebut. Secara umumnya, dasar penawaran kuarters pada masa ini adalah terbuka kepada semua perkhidmatan. Walau bagaimanapun, terdapat empat kaedah di mana keutamaan akan diberikan dalam penawaran kuarters:

- (i) permohonan pasangan pemohon atau pemohon adalah orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan merupakan jenis kecacatan fizikal yang menjejaskan pergerakan;
- (ii) pemohon, pasangan pemohon atau anak pemohon mengidap penyakit kronik dan kritikal dan memerlukan rawatan rapi di hospital secara berterusan dengan pengesahan daripada hospital kerajaan;
- (iii) pegawai yang berkhidmat secara terus, *direct attached* kepada anggota pentadbiran dengan pengesahan Unit Sumber Manusia; dan
- (iv) pegawai yang berkhidmat di luar negara akan diarahkan kembali bertugas di Malaysia.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, mohon mencekah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan demikian, minta diberi keutamaan kepada polis, bomba dan sebagainya. Ini sebab kita bagi contoh, elaun rumah yang diterima misalnya lah, elaun rumah RM600, dia tunggu kuarters tidak dapat, jadi dia sewa di luar, dia sewa di Dengkil misalnya, dia sewa di Dengkil dengan harga yang murah RM200. Jadi, dia untung RM400 daripada elaun perumahannya, bila dia telah terima RM400 sebagai anggota polis dan dia duduk di luar, dapat ekstra RM400, maka bila enam bulan kemudian diberikan kuarters, dia tidak mahu masuk.

Akan tetapi keperluan anggota berkenaan di kawasan Putrajaya itu amat diperlukan kerana dia menjaga keselamatan kita di situ. Akan tetapi apabila- pegawainya juga mempunyai masalah hendak menghubungi dia untuk datang bertugas. Ini yang saya minta supaya kakitangan-kakitangan bomba, hospital, polis ini diberi keutamaan oleh BPH.

BPH hendak bagi kepada siapa, memang tidak perlu diskriminasi, itu saya setuju. Akan tetapi bagi keutamaan kepada penjawat awam seperti ini dahulu kerana dia hendak jaga kawasan dan dia hendak bertugas, termasuk guru-guru sekolah. Jikalau guru sekolah tinggal di luar, datang ke Putrajaya lambat, yang hendak menjadi mangsa nanti anak-anak kita, itu maksud saya Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan dalam permulaan bahawa saya menjawab hanya bagi pihak BPH, saya tidak membuat dasar tetapi saya akan ambil maklum dan memaklumkan kepada mereka atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator selaku Pengerusi Senator-Senator.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali bagi memberi peluang kepada rakan-rakan Menteri lain di Jabatan Perdana Menteri untuk terus menjawab isu-isu yang lain di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka saya mohon untuk mengakhiri ucapan saya setakat ini. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan 2018.

Sesungguhnya pihak kami akan meneliti setiap cadangan dan kritikan yang dikemukakan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat saya bantangkan akan saya huraikan secara bertulis. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Nampaknya dia telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Ahli Dewan Negara. Jawapannya begitu terang dan jelas. Jadi, kami mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri.

Sekarang saya jemput pula ke nombor dua, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Silakan.

#### 12.19 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 peringkat Dasar serta membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional bertemakan 'Memakmurkan Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50.'

#### ■1220

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi tahun kewangan 2018 sebanyak RM275,415,800 berbanding dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2017 sebanyak RM248,624,200 iaitu peningkatan sebanyak 10 peratus. Penambahan bajet ini pasti akan melonjakkan lagi usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, DUN Terengganu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atau JPNIN dengan ringkasnya, selaku agensi yang berperanan meningkatkan, memelihara dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional mengambil pelbagai usaha ke arah memastikan terjalannya hubungan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang etnik, agama, budaya dan bahasa.

Dalam hal ini, antara usaha yang dilaksanakan sehingga sekarang bagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik atau, dengan izin, *engage and educate* melalui program-program seperti berikut. Ini merupakan sedikit sahaja tetapi saya ingin menyentuh beberapa program



yang telah dan akan terus dilaksanakan untuk memelihara perpaduan dan seterusnya memantapkannya lagi.

Pertama ialah Program Detik-detik Perpaduan atau *Moment of Unity*. Kedua, Program Silang Budaya. Ketiga, sambutan *World Interfaith Harmony Week* atau *International Day for Tolerance and Dialogue Harmony*. Berikutnya, Program My Rukun Negara. Seterusnya, Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) dan seterusnya, program penggalakan perpaduan dalam kawasan Rukun Tetangga.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di bawah JPNIN dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang terutamanya antara rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan agar tidak meminggirkan mana-mana golongan rakyat di negara ini bagi meningkatkan integrasi antara wilayah-wilayah iaitu melalui:

- (i) Program Integrasi Komuniti;
- (ii) Program Orientasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam; dan
- (iii) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat.

Perancangan dan pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional antara wilayah akan terus diberikan keutamaan dengan membuat beberapa penambahbaikan yang memberi impak besar kepada rakyat khususnya dan negara amnya.

Bagi memastikan agenda keharmonian dan perpaduan negara menjadi tanggungjawab semua pihak maka kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, pihak swasta, korporat dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) diperkukuhkan. Atas dasar itu, JPNIN mengambil pelbagai inisiatif untuk merapatkan hubungan di setiap lapisan masyarakat dengan mewujudkan saluran dan mekanisme formal dan tidak formal di peringkat komuniti untuk menggalakkan interaksi dan komunikasi bagi meningkatkan hubungan kaum dan menggalakkan pertukaran idea dan buah fikiran bagi mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh di kalangan rakyat yang pelbagai latar belakang.

Dalam masa yang sama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak swasta yang mengambil bahagian untuk mempromosikan perpaduan di antara rakyat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di mana pertambahan penerbangan kos rendah atau *low-cost carrier* oleh sektor swasta dan badan-badan korporat seperti Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS), *AirAsia* dan *Malindo* yang turut memainkan peranan melalui promosi kadar tambang murah yang memudahkan perjalanan dan menghubungkan rakyat antara wilayah bagi merapatkan lagi hubungan integrasi dan saling mengunjungi antara satu sama lain.

Sememangnya kerajaan menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah membina dan meningkatkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam rakyat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka atau *their corporate social responsibility*.

Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, proses mewujudkan integrasi nasional memerlukan komitmen dan perjuangan yang berterusan dari semua pihak. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, maka rancangan-rancangan sosioekonomi dan politik negara dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan berupaya merapatkan jurang perbezaan taraf hidup serta hubungan antara rakyat Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Seterusnya, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @Mohd Sharif berhubung dengan keperluan memperbanyakkan lagi penubuhan prasekolah seperti Tabika Perpaduan di kawasan-kawasan taman untuk meringankan beban golongan berpendapatan pertengahan. Saya ingin memberi sedikit penjelasan terutama sekali mengenai Tabika Perpaduan supaya kita lebih memahami situasi sebenarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tujuan utama penubuhan Tabika Perpaduan pada ketika itu adalah untuk memupuk semangat muhibah dan memulihkan kembali perhubungan rakyat dengan kerajaan selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Tabika Perpaduan ditubuhkan dalam lingkungan kawasan Rukun Tetangga dengan memberi keutamaan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Strategi pelaksanaan Tabika Perpaduan bukan hanya menyediakan program pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun tetapi juga memberi didikan dan bimbingan dalam penerapan nilai-nilai murni dan pemupukan semangat perpaduan sejak dari awal kanak-kanak supaya mengamalkan keperibadian mulia dengan sifat cintakan tanah air serta boleh menyesuaikan diri untuk hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan budaya.

#### ■1230

Dalam masa yang sama, untuk menggalakkan dan meningkatkan persefahaman dan interaksi di kalangan ibu bapa yang terdiri daripada latar belakang etnik, budaya, bahasa dan adat resam melalui penganjuran aktiviti-aktiviti kelas Tabika Perpaduan.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan modal insan yang seimbang seawal usia empat tahun dan lima tahun dengan memberi peluang pembelajaran sama rata kepada golongan berpendapatan rendah atau *the urban poors* maka pembelajaran dan pengajaran Tabika Perpaduan selaras dengan pembelajaran dan pengajaran di prasekolah KPM dan Tabika KEMAS dengan mengguna pakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sejajar dengan perkembangan semasa, jumlah Tabika Perpaduan semakin bertambah dan 25 kelas pada tahun 1976 kepada 1,781 kelas pada tahun 2017 atas permintaan komuniti setempat di rukun tetangga. Dengan bilangan purata seramai 25 orang kanak-kanak untuk satu kelas, jumlah penempatan kanak-kanak di semua 1,781 kelas tadika perpaduan boleh mencapai jumlah maksimum seramai 44,525 orang kanak-kanak setiap tahun. Dengan bilangan ini, Tabika Perpaduan masih mempunyai banyak ruang untuk menempatkan kemasukan lebih ramai kanak-kanak untuk belajar di Tabika Perpaduan.

Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya memandang serius akan pendidikan prasekolah dan memberi kesedaran tentang nilai-nilai murni dan betapa pentingnya mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak dengan menubuhkan kelas-kelas Tabika Perpaduan di bandar dan pinggir bandar. Berdasarkan jumlah kelas Tabika Perpaduan dengan jumlah penempatan sedia ada, jelas memperlihatkan bahawa bilangan Tabika Perpaduan masa kini adalah mencukupi dan tidak perlu diperbanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab untuk hal ehwal perpaduan, saya ingin menekankan bahawa usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan

semata-mata tetapi merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Ini kerana kita harus sedar ini tanah air kita semua dan kitalah rakyat Malaysia yang memelihara perpaduan semua ini. Oleh itu, hargailah perpaduan yang sedia wujud kerana merupakan batu asas untuk kebebasan dan kesejahteraan hidup yang sedang kita nikmati pada hari ini.

Oleh itu, marilah kita semua meneruskan amalan budaya saling hormat-menghormati, bekerjasama dan bersikap toleransi antara satu sama lain agar masyarakat negara ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, agama, budaya dan bahasa dapat hidup dalam suasana yang aman, harmoni tanpa sebarang sikap prejudis.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana telah mengambil bahagian dalam sesi penggulangan perbahasan Bajet 2018 pada hari ini. Seterusnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup yang telah menjawab dengan begitu padat, ringkas dan jelas. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim dan juga mungkin dia akan bawa wakil. Sila.

**12.35 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin menjawab bagi pihak portfolio saya. Keduanya, saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat yang dituju.

Pertama sekali bagi portfolio saya. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2018 Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas Dewan Negara 2017 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), ESSCOM dan APMM. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu PR1MA iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim mencadangkan supaya PR1MA menerima pembelian tiada slip gaji, penyata cukai untuk membeli kediaman rumah PR1MA bagi mengurangkan birokrasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA tidak menghalang golongan yang tidak memiliki slip gaji seperti peniaga dan sebagainya untuk memohon dan memiliki kediaman PR1MA. Dalam situasi ini, pemohon boleh mengemukakan salinan penyata akaun yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty menyatakan harga kediaman PR1MA adalah tinggi iaitu lebih daripada RM250 ribu terutama sekali Lembah Klang

dan juga Johor Bahru. Yang Berhormat juga bertanya, apakah harga minimum dan maksimum bagi perumahan PR1MA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan kediaman PR1MA adalah di antara RM100 ribu hingga RM400 ribu mengikut jenis dan lokasi. Harga ini secara purata 20 peratus lebih rendah berbanding dengan rumah di pasaran yang mempunyai spesifikasi dan kawasan yang sama. Berdasarkan pembentangan Bajet 2018, PR1MA akan memperbanyakkan lagi kediaman yang berharga RM250 ribu dan ke bawah. Harga ini adalah tertakluk kepada lokasi dan spesifikasi projek. Namun begitu, bagi projek di bandar besar atau kawasan nilai hartanah yang tinggi seperti di Lembah Klang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, PR1MA akan memastikan harga kediamannya menepati lingkungan harga PR1MA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail membangkitkan berkenaan dengan pegangan tanah PR1MA melalui bank tanah atau *land bank*. Isu yang dibangkitkan adalah jumlah *land bank* yang dimiliki dan kaedah kerajaan dalam membantu PR1MA mendapatkan tanah.

Yang Berhormat Senator juga mengemukakan cadangan penyerahan tanah milik kerajaan kepada PR1MA. Kerjasama negeri antara Kerajaan Persekutuan untuk membantu PR1MA memperoleh lebih banyak tanah. Penetapan kuota penyediaan tanah secara tahunan oleh kerajaan negeri kepada PR1MA dan juga usaha bersepadu untuk mengolah dasar perumahan negara bagi meningkatkan jumlah pemilikan kediaman PR1MA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA bersetuju dengan segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan berkenaan dengan bank tanah. Setakat ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan 110 ekar tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di pelbagai lokasi. Sebanyak 3,649 unit kediaman sedang dibangunkan di atas enam tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di seluruh negara.

#### ■1240

Jumlah ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak berkuasa tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,504 unit sedang dalam pembinaan iaitu di Negeri Sembilan, manakala jumlah selebihnya masih dalam perancangan. PR1MA akan memulakan pembinaan bagi projek-projek di atas tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ini dalam tempoh terdekat setelah menerima kelulusan daripada PBT.

Selain daripada tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang sedia ada, adalah besar harapan jika Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dapat memindah milik lebih banyak tanah di lokasi strategik kepada PR1MA. Melalui kaedah ini, lebih banyak projek kediaman dengan harga yang menepati permintaan pemohon dapat disediakan. PR1MA berurusan secara erat dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyelaras penyediaan tanah milik PTP di lokasi strategik. Selain itu, PR1MA juga menjalankan kerjasama dengan semua agensi kerajaan serta GLC yang menyediakan perumahan mampu milik.

Menyentuh hal dasar perumahan pula, PR1MA sentiasa mengkaji dan mengemaskinikan polisinya untuk memenuhi keperluan pemohon. Keperluan ini dapat dikenal pasti melalui Sistem

Pendaftaran Nasional PR1MA yang menjadi panduan untuk mengetahui keperluan dan juga kekangan pemohon untuk memiliki rumah. Sistem tersebut membantu PR1MA untuk mengenal pasti polisi dan dasar yang bersesuaian untuk membantu pemohon menghadapi dilema pemilikan rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, PR1MA juga berurusan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara bagi menggubal dasar perumahan yang baru. Pada ketika ini, dasar tersebut masih dalam peringkat perbincangan dan akan dimuktamadkan tidak lama lagi. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail kerana menyokong dan menghargai usaha serta inisiatif kerajaan melalui PR1MA semasa perbahasan. Terima kasih.

Berhubung dengan MKN, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan membangkitkan isu berkaitan Majlis Keselamatan Negara, yang mana Yang Berhormat mengutarakan isu Rohingya. Yang Berhormat bertanya, apakah inisiatif terbaru dicapai oleh negara ASEAN berhubung dengan perkara ini?

Kedua, bagaimana kementerian melihat kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan isu ini kepada Presiden Amerika Syarikat sendiri?

Ketiga, sejauh manakah keyakinan di atas bentuk kerjasama dengan negara ASEAN yang prihatin terhadap masalah ini bersama Pertubuhan Antarabangsa bagi Migran dan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) serta beberapa badan antarabangsa. Saya telah membuat jawapan sebentar tadi tetapi sebagai menjawab beberapa persoalan baru, saya ingin maklumkan bahawa sebahagian besar daripada isu yang dibangkitkan akan dijawab dengan terperinci oleh Kementerian Luar Negeri.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, pencilahan dibenarkan. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bangkit persoalan ini dalam perbahasan saya tetapi sebentar tadi saya bangun untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri semasa menjawab soalan-soalan lisan tadi dan tidak dibenarkan dan dibenarkan untuk bertanya semasa pembentangan ini.

Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa ada NGOs yang lima orang ahli, bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini NGO apakah ini yang mempunyai lima ahli dan tentu sekali Yang Berhormat tahu dan kementerian tahu? Apakah fungsi NGO ini? Apakah mereka ini hanya menubuhkan NGO semata-mata untuk mendapat bantuan atau menjadi orang tengah kepada Rohingya ini?

Soalan saya yang kedua ialah kita mengetahui kemasukan rakyat-rakyat Rohingya ke dalam negara kita, kita tahu mereka. Apabila mereka masuk melalui sempadan dan sebagainya kita ada *head count*. Akan tetapi selepas kita menghantar pulang Yang Berhormat, apakah kita tahu angka-angka mereka yang pulang ini? Oleh sebab Yang Berhormat menyatakan tadi kita tidak ada penempatan khusus Rohingya ini dan mereka ini berselerak di merata tempat. Contoh di Pasar Selayang sendiri

yang kita tengok begitu *unhealthy*, dengan izin, begitu kotor sekali mereka melakukan dan menjalankan perniagaan di situ. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini- kita berhubung dengan beberapa NGO yang membuat pertubuhan mewakili orang Rohingya. Jadi yang datang itu ramai, ada yang datang beritahu ahlinya 39,000 tetapi saya belum ada peluang untuk jumpa 39,000 dan saya percaya kalau hendak panggil 39,000 dia tidak mampu untuk berbuat demikian. Cuma semasa kita ada perhimpunan di Tasik Titiwangsa, kehadiran mereka agak ramai dan ini mereka datang daripada pelbagai tempat. Ada juga NGO yang kata mereka mewakili 10,000, ada yang mewakili.

Akan tetapi NGO lain pula beritahu kumpulan NGO itu ada lima orang. Itu maksud saya Yang Berhormat bahawa ada NGO yang bila saya kata saya hendak jumpa dengan semua orang yang menjadi ahli jawatankuasa, dia beritahu sukar sebab masalah cari makan dan sebagainya.

Walaupun ini bukan permasalahan yang harus di tidur begitu sahaja, ini permasalahan yang harus ditangani dan ia merupakan cabaran. Cabaran kepada kerajaan dan dalam masa yang sama kita hendak pastikan supaya biarlah orang Rohingya ini ada satu pertubuhan sahaja yang mewakili mereka dan menjadi jurucakap. Oleh sebab apabila ada orang mereka yang bercakap, saya bertanya NGO lain mereka kata mereka tidak iktiraf NGO yang berkenaan dan jangan bagi bantuan kepada NGO yang berkenaan. Apabila ada orang bercakap, orang lain pula berkata sebagainya.

Ini cabaran Yang Berhormat yang harus kita hadapi dalam memberi bantuan kepada mereka. Akan tetapi dari segi penempatan mereka, mereka juga bukan berselerak begitu. Mereka berada juga penempatan-penempatan yang mungkin mereka boleh serasi. Jadi ada penempatan mereka ini yang besar di beberapa buah negeri dan ada juga penempatan yang berselerak ini kebanyakannya dalam hutan. Oleh sebab mereka juga menebang hutan simpanan kita untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan sebagainya. Jadi kita hampir mengenal pasti di mana mereka berada dan cabaran untuk kita menangani perkara ini.

Keduanya, berhubung dengan kemasukan Rohingya. Kalau sekiranya mereka masuk melalui sempadan kita boleh kenal pasti. Cuma yang berlaku di Wang Kelian hari itu yang mana kita ada- saya sudah masuk sana ada 28 kem yang ala Vietnam. Ini Vietnam kita tengok dalam kem ini dalam wayang-wayang cuma di Vietnam tetapi sekarang tiba-tiba benda itu ada di Malaysia.

Ini kerana dalam satu ekar itu dia boleh menempatkan pelarian, pelarian itu pula ada kategori. Ini pelarian yang di pagar dengan besi dan ada pelarian yang bebas bergerak. Ada klinik, ada surau, ada tempat wanita, ada tempat kanak-kanak, *complete*. Ini 28 kem bukan satu. Mereka telah berada di sana dengan begitu lama. Kita tidak dapat kesan sehinggalah berlaku insiden di mana kita dimaklumkan bahawa ada penempatan di sana. Cuma jarak di Thailand ke tempat itu hanya setengah kilometer, jadi itulah yang berlaku di mana kita tahu bahawa banyak daripada pegawai utama di Thailand telah ditangkap. Masa itulah kita dapat maklumat tentang perkara ini dan apabila kita melawat di sana terdapat 100 kubur di sana. Jadi lain-lain itu ialah sejarah.

Apa yang penting sekarang ini ialah bagaimana kita hendak menangani isu ini. Kalau dia masuk daripada laut, APMM atau *Coast Guard* kita menunggu. Kalau sekiranya mereka ini dia masuk secara *illegal*, kita akan tempatkan di depot imigresen dan selepas itu UNHCR akan mengeluarkan kad UNHCR, mengiktiraf mereka ini sebagai pelarian.

Jadi saya menjawab Yang Berhormat tetapi sebahagian daripada jawapan Yang Berhormat ini akan ada dalam jawapan saya. Bagi menjawab persoalan sejauh manakah keyakinan kita ke atas bentuk kerjasama dengan UNHCR? Izinkan saya menerangkan beberapa bentuk kerjasama yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dalam bentuk pelarian Rohingya di Malaysia. Pertamanya, melaksanakan projek perintis kebenaran bekerja untuk pemegang kad UNHCR etnik Rohingya bagi 300 pelarian di sektor perkilangan dan perladangan untuk tempoh tiga tahun.

■1250

Projek perintis ini memberi ruang kepada etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan sah dan sekali gus dapat mengekang mereka daripada terlibat dengan aktiviti jenayah dan juga sosial. UNHCR membantu dari segi mengenal pasti pelarian Rohingya yang memegang kad UNHCR untuk menyertai projek perintis ini dan membantu menghebahkan kepada pelarian ini mengenai projek tersebut. Yang keduanya melaksanakan *proof of concept project Tracking Refugees Information System* bagi pendaftaran maklumat biometrik ke atas semua pelarian termasuk pelarian Rohingya. Ini bagi memastikan kerajaan mempunyai semua maklumat biometrik pelarian yang telah diberikan kad UNHCR untuk tujuan pemantauan dan penguat kuasa undang-undang serta bagi perancangan pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi membantu pelarian di masa akan datang.

UNHCR membantu menghubungi pelarian yang memegang kad UNHCR untuk mendaftar dalam *Tracking Refugees Information System* dan membuat pemakluman melalui surat kepada pelarian Rohingya yang berdaftar dengan mereka. Meneruskan pemberian beberapa kemudahan yang selama ini diberikan kepada semua pelarian yang memegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya. Kemudahan tersebut ialah potongan harga caj di hospital dan klinik kerajaan sebanyak 50 peratus berbanding dengan warganegara asing yang lain.

UNHCR turut membantu membayar kos rawatan bersalin bagi wanita yang memegang kad UNHCR dengan bayaran maksima sebanyak RM400. Bayaran ini akan diperoleh jika pelarian Rohingya mengemukakan permohonan *letter of intent* kepada UNHCR.

Membenarkan akses kepada pendidikan asas bagi anak-anak pelarian etnik Rohingya di pusat-pusat pembelajaran swasta yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan Malaysia dengan kerjasama UNHCR. UNHCR juga turut membantu pengurusan penempatan pelarian Rohingya ke negara ketiga. Walau bagaimanapun, kita terpaksa akui bahawa jumlah penghantaran adalah amat sedikit. Daripada Januari 2017 sehingga Oktober 2017, seramai 2,170 orang pelarian Rohingya telah berjaya ditempatkan di negara ketiga seperti berikut. Norway tiga orang, Jepun 29 orang, Kanada 52 orang, Sweden 60 orang, New Zealand 165 orang.

Pada masa sekarang ini yang mengetuai UNHCR di Malaysia ialah orang New Zealand. Australia 245 orang, Amerika 1,618 orang. Jumlahnya 2,172 orang. Etnik Rohingya yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah akan ditempatkan sementara di pusat tahanan Imigresen. Seterusnya pihak UNHCR akan menjalankan proses temu bual dan memastikan kesahihan sama ada mereka benar-benar adalah pelarian Rohingya yang layak untuk diberikan status pelarian

dan juga kad UNHCR ataupun tidak. Ini kerana terdapat juga *migrants* daripada Bangladesh turut berada dalam kumpulan etnik Rohingya tersebut dengan tujuan untuk mendapatkan kad UNHCR.

Keyakinan kerajaan Malaysia dalam bentuk kerjasama dengan UNHCR adalah berlandaskan bahawa UNHCR adalah sebuah organisasi PBB, perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab mengenai perlindungan, penempatan ke negara ketiga dan penghantaran pulang setelah keadaan negara asal mengizinkan penghantaran tersebut. Pihak UNHCR setakat ini memberikan kerjasama di dalam menguruskan pelarian memandangkan negara Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 di mana adalah menjadi tanggungjawab UNHCR di Malaysia untuk menguruskan pelarian Rohingya yang berada di Malaysia. Kerajaan Malaysia membantu pelarian Rohingya adalah atas dasar kemanusiaan dan berdasar juga kemampuan negara.

Pihak UNHCR pada masa ini hanya memberikan maklumat mengenai jumlah pemohon suaka dan pelarian mengikut negara asal termasuk etnik Rohingya. Kerajaan Malaysia melalui MKN tidak mendapat maklumat yang terperinci bagi memastikan kerajaan mempunyai maklumat yang terperinci atau pemegang kad UNHCR termasuk Rohingya. Kerajaan melalui KDN sedang mengadakan perjanjian dengan UNHCR melalui *Exchange of Letter* atau EOL, di mana EOL ini akan menetapkan supaya UNHCR sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk memberikan segala maklumat yang berkaitan dengan semua pemegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya di Malaysia.

Dengan EOL ini diharap kerjasama Kerajaan Malaysia dengan UNHCR akan lebih dapat diperkukuhkan bagi memastikan masalah pelarian Rohingya dapat diselesaikan. Yang Berhormat saya juga ingin maklumkan. Yang Berhormat bertanya soalan tadi sudah tiada di sini. Ingin memaklumkan bahawa di samping Rohingya, etnik lain juga mendapat kad UNHCR. Mereka ini saya telah sebut tadi lebih daripada 133,000 orang daripada Myanmar yang mendapat kad UNHCR. Akan tetapi etnik Rohingya hanya 63 orang. Jadi etnik yang lain itu kita tidak tahu sama ada mereka ditekan kah dan sebagainya dan ini ialah menjadi perbincangan dengan UNHCR. Ada juga etnik daripada negara-negara Afrika, Eropah yang mendapat kad UNHCR.

Jadi yang ni sedang diperbincangkan dengan hebatnya dengan UNCHR supaya kita nak kenal pasti bahawa kad pelarian ini diberi kepada Rohingya dan bukan orang lain. Kecuali kerajaan memutuskan bahawa orang lain juga berhak mendapat status pelarian. Jadi perhubungan kita dengan UNCHR adalah dalam bentuk perbincangan yang dibuat dari semasa ke semasa.

NADMA, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim telah mencadangkan agar Pengurusan Bencana Negara di Jabatan Perdana Menteri mengambil alih peranan pendaftaran mangsa banjir di pusat-pusat perpindahan. Kerajaan mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat tadi tetapi Yang Berhormat saya hendak maklumkan bahawa berdasarkan Arahan No. 20, Majlis Keselamatan Negara setiap jabatan, agensi berkaitan mempunyai tugas dan peranan masing-masing sebelum, semasa dan juga pasca banjir.

Sebagai agensi utama penyelarasan bencana negara di antara lain NADMA memantau dan membantu JKM dan lain-lain agensi yang terlibat dalam pengurusan banjir. NADMA juga membantu ambil alih, membantu apabila timbul kekurangan dalam memastikan kecukupan keselesaan mangsa-mangsa di semua pusat perpindahan. Yang ini Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah tidak ada



di sini. Akan tetapi saya hendak maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Tuan Yang di-Pertua ya bahawa kita hadir, NADMA ini bukan hadir untuk mengepalai, tetapi kita ialah penyelaras. Kita ada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya sebagai Timbalan. Jadi NADMA ini sekretariat.

NADMA ialah Agensi Pengurusan Bencana Negara sebagai sekretariat. Di peringkat negeri, pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan, sekretariatnya ialah APM. Dulu MKN, sekarang ini di peringkat daerah pengerusinya ialah pegawai daerah dan setiausahanya ialah APM. Oleh kerana APM ini terlalu *junior*, kita minta supaya Penolong Pegawai Daerah yang dulunya menjadi setiausaha kepada pejabat daerah ini, Pengurusan Bencana Daerah supaya mereka mengambil alih pengurusan tersebut. Yang keduanya ialah di peringkat komuniti ataupun *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT). Komuniti ini saya telah sebutkan bahaya ianya diuruskan oleh rakyat sendiri, wakil rakyat sendiri. Yang Berhormat Senator sendiri. Jadi bila berlaku bencana, jangan resah gelisah. Kita sudah mulakan perpindahan bagi mereka yang wajar berpindah. Kalau air telah dibagi amaran jingga dan banjir dijangka berlaku, jangan tunggu air sudah mencecah ke kaki baru kita hendak pindah. Pindah sebelum banjir. Itu yang terbaik dan kita kerajaan akan terus memberi makanan, tempat tinggal dan sebagainya.

Jadi NADMA sebagai agensi pengurusan di peringkat negara memperlengkapkan di mana yang kurang. Contohnya, yang berlaku di Kelantan baru-baru ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dapat bagi *partition*, pengadang. Jadi NADMA telah menempah serta-merta untuk diberi pengadang. Malah sekarang ini pengadang kita telah tempah sudah 12,000 unit dan kita akan tingkatkan mungkin ke 18,000 nanti iaitu yang kita akan edarkan seluruh negara dalam masa. Jadi selepas ini kita hendak pastikan supaya pengadang ini dapat menjamin supaya wanita dan kanak-kanak itu dapat diasingkan daripada lelaki-lelaki. Lagipun tidak lama, dalam masa habis kuat pun seminggu saja, kalau tidak dua ke tiga hari. Akan tetapi yang paling penting wanita mesti diberi perlindungan maruah mereka supaya tidak bersama dengan lelaki

Jadi yang keduanya kita lihat di tempat perpindahan mungkin kekurangan makanan kerana JKM dia daftarkan, dia hantar makanan itu berdasarkan pendaftaran tertentu lepas itu terdapat peningkatan. Ianya NADMA bagi serta-merta dan kita bagi bukan untuk bagi makan daripada situ kita akan bagi tiga hari ke hadapan, untuk makan tiga hari ke hadapan dan kita telah arahkan supaya makanan *fresh* itu kalau dapat bagi pada hari yg sama. Kalau dia berpindah tengah hari, malam itu dia harus mendapat makanan *fresh*. NADMA bantu. Kalau ada sedikit sebanyak kerosakan di mana-mana untuk terutamanya bilik air, itu NADMA hadir. Kadang-kadang ada setengah tempat itu minta bot kecil dan sebagainya kita bagi kelulusan serta-merta. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini di antara kehadiran NADMA yang telah memperlengkapkan pengurusan banjir menjadi saya tidak tahulah, biarlah orang lain cakap. Kalau saya kata, bagi saya terbaiklah. Itu yang saya buat yang terbaik bersama dengan KP saya dan juga kawan-kawan untuk menguruskan banjir.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya minta Yang Berhormat sambung karang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Oh sambung ya. Sudah pasti saya mampu berbuat demikian sebab saya ada empat buah agensi lagi. Saya akan menjawab bagi pihak Yang Berhormat Entulu. Lepas itu Yang Berhormat Kota Belud akan menunggu dengan lama sedikit selepas ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi penerangan paling jelas dan *detail* nampak ya, nama banjir pun disebutkan. Jadi saya nampak, Yang Berhormat pun orang paling *busy*, banjirnya lah, dengan *SEA Game* nya juga dia.

Jadi saya, Yang Berhormat sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Ahli Yang Berhormat, saya minta sambung daripada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Dipersilakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi lagi berjiwa muda, saya ingin menyentuh kembali isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah mengenai isu pelarian Rohingya yang didakwa berniaga di kawasan Pasar Borong Selayang. Memang benar, kita ada menerima laporan bahawa mereka ini menjalankan perniagaan di kawasan tersebut terutamanya menjual produk sayur-sayuran. Ini termasuk dakwaan bahawa pelarian Rohingya ini mengumpul baki dan sisa sayuran yang telah rosak daripada peniaga lain di kawasan sekitar dan menjualnya semula kepada orang ramai.

Untuk pengetahuan semua, pelarian Rohingya tidak dibenarkan untuk bekerja atau berniaga termasuklah mereka yang memegang kad UNHCR. Ini kerana kad UNHCR bukanlah merupakan satu dokumen yang membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan ataupun menjalankan perniagaan. Untuk bekerja atau berniaga di Malaysia mereka memerlukan dokumen perjalanan yang sah dan kad UNHCR tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai dokumen perjalanan.

Kerajaan memang mengambil serius laporan mengenai aktiviti perniagaan pelarian Rohingya kerana mereka bukan sahaja berniaga secara haram malahan perbuatan menjual sayur-sayuran yang tidak berkualiti akan mencetuskan masalah kesihatan kepada pembeli. Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalankan penguatkuasaan di kawasan itu dengan bantuan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia untuk menyita barang-barang daripada penjaja haram ini.

Selain itu DBKL dan APM turut menjalankan rondaan secara berterusan dari lapan pagi hingga 12 malam. Rondaan ini dibuat hampir setiap hari dari bulan Julai hingga Ogos 2017 dan seterusnya untuk memastikan tiada pelarian atau pendatang haram yang berniaga di kawasan yang berkenaan.

Yang Berhormat, tadi saya sambung NADMA menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Di antara pembaharuan-pembaharuan yang dibuat ialah di mana JKM kekurangan anggota, APM akan mengambil alih sebab APM ini ada anggota ramai. Kita ada 1.8 juta orang sekarang dan kita akan tingkatkan kepada dua juta dalam masa yang terdekat.

Jadi anggota kita ramai di mana-mana sahaja. Kita akan nampak mereka yang berpakaian biru. Malah kalau sesetengah tempat tersebut tidak dapat dikendalikan oleh JKM atau APM yang boleh kendali adalah guru besar, guru besarlah. Atau bila kendali itulah Tok Empat, Tok Empatlah. Jadi mereka ini akan di'APM'kan kalau sekiranya perlu supaya mereka menyertai pasukan sukarelawan ini untuk membantu mangsa bencana.

Kemudian, pembaharuan yang kedua kita di samping memperbaiki kekurangan termasuklah menambah bot, *partition*, penghadang, *water jet* pun kita bagi dan lain-lain lagi, kita juga memperkenalkan semula sistem 'bapa angkat'. Sistem 'bapa angkat' ini pernah dibuat di sebuah negeri di utara tanah air dulu di mana tiap-tiap pusat pemindahan itu akan di bapa angkatkan oleh jabatan kerajaan. Contohnya di Panggau, Perlis, bapa angkatnya ialah Jabatan Pendidikan. Dia akan kerahkan anggotanya sebanyak 500 orang itu untuk menjadi bapa angkat di kawasan yang berkenaan. Kemudian tiap-tiap jabatan lain juga akan mengetuai sebagai bapa angkat di kawasan perpindahan. Cara begini cukup berkesan sebab bila berlaku sahaja banjir, anggota mereka sudah berada di barisan hadapan. Sebahagian besar daripada mereka telah pun masuk APM.

Keduanya ialah sistem 'bapa angkat negeri'. Contohnya macam kita sudah kenal pasti tetapi sekarang ini akan dilaksanakan serta-merta. Contohnya macam Kelantan, bapa angkatnya Khazanah. Terengganu sudah pastilah PETRONAS bapa angkatnya. Jadi negeri-negeri yang lain, GLC akan menjadi bapa angkat kepada negeri-negeri yang lain. Jadi mereka boleh membantu dari segi tenaga dan juga kewangan bagi negeri-negeri yang telah saya sebutkan terutamanya dari segi penambahan aset.

Jadi NADMA dan juga pengurusan banjir negara ataupun pengurusan bencana negara sekarang berada di tahap yang cukup baik kecuali apa yang berlaku di Pulau Pinang. Masa tersebut kita telah terangkan berkali-kali kepada rakyat tentang apa yang berlaku di mana amaran jingga dan merah itu berlaku dengan begitu cepat. Ini kejadian Allah yang berlaku dengan begitu cepat dalam masa tiga jam setengah, kita dapati Pulau Pinang telah dilanda oleh banjir.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram menyatakan bahawa mangsa-mangsa di beberapa kawasan banjir tidak dapat berdaftar di pusat pemindahan banjir atau pusat pemindahan sementara. Hal ini mengakibatkan mereka tidak menerima bantuan segera banjir daripada kerajaan. Seperti yang saya nyatakan tadi urusan pendaftaran mangsa bencana banjir di pusat perpindahan adalah di bawah bidang kuasa JKM. Manakala mangsa yang tidak dapat berpindah, kita minta supaya benda ini diperbincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah dan juga peringkat negeri termasuk juga dalam kes Pulau Pinang, Setiausaha Kerajaan Persekutuan akan hadir bersama membincangkan perkara yang telah dibangkitkan.

Kita tidak ada masalah bagi mangsa yang berpindah kerana mereka akan diberi bantuan makanan dan juga lain-lain lagi. Akan tetapi mangsa yang tidak berpindah tetapi berada dalam kawasan banjir kita akan bagi bantuan makanan. Mereka kena maklumkan kepada kita ataupun tak perlu melalui

jawatankuasa dan sebagainya. Maklumkan kepada mereka yang bertugas untuk membuat pendaftaran ataupun kepada APM atau mana-mana agensi lain bahawa mereka memerlukan makanan. Kita hantar. Dalam masa satu jam semua akan diuruskan dengan sebaiknya sebab kali ini kita bukan sahaja memantau, Menteri, Ketua Pengarah dan semua anggota kita bersiap-siaga dan kita tidak mengambil cuti sampailah bulan tiga atau mungkin bulan empat tahun depan- mungkin lepas pilihan raya baru boleh kami bercuti tetapi sekarang ini kami akan bekerja bertungkus-lumus untuk memastikan supaya pengurusan bencana dibuat dengan baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun mencadangkan kerajaan mewujudkan pengurusan bantuan bencana banjir secara NBOS untuk memastikan bekalan bantuan dapat diagihkan dengan baik. Seperti yang telah disebutkan dalam Arahan MKN20 yang telah diperbaharui pada tahun 2012 yang telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah agensi tunggal yang menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana.

#### ■1440

Dalam menjalankan tugas ini, JKM dibantu oleh RELA, Bulan Sabit Merah. Ini dalam bulan arahan tersebut. Akan tetapi kita tahu bahawa ini arahan tersebut telah dibuat pada tahun 2012 tetapi NADMA ini muncul tahun 2015 dan termasuk APM. Jadi kita akan mengeluarkan arahan MKN yang baru untuk menyesuaikan keadaan sekarang. Akan tetapi itu nombor dua. Paling penting sekarang ini dari segi realitinya, kita menjalankan tugas walaupun tanpa *circular* untuk memastikan supaya mangsa-mangsa bencana ataupun banjir dapat diberi pembelaan.

Seperkara lagi *Government Linked Companies* (GLC) seperti Khazanah melalui Yayasan Hasanah, *Malaysia Airlines*, Pharmaniaga, UUM, Axiata dan institusi lain turut memberi bantuan yang diselaraskan menggunakan platform kerjasama *GLC Disaster Response Network and GLC Disaster Relief Network* (GDRN). Pihak Telekom Malaysia adalah penyelaras utama GDRN.

Seterusnya bagi memantapkan penerimaan dan pengedaran sumbangan, pelbagai pihak swasta, NGO, orang perseorangan, NADMA, APM boleh mewujudkan sistem ataupun aplikasi atas talian untuk setiap penyumbang menilai dan menentukan keutamaan dari segi item, bilangan dan kesegeraan penghantaran. Jika peruntukan mewujudkan sistem atau aplikasi atas talian ini sukar diperoleh, NADMA boleh bekerjasama dengan JKM untuk meningkatkan keupayaan dan pilihan dalam aplikasi InfoBanjir. JKM sedia ada untuk memberi manfaat. Inisiatif ini bergantung kepada kapasiti dan persetujuan pihak JKM.

Akhirnya sekiranya Yang Berhormat Senator dapat mengesan sebarang pembaziran sumber bekalan bantuan bencana, saya mengalu-alukan aduan bertulis yang menyatakan dengan terperinci lokasi pusat perpindahan dan item yang dibazirkan untuk tindakan penyelarasan.

Nampaknya semua berpuas hati. Tidak ada yang bangun untuk bertanya semula. Demikianlah urusan bantuan bencana negara diuruskan dengan baik. Jadi saya harap Yang Berhormat apabila pergi ke pusat perpindahan, tolong bagi markah *five star rating* kepada NADMA. Saya apabila pergi pusat perpindahan, mereka akan melihat tulisan tangan saya. Saya bagi *rating 5 Star, 3 Star, 2 Star*.

Akan tetapi ada satu kawasan yang saya bagi *2 Star*. Jadi semua pegawai muka berubah. Saya kata *2 Star* ini untuk membolehkan kami tambah lagi bantuan, aset. Akan tetapi dari segi

pengurusan, 5 Star. Jadi saya kata, "Kamu semua layak naik pangkat kerana telah bekerja keras". Itu terpulanglah kepada ketua jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang menjaga *Malaysia Coast Guard* atau APMM, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhalli; Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas kerana keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat berikan dalam memperkukuhkan agensi ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas membangkitkan pencerobohan bot nelayan asing dan kes rompakan yang berlaku dalam perairan negara. *Malaysia Coast Guard* sentiasa mempergiatkan penguatkuasaan bagi menangani masalah pencerobohan bot nelayan asing dan rompakan di zon maritim Malaysia dengan mengambil tindakan secara serius terhadap pesalah-pesalah. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) *Malaysia Coast Guard* telah meningkatkan rondaan dan kehadiran dengan mengoperasikan tujuh sehingga 15 *vesse/* setiap hari di lima wilayah maritim sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan dan juga nelayan asing;
- (ii) *Malaysia Coast Guard* turut melaksanakan tindak balas pantas selepas aduan diterima oleh orang awam;
- (iii) kesemua aset sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dan mampu digerakkan dalam tempoh 35 minit setelah menerima aduan yang berkaitan; dan
- (iv) pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa dilaksanakan berterusan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara.

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas turut mencadangkan agar kerjasama antara agensi dilaksanakan. Seperti Yang Berhormat semua sedia maklum, *Malaysia Coast Guard* telah pun mengadakan kerjasama dan menjalinkan hubungan baik di antara agensi ke agensi kerajaan lain melalui kaedah seperti berikut.

Pertama, melaksanakan Strategi Lautan Biru dengan agensi kerajaan yang lain seperti TLDM, TUDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Kementerian Pelancongan, Jabatan Taman Laut dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan kawalan sempadan perairan negara.

Keduanya, melaksanakan operasi khas bersepadu yang melibatkan *Malaysia Coast Guard*, Tentera Laut Diraja Malaysia, Pasukan Polis Marin dan Jabatan Perikanan Malaysia yang dilancarkan pada 24 Ogos 2017 bagi mengekang pencerobohan bot nelayan asing di perairan negara.

Ketiganya, kerjasama dengan Jabatan Perikanan bagi menangani kegiatan mencuri hasil laut milik negara. Pada masa yang sama, segala bentuk pencerobohan bot nelayan asing di laut dapat ditangani dengan lebih berkesan, berdasarkan maklumat dan yang terkini dan tepat dan juga dari kerjasama kedua-dua jabatan ini. Kerjasama dengan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)

melalui perbincangan telah diadakan sebagai rakan strategik bersama agensi-agensi lain yang terlibat dalam usaha membentuk *Standard Operating Procedures* (SOP) dan juga kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili meminta supaya kerajaan menyatakan jumlah kes rompakan dan pencerobohan khususnya di kawasan perairan Sarawak. Statistik kes rompakan di perairan Sarawak adalah yang paling rendah berbanding dengan perairan-perairan lain. Pada tahun 2013, hanya sebanyak dua kes direkodkan. Tahun 2014 dan tahun 2015 masing-masing sebanyak satu kes. Tahun 2016 pula sebanyak dua kes direkodkan. Walau bagaimanapun, pada tahun ini tiada sebarang kes rompakan dilaporkan. Ini menunjukkan keberkesanan agensi dalam menangani jenayah rompakan.

Manakala bagi statistik pencerobohan nelayan asing pada tahun 2013 hingga November 2017 pula menunjukkan peningkatan tangkapan iaitu pada tahun 2013 dan tahun 2014 masing-masing sebanyak dua kes. Tahun 2015, sebanyak 14 kes. Tahun 2016, sebanyak 12 kes dan tahun 2017 sebanyak 23 kes. Peningkatan jumlah tangkapan ini menunjukkan *Malaysia Coast Guard* serius menangani kes isu pencerobohan ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin memohon statistik nelayan tempatan yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa luar. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat, statistik menunjukkan bot nelayan tempatan yang telah ditangkap oleh pihak penguasa luar dari Januari hingga November 2017 adalah sebanyak 16 bot dan melibatkan 13 kru warga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Shahaman binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mencadangkan supaya *Malaysia Coast Guard* memastikan aset rampasan daripada kes pencerobohan nelayan asing diurus lebih sempurna untuk mengelakkan ketirisan dan memusnahkan bot-bot yang telah disita.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setelah kita mendapat perintah mahkamah bot ini yang telah dilucutkan hak, bot ini akan dibakar tanpa tolak ansur. Ini kes-kes pembakaran bot nelayan asing yang telah dilupuskan berjalan terus. Enam buah bot sedang menunggu giliran dan saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang mahu melihat bahawa kita bertegas dan tidak bertolak ansur tentang pencerobohan ini dan bolehlah bersama-sama nanti.

Laut Indonesia di antara perairan yang cukup bersih daripada nelayan-nelayan asing tetapi pendekatan mereka tidak bersama dengan kita iaitu mereka mengebom dan lain-lain lagi. Kita membakar bot yang telah dilupuskan. Selain daripada itu, *Malaysia Coast Guard* telah melaksanakan pelupusan seperti yang saya sebutkan pada 13 Ogos yang lepas dan yang seterusnya kita akan membuat dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mencadangkan supaya kerajaan membuat penambahan teknologi baru bagi mengesan pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Kerajaan amat memandang serius terhadap isu pencerobohan nelayan asing ini. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik penggunaan teknologi terkini dari semasa ke semasa secara berperingkat bagi memastikan kebajikan nelayan tempatan tidak terjejas dan hasil laut negara terpelihara.

Melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah meluluskan beberapa projek pembangunan sistem pengawasan perairan negara yang berteknologi tinggi yang dikenali sebagai Sistem Pengawasan Laut Malaysia ataupun SWASLA.

Untuk makluman Ahli Dewan, SWASLA berupaya membuat 24 jam pengawasan dengan jangkauan jarak sehingga 30 batu nautika. Selain itu, kerajaan telah meluluskan peruntukan kewangan bagi *Malaysia Coast Guard* untuk membuat perolehan aset-aset laut seperti enam buah Kapal Ronda Generasi Baru (NGPC) yang berukuran 45 meter panjang yang dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2018 dan tiga buah Kapal Peronda Luar Pantai (OPV) yang berukuran 85 meter dijangka siap pada tahun 2020.

#### ■1450

Kapal ini akan dilengkapi dengan UAV untuk tujuan peninjauan. Akhir sekali ialah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman kerana prihatin ke atas isu-isu keselamatan di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah ataupun ESSZONE.

Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman membangkitkan peruntukan sebanyak RM250 juta yang akan diterima oleh ESSCOM dan mencadangkan pembelian *coastal radar* yang dapat mengesan pencerobohan dengan lebih efektif. Pada tahun 2018, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM19.2 juta untuk perbelanjaan mengurus ESSCOM, manakala RM49 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk semua agensi keselamatan yang berada di bawah ESSZONE bagi mempertingkatkan kawasan keselamatan sempadan Sabah. Saya menerima baik cadangan Yang Berhormat berkenaan pembelian *coastal radar* untuk mengesan pencerobohan dengan lebih efektif.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, ESSCOM ketika ini menggunakan *coastal surveillance system radar* (CSSR) bagi melebarkan liputan semasa. Lima buah radar CSSR bersama *optronic* dipasang di lima buah pulau di perairan Telukan Lahad Datu dan Semporna untuk meningkatkan keprihatinan bagi laluan yang berisiko. Lokasi radar CSSR adalah menganjur dari Daerah Kinabatangan sehingga Daerah Semporna. Kerajaan juga melalui ESSCOM akan terus memantau liputan radar sedia ada agar terus konsisten dan reputasi di tahap yang terbaik.

Pada tahun 2018, terdapat peningkatan keupayaan CSSR bagi fasa dua, ditambah menganjur dari perairan Kunak, Semporna dan juga Tawau. Walaupun pemasangan radar baru dalam perancangan ESSCOM, ESSCOM akan sentiasa menilai radar yang sedia ada untuk penggantian yang seterusnya sekiranya diperlukan pada masa-masa akan datang. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana bercakap perkara-perkara di bawah portfolio saya.

Sekarang saya pergi kepada persoalan yang kedua yang dibangkitkan kepada Yang Berhormat Bintulu. Akan tetapi untuk membolehkan kawan-kawan saya yang telah menunggu agak lama, saya bagi gilirannya pergi dulu, saya akan menjawab selepas itu. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim) memberi peluang kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan mengambil giliran]

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mulakan penggulungan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, saya jemput Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, silakan.

### 2.53 ptg.

**Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Dasar, Bajet 2018 yang turut menyentuh perkara-perkara khusus di bawah bidang tanggungjawab saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias yang mencadangkan agar pejabat TERAJU diwujudkan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum akan cadangan penubuhan pejabat TERAJU di Labuan. Buat masa ini Program TERAJU@Koridor telah diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian TERAJU kepada usahawan bumiputera. Di bawah inisiatif ini, TERAJU menempatkan pegawai-pegawai yang berpengetahuan mengenai pasaran utama tempatan di semua koridor ekonomi bagi memberi khidmat nasihat pembangunan keusahawanan dan sokongan pembiayaan yang bersesuaian. Fungsi-fungsi TERAJU@Koridor adalah seperti berikut:

- (i) menerima dan memproses permohonan untuk menyertai inisiatif-inisiatif TERAJU seperti Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi ataupun TeraS, Dana TeraS, Geran Dana Mudah Cara dan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJ);
- (ii) meningkatkan akses usahawan bumiputera kepada khidmat nasihat perniagaan, khidmat nasihat kewangan, pembangunan keupayaan dan penyelidikan dan pembangunan melalui perkongsian pintar antara TERAJU, pihak berkuasa pembangunan wilayah dan semua agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri; dan
- (iii) mengenal pasti syarikat-syarikat bumiputera di setiap koridor ekonomi yang berpotensi untuk menyertai program yang dilaksanakan oleh TERAJU.

Di samping itu, TERAJU juga bekerjasama dengan pihak berkuasa pembangunan wilayah untuk memberikan khidmat sokongan kepada perniagaan tempatan dengan tumpuan kepada sektor-sektor dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA). TERAJU memudah cara urusan usahawan dengan organisasi-organisasi pembangunan usahawan, organisasi pembangunan industri dan institusi kewangan pembangunan seperti Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Perbadanan Nasional Berhad, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan SME Bank Berhad.



TERAJU@Koridor yang diwujudkan ini juga akan menyelaraskan agensi-agensi pembangunan usahawan melalui saluran yang tersusun dan mengelakkan pertindihan peranan, sekali gus memupuk hubungan baik di kalangan agensi-agensi pada peringkat koridor. Pendekatan yang diamalkan di TERAJU@Koridor ini meluaskan jangkauan TERAJU dalam ekosistem ekonomi bumiputera serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan yang disediakan. Pada ketika ini memang telah ada pegawai-pegawai TERAJU ditempatkan di Pejabat Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) yang juga bertanggungjawab memantau pembangunan bumiputera di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai koridor, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dalam perbahasan beliau turut mencadangkan supaya kerajaan meneliti dan menyusun semula pembangunan wilayah ekonomi di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini belum mempunyai perancangan untuk menyusun semula koridor ekonomi wilayah di seluruh negara memandangkan dari segi liputan terdapat beberapa koridor ekonomi wilayah yang meliputi keseluruhan negeri dan wilayah.

Secara ringkasnya, lima koridor ekonomi wilayah di seluruh negara telah meliputi hampir 74 peratus daripada keseluruhan negara dengan keluasan seluas lebih kurang 244,781 kilometer persegi. Ini secara tidak langsung menunjukkan pembangunan yang dilaksanakan di koridor ekonomi wilayah dapat dinikmati oleh majoriti penduduk di seluruh negara.

Namun, saya mengambil maklum cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, Unit Perancang Ekonomi sedang menjalankan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya telah meminta Unit Perancang Ekonomi untuk melihat dan mengkaji pembaharuan yang boleh dibuat bagi memperkasa koridor-koridor ini. Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas pertanyaan dan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun supaya kerajaan mengkaji dan menyusun semula definisi isi rumah B40 bagi memastikan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan lebih berkesan dan memenuhi kehendak kumpulan sasar. Izinkan saya memberikan pencerahan di sini. Definisi 'isi rumah B40' yang digunakan pada masa ini sebenarnya adalah merujuk kepada *"Isi rumah yang mempunyai jumlah pendapatan kasar bulanan di bawah had pendapatan 40 peratus terendah apabila disusun jumlah pendapatan daripada yang paling rendah ke atas iaitu susunan menaik"*.

Pada tahun 2014, had pendapatan B40 adalah RM3,860 manakala pada tahun 2016 ianya telah meningkat kepada RM4,360. Dalam hal ini, definisi B40 tidak menggunakan pendapatan garis kemiskinan (PGK) kerana PGK hanya digunakan untuk mengenal pasti isi rumah miskin. Sedangkan definisi isi rumah B40 merujuk kepada bilangan isi rumah yang jauh lebih besar. Sebagai penjelasan, pada tahun 2016 isi rumah miskin dianggarkan berjumlah 27,600 isi rumah ataupun 0.4 peratus daripada keseluruhan isi rumah.

Manakala bilangan isi rumah B40 dianggarkan berjumlah 2.7 juta isi rumah ataupun 40 peratus daripada keseluruhan isi rumah yang ada di Malaysia.

**■1500**

Bagi membantu golongan B40 ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bersasar termasuklah pemberian BR1M yang bertujuan membantu meringankan beban hidup rakyat akibat kenaikan kos sara hidup. Pada masa ini, agihan BR1M bukan sahaja melibatkan individu dan isi rumah B40 malah isi rumah berpendapatan lebih tinggi daripada had pendapatan B40.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini peluang yang baik sedikit untuk saya memberi penerangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bila kita bercerita fasal B40 ini, persepsi rakyat di luar sana ialah B40 ini adalah di kalangan orang-orang miskin. Sebenarnya tidak. B40 ini adalah satu kumpulan di mana bila kita susun tadi pendapatan isi rumah daripada yang paling rendah sampai ke atas, B40 ini adalah yang 40 peratus ke bawah. Tapi B40 ini dia akan bergerak mengikut masa. Kalau pendapatan rakyat naik, isi rumah naik, maka B40 ini pun akan naik.

Contohnya seperti mana yang saya katakan tadi, pada tahun 2014, siapa-siapa isi rumah yang berpendapatan RM3,860 ke bawah adalah diklasifikasikan sebagai B40. Akan tetapi pada tahun 2016, bila pendapatan isi rumah meningkat secara keseluruhannya, mereka yang berada pada tahap RM4,360 sekarang ini dianggap sebagai B40. Bukan bermakna mereka menjadi miskin tetapi dalam susunan pendapatan isi rumah yang meningkat itu, maka apabila meningkat semuanya- *top 20* meningkat, M40 meningkat, B40 meningkat maka B40 ini akan merangkumi isi rumah yang mempunyai pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada sebelum ini tetapi tidak bermakna isi rumah yang miskin bertambah. Ini persepsi yang perlu dijelaskan kerana saya lihat ramai yang terkeliru bahawa B40 ini kononnya adalah jumlah isi rumah yang miskin.

Kita ada satu lagi kategori yang dipanggil miskin melalui penggunaan PGK iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan. Untuk makluman, daripada B40 ini, semua isi rumah *bottom forty* ini atau B40 ini, majoritinya berada di tahap yang tinggi. Contoh, 57 peratus daripada isi rumah di bawah kategori B40 mempunyai pendapatan di atas RM3,000 sampailah RM4,360. Jumlahnya ialah 57 peratus. Hampir 60 peratus daripada kumpulan B40 ini yang dianggap oleh sebahagian orang sebagai miskin, sebenarnya mempunyai pendapatan di antara RM3,000 ke atas- RM3,000 sampai hadnya lah, RM4,360. Yang selebihnya adalah di bawah RM3,000. Bermakna, walaupun kita panggil mereka B40 tetapi mereka berada dalam pendapatan yang sederhana, bukannya miskin. Jadi ini perlu untuk kita perjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dalam perbahasan telah bertanya mengenai pendekatan yang diambil oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi kerajaan mengenai ujian dan pengiktirafan kelayakan kemahiran melalui kerangka kerja perundangan dan statutori bagi membantu melonjakkan TVET di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berperanan dalam merancang pembangunan sosioekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang serta memperakukan peruntukan pembangunan ataupun *development expenditure* kepada kementerian untuk melaksanakan projek ataupun program pembangunan. Ini termasuklah untuk pembangunan kemahiran selaras dengan hala tuju negara dalam aspek pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Unit Perancang Ekonomi juga berperanan memantau pelaksanaan polisi dan strategi-strategi yang dizahirkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ke arah peningkatan kualiti pelajar lepasan

TVET yang memenuhi keperluan industri. Inisiatif TVET ini sebenarnya dilaksanakan oleh tujuh kementerian dengan melibatkan lebih 550 institusi latihan kemahiran berdasarkan *core business* yang berbeza namun ke arah objektif yang sama iaitu bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran. Tujuh kementerian tersebut ialah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kerja Raya.

Pada masa ini, pengiktirafan dan akreditasi kelayakan kemahiran di bawah program TVET adalah berlandaskan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia yang diguna pakai oleh dua agensi utama iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kedua-dua agensi ini bekerjasama dalam memastikan keseragaman dan tiada pertindanan fungsi daripada aspek pengiktirafan persijilan. Sebagai contoh, persijilan oleh kolej komuniti, politeknik dan universiti adalah di bawah MQA manakala persijilan yang dikeluarkan oleh institusi latihan kemahiran adalah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Modal Insan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diurus-setiakan oleh pihak EPU merupakan jawatankuasa di peringkat tertinggi yang akan menimbang dan membuat keputusan mengenai isu-isu dasar berkaitan pembangunan modal insan termasuk isu berkaitan TVET seperti rangka kerja kelayakan Malaysia yang baru sebagai rujukan semua agensi, mobiliti dan artikulasi pendidikan teknikal dan latihan kemahiran serta pewujudan sistem akreditasi TVET yang tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, bidang fokus TVET ini akan menghasilkan modal insan berkemahiran bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Ia adalah antara faktor kritikal dalam menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia selain meningkatkan produktiviti tenaga kerja tempatan melalui penawaran pekerja berkemahiran tinggi kepada permintaan industri dalam negara.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, lebih 1.5 juta pekerjaan baru disasarkan dapat diwujudkan dengan 60 peratus memerlukan pekerja mahir. Buat masa ini, negara hanya mempunyai lebih kurang 28 peratus pekerja berkemahiran tinggi daripada sumber tenaga kerja. Sasaran kerajaan pada tahun 2017 adalah untuk meningkatkan jumlah pekerja mahir kepada 35 peratus sesuai matlamat untuk menjadikan sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu mengenai Skim Latihan 1Malaysia atau SL1M. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu semasa perbahasan beliau bertanyakan mengenai jumlah peserta SL1M yang dapat menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa serta pecahan penyertaan graduan SL1M mengikut kaum sejak ia ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program SL1M adalah sebuah program latihan yang dikhaskan untuk membantu graduan lepasan ijazah meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan dan seterusnya membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan lepasan ijazah.

Sehingga 20 November 2017, sebanyak 400 syarikat GLC, syarikat-syarikat besar, sederhana dan kecil telah mengambil bahagian untuk melaksanakan program SL1M. Seramai 140,860 graduan

berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara. Berdasarkan jumlah tersebut, 76 peratus adalah kaum Melayu, 21 peratus daripada Bumiputera Sabah dan Sarawak, 1.8 peratus ialah kaum India dan 1.2 peratus ialah kaum Cina.

Untuk makluman, kesemua graduan ini ditempatkan di syarikat-syarikat tempatan sahaja. Buat masa ini, belum ada syarikat antarabangsa yang mengambil bahagian dalam program SL1M.

Untuk menambah baik dan memperkasakan lagi program SL1M, kerajaan telah memutuskan untuk membuka lebih banyak peluang latihan dengan menjadikan program SL1M sebagai salah satu syarat dalam perolehan kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017.

Dasar ini dilihat sebagai satu medium dan langkah proaktif kerajaan bagi memastikan program SL1M terus kekal relevan dan signifikan dalam membangunkan modal insan negara. Semua syarikat yang mendapat kontrak kerajaan diwajibkan melaksanakan program SL1M dengan memastikan syarikat-syarikat ini menyumbang semula sebanyak satu peratus daripada nilai kontrak kepada masyarakat dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Diharapkan dengan pelaksanaan dasar baru ini akan meningkatkan jumlah penglibatan syarikat tempatan dan juga antarabangsa di dalam program SL1M.

#### ■1510

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan juga telah membangkitkan mengenai penyertaan graduan OKU dalam Program SL1M.

Untuk makluman, graduan OKU turut menerima manfaat program ini dengan kesudian industri membuka pintu seluas-luasnya membimbing dan melatih mereka dengan kemahiran-kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan sebenar. Sebagai contoh, SL1M telah berjaya melatih seorang graduan OKU di salah satu syarikat yang mengambil bahagian sehingga beliau berjaya diserap sebagai pegawai penterjemah di syarikat tersebut.

Selain itu, SL1M turut mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan platform dan peluang kerjaya sebagai usahawan dalam pelbagai bidang dengan membuka perniagaan sendiri melalui bimbingan daripada peniaga dan usahawan berjaya. Kerajaan melalui SL1M akan terus komited bagi membantu semua graduan termasuklah graduan OKU kita dengan menyediakan lebih banyak peluang latihan, pekerjaan dan keusahawanan bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran seterusnya membantu memperbaiki status sosial ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan memberikan cadangan berkenaan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya di Jabatan Perdana Menteri. Agensi-agensi di bawah saya akan mengambil perhatian dan tindakan terhadap cadangan-cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan yang telah menjawab semua perkara yang ditimbulkan dengan tepat dan jelas. Terima kasih banyak ya.

Dan saya bagi peluang sekejap kepada kita punya Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang bercakap bagi pihak kita punya Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun. Dipersilakan Yang Berhormat.

### 3.12 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *you are the most handsome as a man*. Seterusnya izin saya bangkitkan mengenai fungsi dan tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di bawah portfolio Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram, agar penambahan pengambilan masyarakat India dalam perkhidmatan awam dibuat secara menyeluruh meliputi perjawatan untuk kumpulan pelaksana dan kumpulan pengurusan dan profesional.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seorang sahaja yang bercakap tajuk ini. Yang Berhormat, kaedah pengambilan dan pelantikan ke perkhidmatan awam persekutuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon dan juga berdasar kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Dasar pelantikan ini bertujuan untuk memastikan calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja dilantik dalam perkhidmatan awam. Pada masa ini SPA tidak meletakkan sebarang kuota sesuatu agama atau kaum tertentu dalam pelantikan penjawat awam. Semua calon termasuk calon India mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil- *open and fair competition*, bagi pengambilan di semua peringkat termasuk kumpulan pelaksana dan kumpulan pengurusan dan profesional.

Urusan pengambilan SPA bagi kebanyakan jawatan melibatkan kaedah *MyRecruitment* di mana calon-calon yang perlu melalui empat proses saringan iaitu tapisan awal, peperiksaan *online*, penilaian kompetensi dan juga Program *Assessment Centre* (PAC) dan juga temu duga. Calon-calon yang tidak melepasi lapisan awal yang dilaksanakan melalui sistem berkomputer, tidak akan dipanggil untuk menduduki peperiksaan *online*. Manakala calon yang tidak melepasi peperiksaan online, tidak akan dipanggil untuk mengikuti penilaian kompetensi dan begitu juga calon yang tidak melepasi penilaian kompetensi, tidak akan dipanggil temu duga. Hanya calon yang terbaik dan menepati kriteria pemilihan sahaja yang akan dilantik ke perkhidmatan awam.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah bergantung kepada minat, kecenderungan dan kehendak seseorang mengikut Perlembagaan Persekutuan. Setiap orang tanpa mengira kaum atau agama boleh memilih atau mengambil keputusan untuk memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam atau sebaliknya. Statistik SPA bagi tempoh 2015 sehingga 2017, mendapati kaum Melayu yang merupakan calon yang paling tinggi memohon untuk bekerja dalam perkhidmatan awam iaitu sekitar 79.70 peratus. Ia diikuti oleh bumiputera Sabah sebanyak 7.77 peratus, bumiputera Sarawak sebanyak 5.6 peratus, India sebanyak 3.27 peratus, lain-lain kaum 1.83 peratus, Cina 1.6 peratus dan Orang Asli 0.25 peratus.

Sungguhpun bilangan pemohon kaum India adalah antara yang terendah, namun peratus pelantikan kaum India dalam perkhidmatan awam berbanding dengan calon India yang hadir temu duga adalah yang tertinggi mengatasi kaum-kaum lain.

Sebagai contoh pada tahun 2016, hanya seramai 2,543 calon Cina yang hadir temu duga, namun daripada jumlah tersebut seramai 1,182 orang atau sebanyak 46.8 peratus telah dilantik ke perkhidmatan awam. Manakala kaum India pula daripada seramai 2,543 orang yang hadir temu duga, 958 orang atau 34.01 peratus telah dilantik. Selain itu, seramai 5,087 bumiputera Sarawak hadir temu duga dan 1,364 orang atau 26.81 peratus telah dilantik. Bagi lain-lain kaum pula, seramai 1,621 hadir temu duga dan 415 orang atau 25.60 peratus dilantik.

Seterusnya seramai 6,899 bumiputera Sabah hadir temu duga dan 1,634 orang atau 23.68 peratus dilantik. Manakala seramai 81,811 calon Melayu hadir temu duga dan hanya 19,347 orang atau 23 peratus dilantik dan seramai 786 Orang Asli hadir temu duga, 146 orang daripadanya telah dilantik ataupun 18.58 peratus ke dalam perkhidmatan awam. Ini bererti calon-calon Melayu adalah yang paling rendah, di antara yang terendah pelantikan dalam perkhidmatan awam berdasarkan penduduk di Malaysia, 67 peratus atau 66 peratus bumiputera, 22 peratus ataupun 23 peratus Cina, 7 peratus India dan yang itu adalah lain-lain. Jadi berdasarkan kaum dari segi pelantikan, kita lihat orang Melayu adalah yang paling rendah.

SPA sentiasa mengambil langkah proaktif melaksanakan inisiatif tertentu bagi meningkatkan bilangan permohonan daripada kaum India supaya lebih ramai calon boleh dipertimbang dalam urusan pengambilan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan bilangan pelantikan ke perkhidmatan awam. Antara inisiatif tersebut adalah termasuk mengadakan program-program *out reach* secara umum dan juga khusus iaitu untuk kumpulan sasar tertentu termasuk program khusus untuk masyarakat India bagi menarik minat dan memberi pendedahan kepada masyarakat India khususnya golongan belia untuk memohon memasuki perkhidmatan awam. Program ini antaranya diadakan di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang dipilih.

Keduanya, mengadakan kerjasama secara N-BOS dengan agensi-agensi yang menjaga kebajikan dan pembangunan kaum India seperti *Socioeconomic Development of Indian Community Unit* (SEDIC) melalui penganjuran seminar, bengkel yang khusus membincangkan mengenai pembangunan kerjaya seperti tip-tip menghadiri temu duga, cara menghasilkan resume, keterampilan dan sahsiah diri serta lain-lain berkaitan.

Program seperti ini melibatkan pihak SPA sebagai penceramah dan fasilitator. Melalui program-program ini, lulusan ijazah dan diploma daripada Institut Penggajian Tinggi dan lulusan SPM yang cemerlang adalah sangat digalakkan untuk memohon melalui sistem permohonan pekerjaan SPA secara dalam talian ataupun SPA8. Seterusnya, melalui tapisan dan proses selanjutnya sehingga ke peringkat temu duga dan seterusnya dilantik ke perkhidmatan awam.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya juga sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menimbulkan perkara-perkara mengenai Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu dan juga kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya sendiri yang menjawab tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang telah menjawab bagi pihak Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu dan saya rasa Dato' Seri Dr. Shahidan akan menjadi sibuk tiap-tiap kali ada banjir, bencana alam, dialah. Dia kata dia nak berkorban untuk bangsa dia. Dia kata dia berbakti. Jadi, tahniah kepada Yang Berhormat ya... [*Dewan tepuk*] Jawapannya tadi tepat ya bagi pihak Yang Berhormat Datuk Joseph dan juga tadi satu lagi yang pertama tadi ya, ialah jawab dengan penuh jelas dan terang. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong. Dipersilakan.

■1520

3.20 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun yang telah mencadangkan supaya kerajaan memastikan semua Kampung Baru Cina dibangunkan secara sama rata dan pada waktu yang sama kerajaan dapat menaik taraf hidup penduduk daripada Kampung Baru Cina setaraf dengan taraf hidup penduduk di kawasan bandar dan menjadi pengharapan beliau Kampung Baru Cina ini dibangunkan sebagai bandar satelit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah meminggirkan penduduk-penduduk di Kampung Baru Cina yang tinggal di dalam kawasan bandar ataupun di kawasan bukan bandar. Kerajaan sentiasa akan memastikan agenda pembangunan luar bandar tetap diteruskan bagi membolehkan keadaan ekonomi luar bandar dan bandar adalah seimbang. Kerajaan sememangnya mengamalkan pembangunan Kampung Baru Cina secara inklusif selama ini. Ini terbukti jika kita melihat kepada peruntukan pembangunan yang disalurkan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur dan sosioekonomi di kampung-kampung baru di mana hampir RM800 juta telah dibelanjakan sejak tahun 2000 lagi.

Projek-projek yang diluluskan adalah sama rata kerana ia berdasarkan kepada keperluan kampung masing-masing. Pelaksanaan projek-projek ini telah berjaya membantu mempertingkatkan akses penduduk kepada kemudahan infrastruktur yang berkualiti, meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna selain menyediakan ruang yang selesa untuk penduduk kampung menjalankan aktiviti sosial dan aktiviti kemasyarakatan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan pada masa ini untuk menaik taraf hidup penduduk Kampung Baru. Antara inisiatif adalah seperti berikut.

Pertama, pemberian bantuan untuk baik pulih rumah penduduk kampung yang usang dan rosak supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti. Dalam hal ini, sebanyak RM16.8 juta telah dibelanjakan untuk membaiki 1,880 buah rumah di seluruh Kampung Baru pada tahun 2016 dan 2017. Program ini telah membawa impak yang besar kepada penduduk Kampung Baru dan akan diteruskan lagi dengan suntikan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun 2018.

Kedua, pelaksanaan Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina (PKBC) yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah iaitu empat peratus berasaskan baki bulanan atau *monthly rest*, dengan izin, supaya penduduk kampung baru ini dapat memulakan perniagaan atau memperluaskan perniagaan sedia ada. Sehingga hari ini, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM120 juta kepada Bank Simpanan Nasional untuk melaksanakan skim pinjaman ini dan

secara kumulatif, sebanyak RM270 juta telah diluluskan oleh Bank Simpanan Nasional kepada 7,736 peminjam.

Ketiga, pembangunan kampung baru sebagai destinasi pelancongan yang bertujuan merancakkan ekonomi dan aktiviti ekonomi setempat. Industri pelancongan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kerana ia mencakupi bidang perkhidmatan yang luas yang dapat menyumbang kepada pendapatan pekerjaan dan memperluaskan peluang-peluang perniagaan.

Kampung-kampung baru yang wujud sejak tahun 1950-an mempunyai sejarah dan budaya unik yang berpotensi dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Dalam hal ini, 20 buah Kampung Baru Cina telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai Kampung Baru Cina yang telah dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Antaranya ialah seperti Kampung Baru Bukit Tinggi di negeri Pahang yang terkenal dengan penanaman dan penjualan halia dan Kampung Baru Kuala Sepetang di Perak yang berpotensi dalam bidang ekopelancongan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan bandar satelit di Kampung Baru, kerajaan pada ketika ini tiada perancangan khusus untuk tujuan tersebut. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, sesuatu tempat hanya boleh dibangunkan sebagai bandar satelit atau hab baru jika terdapat penyediaan perumahan, kemudahan dan infrastruktur awam seperti sistem pengangkutan awam, rangkaian jalan, kesediaan jalur lebar berkelajuan tinggi dan sebagainya.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian daripada Kampung Baru Cina yang berada di kawasan bandar yang sedia ada seperti Kampung Baru Salak Selatan di Kuala Lumpur dan Kampung Baru Seri Kembangan di Selangor yang telah mengalami perubahan berikutan dengan pembangunan pesat dan rancak di persekitaran kampung hasil daripada perkembangan perindustrian, perusahaan kecil dan sederhana.

Jadi itu sahaja jawapan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh yang telah membangkitkan isu ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong yang telah menjawab dengan jelas dan tepat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri. Dipersilakan.

### 3.25 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian yang telah menyentuh dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa agensi-agensi Jabatan Perdana Menteri di bawah seliaan saya ketika membahaskan Bajet 2018 dari hari Isnin yang lalu, 4 Disember 2017 sehingga semalam, 11 Disember 2017. *Insyallah* saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini.

Kita ada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang ingin mengetahui impak penubuhan *National Rail Centre of Excellence* dalam melahirkan tenaga kerja mahir dalam



bidang rel. Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober yang lepas, kerajaan akan menubuhkan *National Rail Centre of Excellence* bagi menyokong perkembangan industri pekerja mahir dalam bidang rel tempatan. Pusat ini akan memainkan peranan menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi ke atas latihan teknikal rel yang dijalankan di akademi-akademi rel seperti *Rapid Rail Academy*, *Malaysian Railway Academy* (MyRA), KTMB dan akademi-akademi rel akan datang seperti *MyHSR Academy* dan *MRL Academy*.

Tujuan utama *National Rail Centre of Excellence* ini adalah bagi memenuhi keperluan pekerja berkemahiran oleh operator rel dan industri rel secara amnya. Ia akan menggunakan tenaga pengajar yang berkelayakan dari dalam dan luar negara bagi menjayakan program-program yang akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diambil maklum bahawa *National Rail Centre of Excellence* bukanlah memainkan peranan sebagai sebuah pusat pengajian tinggi seperti kolej atau universiti yang menawarkan kursus-kursus peringkat diploma atau sarjana dalam bidang kejuruteraan. Akan tetapi ia merupakan satu peringkat pada fasa berikutnya iaitu sebelum seseorang yang mempunyai kelulusan berkaitan menceburkan diri dalam bidang rel serta sebagai platform untuk mereka meneruskan pengembangan dan pembangunan kerjaya mereka ataupun, dengan izin, *continuous carrier growth and development*.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, bagi turut menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator yang juga ingin mengetahui penyelarasan jaminan kualiti dan akreditasi ke atas kursus-kursus kejuruteraan, teknikal dan vokasional bagi semua kerja yang terlibat dalam pembinaan dan operasi industri rel, adalah dimaklumkan bahawa jaminan kualiti dan akreditasi ke atas kursus-kursus kejuruteraan teknikal dan vokasional bagi politeknik, institusi kemahiran, pusat-pusat pengajian dan universiti adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh ingin mengetahui adakah cadangan untuk mengadakan perkhidmatan seperti *Rapid KL* di Melaka?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (RIPAD) yang telah menetapkan sasaran untuk mencapai 40 peratus perkongsian mod pengangkutan awam darat di kawasan bandar dan meningkatkan kebolehcapaian ataupun *accessibility* di kawasan luar bandar agar pengangkutan awam darat menjadi pilihan mobiliti rakyat menjelang tahun 2030.

RIPAD Negara ini seterusnya akan diperincikan dalam RIPAD peringkat Wilayah iaitu utara, timur dan selatan yang akan mengandungi dasar-dasar serta perancangan pengangkutan awam darat bagi tempoh 20 tahun.

#### ■1530

Bagi negara Melaka khususnya yang akan diliputi dalam RIPAD Wilayah Selatan yang akan turut merangkumi negeri Johor dan juga Negeri Sembilan. RIPAD Wilayah Selatan ini akan mengenal pasti isu-isu berkaitan pengangkutan awam darat serta mencadangkan penyelesaian terbaik kepada

sistem pengangkutan awam darat bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Ia dijadualkan untuk disiapkan pada tahun 2018.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama kerajaan telah menyediakan dana bantuan sementara perkhidmatan Bas Henti-henti ataupun ISBSF kepada semua operator bas yang layak di seluruh negara termasuk di negeri Melaka bagi membantu pihak operator meneruskan operasi bas henti-henti atau pun *stage bus*, dengan izin, khususnya di kawasan luar bandar serta di laluan-laluan sosial iaitu laluan yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan.

ISBSF telah mula disalurkan pada tahun 2012 dan ia adalah sebagai langkah penyelesaian interim kepada perkhidmatan bas sementara menunggu penyelesaian yang lebih menyeluruh yang akan dikenal pasti melalui RIPAD wilayah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat Senator telah mencadangkan untuk tambang harga pengangkutan awam dikurangkan bagi mengelakkan projek pembangunan pengangkutan awam seperti MRT tidak menjadi gajah putih kerana rakyat tidak mampu untuk menggunakannya. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang mendakwa bahawa Malaysia tidak memberi penekanan kepada pembangunan sistem pengangkutan awam seperti negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menyediakan satu sistem pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan untuk menyokong pertumbuhan sosial dan ekonomi negara yang berterusan.

Perkara ini telah pun digariskan dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) negara seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. RIPAD akan dirujuk bagi menambah baik dan menjamin penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam darat kepada semua golongan sasaran.

Antara objektif strategik yang telah ditetapkan di bawah RIPAD negara bagi mentransformasikan pengangkutan awam darat adalah untuk menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang saling berhubung kait dan juga perkhidmatan yang mampu diakses bagi semua golongan masyarakat termasuklah golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, harga tambang pengangkutan awam darat di Malaysia khususnya perkhidmatan rel bandar adalah secara amnya berpatutan dan mampu untuk dibayar oleh pengguna. Selain daripada itu, pelbagai insentif boleh dinikmati oleh pengguna harian ataupun *daily commuters*, dengan izin atau pengguna kerap, dengan izin, *frequent users* seperti diskaun pas mingguan dan pas bulanan.

Pengendali perkhidmatan rel bandar seperti prasarana dan KTMB juga diwajibkan memberi diskaun konsesi sehingga 50 peratus kepada warga emas, Orang Kelainan Upaya ataupun OKU, pelajar dan kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun. Manakala, kanak-kanak di bawah umur 2 tahun pula dikecualikan daripada membayar tambang perjalanan.

Berdasarkan kadar tambang perkhidmatan LRT, Monorel dan Komuter yang diluluskan pada September 2015, jumlah hasil pendapatan tambang dijangka hanya dapat menampung sebanyak 61 peratus daripada jumlah kos operasi ketiga-tiga perkhidmatan ini. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi menampung jumlah kos operasi bagi ketiga-tiga perkhidmatan rel bandar terbabit. Ini dilaksanakan bagi membolehkan

rakyat mempunyai akses kepada prasarana dan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik tetapi mampu dibayar.

Dari semasa ke semasa juga kadar tambang perkhidmatan pengangkutan awam darat akan disemak semula bagi menjamin agar tambang yang ditetapkan kepada pengguna pengangkutan awam darat adalah kadar yang mampu dibayar dan tidak membebankan mana-mana pihak.

Dalam pada itu, saya tidak bersetuju dengan dakwaan mengatakan projek pembangunan sistem pengangkutan awam di Malaysia akan menjadi 'gajah putih' kerana rakyat tidak akan menggunakannya ekoran harga tambang yang mahal. Ini dibuktikan dengan statistik jumlah penumpang perkhidmatan rel bandar pada bulan Januari sehingga Oktober pada tahun ini iaitu tahun 2017 yang telah mencatatkan peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding jumlah penumpang dalam tempoh yang sama bagi tahun 2016 iaitu sebanyak 740,408 penumpang pada tahun 2017 berbanding 646,169 penumpang pada tahun 2016.

Justeru, tidak salah untuk saya nyatakan bahawa kadar tambang bagi perkhidmatan rel bandar di Kuala Lumpur adalah berpatutan untuk digunakan oleh rakyat. Seterusnya saya ke soalan yang melibatkan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff membangkitkan isu berhubung insiden seorang OKU yang telah terjatuh di landasan monorel di stesen KL Sentral.

Untuk makluman, insiden yang dirujuk merupakan kejadian yang melibatkan seorang OKU. Terjatuh ke kawasan takungan landasan di stesen KL Sentral perkhidmatan KL Monorel. Mengikut SOP *rapid rail* yang mengendalikan laluan KL monorel, pegawai khidmat pelanggan atau polis bantuan akan mengiringi pelanggan OKU terutamanya mereka yang cacat penglihatan dari kaunter khidmat pelanggan sehingga ke kawasan platform untuk menaiki tren. Sekiranya pelanggan OKU memerlukan bantuan, saya menyatakan demikian kerana kalau mengikut rekod yang kita ada melalui video, pada masa itu yang terakhir sekali kes ini, pelanggan ini mempunyai teman untuk masuk ke tempat satu ruang yang kita nampak daripada video.

Pada hari kejadian, pegawai khidmat pelanggan tidak mengiringi pelanggan OKU tersebut ke kawasan platform kerana pelanggan OKU tersebut diiringi seseorang ketika membeli token konsesi di kaunter khidmat pelanggan. Malangnya pengiring yang kita nampak sebagai pengiring tersebut tidak kelihatan semasa pelanggan OKU tersebut tiba di platform.

Siasatan dan pengamatan CCTV di stesen tersebut juga mendapati pelanggan OKU tersebut tidak bergerak berpandukan laluan untuk pelanggan cacat penglihatan. Bermakna beliau keluar sedikit daripada ruang yang ada iaitu laluan untuk OKU. Terutama sekali mereka yang dalam cacat penglihatan. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sistem pintu platform automatik yang siap dipasang masih tidak berfungsi kerana laluan KL Monorel masih beroperasi menggunakan gabungan tren dua gerabak dan tren empat gerabak. Manakala sistem pintu automatik tersebut dibina khusus untuk tren empat gerabak sahaja.

Berikutan kejadian tersebut, pihak *rapid rail* akan mengambil langkah-langkah berikut. Pertama, untuk jangka masa terdekat kita mengkaji semula SOP sedia ada untuk mengatasi sebarang kekeliruan yang mungkin berlaku dan memastikan anggota polis bantuan dan kakitangan stesen berfungsi dengan berkesan.

Kedua, untuk jangka masa akan datang memastikan penugasan anggota polis bantuan yang mencukupi dan meningkatkan kerjasama di antara pihak *rapid rail* dengan badan bukan kerajaan yang berkenaan dan yang ketiga, untuk jangka masa panjang melaksanakan sistem pintu platform automatik sementara yang boleh menampung operasi gabungan tren dua gerabak dan tren empat gerabak serta mengaktifkan sistem pintu platform automatik yang sedia ada.

Seterusnya...

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit berkaitan dengan apa yang saya bangkitkan tempoh hari dalam ucapan bajet saya dahulu. Saya cuma hendak lahirkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang kejadian itu.

Kalau mangsa bersama dengan pengiring ataupun sebagainya itu satu hal yang lain tetapi apa yang saya hendak beritahu, semua kejadian ini akhirnya yang akan diberi tanggungjawab yang orang akan marah ialah kepada Menteri yang berkenaan.

■1540

Sepatutnya kita kena marah kepada pegawai-pegawai, petugas yang mengurus monorel itu. Saya kasihan dengan Yang Berhormat Menteri hendak memberi ulasan untuk mempertahankan pegawai-pegawai padahal keadaan yang sebenarnya apa yang saya tahu adalah saya hendak melahirkan rasa kecewa dan rasa ralat saya kerana apabila kejadian itu berlaku, pertamanya polis bantuan itu tidak ada di tempatnya, itu satu.

Kedua, apabila berlaku sahaja kemalangan apakah SOP pada pihak monorel berkaitan dengan apa sahaja kemalangan kerana setelah berlaku kemalangan tidak ada siapa pun yang rasa bertanggungjawab untuk tampil ke depan untuk mengiringi atau mengambil tahu tentang perkembangan-perkembangan kemalangan. Oleh sebab itu saya tidak hendak tanya dan saya tidak hendak bahas berkaitan dengan ini kejadian itu sudah berlaku.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri hendak buat beberapa perkara saya alu-alukan cuma sebagai manusia, sebagai orang yang bertugas, sebagai orang yang menjalankan kerja dengan ibadah. Kalau tuan-tuan bekerja menolong orang dalam kesusahan juga satu ibadah dan juga satu pahala. Kita tidak boleh kata ini bukan tugas saya dan akhirnya pergi ke hospital dan beberapa hari selepas itu barulah ada sedikit respons itu pun selepas keluar daripada surat khabar kerana ini hal *family* dengan pihak SPAD atau pihak monorel.

Saya cuma sampaikan kebetulan kawan punya abang ipar dia terlibat rapat dengan saya dia mempertikaikan kenapa Menteri itu, bila dia sebut fasal Menteri, bila sebut fasal Barisan Nasional saya kata kenapa kesalahan yang sepatutnya berlaku ini dituduh kepada Barisan Nasional dan juga Yang Berhormat Menteri. So, Yang Berhormat Menteri kena faham Yang Berhormat Menteri saya hendak melahirkan rasa kecewa inilah masalah yang kita hadapi kadang-kadang bukan kerana apa, kerana kecuai.

Kalau kita salah, kita tampil ke depan. Kalau kita bawa kereta kita langgar motor, jatuh motor walaupun motor itu salah ataupun kita yang betul kita ambil tahu sekurang-kurangnya dia rasa lega itu boleh ada dalam jiwa dan dia merasakan bahawa kita ini orang yang bertanggungjawab. Itu yang saya hendak sampai Yang Berhormat Menteri dan saya harap perkara ini tidak berulang kerana apa yang

saya tahu saya difahamkan ada 13 kejadian tetapi Yang Berhormat Menteri kata ada 18 tetapi bukan di situlah maksudnya keseluruhan.

Jadi saya mengharapkan supaya kita ada nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai pekerjaan itu sebagai satu benda yang memberi kebaikan kepada kita kerana ia boleh terjadi kepada orang lain. Mungkin daripada jiran kita, kawan kita, anak kita, jadi kita tidak mahu benda-benda ini terjadi. Itu sahajalah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memang betul tugas kita untuk memastikan kita menjalankan tugas untuk rakyat. Saya amat menghargai apa Yang Berhormat nyatakan. Namun begitu Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan di luar Dewan saya hendak ulang di sini saya telah memanggil pegawai-pegawai yang berkenaan dan keseluruhan kes yang ada yang dalam rekod kita dari tahun 2004 sehingga tahun 2017 ada 17 kes dan betul kata Yang Berhormat sebab sepatutnya ia tidak berulang dan kita SOP ada, bukan SOP tidak ada.

Akan tetapi itu perlu diperketatkan dan saya telah menegur supaya pegawai-pegawai melihat kepada perkara ini. Ini tidak berlaku kepada kita kalau ia berlaku kepada kita ianya malanglah kita yang menjadi mangsa, baru kita merasa apa yang orang rasa. Dari tahun 2004 hingga tahun 2017 ada 17 kes tetapi bukan melibatkan monorel sahaja. Ia keseluruhan kereta api punya kes ataupun melibatkan KTM, LRT, ERL dan monorel. Ada tiga kes yang melibatkan pencerobohan kes daripada OKU yang masuk ke kawasan tersebut dan ini juga yang telah berlaku.

Namun begitu Yang Berhormat, jangan risau memang kita mengambil teguran ini sebagai satu perkara yang dijadikan, diharap ianya tidak berulang lagi kerana memang betul kita perlu mengambil iktibar daripada satu-satu kes supaya dipelajari dan seharusnya insiden seperti ini memang tidak boleh berlaku. Ingin saya nyatakan juga dari segi insurans semuanya memang ada untuk setiap kes.

Jadi saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahaja jawapan untuk semua komen dan juga debat-debat yang telah dianjurkan di sini. Saya hendak ambil peluang ini hendak ucapkan sekali ucapan terima kasih, *Merry Christmas* kepada *those* yang meraikan Krismas dan selamat tahun baru 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri kita dan yang telah memberi penjelasan yang panjang lebar dan tepat dan juga Yang Berhormat Menteri yang sanggup mendengar dan memperbaiki itu satu sikap yang baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Wira Razali bin Ibrahim. Dipersilakan.

**3.46 ptg.**

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung sesi penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato'

Haji Mohd. Salim bin Sharif mengenai FELDA dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun mengenai SPRM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif membangkitkan isu rumah generasi kedua FELDA di Palong 14, Palong 15, Palong 16, dan Palong 8 yang belum disiapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua skim perumahan di Palong 16 iaitu Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sebanyak 210 unit dan Sentuhan Kasih FELDA (SKF) sebanyak 100 unit. Skim perumahan tersebut dibina bagi memenuhi keperluan perumahan gugusan yang termasuk Palong 14, Palong 15 dan Palong 16.

Bagi projek PGBF, kemajuan projek di tapak yang dimaksudkan adalah sebanyak 44 peratus manakala bagi projek SKF kemajuan projek adalah sebanyak 78 peratus. Kesemua dijangka siap pada tahun 2018 secara berperingkat-peringkat. Bagi FELDA Palong 8, skim perumahan yang terlibat adalah projek PGBF. Bilangan unit rumah yang dibina ialah sebanyak 300 unit dengan kemajuan kerja di tapak adalah sebanyak 85 peratus. Tarikh siap kerja juga dijangka pada pertengahan tahun 2018.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif turut membangkitkan isu bantuan penanaman semula kelapa sawit mengikut Bajet 2018 dan menyatakan bahawa FELDA akan memotong separuh daripada peruntukan tersebut kerana wang SES sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menerima peruntukan sebanyak RM43 juta bagi membantu meringankan beban peneroka yang menggantikan tanaman getah ke kelapa sawit seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018. Seramai 8,329 orang peneroka yang terlibat dari tahun 2010 hingga 2016.

Peruntukan yang diterima akan diagih mengikut keluasan tanah peneroka dengan pengiraan sebanyak RM1,636.80 bagi setiap hektar. Justeru pihak pengurusan FELDA memberi tiga pilihan kepada peneroka dalam pembayaran peruntukan yang terlibat iaitu:

- (i) menerima 100 peratus jumlah wang SES tanam semula secara tunai;
- (ii) menerima 50 peratus daripada jumlah SES tanam semula secara tunai dan baki 50 peratus lagi akan digunakan untuk menolak hutang mereka yang sedia ada; atau
- (iii) tidak mengambil langsung wang SES tanam semula secara tunai di mana 100 peratus akan digunakan untuk menolak hutang yang sedia ada.

Pihak FELDA akan mendapatkan persetujuan daripada peneroka yang terlibat bergantung kepada tiga pilihan yang saya nyatakan tadi sebelum pengagihan wang SES dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kini beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang ingin mendapatkan penjelasan berapa ramai kah individu yang ditangkap oleh SPRM dan disiasat di bawah peruntukan undang-undang SPRM atau AMLA dari tahun 2013 hingga tahun 2017 serta berapakah kes-kes yang telah dibicarakan serta jumlah rampasan wang rasuah dan wang AMLA untuk tempoh yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik tangkapan yang dilakukan oleh SPRM atas kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 bagi tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti berikut.

**■1550**

Bagi tahun 2013 sebanyak 509 tangkapan, tahun 2014 sebanyak 552 tangkapan, tahun 2015 sebanyak 841 tangkapan, tahun 2016 sebanyak 934 tangkapan dan bagi tahun 2017 sehingga November tahun ini adalah sebanyak 860 tangkapan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan dari tahun 2013 sehingga November tahun 2017 adalah sebanyak 3,701 tangkapan.

Manakala statistik kes yang dituduh di bawah kesalahan Akta SPRM 2009 dan AMLATFPUAA 2001 adalah seperti berikut. Ini yang dituduh. Bagi yang dituduh di bawah Akta SPRM 2009, bagi tahun 2013 adalah sebanyak 228 kes, tahun 2014 sebanyak 135 kes, tahun 2015 sebanyak 130 kes, tahun 2016 sebanyak 166 kes, tahun 2017 sebanyak 276 kes. Ini menjadikan mereka yang dituduh di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bagi tempoh 2013 sehingga 2017 sebanyak 935 kes.

Manakala kes-kes yang dituduh di bawah AMLATFPUAA 2001, bagi tahun 2013 sebanyak satu kes, tahun 2014 tiada kes yang dituduh, tahun 2015 sebanyak tiga kes, tahun 2016 sebanyak 29 kes, tahun 2017 sebanyak 15 kes. Ini menjadikan jumlah keseluruhan mereka yang dituduh di bawah AMLATFPUAA 2001 bagi tempoh 2013 sehingga 2017 adalah sebanyak 48 kes.

Bagi statistik penyitaan pembekuan atau lucut hak yang dilakukan oleh SPRM di bawah kesalahan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan AMLATFPUAA 2001 dari tahun 2013 hingga 2017 pula adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan jumlah yang bakal saya bacakan ini terlalu banyak kalau kita baca semua, saya bagi jumlah keseluruhan bagi tempoh 2013 hingga 2017 dan yang *detail* ini saya akan bagi pada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah. Akan tetapi saya bacakan untuk faedah Dewan kepada dua. Satu, penyitaan ini adalah yang kita sita kerana kes sedang berjalan. Maknanya belum tentu menang, belum tentu kalah dari segi kesahan harta yang disita. Keduanya yang dilucut hak. Lucut hak ini maknanya kes sudah habis dan jumlah itu adalah jumlah yang telah kita lucut hak kan.

Bagi jumlah penyitaan di bawah Akta SPRM bagi tempoh lima tahun tersebut berjumlah RM195,111,324.15. Bagi yang disita di bawah AMLATFPUAA adalah berjumlah RM407,308,749.74 dan jumlah keseluruhan bagi kedua-dua akta yang telah disita bagi tempoh 2013 sehingga 2017 bernilai RM602,420,073.89. Bagi harta yang dilucut hak dalam tempoh yang sama di bawah Akta SPRM dan lain-lain akta yang berkaitan adalah sebanyak RM31,039,222.84, di bawah AMLATFPUAA berjumlah RM23,892,539.84 dan jika di campur harta yang dilucut hak bagi kedua-dua akta bagi tempoh 2013 hingga 2017 adalah sebanyak RM54,931,762.68. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Razali bin Ibrahim telah menyampaikan butir-butir tadi yang terperinci dan tepat. Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

**3.54 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam. Saya telah meneliti semua isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin memberi penjelasan berkaitan dengan isu-isu akidah dan Ahli Sunah Wal Jamaah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Ahli Yang Berhormat bertanya setakat mana ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah diamalkan. Sesungguhnya kerajaan komited untuk memastikan umat Islam hidup bersatu padu atas dasar akidah Ahli Sunah Wal Jamaah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang pada 5 Mei 1996 bahawa umat Islam Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berlandas kepada pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah dari sudut akidah, syariah dan juga akhlak.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat ingin tahu apakah langkah-langkah kerajaan memberi kefahaman ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah kepada masyarakat. Kerajaan melalui JAKIM sentiasa dari semasa ke semasa dengan kerjasama pelbagai pihak termasuklah jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri serta agensi-agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri menjalankan pelbagai program penjelasan bagi memantapkan kefahaman Ahli Sunah Wal Jamaah.

Bagi memastikan pegangan akidah umat Islam sentiasa terpelihara, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) telah menguatkuasakan undang-undang sedia ada termasuk pihak-pihak yang cuba menyebarkan ajaran atau fahaman bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. Pengawalan ajaran yang bertentangan dengan Islam adalah di bawah akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri. Ini selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Berhubung dengan isu Wahabi, sebagaimana yang telah dijelaskan dan diterangkan banyak kali di Dewan ini, kerajaan berpandangan bahawa ia merupakan isu khilaf dalam kalangan ulama. Sesungguhnya pendirian kerajaan berkenaan fahaman ini juga termasuk di dalam Ahli Sunah Wal jamaah. Ini selaras dengan hasil daripada perbincangan beberapa kali di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam iaitu pada kali ke-20 tahun 1988, kali ke-34 tahun 1994 dan kali ke-106 tahun 2014.

Justeru bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat berkenaan fahaman ini, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan ke arah mengharmonikan semua pihak melalui program-program penjelasan akidah yang melibatkan masyarakat awam, NGO, jabatan kerajaan dan pelajar-pelajar universiti dan kolej. Antaranya seperti berikut:

- (i) mengadakan sesi-sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat berkenaan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah yang diamalkan di Malaysia termasuk juga apa yang diputuskan oleh para ulama dan Majlis Fatwa, mereka termasuk dalam kalangan golongan Ahli Sunah Wal Jamaah;



- (ii) sentiasa mengadakan perbincangan dengan semua pihak untuk dakwah sebenar ke arah melahirkan masyarakat yang harmoni; dan
- (iii) memantau dan mengawal bahan-bahan media cetak serta elektronik daripada sebarang ajaran yang bercanggah.

Ahli Yang Berhormat juga meminta penjelasan langkah kerajaan untuk menyelaraskan kepelbagaian mazhab di negara ini. Bagi menangani perbezaan pandangan, kerajaan telah menerapkan konsep *wassatiyyah* yang merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan juga keadilan dalam pelaksanaan dasar-dasar negara dan kehidupan bermasyarakat. Melalui pendekatan *wassatiyyah* ini, ia mampu membawa masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menjauhi sikap ekstrem dan melampau. Bahkan mengutamakan pendekatan dakwah secara berhemah.

Dijelaskan di sini juga bahawa kerajaan sentiasa meraikan kepelbagaian pendekatan, kepelbagaian manhaj yang wujud dalam ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah dan kepelbagaian harus diuruskan secara baik melalui pelbagai bentuk dialog dan perbincangan-perbincangan akademik.

Namun begitu, keutamaan tetap diberikan kepada aliran yang menjadi tradisi dan amalan majoriti di negara ini iaitu pegangan as-syariah dalam akidah dan Mazhab Syafie dalam fikah. Manakala aliran-aliran lain yang masih dalam lingkungan Ahli Sunah Wal Jamaah adalah tetap dibenarkan selagi mana ia tidak bersifat melampau, yang boleh membawa kepada perpecahan ummah. Oleh itu dari semasa ke semasa, kerajaan menyediakan platform percambahan ilmu dan pendapat dalam kalangan ulama seluruh Malaysia melalui pelbagai program berkala.

#### ■1600

Antaranya, melalui pembentukan Majlis Perundingan Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Untuk menyediakan satu platform bagi kumpulan pemikir daripada latar belakang yang pelbagai, termasuklah daripada parti-parti politik yang pelbagai, berbincang mengenai hal ehwal agama Islam dan berfungsi sebagai wadah yang menyatukan umat Islam. MPI yang ditubuhkan oleh kerajaan mengambil kira semua fahaman politik, bahkan termasuk perbezaan NGO dan juga perbezaan daripada parti-parti yang mereka dukung, turut berada dalam Majlis Perundingan Islam ini.

Kedua, melalui Majlis Ulama Umara' bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan agenda tahunan kerajaan yang menjadi wadah utama menghimpunkan para ulama dan umara' serta para cendekiawan seluruh Malaysia daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran untuk saling berinteraksi dan berperanan dalam menyatakan pandangan dan idea supaya dapat dimanfaatkan dalam membangunkan umat Islam dan negara berlandaskan *maqasid syariah* ataupun matlamat syarak.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan fahaman Syiah yang meresap dan tersebar di negara ini. Berapa ramai pengikutnya? Setakat mana menular di IPT? Apakah langkah-langkah mengatasinya? Pada masa ini, penyebaran fahaman Syiah di dalam negara adalah terkawal. Pengawasan fahaman Syiah adalah tertakluk di bawah akta ataupun enakmen kesalahan syariah yang diperuntukkan di bawah negeri-negeri. Mengenai bilangan pengikut Syiah, ia tidak dapat dipastikan

sebenarnya kerana tidak ada anggaran yang tepat. Tambahan pula, kumpulan-kumpulan ini tidak berdaftar.

Walau bagaimanapun, JAKIM bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan, sentiasa melakukan pemantauan terhadap kumpulan ini dan menggembeleng tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan.

Berkenaan dengan penyebaran fahaman Syiah dan apa juga fahaman menyeleweng di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT), JAKIM mengadakan kerjasama juga dengan agensi-agensi dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan individu dan pergerakan Syiah tersebut. Maklumat tersebut akan dipanjangkan kepada pihak IPT bagi mengambil tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Bagi mengawal penularan dan membanteras ajaran ini, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui JAKIM, JAIS dan MAIN serta agensi-agensi lain seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPIM) adalah termasuk seperti berikut. Pertama, menyebarkan luas fatwa yang berkaitan dengan penjelasan fahaman Syiah kepada semua lapisan masyarakat, menjalankan pelbagai program pemantauan terhadap individu atau kumpulan yang berfahaman Syiah serta menapis bahan-bahan penerbitan sama ada bercetak dan elektronik.

Kedua, meningkatkan kerjasama penguatkuasaan undang-undang antara pihak berkuasa agama dan agensi-agensi keselamatan. Keempat, mengadakan kerjasama dengan Jabatan Mufti, JAIN, MAIN dan agensi-agensi keselamatan daripada segi perbincangan dan dialog dengan pihak-pihak yang berkaitan ataupun pihak-pihak yang berkaitan dengan fahaman yang telah difatwakan menyeleweng, termasuk Syiah.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty mencadangkan supaya JAKIM turun padang berjumpa semua pihak sama ada Islam dan bukan Islam dengan menekankan Islam sebagai *rahmatan lilalamin* juga *fiqh* yang kita sudah pernah bincangkan dalam Dewan yang mulia ini, *fiqh al-ta'ayush* ataupun fikah kebersamaan, kesalingan dalam suasana kemajmukan, dalam konteks negara kita.

JAKIM telah menjalankan aktiviti turun padang dan program pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, ziarah mahabbah kepada golongan sasaran, seminar dan diskusi agama serta program secara bersemuka kepada agensi-agensi kerajaan, masyarakat Islam, kakitangan kerajaan, agensi swasta dan pemimpin-pemimpin masyarakat, NGO dan belia.

Untuk rekod, ketika ini pun salah sebuah agensi kita iaitu Yayasan Pembangunan Islam sedang menganjurkan Program Dialog Silang Agama yang sedang berlangsung di UTM. Tadi saya dapat gambar yang dihantar oleh pegawai saya di sana. Kehadiran daripada pelbagai kaum dan pelbagai agama begitu hebat sekali. Ini bukan kali pertama, bahkan kita sudah ada siri-siri di setiap negeri. Mudah-mudahan melalui program seperti ini dan penyebaran dakwah bukan sahaja melalui program seperti ini tetapi melalui media baru seperti *YouTube*, *Facebook* dan penerbitan video-video pendek dapat kita memberikan kefahaman yang tuntas bahawa Islam ini bukan agama yang *rigid*, bukan agama yang beku, bukan agama yang ekstrem seperti mana pandangan dan fahaman

Islamofobia yang sedang menular di kalangan masyarakat antarabangsa. Akan tetapi agama yang amat meraikan kepelbagaian seperti mana yang Yang Berhormat Senator sebutkan, *rahmatan lilalamin*, menjadi rahmat kepada seluruh alam.

Terkini juga dalam mendepani cabaran ummah dan isu-isu perpaduan, kerajaan juga mengambil inisiatif mengarusperdanakan konsep yang saya sebutkan tadi, *fiqh al-Ta'ayush* ataupun fikah kewujudan bersama. Fikah ini dilihat khusus bagi menangani cabaran-cabaran yang mendepani umat Islam masa kini yang hidup dalam konteks negara yang mempunyai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam yang berbeza. Sebagai contoh tadi Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri tadi mengucapkan '*Happy- Merry Christmas*' kepada yang bukan Islam.

Akan tetapi kalau kita mengambil fatwa dari negara lain, khususnya di Timur Tengah, sudah tentu ini satu yang bertentangan dengan akidah dan diharamkan. Akan tetapi atas fikah *al-Ta'ayush* ini juga, jawatankuasa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam mengharuskan kita untuk mengucapkan selamat kepada agama-agama lain dalam kerangka hubungan kita yang berbagai kaum dan berbagai agama, hendak menunjukkan Islam ini bukan agama yang beku dan *rigid*. Inilah antara kefahaman *Ta'ayush*, kehidupan kesalingan, kebersamaan yang wajar kita semarakkan dalam bumi Malaysia yang unik, yang kita tidak boleh samakan dengan negara-negara lain. Islam dalam manhaj kita di Malaysia ini, model Malaysia harus berbeza dengan negara-negara lain. Kita harus raikan dan kita semarakkan dan dijadikan arus perdana.

Tuan Yang di-Pertua, isu sekolah pondok dan tahfiz juga telah dibangkitkan. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, sahabat saya juga dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, guru saya dulu dan juga ustaz, sahabat keluarga saya. Ahli-ahli Yang Berhormat menyarankan kerajaan perlu menyelaraskan sekolah pondok dan tahfiz supaya lebih teratur bagi mengelakkan tragedi kebakaran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengawalan dan pendaftaran sekolah tahfiz adalah berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang terkandung dalam Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam serta peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri berkenaan. Ini selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Walau bagaimanapun, kita kena faham, saya sudah pun menjawab di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Bahawa apabila kita bercakap tentang sistem pondok dan tahfiz, kita ada tiga aliran sebenarnya. Apa yang saya sebutkan tadi adalah aliran di bawah negeri yang merupakan kuasa negeri. Kita juga mempunyai aliran kebangsaan yang hari ini sedang berlangsung ataupun sedang dijalankan di Kementerian Pendidikan Malaysia, yang mana 31 buah sekolah sedang melaksanakan apa yang dipanggil sebagai Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Kurikulum Bersepadu DINI.

Kedua-duanya menggalakkan ataupun memerlukan pelajar-pelajar di 31 buah sekolah ini menghafaz 30 juzuk al-Quran tetapi tidak meminggirkan mata-mata pelajaran akademik di arus perdana. Mereka sudah pun mengambil PT3 dan mereka akan mengambil SPM. Di dalam *slip* mereka nanti ada satu lagi tambahan ataupun kalau mereka mengambil model Ulul Albab, ada tiga, empat lagi tambahan mata pelajaran. Ini sedang dijalankan di peringkat Kerajaan Persekutuan iaitu tidak termasuk

di bawah MRSM Ulul Albab yang pada ketika ini kita sudah mempunyai empat MRSM dan lima sedang dibina.

Hendak menunjukkan bahawa dalam model tahfiz ini sedang diurusperdanakan, bukan sahaja di peringkat kebangsaan, ini di peringkat negeri dan juga di peringkat swasta. Bagi yang tahfiz-tahfiz swasta ini, antara syarat-syarat bagi membolehkan pendaftaran institusi tahfiz adalah bangunan yang digunakan mestilah memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Ini bagi menjamin keselamatan pelajar dan bangunan institusi berkenaan. Dalam hal ini, kerajaan sedar bahawa kes-kes kebakaran berlaku di sekolah-sekolah dan asrama-asrama tahfiz adalah di antaranya disebabkan oleh bangunan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, termasuklah sistem pendawaian elektrik yang tidak sempurna. Berhubung dengan cadangan peruntukan khusus untuk diberikan kepada pusat-pusat tahfiz ini. Untuk makluman, sememangnya kerajaan menyedari akan keperluan untuk menyediakan bantuan khusus kepada pusat-pusat tahfiz yang berkembang pesat pada hari ini.

■1610

Oleh itu, kerajaan melalui pembentangan bajet pada tahun 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi tujuan penyelarasan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang telah memberi manfaat kepada 571 buah tahfiz swasta yang berdaftar. Ini untuk tahun ini, tahun 2017.

Pada tahun 2017 juga, kerajaan melalui UPE, JPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30 juta lagi peruntukan pembangunan kepada ICU, JPM bagi tujuan pembaikan sekolah-sekolah tahfiz khususnya berkaitan dengan aspek pendawaian elektrik. Ini kita tidak hadkan kepada yang berdaftar. Yang ini kita berasaskan kepada laporan-laporan yang dibuat oleh Jabatan Bomba yang telah pun melakukan pemantauan di semua tempat di seluruh Malaysia. Ini antara langkah drastik yang diambil oleh kerajaan untuk membantu segera dengan peruntukan RM30 juta yang disalurkan kepada ICU. Manakala projek pembaikan ini akan dijalankan oleh GiatMARA.

Manakala pada tahun 2018 yang sedang kita bincangkan hari ini, kalau semua bersetuju untuk meluluskannya di Dewan Negara ini, saya harap tidak ada yang menolak seperti di Dewan Rakyat, maka RM50 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk membaik pulih dan menyelenggarakan sistem pendawaian di semua sekolah tahfiz yang berdaftar melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Di samping itu, kerajaan menerusi pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara turut memberi tumpuan terhadap pembangunan fizikal sekolah tahfiz. Perkara ini diperincikan di dalam teras tadbir urus yang memberi penekanan kepada aspek pembangunan dan infrastruktur sekolah tahfiz bagi mewujudkan suasana pembelajaran pelajar tahfiz yang kondusif serta mengambil kira ciri-ciri keselamatan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, saya mohon mencelah.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Silakan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya faham apa Yang Berhormat katakan itu. Akan tetapi, misalnya, satu blok bangunan teres tiga tingkat misalnya, ia mengikut pendawaiannya semua bagus tetapi jiran dia itu mungkin ada membuat penambahan *aircond* dan sebagainya, pendawaiannya ada masalah. Bangunan ini yang disewakan memang diluluskan oleh bomba tetapi yang kita maksudkan ini, seperti yang saya pernah lihat, bangunan itu di atas itu dia berbilik-bilik tetapi bilik-bilik ini tidak ada pintu kedua untuk kecemasan ataupun tangga yang kedua untuk kecemasan.

Apabila berlaku kebakaran di sebelah, bukan di dalam sekolah tahfiz tetapi di kedai sebelah itu- sebab dia sewa. Ini rumah-rumah kedai. Apabila berlaku kebakaran di situ, ia bersangkutan dengan bangunan tahfiz tadi. Budak-budak ini, anak-anak kita ini, dia hendak lari keluar ini, pintu itu pun satu dan tangga untuk dia hendak lari turun pun satu, tidak ada tangga kecemasan. Ini yang kadang-kadang kita takut menjadi masalah kepada kita apabila anak-anak kita tersangkut di dalam itu, dia *suffocated*, dengan izin, dan terus meninggal dan sebagainya. Itu yang dimaksudkan.

Saya hendak tanya, siapa yang memantau ini? Kalau kita kata kerajaan negeri, sudah tentulah JAKIM ada kuasa atau tidak untuk memberitahu kepada kerajaan negeri supaya perkara ini tidak berulang dan PBT-PBT yang seharusnya memantau juga diberitahu supaya tidak berlaku perkara-perkara ini? Kena lihat betul-betul macam mana.

Sebab, saya masih ingat, Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan dalam Dewan ini baru-baru ni bahawa sewaktu saya hendak membuka kelas-kelas KEMAS di Putrajaya, saya dibawa untuk melihat kalau tidak ada dua pintu, kita tidak akan membenarkan buka. Itu KEMAS. Tidak ada dua pintu tidak boleh. Tidak ada bilik air, kita tidak benarkan sebab kegunaan ini perlu. Kalau dia hendak lari sewaktu kecemasan, kita perlu pintu untuk dia lari keluar. Dia tidak boleh 40 orang anak murid hendak lari daripada satu pintu, tidak mungkin boleh lepas. Itu maksud saya tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih sahabat saya.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Mencilah sedikit, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Silakan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya minta mencilah sedikit sahaja. Daripada jumlah yang disebut tadi, adakah ia spesifik hanya kepada isu pendawaian ataupun meliputi aspek-aspek keselamatan yang lain, contohnya penyediaan alat pemadam api dan sebagainya? Maknanya saya hendak tahu perincian daripada belanjawan itu, adakah ia spesifik kepada pendawaian ataupun meliputi keseluruhannya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti.

Berkenaan dengan persoalan yang dibangkitkan, sebenarnya dalam mesyuarat- kita sudah dua kali mesyuarat- *high level committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, dalam mesyuarat mutakhir pada bulan lalu, kita telah diberikan taklimat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berkenaan dengan apakah keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pusat-pusat tahfiz ini. Seperti Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin sebutkan, memang betul ada yang masalahnya pendawaian, ada yang masalahnya yang tidak ada pintu keluar

yang kedua, ada yang tidak ada tangga yang segera untuk keluar. Semua ini diberikan perhatian khusus. Maknanya, kita mengikut piawai apa yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Maknanya, RM50 juta yang diperuntukkan untuk tahun depan ini dan RM30 juta yang sekarang ini akan difokuskan kepada semua aspek termasuklah kalau diperlukan untuk membeli alat-alat pemadam api segera. Akan tetapi, yang paling penting sekali ialah aspek-aspek asas seperti pendawaian, penambahbaikan ataupun *renovation*, dengan izin, tangga ataupun pintu kedua. Itu yang diberi maklum oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Untuk pengetahuan, mengikut laporan yang dibentangkan pada mesyuarat peringkat tertinggi yang saya sebutkan tadi, Jabatan Bomba sudah pun mengenal pasti apakah keperluan-keperluan dan ini telah pun dibincangkan dengan pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin tegaskan, dalam hal ini, kita tidak ada rintangan ataupun halangan sama ada di peringkat JAKIM atau jabatan agama Islam negeri-negeri. Kita bekerja secara sinergi. Kita bekerja secara bersama. Jadi, tidak timbul soal kuasa siapa, kuasa siapa sekarang kerana kita sama-sama bersepakat di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempengerusikan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. Semua negeri bersetuju bahawa dalam hal ini kita kena utamakan soal keselamatan anak-anak kita di pusat-pusat tahfiz. Jadi, peringkat negeri pun bekerjasama dengan amat rapat dengan agensi-agensi keselamatan termasuk juga JAKIM. Data-data yang JAKIM berikan juga adalah data-data yang kita dapat daripada jabatan agama Islam negeri-negeri.

Kerajaan melalui JAKIM dan agensi agama seperti JAIN, MAIN, YADIEM, YAPIEM dan lain-lain telah melaksanakan program pendidikan- minta maaf, saya tadi *skip* sedikit. Ini dah masuk soalan Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa yang menyeru supaya semua pihak mengambil berat isu solat dan tidak berzakat serta menyarankan kerajaan memberi tumpuan khusus pendidikan agama serta kerohanian.

Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap kepentingan pendidikan agama dalam kehidupan masyarakat Islam di negara ini. Justeru, pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dilaksanakan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Usaha ini bukan sahaja dilaksanakan oleh agensi kerajaan tetapi juga oleh pihak NGO dan juga pihak swasta.

Kerajaan melalui JAKIM dan agensi-agensi agama termasuk jabatan agama Islam negeri-negeri, agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri termasuk Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, IKIM dan lain-lain telah melaksanakan pelbagai program-program dakwah dan juga pendidikan baik secara bersemuka mahupun secara dakwah *bilhaq* bermula dari peringkat kanak-kanak hingga peringkat dewasa daripada proses untuk menjadi insan yang berakhlak dan berperibadi mulia sehinggalah melahirkan ummah yang menghayati cara hidup Islam.

Ini termasuklah penerbitan program-program agama di radio, televisyen dan menerusi *internet* oleh siaran kerajaan mahupun pihak swasta seperti Radio IKIM, TV Al-Hijrah, saluran ASTRO Oasis dan lain-lain. Program-program ini secara tidak langsung memainkan peranan memberi kesedaran

agama kepada masyarakat pelbagai peringkat. Ini yang saya sebutkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga di bawah jabatan agama Islam negeri-negeri.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sikit, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya kita patut mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana dengan pengalaman kita yang cukup menyedihkan kebelakangan ini, pihak kerajaan telah pun mengorak langkah untuk memperkukuhkan lagi dan memperbaiki kualiti bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi dari segi input dan juga dari segi *academic input* yang dipelajari oleh pelajar-pelajar aliran agama dan tahfiz.

#### ■1620

Persoalan saya, berapa banyakkah kawalan yang boleh kita *impose* kepada sekolah-sekolah agama ini? Hal ini kerana saya bimbang, saya perhatikan kebelakangan ini memang banyak yang tumbuh seperti cendawan, tetapi saya rasa mungkin kurang sesuai untuk zaman ini. Contohnya sekolah tahfiz yang kita lihat yang *private*, banyak mengamalkan sistem yang diamalkan oleh Afghanistan, Pakistan dan India. Afghanistan dan Pakistan, tahfiz mereka lebih bercorak untuk negara-negara mundur.

Saya menganggap negara kita ini sebuah negara yang maju iaitu sekolah tahfiz, kita hendak melihat anak kita bukan sahaja belajar agama, tetapi belajar agama dengan sistem yang terbaik dan dengan modul yang terbaik. Bukan sahaja kita hendak melihat anak kita menjadi seorang yang syumul, holistik, *integrated*, berakhlak mulia tetapi juga kita hendak melihat anak kita menjadi seorang yang kuat agama, boleh menghafal al-Quran, tetapi juga boleh keluar selepas tahfiz itu dan berkhidmat untuk masyarakat.

Jadi maksud saya, saya perhatikan kalau di Afghanistan, saya lihat sistem mereka sekolah tahfiz itulah dia. Dia hafal Al-Quran, itulah kerja dia. Akan tetapi tidak ada input akademik, tidak ada kita latih mereka menjadi seorang dari segi kemahiran ataupun dari segi aspek-aspek yang membolehkan mereka keluar untuk bekerja.

Soalan saya tadi, maksudnya apakah kerajaan melihat isu-isu ini? Bukan sahaja kita mahu memastikan dari segi keselamatan anak-anak kita ini, dari segi *wiring* bangunan yang saya katakan tadi, tetapi juga saya rasa *out dated* kalau kita masih melihat sekolah tahfiz yang menggunakan sistem di Afghanistan ini yang hanya buat macam itu sahaja tetapi tidak ambil aspek lain yang lebih penting untuk memastikan masa hadapan anak-anak. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator dan tahniah atas penyambungan bagi sesi yang kedua kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan, untuk pengetahuan, sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggagaskan dan mencetuskan idea keperluan untuk kita datangkan dengan satu Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.

Betul, tanpa kita ingin mengambil kuasa ataupun mencampuri urusan agama di bawah bidang kuasa negeri-negeri, tetapi kita bersama dengan negeri-negeri bahawa model kita mesti berbeza dengan negara-negara lain. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, Islam di Malaysia dia berbeza

dengan Islam di negara-negara lain. Kita ada nilai keunikan yang tersendiri, kemajmukan yang tersendiri dan manhaj kita bukan manhaj yang bersifat ekstrem, bukan bersifat radikal, mahupun tidak sesekali bersifat liberal umpamanya.

Akan tetapi, manhaj kita itu perlu kita datangkan dengan satu model yang khusus. Contohnya dalam konteks Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Untuk makluman, di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, kita ada lima teras yang diberikan perhatian. Tadi, kita banyak bincangkan soal prasarana dan infrastruktur. Ini hanyalah salah satu aspek yang diberikan penekanan. Akan tetapi, satu aspek lagi yang diberikan penekanan ialah kita negara di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini, kita ingin mewujudkan model institusi tahfiz yang menepati apakah aspirasi negara menjelang tahun 2050 akan datang iaitu TN50.

Hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk melahirkan 125,000 orang huffaz profesional. Apabila dikatakan huffaz profesional, dia menghafal Al-Quran tetapi dia juga adalah *engineer*. Dia adalah penghafal Al-Quran, tetapi dia juga adalah *accountant*. Dia hafiz, tetapi dia juga adalah doktor. Dia hafiz, dia juga adalah pentadbir kerajaan. Dia hafiz dan mungkin satu hari nanti di kalangan senator adalah di kalangan hafiz juga, di kalangan 125,000 orang ini. Akan tetapi untuk kita lahirkan itu, kita perlukan apakah model kurikulum yang harus ada? Kita sudah ada model Ulul Albab yang sudah terbukti berjaya diimplementasikan di empat buah MRSM, campur lima lagi yang bakal dibina, termasuk 31 buah sekolah menengah kebangsaan agama di bawah Kementerian Pendidikan.

Hari ini kita mahu macam mana kita hendak menyatukan sekolah-sekolah agama yang pelbagai ataupun sekolah-sekolah tahfiz yang pelbagai aliran tadi terutama yang peringkat swasta dan sebagainya. Oleh sebab itulah kita mendatangkan sekurang-kurangnya empat model kurikulum tahfiz yang dirangka ini untuk saya berkongsi hari ini.

Pertama, tahfiz sains yang mana pengajian tahfiz Al-Quran bersama dengan mata pelajaran sains. Kedua, tahfiz kemahiran iaitu pengajian tahfiz Al-Quran bersama dengan modul-modul kemahiran termasuk modul-modul TVET umpamanya. Ketiga, tahfiz dini iaitu pengajian tahfiz Al-Quran bersama mata pelajaran agama Islam yang pelbagai seperti Usuluddin, Syariah dan sebagainya. Keempat, tahfiz turath iaitu pengajian tahfiz Al-Quran bersama dengan kitab-kitab turath. Ini empat model.

Kita tidak boleh memaksakan mana-mana model tetapi kita buat satu dasar supaya apabila kita hendak menjadikan tahfiz itu arus perdana dan semua yang kita hendak pantau nanti, mereka perlu mengikuti yang mana satu model-model ini. Kita tidak mahu tiba-tiba model Afghanistan, model India, model Pakistan, tidak. Kita hendak melahirkan seperti mana acuan Al-Quran.

Allah SWT menyebutkan di dalam Al-Quran beberapa kali, dia tidak sebut hendak menjadikan manusia itu penghafaz Al-Quran, tetapi generasi yang diistilahkan ialah generasi Ulul Albab, generasi rabbani. Apa dia Ulul Albab? Definisi yang diberikan oleh Al-Quran dalam Surah Al-Imran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dengan izin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] iaitu mereka yang sentiasa hatinya terikat dengan Allah Maknanya zikir. Elemen, keterikatan dengan hukum Tuhan.

Kedua, yang kita jangan lupa... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Pada masa yang sama dia menguasai bidang ilmu tentang dunia ini. Dia memahami akan keperluan menjadi khalifah di muka bumi Allah ini.



Oleh sebab itulah unsur kedua-keduanya harus diimbangkan supaya kita boleh membina sebuah tamadun bangsa yang gemilang dan terbilang. Bukan hanya sekadar kita memahami Islam secara *rigid* ataupun skop-skop tertentu mengikut pandangan manusiawi yang tercabut daripada akar Al-Quran dan suluhan wahyu Tuhan itu yang sebenar. Itu yang kita ingin lahirkan. Jadi, kalau kita berjaya mengimplementasikan Dasar Pendidikan Tahfiz ini, saya percaya *insya-Allah* pada tahun 2050 nanti kita akan dapat 125,000 orang tahfiz.

Saya tidak merasa pesimis kerana pada ketika ini pun untuk pengetahuan, di sekolah-sekolah tahfiz swasta kita mempunyai 41,052 orang pelajar. Di bawah Darul Quran JAKIM, kita telah melahirkan graduan 7,236 orang, di bawah sekolah-sekolah agama tahfiz negeri ada 21 buah, kita ada 4,506 orang. Ini tidak termasuk pelajar-pelajar di bawah kurikulum bersepadu tahfiz dan kurikulum bersepadu tahfiz model Ulul Albab yang sedang dilaksanakan di 31 buah sekolah dan tidak termasuk juga pelajar-pelajar di dalam MRSM Ulul Albab yang empat buah yang ada sudah pun menamatkan pelajar. Jadi, kalau kita hendak campur semua itu, saya rasa untuk kita mendapatkan sasaran 125,000 orang huffaz profesional ini, *insya-Allah* mampu kita realisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, antara program lain yang kita lakukan di peringkat JAKIM dan JAIN dalam untuk kita memastikan pendidikan Islam arus perdana ini, banyaklah. Oleh sebab itulah saya tidak perlu membacakan satu persatu, tetapi cukuplah saya mengatakan bahawa kita mempunyai pelbagai program termasuklah kelas-kelas KAFA hari ini yang melibatkan hampir 958,479 murid sekolah rendah di seluruh Malaysia. Kena ingat ya, KAFA adalah kelas-kelas agama fardu ain ini di luar daripada arus Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan sudah ada mata pelajaran agama. Ini kelas-kelas KAFA yang mana ongkosnya ataupun elaun guru-guru ini dibayar melalui peruntukan yang bakal kita luluskan. Untuk tahun depan, kerajaan memperuntukkan RM588 juta di bawah JAKIM. Kita ada juga guru-guru takmir yang mengajar di masjid-masjid dan madrasah-madrasah.

Hari ini, ramai mungkin tidak tahu bahawa guru-guru agama yang mengajar kepada masyarakat kita antara Maghrib dengan Isyak, satu jam dibayar RM100, sebulan dibayar RM800. Maknanya lapan jam. Kalau dia lebih daripada lapan jam kalau dia tidak mengajar itu, maknanya dia sudah habis kuota dia. Akan tetapi kalau yang pergi sendiri secara sukarela, itu bergantung.

Akan tetapi itu pun termasuk di bawah peruntukan RM588 juta yang bakal kita luluskan di Dewan Negara yang mulia ini. Itu tidak termasuk juga guru-guru takmir, kita ada 3,950 orang guru. Guru-guru KAFA kita ada lebih kurang 32,764 orang. Ini tidak termasuk imam-imam kita yang juga memainkan peranan untuk memberikan kesedaran terhadap segala program-program Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa sebutkan, soal bagaimana masyarakat kita dapat memberikan kesedaran supaya mereka bersembahyang dan sebagainya, bukan sekadar kita hendak menguatkuasakan undang-undang ataupun mendatangkan undang-undang.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, silakan.

■1630

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian, sekarang ini berlaku suatu keadaan di negara kita sekarang ini, semacam ada

dua gelombang, pertama gelombang pembangunan insan yang sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Satu lagi ialah gelombang meruntuh insan, yang sebagaimana kita sedia maklum bahawa syaitan ini belum bersara lagi. Oleh kerana syaitan belum bersara, jadi gerakan syaitan ini memang untuk menghancurkan insan ini begitu kuat sekali.

Jadi saya hendak tahu, sejauh mana kerajaan mengkaji keberkesanan pendidikan Yang Berhormat sebutkan tadi, dalam mengawal kita punya rakyat dan juga sumber insan yang ada di negara kita, supaya jangan terjebak dalam gelombang, yang menghancurkan insan tadi. Jadi kalau tidak yang kita ini membangun dengan peruntukan yang begitu besar, ada satu pihak lagi meruntuh. Jadi bagaimana hendak selaraskan? Dan sejauh mana keberkesanan, segala program yang disebutkan Yang Berhormat tadi dalam mengawal perkembangan yang tidak sihat itu? *Wallahualam*.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua. Kita hidup dalam dunia yang sudah tentu tidak pernah sempurna. Sehingga hari kiamat nanti akan ada positif, akan ada negatif. Banyak kita lakukan kebaikan, banyak jugalah tentangan-tentangan yang akan memporak-perandakan.

Ini sebahagian daripada ujian dan sebahagian pada yang seperti mana yang Tuhan sebutkan di dalam al-Quran... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Tuhan jadikan kehidupan dan kematian ini sebahagian darinya adalah sebagai ujian kepada kita untuk menentukan siapakah di kalangan kita ini yang terbaik dari segi amalannya.

Oleh sebab itulah, dalam usaha kerajaan untuk memberikan kefahaman, kesedaran, beragama yang betul kepada masyarakat. Kena ingat, kita adalah negara yang mempunyai struktur perundangan dan perlembagaan yang jelas. Bahawa tanggungjawab memelihara dan mengembangkan ajaran Islam itu adalah tanggungjawab pemerintah, sebagaimana di peruntukan dalam Perlembagaan, Perkara 3 yang menyebutkan Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Kita tidak pernah menyampingkan agama-agama lain, tetapi dalam konteks pembangunan Islam, kita menjadi peneraju dalam memastikan masyarakat kita mempunyai suatu model kefahaman yang sama. Oleh sebab itu kita tidak merelakan negara kita ini untuk dimasuki dengan pelbagai aliran-aliran pemikiran yang boleh mewujudkan suasana yang tidak harmoni di dalam negara kita.

Oleh sebab itulah jikalau orang mengatakan, kenapa kita tidak meraikan hak kebebasan dengan mewajarkan fahaman Syiah untuk datang ke negara kita, itu tidak boleh. Kita kata, kita hendak memastikan kesejahteraan dan keharmonian. Kita tahu, apa bencana akan melanda, sekiranya kita buka pintu kita untuk dimasuki dengan pelbagai aliran pemikiran yang tidak cocok dengan Islam Manhaj Malaysia, ataupun Islam Model Malaysia yang meraikan kepelbagaian, yang mana adanya rakyat yang pelbagai agama dan fahaman.

Oleh sebab itulah yang paling penting, kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk menjaga dan memelihara agama Islam dalam konteks yang betul. Oleh sebab itulah seperti yang saya sebutkan, kita tahu bahawa kerajaan mempunyai setiap perbelanjaan itu adanya audit, adanya KPI-KPI yang sentiasa diberikan perhatian.

Saya bagi contoh, di bawah agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri sendiri ada KPI-nya, yang setiap perbelanjaan ini akan diberikan penilaian oleh pihak ketiga yang akan dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sendiri akan

tengok, sama ada kita belanjakan RM588 juta umpamanya, untuk guru KAFA, untuk guru Takmir, untuk imam-imam, apakah efektif ataupun tidak.

Tidak cukup dengan itu, kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memperkenalkan satu lagi bentuk penilaian, yang dipanggil Indeks Syariah. Indeks Syariah ini dilakukan penilaiannya oleh pihak ketiga, oleh lapan buah universiti di luar, untuk menilai sejauh manakah keberkesanan program-program yang terkait dengan aspek agama ini dalam Maqasid Syariahnya. Itu juga adalah sebahagian daripada usaha kerajaan, tetapi apa yang saya ingin tekankan di dalam Dewan yang mulia ini, apa juga cabaran, apa juga usaha, inisiatif, agenda yang kerajaan lakukan, tidak akan membawa apa-apa makna, sekiranya kita tidak mendapat dukungan dan sokongan daripada semua pihak, termasuklah Yang Berhormat daripada seberang sana, termasuklah daripada masyarakat di luar sana.

Maknanya kita tidak boleh mengharapkan kerajaan sahaja yang mendatangkan dengan undang-undang, polisi, dasar, tetapi kalau rakyat sendiri pun tidak mendukungnya, itu pun tidak dapat menjayakan sesuatu program. Akan tetapi itu tidak bermakna, kita berlepas tangan daripada tanggungjawab pemerintah. Sebagaimana yang Yang Berhormat Senator pun tahu, tanggungjawab pemerintah adalah sentiasa menjaga maslahat dan kebajikan rakyat secara keseluruhannya, bukan sahaja umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid membangkitkan program keagamaan di kalangan Masyarakat Orang Asli dan isu Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, program dan aktiviti dakwah ini, selaras dan diuruskan bersama oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta pertubuhan badan-badan bukan kerajaan, NGO-NGO Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 221 orang Penggerak Masyarakat Orang Asli di bawah seliaan JAKIM di lapan buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perak. Jumlah peruntukan yang dibelanjakan JAKIM untuk program melibatkan Masyarakat Orang Asli berjumlah RM1.3 juta.

Berhubung dengan cadangan, Penggerak Masyarakat Orang Asli supaya dipilih daripada Masyarakat Orang Asli, sememangnya JAKIM ada melantik PMOA di kalangan Masyarakat Orang Asli. Pada masa ini, seramai 17 orang daripada Masyarakat Orang Asli di lantik sebagai PMOA yang bertugas di perkampungan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia.

JAKIM sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk melantik mereka berkeelayakan sama ada secara tetap ataupun kontrak. Ini akan diusahakan oleh kami dan tadi pun saya berbincang dengan pegawai, kita hendak pastikan supaya jumlah ini dapat kita tingkatkan dari semasa ke semasa. Saya tanya apa masalah dia? Kalau masalahnya adalah kerana keperluan untuk mereka mempunyai SPM dan bahasa Arab, kalau itu diperlukan, kalau kita perlu kurangkan dia punyai minimum *requirement* itu, kita akan cuba untuk menyantuninya.

Akan tetapi yang paling penting, bukan bermakna kita hendak merendahkan taraf kemasukan untuk di kalangan Orang Asli ini, tetapi yang paling penting sekali ialah kalau pun kita merendahkan dari segi *entry point* dia, kita akan pastikan latihan untuk mereka ini berterusan di bawah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di bawah JAKIM juga. Itu saya sendiri akan memantaunya, bagi memastikan

warga Orang Asli ini sentiasa kita pertingkatkan dari segi kebajikannya dan kita mahukan lebih ramai lagi di kalangan penggerak-penggerak agama ini di kalangan Orang Asli itu sendiri.

Mengenai saranan supaya memastikan PMOA tidak bermasalah dengan Orang Asli, dimaklumkan juga bahawa penempatan mereka adalah di negeri-negeri yang diselia oleh Penyelaras, Ketua Penyelaras dan Pegawai Tadbir Agama di daerah-daerah. JAKIM sentiasa membuat pemantauan dan seliaan terhadap PMOA dan akan mengambil tindakan susulan terhadap mana-mana aduan berkaitan salah laku mereka dan sebagainya. Dari aspek penjelasan isu-isu semasa, JAKIM sentiasa memberi penerangan berkaitan isu semasa kepada PMOA yang kemudiannya akan menyalurkan maklumat tersebut kepada masyarakat Kampung Orang Asli seliaan mereka. *Insyaa-Allah*, saya sendiri akan bertemu dengan 221 orang ini dalam masa terdekat, untuk mendengar sendiri apakah isu-isu yang berbangkit di kalangan penggerak-penggerak mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu berkaitan dengan *wassatiyyah*. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan mencadangkan agar Malaysia memainkan peranan penting, membawa konsep *wassatiyyah* kepada dunia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap dalam perbahasan umum, sesi ke-65 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 27 September 2010, telah menegaskan peri pentingnya masyarakat dunia untuk memilih kesederhanaan dan menolak fahaman pelampau. Hasilnya Gerakan Kesederhanaan Global ataupun *Global Movement of Moderates* (GMM) telah ditubuhkan pada tahun 2012.

Komitmen Malaysia terhadap gerakan *wassatiyyah* di peringkat sejagat diperkukuhkan lagi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap pada Mesyuarat Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kali Ke-68 di New York pada 28 September 2013 yang menyeru, semua agama untuk mengguna jalan kesederhanaan bagi menghalang tindakan keganasan di dunia Islam. Beberapa hari lalu, pada 8 Disember 2017, resolusi menangkis penyebaran Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) diterima dalam sesi ke-72 Perhimpunan Agung PBB UNGA di New York, Amerika Syarikat.

#### ■1640

Ini penting kerana ini menunjukkan bahawa model *wassatiyyah* ataupun gerakan kesederhanaan global yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diterima oleh masyarakat dunia hari ini. Bahkan banyak kali disebutkan di Dewan yang mulia ini antara faktor kenapa Raja Salman, Arab Saudi memilih Malaysia untuk ditubuhkan *King Salman Centre for International Peace* (KSCIP) adalah kerana baginda melihat Malaysia ini sebagai model wajah sebenar Islam ataupun, dengan izin, *the two-face of Islam*. Apa yang dimaksudkannya ialah kita melaksanakan Islam secara holistik, secara komprehensif secara sederhana berasaskan prinsip *wassatiyyah* yang kita harus faham bahawa *wassatiyyah* bukan bermakna kita berada di tengah-tengah tanpa apa-apa pendirian.

*Wassatiyyah* ramai juga yang berpandangan kita harus bersifat liberal sehingga kita mencabut akar agamanya dan kita lupa tradisi-tradisi yang penting yang menyuburkan perkembangan Islam di negara kita. Akan tetapi, *wassatiyyah* yang disebutkan di dalam Al-Quran dia membawa makna 4K

kesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan juga keadilan. Ini bermakna *wassatiyyah* di dalam Al-Quran *al-adalah mu'tadil assalam*, dan juga *wassatiyyah al-ajwad* iaitu kecemerlangan.

Jadi, kalau kita bercakap tentang *wassatiyyah* kalau kita hendak cari definisi terjemahan Melayu memang tidak ada yang tepat. Ini kerana dia merangkumi empat perkara yang saya sebutkan tadi dan kita membuktikannya kerana kita bukan sahaja sederhana tetapi kita cemerlang dari segi ekonominya, dari segi pembangunan pendidikannya dan kalau dari segi pembangunan sosialnya dalam kerangka masyarakat yang majmuk tadi.

Kita tidak pernah bersifat ekstrem dan radikal. Kita sentiasa meraikan pelbagai agama di dalam negara kita. Saya menjawab di dalam sidang Dewan Rakyat baru-baru ini, saya mengatakan kita harus berbangga iaitu Islam Agama Persekutuan tetapi kita satu-satunya negara di dunia yang mempunyai '*Cuti-cuti Malaysia*' kerana apa? Paling banyak di negara di dunia hari ini kerana apa? Ini kerana semua agama kita raikan sebagai Cuti Kebangsaan- Deepavali sebagai cuti; Krismas sebagai cuti; Hari Wesak sebagai cuti; Tahun Baru Cina cuti; dan ini tidak termasuk Hari Raya, sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya. Itu satu contoh.

Kedua, saya sebutkan juga kita harus berbangga Islam Agama Persekutuan tetapi kita tidak menafikan agama-agama lain untuk diamalkan secara bebas. Buktinya kita mempunyai patung Buddha yang terbesar di Asia- di Kelantan. Kita mempunyai patung Hindu yang terbesar di Asia. Betul Tuan Yang di-Pertua? Di Batu Caves. Kita mempunyai Gereja terbesar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di dunia.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terbesar di dunia. Akan tetapi tidak pernah sekali pun kita berhadapan dengan masalah pemberontakan, demonstrasi, perpecahan dan pertelingkahan di antara agama-agama, kerana apa? Kita meraikan kepelbagaian dan ini keunikan dan kekuatan yang kita ada yang harus kita pertahankan demi negara kita tercinta yang kita harus berbangga dengannya. Itu prinsip *wassatiyyah* yang bukan hanya untuk kita sebagai orang Islam tetapi juga yang menjadi satu dasar untuk disemangati dan di hayati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Senator juga bertanya apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengukuhkan kesedaran masyarakat terhadap pendekatan *wassatiyyah*. Bagi mengukuhkan kesedaran *wassatiyyah* ini, kerajaan telah mengambil langkah-langkah melalui pelbagai pendekatan termasuklah mempromosi pendekatan *wassatiyyah* melalui pengertian yang mudah difahami seperti mana yang saya sebutkan tadi, empat konsep iaitu kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan. Memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan *wassatiyyah* dalam pembangunan negara, menggalakkan pengamalan *wassatiyyah* dalam kehidupan bermasyarakat, dan penghayatan *wassatiyyah* sebagai satu cara hidup dan pemikiran rakyat Malaysia yang berlandaskan kepada konsep kesederhanaan, dan mengetepikan pemikiran yang radikal dan ekstrem.

Sebab itu saya sebutkan tadi, dia bukan hanya terikat kepada Agama Islam. Semua agama akan wujud kelompok-kelompok yang ekstrem dan radikal, yang tidak mewakili agama tersebut. Justeru, kerajaan perlu menggagas dan mewajahkan apa bentuk model yang kita inginkan kepada rakyat kita. Tidak kira Islam, tidak kira Buddha, tidak kira Hindu, tidak kira Kristian dan sebagainya. Apa yang kita pilih adalah landasan kesederhanaan, landasan yang kita tidak bersifat ekstrem ke kanan mahupun ekstrem ke kiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri. Bukan sahaja membenarkan tetapi menjamin keselamatan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Betul. Itu yang paling penting juga. Ini kerana itulah asas yang menjadi negara kira terus aman dan sentosa yang kita harus bersyukur adanya- berada di bumi Malaysia.

Walau apa pun orang hendak kata. Walau apa pun, kelemahan yang ada dengan negara kita berbanding dengan negara-negara lain, kita jauh lebih baik dan jauh lagi lebih selesa, lebih aman berbanding dengan pelbagai konflik di serantau di dunia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga bertanya, sejauh manakah pelaksanaan *wassatiyyah* setakat ini. Untuk pengetahuan, tempoh pelaksanaan pendekatan *wassatiyyah* selama empat tahun sejak tahun 2013, pendekatan ini telah diterima oleh semua pihak seperti mana yang saya sebutkan tadi bahkan *wassatiyyah* telah pun dijadikan tunjang ataupun tonggak utama dalam kita hendak menggagas Transformasi Nasional 2050 sebagai satu wawasan selepas tamatnya Wawasan 2020 nanti.

Dalam masa yang sama, bagi membina kefahaman yang sama dan selari, Institut Wassatiyyah Malaysia (IWM) telah menghasilkan penerbitan kit *wassatiyyah* sebagai bahan promosi utama dalam merakyatkan pendekatan *wassatiyyah* dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Tadi, selepas Zuhur Institut Wassatiyyah Malaysia telah pun membekalkan kit *wassatiyyah* yang mempunyai di dalamnya pelbagai buku-buku terbitan Institut Wassatiyyah kepada seluruh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, isu berkaitan dengan Mahkamah Syariah dan undang-undang Islam. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa mencadangkan Mahkamah Syariah diberikan peruntukan sepatutnya dalam Bajet 2018 ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekali lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah ini adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri di bawah Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tetapi juga membantu. Secara khususnya peruntukan bajet untuk Mahkamah Syariah adalah tertakluk di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing tetapi di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Boleh rujuk kepada buku cadangan Bajet 2018 ini sebagai agensi pusat yang berperanan untuk meningkatkan kecekapan dan keseragaman sistem pentadbiran kehakiman syariah di seluruh Malaysia.

Dalam hal ini, kerajaan sentiasa menyediakan bajet setiap tahun bagi tujuan meningkatkan syiar dan syariat Islam termasuk dalam perkara menaik taraf Mahkamah Syariah dan memperkasakan Mahkamah Syariah. Melalui Bajet 2018, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan di bawah anggaran perbelanjaan mengurus berjumlah RM55.76 juta bagi membolehkan JKSM melaksanakan fungsi utamanya iaitu menggubal dasar dan strategi bagi meningkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Selain itu, Kementerian Kewangan turut memperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM23.05 juta bagi menyiapkan projek Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Papar dan

mempertingkatkan pembangunan sistem e-syariah versi tiga bagi meningkatkan lagi kecekapan sistem pentadbiran kehakiman dan perundangan syariah di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya, apakah langkah-langkah untuk mentransformasikan undang-undang dan Mahkamah Syariah agar dapat bidang kuasanya yang mencukupi dan juga mentransformasikan undang-undang negara agar tidak bertentangan dengan undang-undang Islam? Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius dalam melaksanakan transformasi undang-undang negara ini. Usaha kerajaan ini selaras dengan Fasal 3, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan bahawa Islam Adalah Agama Persekutuan.

Di dalam kesempatan ini, ingin saya memberikan penjelasan mengenai transformasi undang-undang Islam yang telah dilaksanakan. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil di bawah JAKIM semenjak tahun 1988. Jawatankuasa ini telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menyediakan draf undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara dan ia sudah pun berjalan dengan amat baik sekali;
- (ii) mengkaji dan menyemak undang-undang sedia ada ke arah mengharmonikan undang-undang syarak dan juga undang-undang sivil; dan
- (iii) memberi pandangan pakar kepada kerajaan ke arah penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Semenjak penubuhannya, Jawatankuasa ini telah memberikan komitmen yang tinggi bagi membantu Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam urusan transformasi undang-undang Islam di Malaysia. Sebagai contoh, hasil kajian Jawatankuasa ini telah- dalam perkara penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam di negeri-negeri ini telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-176 pada 1 Ogos 1997. Pada 22 Mac 2001, Majlis Raja-Raja telah bersetuju supaya lima rang undang-undang diguna pakai di semua negeri-negeri dan kelima-lima rang undang-undang tersebut telah dipanjangkan kepada negeri-negeri lain. Berikutan itu, telah berlaku penyeragaman lima undang-undang Islam, termasuk:

- (i) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-undang Keluarga Islam;
- (iii) Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah;
- (iv) Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (v) Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

#### ■1650

Maknanya kelima-lima ini sudah seragam di seluruh Malaysia walaupun kita mempunyai bidang kuasa agama ini di bawah bidang kuasa negeri yang berbeza-beza.

Antara sumbangan lain telah dicapai termasuklah menyelesaikan isu pertindihan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, ini penting. Jawatankuasa ini telah mengusulkan cadangan pindaan kepada Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan, yang menatijahkan Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada tahun 1988 dengan dimasukkan peruntukan 121(1A) yang

memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil dan mahkamah di bawahnya tidak ada bidang kuasa di dalam mana-mana perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Kedua, mengasingkan Mahkamah Syariah daripada Jabatan Agama Islam.

Ketiga, menstrukturkan Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Keempat, menyediakan undang-undang yang lengkap dan kemas bagi Mahkamah Syariah.

Kelima, mewujudkan skim Pegawai Syariah (LS).

Keenam, pindaan kepada Kanun Tanah Negara dengan memasukkan peruntukan mengenai Mahkamah Syariah dengan memasukkan seksyen 421(A) yang mengiktiraf kuasa Mahkamah Syariah dalam seksyen 417 dan 420 Kanun Tanah Negara. Dengan pindaan ini, perintah Mahkamah Syariah mengenai harta sepencarian dan tuntutan hibah diiktiraf oleh pendaftar tanah.

Seterusnya, transformasi undang-undang terus berlaku pada tahun 1998 apabila Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ditubuhkan bertujuan memartabatkan institusi kehakiman syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan negara.

Terkini kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah (JKMMS) yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Prof Dr. Mohd Yusof Noor yang mempunyai objektif untuk membuat syor kepada kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Mahkamah Syariah termasuklah dari segi permasalahan perjalanan, perundangan, pengurusan, penstrukturkan Mahkamah Syariah, latihan hakim dan pegawai syariah, pendidikan undang-undang syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan serta hal ehwal peguam syarie.

Di bawah JKMMS ini kluster cadangan pemindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 355] ditubuhkan bagi membincangkan perkara ataupun langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkasakan Mahkamah Syariah di samping mengenal masalah-masalah berbangkit berhubungan dengan cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau dikenali popular hari ini dengan Akta 355.

Jadi kalau saya hendak sebutkan panjang, terlalu banyak- hendak menunjukkan bahawa kalau ada lagi suara-suara sumbang mengatakan kerajaan ini mengabaikan sistem syariah, Mahkamah Syariah di negara ini. Ini adalah tohmahan yang tidak berasas dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat di hadapan ini dapat membantu juga memberikan pencerahan kepada ahli parti-parti masing-masing supaya tidak berlaku kecelaruan dalam pemikiran yang akhirnya menuduh dan mentohmah kerajaan dengan perkara-perkara yang tidak berasas.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun membangkitkan rungutan mereka yang berurusan dengan Mahkamah Syariah yang mengambil masa yang lama.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat terdapat peraturan dan tatacara undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak dalam proses penceraian dan penyelesaian kes Mahkamah Syariah termasuklah seperti berikut:

- (i) proses penyampaian saman yang melibatkan salah satu pihak berada di luar bidang kuasa suatu negeri atau negara yang melibatkan proses menyampaikan luar bidang kuasa dan mengambil masa untuk disempurnakan;



- (ii) saman gagal disempurnakan kerana sendiri defendan berikutan alamat yang tidak lengkap atau tidak wujud yang menyebabkan kes terpaksa ditangguhkan bagi penyampaian secara ganti mengikut tatacara undang-undang;
- (iii) kesukaran mendapatkan kerjasama dengan pihak defendan khususnya untuk hadir dan memberikan keterangan di mahkamah;
- (iv) permohonan penangguhan kes-kes oleh pihak-pihak yang di saat-saat akhir atas sebab yang tidak dielakkan seperti tidak mendapat cuti daripada majikan, cuti sakit, bertugas di luar kawasan dan sebagainya; dan
- (v) komitmen dan kesesuaian saksi pihak-pihak untuk hadir dan memberikan penerangan dan keterangan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes termasuklah kes-kes penceraian. Antaranya saya bagi contoh Jabatan Kehakiman Negeri Selangor melaksanakan penyelesaian kes-kes cerai melalui persetujuan bersama atau *fast track* dalam tempoh enam jam bermula dari kes didaftarkan sehingga perintah bertulis dikeluarkan.

Kedua, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang melaksanakan sistem e-Syariah *Instant Access Procedure* (E-SIAP) bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes persetujuan bersama dalam tempoh satu hari iaitu bermula dari proses penyediaan *pleading* sehinggalah pengeluaran perintah mahkamah.

Ketiga, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan memperkenalkan program Sifar Kes Tertunggak. Program tersebut telah dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bermula 1 Mac 2016 bertujuan bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan mengatasi kes-kes yang tertunggak. Berdasarkan rekod statistik sistem e-Syariah, kes-kes penceraian yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun 2016 adalah sebanyak 4,158 kes. Manakala kes-kes penceraian yang telah diselesaikan pada tahun tersebut adalah sebanyak 4,105 kes. Maksudnya, 98 peratus boleh diselesaikan pada tahun tersebut.

Ini di bawah KPI Menteri. Itu sekali lagi hendak menjawab tadi macam mana kita pastikan kita bagi duit tetapi apakah mereka berperanan secara efektif ataupun tidak. Ini diletakkan di bawah KPI Menteri. Ada beberapa peratus yang harus kita selesaikan kes-kes tertunggak ini.

Berkaitan dengan bilangan hakim Mahkamah Syariah di seluruh negara di mana dimaklumkan bahawa bilangan hakim syarie di Mahkamah Syariah seluruh negara berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan ialah 50 orang di Mahkamah Tinggi Syariah dan 127 orang di Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif supaya Lembaga Tabung Haji diberi tanggungjawab memantau perjalanan umrah dan lesen-lesen pakej haji dan umrah diletak di bawah TH dan bukan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Lembaga Tabung Haji mengambil maklum cadangan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*] menyatakan bahawa penubuhan Tabung Haji adalah untuk mentadbir urusan hal-hal berkaitan pengurusan haji untuk bakal-bakal jemaah haji sahaja.

Berkaitan dengan pemantauan umrah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah melakukan penyelidikan dan mengambil inisiatif dari segi kawalan dan pemantauan ke atas industri umrah. Antaranya dengan mewujudkan Majlis Kawal Selia Umrah, lesen khas umrah, kad pegawai pemasaran umrah dan *Integrated Manasik Monitoring System* (IMAMS).

Namun begitu, Tabung Haji sentiasa bersama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada bila-bila masa untuk menyokong dan membantu MOTAC dengan sebaik mungkin supaya usaha-usaha MOTAC dapat dilaksanakan dengan baik. Bahkan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, Tabung Haji turut di bawa ke Arab Saudi, Mekah dan Madinah pada ketika-ketika tertentu untuk menyelesaikan dan membantu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia kerana mungkin juga kerana pengalaman kita dalam mengurus dan mengawal selia urusan haji ini maka Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga merasakan bahawa pihak yang terbaik untuk berurusan dengan pihak Kerajaan Arab Saudi umpamanya adalah pihak Tabung Haji.

Oleh sebab itulah, walaupun di luar daripada bidang kuasa yang ditetapkan oleh Parlimen di bawah Akta Tabung Haji 1995 tetapi Tabung Haji tetap melaksanakan tanggungjawab ini demi kesejahteraan ummah dan juga demi keselesaan jemaah-jemaah umrah kita khususnya walaupun di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua sebelum Yang Berhormat berhenti. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa umrah ini ditadbir uruskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kita melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh para-para jemaah yang hendak mengerjakan umrah dan Tabung Haji juga bekerjasama dengan erat dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Kenapa tidak diambil alih sahaja daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia? Apakah masalahnya sekiranya diambil alih oleh Tabung Haji? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan seperti mana yang saya sebutkan tadi kerana bidang kuasa kita punca kuasanya datang daripada Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*]. Kalau dirasakan bahawa Tabung Haji yang seharusnya mengatur urus dan menguruskan hal-hal yang berkaitan umrah juga maka di sinilah medannya untuk kita meminda Akta Tabung Haji itu.

Setakat ini Akta Tabung Haji menyatakan bidang kuasa Tabung Haji hanyalah untuk mentadbir urus hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan haji semata-mata. Itu sahaja sebabnya. Jadi kita tidak ada punca kuasa lain.

#### ■1700

Jadi umrah ini walaupun apabila kita bercakap Mekah dan Madinah, orang melihat Tabung Haji. Oleh sebab itulah Tabung Haji ini sentiasa dihubungi apabila ada yang tersangkut di sana, ada yang sesat. Ada yang sesat pun telefon Menteri dan Timbalan Menteri, boleh tolong selesaikan ataupun tidak. Saya kata, "*Ini di luar haji ini. Saya pun berada di Malaysia*".

Akan tetapi saya hendak sebutkan, itu pun kita tetap menyantuni segala apa masalah yang berlaku sebab itulah kita tidak pernah- walaupun saya sebutkan bahawa ini bukan bidang kuasa kita tetapi kerana Tabung Haji ini adalah milik penuh kerajaan dan kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan dan keselesaan, kebajikan rakyat kita. Walaupun atas nama apa sekalipun, kita tetap mengambil tanggungjawab ini tetapi secara punca kuasa perundangannya, kita tidak ada bidang kuasa tersebut.

Maka kalau Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi ingin mencadangkan supaya dipinda akta ini bagi memberikan kuasa kepada Tabung Haji, ini terserah kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tabung Haji hanya berfungsi berasaskan kepada bidang punca kuasanya daripada Akta Tabung Haji 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih. Saya rasa ini kali pertama sepanjang inilah jawapan di Dewan Negara ini, hendak menunjukkan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam ini mendapat perhatian yang amat baik sekali daripada semua Ahli Dewan Negara. Saya mengucapkan terima kasih. Moga-moga jawapan yang sempat saya jawab dapat diterima secara baik. Mana yang saya tidak dapat dijawab, sesungguhnya perkara-perkara tersebut dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh agensi-agensi jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kagumlah dengan jawapan Yang Berhormat Menteri ini. Bukan sahaja orangnya kacak tetapi bersopan-santun... *[Tepuk]* Ini Yang Berhormat Menteri sudah ambil lebih dari 1 jam 15 minit *[Ketawa]* Tidak apa.

Sekarang silakan Yang Berhormat Dato' Sri Devamany.

## **5.02 ptg.**

### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:**

Ya, salam bahagia, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Baik Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Ada dua isu yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat.

Pertama, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam telah memohon penjelasan mengenai pemberian RM50 juta peruntukan untuk membantu lebih kurang 35,000 usahawan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Apabila belia-belia telah memohon untuk mendapatkan pinjaman TEKUN ini tetapi banyak syarat yang telah dikenakan. Itulah keluhan beliau. Yang Berhormat minta supaya dilonggarkan syarat untuk mendapatkan pinjaman TEKUN berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, agenda pembangunan sosioekonomi hal ehwal masyarakat India oleh kerajaan adalah satu usaha berterusan yang dilaksanakan seiring dengan usaha-usaha lain untuk memastikan setiap kaum di negara ini bergerak sehaluan dengan pembangunan aspirasi negara. Dalam hal Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), TEKUN Nasional telah diwujudkan untuk membantu usahawan-usahawan India.

Pembiayaan perniagaan ini ditawarkan dalam bentuk pinjaman untuk memulakan dan memajukan perniagaan dari RM1,000 hingga RM100,000 dengan tempoh bayaran balik pinjaman antara enam bulan hingga 10 tahun, bergantung kepada jumlah pinjaman. Pinjaman RM20,000 ke bawah boleh disalurkan atas nama individu. Manakala pinjaman di atas lebih daripada RM20,000 disalurkan atas nama syarikat iaitu 100 peratus milik India. Okey, ataupun ada perkongsian tetapi banyaknya 100 peratus milik masyarakat India. Syarat-syarat yang dikenakan untuk memohon pinjaman adalah ringkas, telus dan mudah untuk ditepati.

Saya memahami pada mulanya Yang Berhormat, dokumen itu memang panjanglah, memang panjang. Ada 17 dokumen yang perlu dikemukakan dan 10 dokumen yang diperlukan, selepas itu dokumen tambahan lagi tujuh. Akan tetapi kini, TEKUN telah mengeluarkan satu lagi borang. Pada mulanya borang ini adalah borang JPP 20. Sekarang adalah JPP 06 yang telah dipermudahkan. Kita memahami golongan-golongan yang meminjam ini adalah golongan yang tengah bergelimpangan di bawah. Mencari-cari, tergapai-gapai dan yang benar-benar memerlukan sokongan.

Kita ada pegawai di semua tempat untuk membantu mereka mengisi borang-borang ini tetapi kita telah mudahkan dengan borang baru. Kemudian mereka bawa yang asas maklumat itu, kemudian barulah diperkemaskinikan. Itulah saya memahami keluhan ini dan kita telah memperkemaskan keadaan kaedah ini.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kadang-kadang katakan kita telah banyak beri pinjaman. Kalau kita lihat jumlah pinjaman yang kita telah keluarkan setakat ini, RM274,000,889 juta untuk seramai 26,049,320 orang telah mendapat pinjaman begini. Kita dapati *non-performing loans* atau NPL, ia kata *non-active loans* atau NAL dalam TEKUN ini, memang tinggi.

Ini kerana proses pemberian pinjaman ini, pada mulanya tidak diperkemaskan, tidak dijitukan. Maka sebab itulah sekarang kita memastikan bahawa pemohon-pemohon adalah golongan-golongan peniaga yang benar-benar di peringkat akar umbi membuat perniagaan. Bukan orang mengambil duit kita, kemudian dia bayar dia punya ah long. Dia bayar ah long untuk selesaikan masalah hutang dia. Baik, golongan begini adalah golongan yang boleh menghancurkan aspirasi dan matlamat TEKUN sendiri.

So, saya memohonlah supaya Yang Berhormat dapat turun ke padang, maklumkan kepada peminjam memang ada syarat begini. Akan tetapi kalau dia di *blacklisted*, dengan izin, dia boleh juga pinjam kerana kita bantu golongan yang sudah sangkut. Itu yang kata tergapai-gapai dan bergelimpangan itu tadi. So, kita bantu mereka. Maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang melonggarkan syarat. Kita mengajar mereka secara sistematik. Saya minta maaf lah ya. Cuma pendekatan yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita jadikan lebih pragmatis dan lebih mudah.

Baik, seterusnya ingin juga saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram yang membangkitkan mengenai isu status pegangan ekuiti masyarakat India di dalam *Malaysian Indian Blueprint* dan pendekatan kerajaan untuk memastikan sasaran tiga peratus ekuiti dapat dicapai. Saya mengakui Yang Berhormat. Pada mulanya dalam Dasar Wawasan Negara telah diletakkan tiga peratus, kemudian kita turun ke 1.1 peratus. Sekarang melalui kaedah begini, kita telah tingkat ke 1.6 peratus dan kita berdoa bahawa dalam masa akan datang dan

Rancangan Malaysia Kesebelas dan Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti, apabila *blueprint* ini...  
[Menunjukkan buku 'Malaysian Indian Blueprint']

*Blueprint* ini adalah satu dokumen yang dilancarkan pada 23 April tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, setelah dua tahun kita buat kajian, bagaimana kita memperkasakan masyarakat India, denyutan dasar ekonomi baru untuk pengagihan kekayaan, untuk menyusun semula masyarakat. Bukan hanya kepada kaum bumiputera tetapi merentasi semua kaum di Malaysia, termasuk masyarakat India. Maka dokumen ini menjadi satu aspirasi negara, idaman dan juga impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui pemimpin-pemimpin India dalam Kabinet, untuk melahirkan satu masyarakat India yang progresif iaitu 162 muka surat dan ada 34 KPI. Pada tahun 2017 dan 2018, kita sudah ada sembilan KPI yang perlu dilaksanakan dan ia dalam landasan yang sebenarnya.

So, saya balik kepada ekuiti yang telah dibangkitkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah ekuiti masyarakat yang saya katakan tadi adalah 1.6 peratus. Kerajaan melalui- kini ada dua cara. Kini melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah membantu 242,966 isi rumah India setakat ini, melalui 4.4 bilion unit melalui Skim Amanah Saham Wawasan 2020 dan juga Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham 1Malaysia, Amanah Saham Nasional (ASN3), ASG-Pendidikan yang saya singkatkan, ASG-Kesihatan, ASG- Persaraan.

#### ■1710

Maka, melalui semua amanah saham yang telah dilancarkan, kita sudah sampai ke tahap RM44 bilion. Akan tetapi ini adalah satu angka yang dinamik, yang anjal, yang akan turun naik, turun naik mengikut keupayaan dan juga aspirasi pemiliknya. Selain daripada itu, untuk meningkatkan ekuiti melalui keusahawanan, Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIQ) Jabatan Perdana Menteri telah bertindak sebagai penyelaras bersama agensi-agensi kerajaan seperti TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia, SME Corp., SME Bank, *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) dan *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC) untuk menyediakan pinjaman dan geran kerajaan bagi usahawan-usahawan India.

Sehingga kini, pinjaman perniagaan sebanyak RM1.398 bilion telah disalurkan kepada 31,655 usahawan daripada masyarakat India. Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB), yang saya tunjukkan tadi telah dilancarkan oleh Yang Berhormat seperti mana yang saya katakan tadi. Maka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Perdana Menteri telah melancarkan lagi satu amanah saham melalui PNB untuk masyarakat India dalam bajet RM2 bilion, di mana daripada RM2 bilion, RM500 juta akan diagihkan kepada B40, masyarakat India B40. Di dalam masyarakat India B40 itu kita nampak ada 227,600 isi rumah. Daripada isi rumah itu kita ada 43% daripada 227,600, 43% daripada mereka adalah golongan yang mendapat pendapatan di bawah RM2 ribu isi rumah itu.

Maka, kalau pendapatan RM2 ribu isi rumah ke bawah itu, kita akan bagi RM500 juta kepada golongan ini sebanyak RM5 ribu akan diberi sebagai saham. Mereka boleh bayar balik RM5 ribu itu, RM42 lebih kurang setiap bulan atau mereka tidak bayar pun kita tidak paksa tapi dividennya. Bunganya itu akan diberi balik kepada mereka selepas tempoh bayaran itu tamat. Ini sebagai satu bantuan untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India. Maka, kita akan mula untuk 100 ribu orang dalam tempoh 5 tahun. Setiap tahun, 20 ribu keluarga akan dapat bantuan ini untuk menjana pemilikan ekuiti

negara supaya mereka tidak tertinggal. Dalam bahasa Inggeris, *ownership brings problem*, dengan izin. Dia tidak rasa bahawa dia adalah milik negara ini.

Maka, itulah masalahnya dan inilah akan kita bakal lakukan. Selain daripada RM1.5 bilion akan dibuka kepada masyarakat India umum untuk memiliki ekuiti. Selain daripada itu, izinkan saya mengatakan bahawa aspek-aspek lain juga akan diberi perhatian seperti pemeraksanaan kapasiti masyarakat untuk menjana pendapatan melalui latihan, melalui pendanaan, melalui pendedahan. Selain daripada itu, kita akan juga memudah carakan dan menjuruterakan pengikliman ekosistem perdagangan untuk masyarakat India.

Oleh kerana daripada golongan warga petani, penoreh getah, mereka telah datang ke industri cara pekerja. Sekarang kita akan *migrate*, menghijrahkan mereka kepada golongan usahawan. Ini mengambil masa. Agenda 60 tahun Bumiputera terpaksa kita percepatkan untuk masyarakat India. Inilah perjuangan kita. Akan tetapi keikhlasan dan kemurnian matlamat dasar ini telah ditunjangi di dalam bajet dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan Dua belas nanti kerana *blueprint* ini, MIB ini adalah sampai 2025.

Selepas 10 tahun ini, kita yakin bahawa masyarakat India boleh berdikari untuk perjuangan. Itulah harapan kita. Untuk makluman tambahan sikit, pemerolehan kerajaan, kita sedang runding untuk bantu masyarakat India. Kontraktor India baru-baru ini telah diberi mandat untuk membina sekolah-sekolah Tamil. Pertama kalinya dalam tempoh 2-3 tahun ini dan inilah satu aspirasi yang amat kita hargai daripada kerajaan. Itu saja, terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat atas soalan yang telah dikemukakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang silakan Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri.

#### **5.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada seramai 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan yang mulia ini dari 4 Disember hingga 11 Disember 2017 yang antara lain telah menyentuh portfolio KDN.

Sebelum saya menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan, khasnya Yang Amat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dan Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan keseluruhannya sebanyak RM13.8 bilion bagi tahun 2018.

KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Saya akan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) pembangunan;

- (ii) pengenalan diri dan pendaftaran pertubuhan;
- (iii) Imigresen; dan
- (iv) kepolisan, kawalan sempadan, keselamatan dan juga ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili bertanyakan mengenai dana bagi pembinaan balai polis baru seperti di Balai Polis Matang, Kuching, pembelian kenderaan bagi tujuan menubuhkan balai polis bergerak dan pembelian motosikal untuk penubuhan Unit Rondaan Bergerak, khususnya bagi negeri Sarawak.

Untuk maklumat Dewan yang mulia, selain daripada Balai Polis Matang Jaya, Kuching, 5 projek lain yang kini dalam peringkat pembinaan dan peringkat perancangan adalah seperti berikut. Peringkat pembinaan kita ada Balai Polis Beladin, Betong, Sarawak, Balai Polis Debak, Betong dan untuk peringkat perancangan kita ada IPD Lawas, Sarawak, Kem Batalion 10, Pasukan Gerakan Am, PGA Sibu dan Balai Polis Pauh, Betong, Sarawak.

Berkaitan balai polis bergerak, kini terdapat 10 buah kenderaan ditempatkan di 6 daerah seperti Ddaerah Bintulu atau IPD Bintulu sebuah, IPD Kuching 3 buah, IPD Limbang sebuah, IPD Miri dua buah, IPD Sibu dua buah dan IPD Sri Aman sebuah. Pengenalan diri dan pendaftaran pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook bertanyakan sebab kementerian tidak memaklumkan status keputusan permohonan kewarganegaraan masyarakat Siam yang memegang kad pengenalan merah kepada pemohon sama ada gagal atau lulus tempoh yang diperlukan oleh kementerian untuk memproses semua permohonan kewarganegaraan atau *standard operating procedures* dan piagam pelanggan dalam menguruskan permohonan tersebut dan definisi perkataan "Siam" akan ditambah dengan parameter agama Buddha dalam Kad Pengenalan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, pertimbangan bagi setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan peruntukan perundangan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon. Kementerian ini menegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan sewenang-wenangnya. Sehubungan itu, setiap peringkat pemprosesan, pertimbangan dan keputusan dibuat dengan teliti, menyeluruh serta berpandukan *case-by-case*.

Adalah menjadi SOP kementerian untuk memaklumkan setiap keputusan permohonan kewarganegaraan Malaysia kepada pemohon secara bersurat selepas keputusan dikeluarkan. Bagi permohonan yang sedang diproses, semakan status boleh dirujuk terus ke KDN dan JPN sama ada melalui kaunter ataupun *email* atau telefon. Selain itu, butiran "Siam", dan "Buddha" merupakan dua jenis butiran berbeza iaitu keturunan dan juga agama. Oleh yang demikian, JPN telah merekodkan maklumat tersebut pada medan yang berbeza dalam kad pengenalan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim memohon penjelasan mengenai kesukaran untuk mendapatkan Kad Pengenalan Biru iaitu bertaraf warganegara walaupun seseorang isteri kepada warga negara Malaysia itu telah menetap di Malaysia lebih daripada 30 tahun dan telah memohon sebanyak 3 kali...

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** [Bangun]

**Datuk Masir Kujat]:** Taraf kewarganegaraan Malaysia adalah anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dengan sewenang-wenangnya...

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon.

**Datuk Masir Kujat:** ...Pertimbangan bagi setiap pemohon adalah secara *case-by-case* berdasarkan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

■1720

Dalam hal ini, beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Masir Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat nak mencelah. Silakan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita ketahui bahawa anugerah kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi daripada negara kepada mana-mana individu.

Cuma, persoalannya adalah apakah komunikasi antara kementerian dengan pemohon untuk memaklumkan status permohonan mereka? Ini kerana kita dapati bahawa apabila mereka mohon pada tahun pertama, tidak ada apa hubungan daripada kementerian kepada mereka. Mereka pun tidak tahu apa kedudukannya. Tahun kedua pun tidak ada. Jadi mereka bertanya kepada saya, apakah kedudukan permohonan mereka. Ini adalah tahun ketiga dan tidak apa-apa perhubungan daripada kementerian.

Jadi apa yang saya syorkan ini adalah supaya ada perhubungan sekurang-kurangnya memaklumkan kepada pemohon bahawa permohonan tuan telah diterima dan kami sedang proses dan keputusan akan diberikan dalam tempoh sekian-sekian. Sepatutnya macam itu. Barulah mereka tidak tertanya-tanya.

Satu lagi, Yang Berhormat Menteri, yang saya juga sebutkan tentang MSBMO. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri tertinggal yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia belum habis jawab lagi, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Masir Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum perkara itu dan memang sudah pasti sekiranya ada permohonan seperti macam itu, boleh rujuk kepada saya secara spesifik dan kita akan minta JPN untuk menguruskannya.

Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung, sambung, Yang Berhormat.

**Dato' Masir Kujat:** Bagi wanita warganegara asing yang telah berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia, permohonan kewarganegaraan boleh dikemukakan mengikut Perkara 15(1), Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) suami pemohon bertaraf warganegara Malaysia;
- (ii) perkahwinan telah didaftarkan mengikut perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia;
- (iii) perkahwinan masih wujud dan berterusan;



- (iv) pemohon telah bermastautin secara tetap di Malaysia dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan dibuat; dan
- (v) hendaklah berkelakuan baik.

Permohonan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan boleh terbatal sekiranya suami pemohon meninggal dunia atau perkahwinan tersebut dibubarkan iaitu sama ada melalui penceraian atau pembatalan perkahwinan.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tersebut, permohonan kewarganegaraan masih boleh dikemukakan di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) pemohon mestilah berumur di atas 21 tahun;
- (ii) pemohon telah bermastautin secara tetap di Malaysia dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 tahun sebelum permohonan dibuat;
- (iii) berkelakuan baik; dan
- (iv) mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali bertanyakan, apakah tindakan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan KDN untuk mengawal badan bukan kerajaan yang dijadikan platform bagi membiayai aktiviti yang menggugat keharmonian dan ketenteraman awam dan langkah-langkah pencegahan supaya anasir negatif dari luar negara tidak meresap masuk ke dalam urusan pentadbiran kerajaan.

JPPM sentiasa proaktif dalam memastikan pendaftaran sesebuah pertubuhan tidak menggugat keharmonian dan ketenteraman awam. Dalam hal ini, bagi memastikan tanggungjawab tersebut dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan efektif, JPPM turut bekerjasama dengan PDRM untuk menjalankan saringan ke atas permohonan pendaftaran pertubuhan yang diterima dan seterusnya memantau aktiviti pertubuhan yang telah didaftarkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Akin A/L Ehtook bertanyakan bagaimana untuk memperoleh pas lawatan ikhtisas bagi sami-sami yang dibawa masuk untuk mengajar masyarakat Siam di Malaysia dan bilakah kementerian akan meluluskan cadangan agar *Malaysian Siamese Buddhist Monk Organization* diiktiraf sebagai salah satu badan pengesah bagi kelulusan permohonan pas lawatan ikhtisas.

Pada masa ini, permohonan pas lawatan ikhtisas untuk membawa masuk sami-sami dan seterusnya mengajar masyarakat Siam di Malaysia perlu dikemukakan ke Jabatan Imigresen (JIM) yakni setelah mendapat sokongan daripada Persatuan *Buddhist Malaysia* atau Persatuan Belia *Buddhist Malaysia*. Permohonan pas lawatan ikhtisas bagi mubaligh agama adalah secara manual dan mengambil masa selama 30 hari untuk diproses selepas permohonan yang lengkap diterima.

Berhubung cadangan untuk mengiktiraf *Malaysian Siamese Buddhist Monk Organization* sebagai salah satu badan pengesah bagi kelulusan permohonan pas lawatan ikhtisas yang menyokong sami Buddha ke Malaysia, ia adalah sekarang masih dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili bertanyakan mengenai cadangan kementerian untuk menambah bilangan anggota polis di Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kertas kerja cadangan permohonan perjawatan baru bagi Balai Polis Samalaju, Sungai Asap, Beladin, Desa Senadin, Spaoh, Demak Laut, Matang Jaya dan Pondok Polis Pakan meliputi 784 jawatan beruniform dan 51 jawatan awam telah pun dikemukakan kepada pihak berwajib.

Walau bagaimanapun, kertas yang tersebut masih lagi dalam kajian memandangkan dasar semasa yang tidak membenarkan permohonan perjawatan baru termasuk bagi PDRM seperti mana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanyakan mengenai kaedah untuk mengadakan sekatan jalan raya atau SJR ketika waktu puncak bagi mengelakkan penutupan dari tiga laluan ke satu laluan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas dan tindakan polis mengarahkan penunggang motosikal yang telah disita menolak motosikal masing-masing ke balai polis sejauh tiga kilometer mengikut undang-undang sedia ada serta implikasi jika berlaku kemalangan ketika proses penundaan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SJR merupakan satu keperluan untuk memelihara undang-undang atau menghalang dan mengesan jenayah. Kuasa untuk mendirikan SJR diperuntukkan di bawah seksyen 26, Akta Polis 1967. PDRM mempunyai garis panduan khusus untuk mengadakan SJR seperti dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara A113. Dalam garis panduan tersebut, aspek keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya sentiasa diberikan keutamaan. Dalam keadaan biasa, SJR tidak boleh didirikan di kawasan yang berselekoh, menuruni bukit, kawasan gelap dan di jalan-jalan yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas.

Memang diakui dalam setiap SJR yang dibuat akan menimbulkan kesesakan jalan raya. Namun, perlu dijelaskan bahawa kaedah yang digunakan dalam setiap SJR perlu dicekalkan laluan bagi mengelakkan pesalah dapat meloloskan diri ketika pemeriksaan dibuat dan mengambil kira aspek keselamatan anggota bertugas. PDRM memberi jaminan bahawa SJR tidak akan dijalankan di kawasan yang mempunyai pergerakan trafik tinggi secara sewenang-wenangnya kecuali di atas sesuatu perkara yang amat mendesak.

Berhubung dengan motosikal yang perlu dibawa ke balai polis atas kesalahan trafik untuk tujuan dokumentasi, disita atau proses lain, ia perlu dibawa menggunakan lori yang disediakan oleh pihak polis. Namun, tindakan untuk mengarahkan pesalah menunda sendiri motosikal ke balai polis berhampiran diambil dalam keadaan tertentu seperti berikut:

- (i) jumlah motosikal yang ditahan dalam operasi tersebut adalah terlalu banyak dan sekiranya diangkut menggunakan lori, ia tidak efisien kerana memerlukan masa yang panjang sama ada kepada anggota petugas mahupun pesalah trafik itu sendiri;
- (ii) untuk mengelakkan berlakunya kerosakan semasa proses menaikkan dan menurunkan motosikal atau boleh menyebabkan kerosakan kepada kenderaan pengangkut akibat perbuatan sabotaj pesalah trafik; dan

- (iii) perlu dinyatakan dalam perintah gerakan, keperluan untuk diambil tindakan penundaan ini setelah ditibangkan semua aspek berkaitan kawalan keselamatan, aliran trafik, jarak dan jenis jalan yang akan dilalui.

Oleh yang demikian, penundaan motosikal ke atas pesalah trafik bukanlah sesuatu tindakan yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa panduan atau arahan pihak atasan. Sebaliknya, proses penundaan motosikal dilakukan dengan terperinci dan juga terancang.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff bertanyakan statistik kes penipuan pakej umrah yang direkodkan sehingga November 2017 dan langkah-langkah untuk membendung jenayah ini daripada berleluasa dan bagaimana kementerian dapat meningkatkan pengesanan bagi menyita harta atau hasil daripada transaksi haram dadah supaya *Anti-Money Laundering Act 2001* (AMLA) dapat diperhebat termasuk perincian sitaan dan pembekuan aset.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan sedar akan kes penipuan umrah yang berlaku di negara ini. Dari tahun 2015 sehingga November 2017, sebanyak 103 kes penipuan umrah telah disiasat oleh PDRM dengan jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa keseluruhannya hampir RM5 juta.

#### ■1730

Kerajaan melalui PDRM sentiasa komited mengatasi kes-kes jenayah seumpama ini. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan seperti ini. Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, kerajaan juga menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat dalam usaha memberikan pengetahuan dan kesedaran mengenai kes-kes penipuan umrah.

Bagi menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengatasi kes penipuan umrah daripada terus berleluasa, PDRM telah menjadi salah satu ahli di dalam Majlis Kawal Selia Umrah yang dipengerusikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan oleh MKSU bagi membendung masalah berkaitan dengan umrah ini adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan lesen umrah. Syarikat-syarikat pengendali umrah diwajibkan mendapatkan lesen mengendali umrah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- (ii) kursus pensijilan pengendalian umrah;
- (iii) kempen kesedaran penipuan umrah kepada orang awam di seluruh negara;
- (iv) mengadakan pemantauan secara berkala terhadap syarikat-syarikat pengendali umrah ini untuk memastikan segala prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi; dan
- (v) penetapan harga minimum pakej umrah sebanyak RM4,900 untuk tempoh 12 hari dan 10 malam.

Adalah diyakini kerjasama antara PDRM dan juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini mampu untuk mengatasi masalah kes-kes penipuan umrah daripada terus berleluasa. Kerajaan ingin mengingatkan masyarakat supaya tidak mudah terpedaya dengan tawaran-tawaran murah pakej

umrah sebaliknya semakin perlulah dibuat terlebih dulu terutama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi mendapatkan kesahihan berhubung tawaran-tawaran yang dibuat dan seterusnya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Kementerian juga melalui agensi-agensi penguat kuasa akan meningkatkan siasatan operasi dan juga risikan bagi memastikan usaha membanteras jenayah dadah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Harta persendirian syarikat dan NGO yang diperoleh hasil dari kegiatan haram akan dibekukan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ataupun AMLATFA. Oleh yang demikian, kementerian akan terus mempergiatkan operasi dan siasatan bagi membawa penjenayah ke muka pengadilan termasuk jenayah dadah.

Bagi kes yang melibatkan kesalahan dadah, penyiasatan terhadap harta pesalah akan disiasat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988, dengan izin, Akta 340. Dalam usaha pengesanan dan peningkatan penyertaan, siasatan yang dijalankan adalah merangkumi harta-harta yang dimiliki oleh pesalah yang dikategorikan sebagai orang kenaan, sekutu serta saudara-mara orang kenaan di bawah Akta 340. Bagi tempoh dari tahun 2015 hingga tahun 2017, jumlah kes nilai penyitaan harta dan nilai lucut hak adalah seperti berikut:

- (i) untuk tahun 2015 sahaja, kita ada 980 kes yang melibatkan nilai penyitaan sebanyak RM73 juta lebih kurang dan nilai lucut hak RM20.6 juta;
- (ii) 2016 melibatkan 4,388 kes, nilai penyitaan adalah sebanyak RM99 juta dan nilai lucut hak adalah lebih kurang RM25 juta; dan
- (iii) sehingga November tahun ini, kita ada kes sebanyak 4,811 melibatkan nilai penyitaan lebih kurang RM111.5 juta dan nilai lucut hak sebanyak RM19 juta.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan bertanyakan mengenai keberkesanan penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia atau nama singkat AKSEM dan apakah bentuk kerjasama antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, PDRM dan AKSEM dalam mengawal sempadan negara bagi mengelakkan pertindihan tugas dan tanggungjawab. AKSEM yang telah ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegahan Penyeludupan ataupun dulu dikenali sebagai UPP Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh KDN bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan sempadan darat negara.

AKSEM yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Kastam, JIM, AADK, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di bawah satu pasukan petugas dilihat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan, holistik dan bersepadu dalam membendung jenayah rentas sempadan terutama sekali di sempadan Malaysia-Thailand. Bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh AKSEM merupakan risikan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya tetap atau statik dan tidak tetap, mobil serta rondaan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Masir Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat Menteri. Kita ada 12 lagi kementerian yang harus habis pada hari ini. So kepada Menteri-menteri, jikalau Ahli Yang

Berhormat nama yang disebut itu tidak ada dalam Dewan, boleh beri secara bertulis, tidak payah membaca jawapan tersebut. Silakan Yang Berhormat Menteri, sambung.

**Dato' Masir Kujat:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan AKSEM dan akan meneliti sama ada Ahli Yang Berhormat Senator itu ada atau tidak di Dewan. Sekiranya tidak ada, saya akan mengarahkan pegawai saya di belakang untuk menjawab ataupun memberi jawapan secara bertulis sebelum tamat sesi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Masir Kujat:** Tuan Yang di-Pertua, Akta AKSEM 2017 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 22 Ogos 2017 telah membuka ruang kepada AKSEM untuk bergerak lebih maju ke hadapan di dalam mengawal sempadan darat negara. Menerusi peruntukan-peruntukan tertentu dalam akta tersebut, AKSEM sedang menyediakan draf SOP tunggal kawalan sempadan darat negara bagi tujuan menyelaraskan operasi penguatkuasaan dan seterusnya sebagai garis panduan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab di sempadan negara. Bengkel penyediaan SOP ini baru sahaja diadakan di Kedah dari 7 hingga 9 Disember 2017.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selain itu, ia juga merupakan salah satu persediaan untuk memperluaskan AKSEM di sempadan darat negara, di Sabah dan juga Sarawak secara berfasa menjelang tahun 2020 sebagai usaha meningkatkan kawalan sempadan negara secara keseluruhannya. Keberkesanan AKSEM masih belum dapat diterjemahkan sepenuhnya pada masa ini memandangkan ia masih dalam peringkat penyediaan SOP tunggal. Penubuhan AKSEM tidak melibatkan sebarang penambahan perjawatan dan hanya menggunakan perjawatan yang ada dengan UPP yang diserap masuk ke dalam AKSEM. Berhubung dengan pertindihan penugasan AKSEM dengan agensi lain, ia akan dapat diselaraskan setelah SOP tunggal dimuktamadkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, ada sini? Ada, okey. Yang Berhormat bertanyakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi membanteras penyalahgunaan media-media sosial untuk mempromosi dan menjual dadah secara dalam talian. Kementerian memandang serius isu penyalahgunaan media sosial sebagai medium mempromosikan dan menjual dadah. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi isu ini adalah seperti berikut:

- (i) PDRM telah mewujudkan *task force* untuk memantau laman web dan aplikasi media sosial yang mempromosikan dadah terutamanya dadah jenis *Amphetamine-Type-Stimulants* atau ATS dan juga *new psychoactive substances* (NPS);
- (ii) mengesan pemilik akaun laman sosial dan ahli-ahli yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah dalam talian untuk ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;

- (iii) menjalankan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dalam berkongsi maklumat bagi kajian dan siasatan kegiatan pengedaran dadah dan *new psychoactive substances*;
- (iv) memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama; dan
- (v) PDRM telah memperoleh kelulusan di bawah *3<sup>rd</sup> Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesebelas untuk membangunkan sistem *technical drug crime analytics* yang dijadualkan beroperasi pada tahun 2018.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah, ada dalam Dewan? Ada. Yang Berhormat bertanyakan mengenai kelengkapan baru yang bakal dibeli oleh PDRM untuk mengurangi jenayah dan seterusnya bagi menurunkan kadar jenayah di Pulau Pinang serta SOP bagi pengambilan kakitangan polis yang baru. Bagi tahun 2018, PDRM mendapat peruntukan sebanyak RM86 juta untuk melaksanakan perolehan aset-aset dan kelengkapan baru di mana RM56 juta daripadanya adalah perolehan bagi aset-aset baru untuk memerangi jenayah.

■1740

Antaranya, kenderaan guna sama operasi polis seperti lori, van penumpang dan juga kenderaan pacuan empat roda bagi penugasan rondaan dan serbuan dalam pembanterasannya jenayah berjumlah RM9 juta. Kelengkapan buat penunggang motosikal Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dengan tujuan meningkatkan keselamatan setiap anggota rondaan berjumlah RM7.9 juta. Anjing pengesanan K9 sebanyak 75 ekor berjumlah RM3 juta. Alat bantuan teknikal bagi membanteras jenayah narkotik berjumlah RM9 juta dan kelengkapan senjata api dan gari semasa rondaan pencegahan jenayah berjumlah RM27 juta. Bagi mengawal jenayah di negara ini, PDRM telah mengambil pelbagai inisiatif seperti berikut:

- (i) mewartakan sebanyak 72 pertubuhan yang berdaftar atau tidak berdaftar sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang kerana dikenal pasti mempunyai elemen kongsi gelap dan boleh diambil tindakan di bawah seksyen 43 dan 52 Akta Pertubuhan 1966;
- (ii) menubuhkan *Special Task Force on Organised Crime* (STAFOC), *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING), dan juga *Special Task Force for Anti-Vice, Gambling and Gangsterism* (STAGG) untuk memerangi jenayah berat, pengedaran dadah, kecurian dan juga maksiat;
- (iii) menubuhkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang memberi fokus kepada program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman serta penglibatan masyarakat untuk membantu pihak polis; dan
- (iv) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 POCA, AMLATFPUAA 2001 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengambilan yang dilaksanakan mengikut skim syarat di dalam Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 2, Tahun 2016 bertarikh 7 April 2016 berkuat kuasa pada Julai

2016, semua proses pemilihan adalah berdasarkan kepada kelayakan calon sama ada daripada segi akademik mahupun fizikal. Calon-calon yang akan menduduki ujian integriti, temu duga dan juga tapisan keselamatan dan kesihatan, PDRM akan melaksanakan semua proses tanpa membezakan status calon. Tiada kompromi jika tidak mencukupi syarat skim perkhidmatan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Faharyah. Ada? Ada juga ya, ada?... [Disampuk] Tak ada. Okey. Pergi *toilet*? Tak apa. Kita akan menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad? Juga tak ada. Okey. Kita akan jawab bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan? Tak ada juga? Okey. Tuan Yang di-Pertua, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman rakyat dan kemakmuran negara. Prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara menetapkan setiap rakyat adalah sama di sisi undang-undang tanpa sebarang diskriminasi terhadap bangsa, agama dan jantina mahupun kedudukan. Ini dapat menjamin hak asasi dan kebebasan setiap individu namun tidak bermakna kita bebas melakukan apa-apa sehingga melanggar Perlembagaan Negara dan undang-undang. Setiap kebebasan itu harus dan ada hadnya supaya hak seorang individu itu tidak mengetepikan hak individu yang lain.

KDN akan terus komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini. Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu berkaitan KDN...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat...

**Dato' Masir Kujat:** Saya dah ada di penutup ini. Saya dah hampir penutup ini, dekat habis ini. Saya nak habiskan dah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya tak dapat jawapan saya kepada apa yang saya timbulkan dalam ucapan saya.

**Dato' Masir Kujat:** Okey, saya akan semak ini dengan pegawai-pegawai saya. Sekiranya ada jawapan...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Apa yang saya hendak tanya itu tentang satu kumpulan *vigilante* yang beroperasi di Malaysia. Adakah mereka wujud atau tidak? Ini perkara yang penting dan tak boleh diabaikan macam itu sahaja kerana dalam hujah saya, empat orang dah hilang.

**Dato' Masir Kujat:** Yang Berhormat Senator, saya akan *check* semula dan kalau ada jawapan, saya akan beri secara bertulis ya. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab pada kali ini, saya akan catat untuk tindakan susulan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyampaikan ucapannya, dia punya balasan itu dengan nyata dan terang saya rasa. Sebentar tadi saya suka tengok cara Yang Berhormat tadi, tertiban dia tadi. Dia tanya ada tak orang itu di sini. Saudara Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, ada kah Yang

Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas sini, dia tanya dahulu. Ha itu tertib. Jadi kita ingat dia hendak tadi supaya dia cakap kepada orangnya dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu, tolong ingat-ingatkan kawan kitalah. Jangan lupa hadir di waktu ini.

Jadi terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan jelas dan seperti kata Yang Berhormat tadi, yang itu dia akan jawab dengan bertulis, bukan? Baik, bagus. Terima kasih dan terima kasih banyak.

Sekarang saya hendak pergi beralih kepada nombor tiga- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya nampak Yang Berhormat Tan Sri Noh Omar, Menteri nya dah ada dah, dan juga Timbalan Menteri pun ada. Sila Yang Berhormat Tan Sri. Dipersilakan.

#### 5.46 ptg.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam NegaraKu Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah mengemukakan cadangan-cadangan serta membangkitkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang kuasa KPKT sepanjang tempoh hari perbahasan Bajet 2018. Saya amat menghargai pandangan dan juga saranan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang meliputi lima bidang utama KPKT iaitu saya jawab satu-satulah. Jadi kalau hendak tanya, ikut bidang yang saya akan jelaskan.

Pertama mengenai kebombaian dan penyelamatan, yang kedua, pengurusan sisa pepejal, yang ketiga, kerajaan tempatan, yang keempat, perumahan dan yang kelima, kesejahteraan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulungan hari ini dengan menyentuh mengenai isu kebombaian. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaik Ismail, ada? Okey, terima kasih. Terima kasihlah prihatin dengan bomba. Yang telah membangkitkan isu berkaitan permohonan anggota bomba iaitu kenaikan bantuan insentif bomba daripada kadar semasa. Mewujudkan elaun *on call* iaitu elaun hadir bertugas. Pemberian sedikit elaun atas tugas-tugas anggota bomba.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, permohonan tiga jenis elaun telah pun dihantar kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA. Elaun-elaun ini telah pun dimohon selaras dengan peranan dan tanggungjawab anggota bomba yang semakin kompleks dan memberikan perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan dengan cekap dan berkesan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, permohonan telah pun dihantar kepada JPA pada 19 Mei 2015 tetapi pada 28 September 2017, pihak JPA memutuskan untuk tidak mempertimbangkan permohonan ketiga-tiga elaun yang telah disebut buat masa ini. Akan tetapi *insya-Allah* saya sebagai Menteri KPKT akan membuat rayuan semula kepada JPA untuk menimbangkan elaun-elaun anggota bomba yang kita lihat seperti hero yang tidak didendangkan. Orang tak nampak tugas bomba ini, sebenarnya bomba ini amat penting dan mereka juga menggadai nyawa mereka apabila menjalankan tugas.



Isu yang kedua ialah pengurusan sisa pepejal. Berkenaan isu berkaitan pengurusan isu pepejal, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul dan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim secara spesifik telah pun membangkitkan isu berkaitan pembaziran makanan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pembaziran sisa makanan merupakan perkara yang sentiasa diberikan perhatian oleh KPKT memandangkan mengikut perangkaan pada tahun 2012 mendapati sisa makanan mewakili 44 peratus daripada jumlah keseluruhan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

#### ■1750

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk mengelakkan masalah ini dari terus berleluasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah membangunkan Pelan Pembangunan Pengurusan Sisa Makanan bagi Sektor Industri, Komersial dan Institusi (2016-2026) yang bertujuan untuk meningkatkan tanggungjawab pihak yang terlibat dalam penjanaan sisa makanan di sekitar industri komersial dan juga institusi.

Selain daripada itu, Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015-2020 juga telah dibangunkan yang turut meliputi aspek membendung pembaziran makanan. Menerusi penyediaan pelan-pelan tersebut, ia membuktikan bahawa kementerian telah sedia ada mempunyai strategi yang holistik bagi menangani isu pembaziran sisa makanan dan lebih makanan dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

Kerjasama strategik juga telah dijalankan melibatkan agensi seperti Persatuan Hotel Malaysia, Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian iaitu MARDI dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerjasama yang dijalankan ini turut meliputi pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk mengurangkan pembaziran makanan seperti berikut.

Perawatan lebihan sisa makanan melalui kaedah pengkomposan bagi mengelakkan lebihan makanan dibuang terus ke tapak pelupusan melalui Kempen Pengurangan Sisa Makanan atau, '*Value Food No Waste*' dengan kerjasama MAH. Program secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun N-BOS dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam bidang kajian dan penyelidikan sisa pepejal dan sisa makanan.

Antara idea yang akan diketengahkan adalah inovasi mesin kompos mini dan kajian rantaian sisa makanan. Modul pengajaran dan pembelajaran merentas kokurikulum prasekolah berkaitan pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R juga telah kita laksanakan dan buku ini telah pun kita edar. Kita telah pun berikan kepada sekolah-sekolah tadika kerana ia mesti bermula daripada sekolah tadika kalau kita hendak menanamkan budaya supaya mereka tahu bahawa satu hari nanti bahawa sampah ini sebenarnya, hasil makanan ini sebenarnya boleh menjana pendapatan kepada mereka.

Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin pula telah membangkitkan isu projek *incinerator* di Sungai Udang di Tangga Batu. Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah pun pergi sendiri untuk melihat dengan Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengingatkan kementerian supaya *incinerator* ini hendaklah segera dilaksanakan. Memang tidak dinafikan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka juga setiap kali mesyuarat dia mesti bangkitkan bila lagi hendak buat *incinerator* di negeri Melaka ini.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, KPKT sedang bekerjasama dengan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta ataupun UKAS, Jabatan Perdana Menteri untuk kita hendak melaksanakan program ini secara *Private Finance Initiative* atau PFI. Jadi ertinya kita akan lantik syarikat, mereka keluar modal sendiri dan ada perjanjian akan di buat dalam tempoh 25 tahun. *Insyah-Allah* kita akan cuba segerakan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin, masing-masing telah pun membangkitkan isu berkaitan kerajaan tempatan.

Terlebih dahulu ingin saya memaklumkan bahawa sejak 10 tahun yang lepas mulai April 2007, pihak berkuasa tempatan ataupun PBT tidak lagi mengeluarkan Perakuan Kelayakan Menduduki ataupun *Certificate of Fitness for Occupation* (CFC) dan telah pun menggantikannya dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan ataupun dipanggil CCC. CCC adalah di bawah kawalan pengetua utama ataupun *principal submitting person* dan hanya akan dikeluarkan setelah semua jabatan ataupun agensi berkaitan mengesahkan bahawa pembinaan tersebut diawasi dan disiapkan dengan memenuhi setiap peruntukan undang-undang dan juga syarat-syarat teknikal yang ditetapkan dalam kelulusan pelan.

Berkenaan dengan isu pemantauan pemberian CCC dan kelulusan pembinaan taman perumahan yang didapati tiada longkang atau parit seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, KPKT sentiasa membantu pihak berkuasa tempatan dalam memastikan sistem perparitan dan saliran bandar di seluruh negara dalam menangani masalah banjir kilat yang melibatkan projek-projek kecil bagi kerja-kerja membina dan menaik taraf longkang.

Bagi kelulusan pembinaan dan CF taman-taman perumahan. Sebarang pemajuan di kawasan PBT perlu mendapat kelulusan kebenaran merancang ataupun KM, pelan bangunan dan juga pelan kejuruteraan sebelum pembinaan bermula. JPS merupakan salah satu agensi teknikal dan juga Jabatan Kejuruteraan PBT yang terlibat dengan kelulusan KM dan juga pelan kejuruteraan parit dan saliran.

Borang G17 perlu disahkan dan kontraktor yang melaksanakan kerja perparitan dan jurutera perunding yang mengemukakan sebelum Sijil Perakuan Siap dan juga Pematuhan CCC dikeluarkan. Arkitek projek bagi sesuatu projek pemajuan tidak boleh mengeluarkan CCC jika kerja parit dan saliran tidak siap. Jadi kalau ada yang tidak siap ini, bermakna teknikal ini kurang prihatin. Sepatutnya tidak boleh diberikan CCC sehingga semua masalah perparitan ini mesti diselesaikan.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff pula membangkitkan isu berkaitan dana RM120 juta di bawah Program *Food Truck* Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, dana ini bukan bawah kementerian saya. Ia di bawah KPDNKK tetapi kementerian saya telah pun mengeluarkan garis panduan kepada PBT-PBT supaya dapat diselaraskan mengenai pengurusan *food truck* yang sedang diminati oleh anak-anak muda pada hari ini. Bajet ini saya difahamkan ianya di bawah Bank Rakyat. Jadi mungkin KPL hendak maklumat lanjut kena tanya KPDNKK. Terima kasih di atas kepekaan Yang Berhormat untuk kita melihat anak-anak muda kita yang berminat dengan *food truck* sekarang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin memohon supaya diwujudkan padang bola dan juga tempat sukan di kawasan perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja kita hendak sediakan padang bola. Kalau padang bola tidak cukup, kita kena sediakan *at least* futsal kepada golongan belia dan juga dalam perancangan kita, dasar kita yang baru bukan sahaja untuk golongan belia tetapi untuk golongan kanak-kanak. Perumahan kos rendah ini terutamanya mesti kena ada nurserinya, taskanya kena ada supaya tidak menyusahkan ibu bapa yang sudahlah mereka ini berpendapatan rendah hendak menghantar anak-anak mereka pula untuk mencari orang gaji pun susah.

Jadi apabila ada nurseri, ada taska kita harap ia akan meringankan beban ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke tempat lain. Selain daripada kita mengambil berat masalah kanak-kanak, masalah belia saya kata sukan dan juga kita juga akan perkenalkan juga konsep Anjung Warga Emas. Ini kerana hari ini kita dapati mereka yang ramai membeli rumah hari ini mereka sudah duduk menetap di situ. Tidak lagi mereka balik kampung.

Jadi apakah aktiviti-aktiviti mereka apabila mereka ini bersara terutamanya yang bersara dengan pendapatan rendah. Kalau orang yang kaya ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada padang golf, dia habis masa dekat padang golf. Akan tetapi yang berpendapatan rendah, di mana mereka ini hendak berkumpul.

Jadi sebab itu konsep Anjung Warga Emas juga akan kita laksanakan untuk memberikan kemudahan kepada golongan warga emas yang mungkin termasuk kita semua apabila pencen.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri menyebut tadi warga emas yang kaya main golf. Jadi apa pelan Yang Berhormat Menteri kepada warga emas yang miskin tadi ini? Terima kasih.

■1800

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya kata. Kita hendak kenalkan konsep anjung warga emas. Ertinya kalau setiap perumahan kos rendah ini dia mesti ada-saya kata mesti ada taska, nurseri, futsal dan juga anjung warga emas. Ertinya tempat warga-warga emas ini berkomunikasi sesama mereka. Jadi inilah dasar yang baru yang kita akan laksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan perumahan. Bila sebut sahaja perumahan ini, ia merangkumi isu harga rumah, isu pembangunan projek perumahan rakyat (PPR), isu pembelian dan juga pemilikan rumah, isu pemilikan hartanah dan juga Dasar Perumahan Negara.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Ada ya? Ada. Membangkitkan isu harga rumah yang disediakan oleh KPKT. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa isu harga rumah ini sebenarnya ditentukan oleh pihak kerajaan negeri. Lain-lain negeri, lain harganya dan kami di KPKT ini apabila harga telah diputuskan di peringkat kerajaan negeri, barulah pemaju ini akan memohon kepada kita. Kita akan - bila tengok sudah lengkap semua, kita akan bagi *license* untuk mereka iklankan.

Jadi oleh kerana itu, hari ini kita lihat kadang-kadang harga rumah ini dia ada yang *mismatch* dan banyak juga rumah yang tidak terjual. Rumah berharga RM250,000 ke atas ini pun, rumah berstrata

ini pun banyak yang tidak terjual. Lebih RM1 juta pun ada yang tidak terjual. Tidak silap saya dekat 16,000 nilainya.

Jadi kerana itu baru-baru ini kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa tiga perkara. Pertama, pemaju-pemaju tidak dibenarkan lagi untuk membina rumah yang berharga lebih RM1 juta. Kalau mana-mana pemaju hendak membina rumah lebih RM1 juta, pemaju tersebut kena mendapatkan kebenaran dahulu, kelulusan daripada KPKT sama ada kita hendak benarkan ataupun tidak. KPKT akan tubuhkan satu jawatankuasa untuk kita menilai atau mengkaji permohonan ini kerana kita lihat tidak mahu berlaku lambakan perumahan. Itu yang pertama. Ada kelonggaran. *Case-by-case* kita akan tengok.

Kedua yang berlaku juga hari ini ialah yang tidak terjual juga ialah *office* atau ruang pejabat. Ini kita buat keputusan kita akan bekukan buat masa ini. Jadi sampai keadaan selesai baru kita benarkan.

Ketiga ialah *shopping mall*. Hari ini banyak kita tengok, *shopping mall* pun tumbuh macam cendawan. Jadi saya difahamkan ada satu negeri bila buat *shopping mall* baru, *shopping mall* lama mati. Buat pula yang baru, yang baru balik mati. Jadi kerana itu ini juga kita bekukan. Kita tidak benarkan lagi. Jadi akan tengok sampai keadaan ini pulih semula dan akan dibentangkan balik kepada kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanya tentang jumlah unit rumah yang telah dibangunkan di bawah Program PPR dan juga Program Mesra Rakyat di Terengganu. Saya hendak maklumkan bahawa Projek Rumah Mesra Rakyat ini bukan di bawah kementerian saya. Ini di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Jadi elok saya beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan keliru. Kita ini ada beberapa skim perumahan dan semuanya dipanggil Skim Rumah Mampu Milik yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita capai sebanyak satu juta. Dalam hendak melaksanakan penyampaian rumah mampu milik ini, kerajaan telah memberikan kepada beberapa agensi dan juga kementerian contohnya PR1MA. PR1MA ada kuotanya. 500,000 kalau tidak silap. Akan tetapi PR1MA ini bukan di bawah kementerian saya. PR1MA ini di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kemudian kita juga ada Rumah Mesra Rakyat yang dibangkitkan tadi. Ini di bawah Syarikat Perumahan Negara. SPNB ini bukan di bawah KPKT. Ia di bawah Kementerian Kewangan. Ada lagi satu skim PPA1M yang khusus untuk kakitangan kerajaan. Yang ini pun bukan di bawah KPKT. Ini ialah di bawah JPM, di bawah Ketua Setiausaha Negara khas untuk kakitangan kerajaan ini, PPA1M. Di bawah kementerian saya hanya PPR dan juga Skim *MyHome*, *MyDeposit*, Skim Pinjaman Perumahan yang saya akan jelaskan kemudian. Jadi saya hendak jelaskan dalam isu perumahan ini. Jadi mengenai isu SPNB, mungkin Kementerian Kewangan yang kena jawab mengenai ini.

Bagi rumah PPR sahaja di negeri Terengganu, kita telah pun membina sebanyak 1,002 telah pun disiapkan iaitu PPR Padang Hiliran Kuala Terengganu dan satu projek lagi yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 500 unit di PPR Kuala Nerus dan *insya-Allah* pada tahun 2018 ada dapat satu lagi iaitu PPR Besut sebanyak 500 unit.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail turut membangkitkan supaya 50 peratus projek pembinaan adalah projek pembinaan rumah mampu milik. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, penetapan kuota pembangunan rumah mampu milik adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa ada negeri telah menetapkan berapa banyak kuota yang dibuat untuk rumah mampu milik.

Akan tetapi saya tengok beza sedikit. Kalau di bawah Kerajaan Barisan Nasional di peringkat *Federal*, bila kata rumah mampu milik, kerajaan mengeluarkan modal. Baru-baru ini dalam bajet kalau kita dengar sebanyak RM2.7 bilion diperuntukkan untuk kita membantu rakyat memperoleh rumah mampu milik melalui berbagai-bagai skim. Sedangkan ada kerajaan negeri macam negeri Selangor, dia sebut Rumah Selangorku tetapi kerajaan negeri tidak keluarkan modal pun. Dia tidak keluarkan modal. Kita keluarkan modal bantu rakyat supaya rumah yang kita hendak bagi kepada rakyat ini betul-betul meringankan beban rakyat.

Contohnya rumah PPR. Kita buat rumah PPR ini Tuan Yang di-Pertua, kos harga rumah kita buat itu paling kurang pun RM150,000 paling kurang. Itu buat. Kalau kita jual macam dekat Kepong itu, RM200,000 *anytime* orang akan beli tetapi tidak ada, Kerajaan Barisan Nasional punya baik hati. Harga rumah RM200,000, RM150,000 kita jual dengan rakyat berapa? RM35,000 sahaja. Ertinya sesiapa rakyat yang mendapat rumah PPR ini, macam dapat loterilah kiranya. Subsidi paling banyak. Dekat RM100,000 lebih subsidi yang dia dapat. Ini saya bagi contoh rumah PPR.

Begitu juga kalau di bawah kementerian saya. Itu untuk tolong B40. M40 yang gaji RM3,000 ke atas pun kita bagi juga. Kita bagi subsidi. Kita bagi geran, kita bagi RM30,000 satu orang pembeli dan kita bagi ini bukannya ada pinjaman. Kita bagi geran kepada pembeli-pembeli untuk pertama kali. Jadi kerana itu bila...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Pohon mencelah sebab ada juga kaitan dengan apa yang saya bangkitkan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah tidak boleh kerajaan melalui di bawah Akta Pemajuan Perumahan mengawal pemaju-pemaju ini *me-regulate* mereka dengan memastikan mereka membina rumah dalam kuota-kuota tertentu. Tidak boleh hanya bertumpu kepada membina rumah-rumah RM250,000 ke atas dan meninggalkan- tidak membina rumah-rumah mampu milik, rumah kos rendah. Tidak bolehkah kerajaan melalui Akta Pemajuan Perumahan ini untuk *regulate* perkara ini dan bukan hanya menyerahkan perkara ini bulat-bulat kepada bidang kuasa kerajaan negeri supaya di-*regulate*-kan pemaju-pemaju ini melalui akta ini.

■1810

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita sudah pun bagi maklum. Kita sudah bagi arahan pun. Kita sudah beritahu dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara pun yang dihadiri oleh wakil-wakil dari negeri. Kita kata lebih banyak rumah mampu milik ini dibuat. Sebab itu Kerajaan *Federal* mulakan. Kita kata *Federal* buat satu juta dulu dan kerajaan negeri patut kena bantu.

Akan tetapi seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa harga rumah dan juga kebenaran merancang, semuanya ini ialah di bawah kuasa PBT. Ada negeri dia menetapkan mengikut keadaan. Kalau kita tengok, lain negeri lain cara mereka kerana mungkin orang kata, 'Lain padang lain belalang'. Lain tempat mungkin harga tanahnya berbeza, premiumnya berbeza. Ini hendak kena ingat. Kalau kata hendak tolong, kerajaan negeri sebagai contoh. Macam Selangor lah sebagai contoh. Kalau dia hendak tolong rakyat negeri Selangor, dia boleh buat kerana sebagai contoh, jangan kenakan premium yang

malah. Ini tanah daripada pertanian, bila hendak *convert* kepada perumahan, kerajaan negeri mengenakan premium yang tinggi. Bila kena premium yang tinggi dengan berbagai-bagai caj yang lain, itu salah satu sebab mengapa mereka kadang-kadang tidak mampu untuk membuat rumah mampu milik.

Macam Rumah SelangorKu Yang Berhormat. Dia hanya tetapkan saja. Ini buat Rumah SelangorKu, berapa buah kena buat? 40 peratus kena buat. Rumah ini siapa yang tanggung? *Developer* yang tanggung. Bila *developer* tanggung, dibuatnya Rumah SelangorKu, jadi rumah yang biasa ini yang patut dijual RM300,000, akhirnya dia kena bagi keluar subsidi. Dia kena jual lebih daripada RM300,000. Boleh jadi jual RM400,000 atau RM500,000 sebab hendak *cover* kos Rumah SelangorKu. Akan tetapi kalau kerajaan negeri buat macam Kerajaan *Federal*, bagi sedikit sumbangan, agensi-agensi kerajaan, PKNS sebagai contoh, janganlah jadi macam syarikat swasta.

Jadi sebab itu kita tengok banyak kerajaan negeri ditubuhkan anak-anak syarikat ini untuk apa. Untuk membantu rakyat membuat rumah-rumah mampu milik. Janganlah harap kepada swasta. Akan tetapi kerajaan negeri juga janganlah anggap anak syarikat negeri yang ditubuhkan macam syarikat swasta. Macam di Selangor, sampai Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pun tegur yang peranan PKNS sudah lari daripada tujuan asal. Kerana apa? Ini kerana kerajaan yang memerintah hari ini, dia fikir untung saja. Dia tidak fikir masalah perumahan rakyat khususnya di negeri Selangor.

Jadi berhubung pandangan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan berkenaan penubuhan dana pusingan untuk membantu golongan OKU membayar deposit PPR. Saya hendak maklumkan, kalau PPR ini ada dua jenis. Kalau PPR ini disewa, sewanya hanya RM124 sebulan. Kalau PPR ini dijual- sekarang ini kita kenalkan *Rent To Own*.

Jadi bermakna, sesiapa pun termasuk pihak OKU, mereka tidak perlu membuat pinjaman bank. Dia bayar sewa bulan-bulan dan akhirnya rumah ini boleh menjadi hak milik mereka. Jadi untuk OKU ini juga, kita ada bagi *special*. Di mana kita hendak pastikan orang OKU ini selain yang saya kata kita kenakan *Rent To Own*, mereka juga diberikan kuota. Rumah mereka pun berbeza daripada rumah orang biasa dan kebanyakan rumah OKU ini ialah di tingkat bawah. Ini kita telah pun tetapkan kuota-kuota ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu pembelian dan pemilikan rumah. Yang Berhormat Senator Dato' Shanim Bt Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas telah pun membangkitkan isu berkenaan masalah pembelian dan pemilikan rumah kerana faktor pendapatan yang rendah terutama golongan M40.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara usaha kerajaan melalui kementerian dalam membantu kumpulan B40 dan M40 agar tidak dibelenggu masalah mendapatkan perumahan yang selesa, adalah melalui pelaksanaan beberapa skim seperti mana yang saya nyatakan tadi di bawah kementerian saya saja.

Saya kata pertama, kita ada Skim Pinjaman Perumahan di mana siapa yang ada tanah, mereka boleh mohon pinjaman RM60,000 nilai pinjaman dan juga bayar *installment* bergantung pada berapa lama bayaran ini dibayar semula. Konsepnya lebih kurang rumah mesra rakyat. Ini kita ada skim ini. Begitu juga kita ada seperti yang saya nyatakan tadi, kita juga untuk bantu M40 tadi yang

berpendapatan RM3,000 ke atas, kita ada MyDeposit, MyHome yang RM500 juta telah pun diperuntukkan. Setakat ini hendak lebih hampir 3,000 orang telah pun menerima faedah ini yang saya kata kita beri RM30,000 ataupun 10 peratus daripada harga rumah, kita beri geran kepada kumpulan M40 ini.

Kita juga ada program PPR seperti yang saya katakan tadi. Rumah PPR iaitu untuk B40 ini. Kita ada saya kata skim sewa beli ataupun RTO dan kita juga ada menyediakan rumah bantuan untuk penyewa RM128 dan yang terbaru ialah program Rumah Transit Belia. Di mana program rumah Rumah Transit Belia ini, hari ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita akan laksanakan sebanyak 10,000 dalam tempoh lima tahun. Di mana dalam Rumah Transit Belia ini, rumah ini akan dibina dalam bentuk studio, 450 kaki dan juga 650 kaki, dibuat rumah transit ini yang telah pun dimulakan di Mukim Batu. Jadi rumah ini hanya boleh disewa selama lima tahun. Cukup lima tahun, kena keluar.

Dalam kita memperkenalkan Rumah Transit Belia ini, kita perkenalkan satu juga skim yang baru iaitu menyewa sambil menabung. Ertinya, kalau sewanya katalah RM400, jadi kemungkinan kita akan tengok RM200 kita akan pulang balik kepada dia. Jadi dalam tempoh lima tahun, kita akan tengok nanti dia punya kaedah. Pendek kata, kalau kita sewa RM400 sebagai contoh, kita simpankan RM200 untuk dia. Jadi bermakna dalam tempoh lima tahun, *at least* lebih RM10,000 dia sudah ada dalam tangan dia dan dia boleh memulakan membeli rumah yang baru. Ini kita panggil menyewa sambil menabung. Ini konsep baru yang diperkenalkan untuk memastikan bila mereka sudah keluar daripada rumah transit ini, mereka akan ada simpanan yang akan dipulangkan balik kepada mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan ...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya tadi mengikuti jawapan Yang Berhormat. Berkenaan dengan rumah mampu milik ini di mana kerajaan menyediakan satu bantuan berjumlah RM30,000 misalannya untuk sebuah unit rumah. Jadi bakinya, mereka yang terpilih itu, terpaksa meminjam pembiayaan daripada bank swasta. Saya melihat beberapa notis di dalam surat khabar bahawa ada juga rumah yang bawah rumah mampu milik ini yang mana mereka meminjam dengan bank. Akan tetapi pada satu ketikanya mereka mempunyai satu tunggakan yang tinggi dan akhirnya mereka tidak mampu untuk meneruskan pembiayaan bank. Jadi bila dilelong bermakna rumah ini terbuka kepada pasaran awam.

Bermakna bukan saja mereka yang layak untuk rumah mampu milik ini boleh membelinya tetapi juga sesiapa yang menghantar permohonan mereka untuk sama-sama membeli rumah ini, mungkin boleh diberi peluang oleh bank untuk mendapat rumah ini. Jadi apa kawalan yang dibuat oleh kerajaan untuk menentukan bahawa yang RM30,000 yang telah diberikan tadi sebagai subsidi kepada pemilik pertama itu, pembeli yang layak hanya dapat itu tetapi kalau dilelong, *open market?* Bermakna siapa yang membeli kemudian, *the second buyer*, bermakna dia juga *enjoy the RM30,000 subsidy*. Walhal dia mungkin luar daripada orang yang layak dapat rumah mampu milik.

#### ■1820

Dia mungkin pendapatan tinggi tetapi bila lelong pasaran terbuka, di manakah RM30,000 itu kita dapat- kerajaan dapat ambil balik. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh kerajaan mesti ada satu mekanisme, di mana kalau ia dilelong, mestilah di balik kepada satu *authority*, di mana kerajaan hanya

akan memastikan bahawa pembeli yang layak di bawah Skim Rumah Mampu Milik sahaja yang *entitle* untuk membeli rumah ini. Tidak kepada siapa-siapa sahaja yang wang pun adakah, siapa-siapa kah, mungkin semata-mata untuk mencari peluang seperti ini.

Jadi, kalau boleh mesti ada satu *authority* yang boleh menghalang macam mana kita boleh menyekat supaya RM30,000 yang dibantu itu betul-betul kepada pemilik pertama. Kalau boleh, yang menunggu itu akan dapat faedah yang sama, tidak terlepas kepada mereka yang berada dan sebagainya. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan yang baik, cukup bernas, untuk memastikan bahawa rumah yang dilelong dibeli semula ataupun boleh dibeli oleh mereka yang layak, bukannya mereka yang banyak duit. Seperti mana kita sedia maklum, bila dia buat pinjaman, bila dia tidak boleh bayar, yang lelong ini bank.

Oleh sebab kita hanya bagi permulaan, bila dia sudah cukup syarat, dia hendak bayar mula-mula- ini sebab kita bagi pun, ada di antara mereka ini tidak layak membayar deposit pendahuluan. Sebagai contohlah, rumah hendak beli RM300,000, dia pinjam bank dia hanya dapat 90 peratus ataupun dia boleh dapat 80 peratus.

Jadi, kalau rumah RM300,000, dia dapat 80 peratus *loan*, bermakna dia hanya dapat RM240,000. Mana nak cari lagi RM60,000? Dia mungkin ada RM30,000. Jadi, itu yang kita bagi RM30,000 itu, bagi *free*. Jadi, itu asas yang kita buat. Akan tetapi pandangan Yang Berhormat, saya akan ambil kira sama ada kita boleh atau tidak boleh kita buat satu syarat dengan bank. Bila hendak lelong ini bank, kita kena beritahu dengan bank, kalau rumah ini dapat skim *MyHome*, ia mestilah lelong mengikut harga yang telah ditetapkan. Ini saya akan pertimbang, saya ingat satu pandangan yang baik kalau dapat kerjasama daripada bank. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Tuan Aklan A/L Ehtook membangkitkan isu penolakan permohonan diskaun Bumiputera masyarakat Siam yang kerap ditolak oleh syarikat perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun menggariskan pelaksanaan kuota bumiputera dalam Dasar Perumahan Negara. Namun, penetapan diskaun untuk kuota Bumiputera dalam setiap pemajuan perumahan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing sekali lagi. Ini pun hendak kena faham. Ini ialah kuasa kerajaan negeri. Mereka yang menentukan kuota. Ada negeri tidak ada kuota dah, bagi sama semua. Ada negeri masih lagi, kata hendak buat ini mesti kuota sekian-sekian peratus, 30 peratus kah, mesti dijual kepada golongan Bumiputera.

Jadi, seterusnya saya nyatakan kita telah pun memberikan garis panduan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memperkukuhkan lagi agenda tersebut, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sedang di peringkat akhir hendak membangunkan Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH).

Melalui portal ini, orang awam dapat melihat stok dan juga penjualan rumah di bawah kategori rumah kuota Bumiputera yang terdapat dalam pasaran hartanah semasa. Sistem ini dijangka boleh diakses ataupun *go live* pada tahun 2018. Kita kena buat sistem supaya rakyat tahu mana kawasan-kawasan perumahan yang ada dikhususkan untuk kuota-kuota bumiputera.



Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif membangkitkan mengenai kajian hartanah dan juga bantuan untuk golongan bumiputera di Pulau Pinang.

**Tuan Akan A/L Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya bangkitkan ialah bukan dari segi rumah-rumah tersebut tetapi pengiktirafan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Oleh kerana apa yang berlaku ialah ada kuota bumiputera di negeri-negeri tetapi mereka tidak mengetahui ataupun tidak mengiktiraf masyarakat Siam ini sebagai bumiputera sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebutkan. Jadi, apa yang saya cadangkan ialah supaya kementerian ini mengeluarkan sesuatu perhubungan dengan semua syarikat perumahan supaya mereka mengiktiraf masyarakat Siam ini sebagai bumiputera. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Untuk memberikan pengiktirafan ini ialah kalau hendak tentukan, bukan di bawah kementerian sayalah. Akan tetapi yang saya sedia maklum bahawa untuk menentukan seseorang ini bumiputera ataupun bukan bumiputera, bila ada kad pengenalan. Saya ingat dalam- bila dia tunjuk kad pengenalan, kalau tarafnya bumiputera pun tidak- saya ingat patutnya syarikat-syarikat perumahan tidak boleh mempertikaikan. Tidak boleh mempertikaikan.

Oleh kerana itu, apabila seseorang rakyat telah diberikan status bumiputera, maka rakyat tersebut mesti berhak menerima apa juga yang telah dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Begitu juga kalau kata dalam sesuatu kawasan perumahan itu ia ada menetapkan kuota-kuota bumiputera, maka mereka itu sudah layak untuk mendapatkannya. Jadi, ini saya rasa dalam kad pengenalan kita ada dinyatakan perkara ini.

Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif membangkitkan mengenai kajian hartanah dan juga bantuan untuk golongan bumiputera di Pulau Pinang. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kajian hartanah dan juga bantuan perumahan di Pulau Pinang, purata harga semua rumah bagi negeri Pulau Pinang menunjukkan bahawa peningkatannya meningkat daripada 412,247 pada Q3 2016 kepada 427,209 pada Q3 2017.

Ertinya harga rumah di Pulau Pinang saban tahun meningkat naik. Dalam kajian yang dijalankan oleh pihak *Khazanah Research National Institute* bagi tujuan Dasar Perumahan Negara 2.0 mendapati *median multiple affordability house*, dengan izin, tahun 2016 bagi Pulau Pinang adalah di bawah kategori *severely unaffordable* - 65.5. Oleh kerana berdasarkan perkiraan, *market median 3 house price, the price of the affordable homes* bagi Pulau Pinang untuk tahun 2016 adalah RM194,724.

Penetapan harga jualan bagi rumah mampu milik dan kuota untuk bumiputera di setiap negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi negeri Pulau Pinang, penetapan harga jualan rumah mampu milik adalah di antara RM150,000 hingga RM250,000 mengikut lokasi. Selain itu, bagi memperkukuhkan lagi agenda pemilikan rumah untuk bumiputera, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sedang di peringkat akhir membangunkan Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah membangkitkan isu bagaimana Dasar Perumahan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara pada masa ini sedang dalam fasa akhir menyediakan Dasar Perumahan Negara 2.0 bagi tempoh 2018 hingga 2022. DRN 2.0 ini merupakan kesinambungan DRN sedia ada bagi tahun 2013 hingga 2017.

DRN 2.0 digubal secara lebih komprehensif dengan mengambil kira penambahbaikan, di mana penekanan DRN 2.0 adalah kepada perkara-perkara yang berikut:

- (i) menyediakan perumahan kepada rakyat,
- (ii) menangani isu-isu perumahan,
- (iii) cabaran baru industri perumahan seperti penyediaan rumah transit untuk golongan belia kategori M40,
- (iv) reka bentuk perumahan terkini,
- (v) kawal selia terhadap harga rumah, dan
- (vi) teknologi terkini dalam industri perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DRN 2.0 melibatkan kerjasama *Khazanah Research Institute* serta kerajaan negeri.

#### ■1830

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain telah pun membangkitkan isu bagaimana kaedah supaya kerajaan negeri tidak mengenakan premium yang tinggi untuk tanah-tanah persekutuan, rumah belia iaitu bagaimana ia dapat dilaksanakan untuk membantu belia yang baru kahwin dan juga TP1M, adakah dilaksanakan pada tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perumahan Transit Belia ataupun *MyTransit* seperti yang saya telah nyatakan tadi ialah satu inisiatif baru di bawah program perumahan kementerian yang telah pun diumumkan dalam Bajet 2018 dengan sasaran 10,000 unit rumah di bandar-bandar utama seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan lima tahun. Sebagaimana permulaannya seperti mana yang saya telah nyatakan tadi, kita telah pun mula lancarkan di Mukim Batu baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian menyedari isu premium tanah yang dibangkitkan bagi proses tukar syarat tanah untuk tujuan pembangunan akan dikenakan premium tambahan yang menyumbang ke arah peningkatan kos sesebuah pembangunan projek yang akan dilaksanakan. Seperti mana juga telah saya terangkan tadi mengenai isu premium rumah ini, ia terletak kepada kerajaan negeri. Kadang-kadang rumah PPR pun yang saya katakan ini rumah bukan kerajaan hendak ambil untung pun, hendak bagi rakyat, itu pun ada kerajaan negeri dia kenakan premium yang amat tinggi macam dianggap projek-projek kerajaan juga dianggap macam projek swasta.

Jadi kita telah mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri bahawa projek-projek kerajaan terutamanya Kerajaan Federal hendaklah diberikan keutamaan dan janganlah dianggap disamakan-ratakan dengan projek-projek swasta kerana projek Kerajaan *Federal* terutamanya, kita hendak buat rumah dengan cepat untuk memberi peluang perumahan kepada rakyat. Kalau ada kerajaan negeri mengenakan syarat-syarat yang ketat seperti yang dikenakan kepada syarikat-syarikat perumahan, maka sudah tentulah hasrat kerajaan ini agak kurang tercapai. Kerajaan negeri pula perlu faham bahawa projek kerajaan seperti mana saya nyatakan tadi, ialah untuk kepentingan rakyat

Berkenan dengan isu TP1M, kementerian akan terus melaksanakan pada tahun 2018 dan sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan. Proses permohonan TP1M adalah sebagaimana pada tahun-tahun sebelumnya di mana melalui pihak JMB ataupun melalui persatuan penduduk, permohonan boleh dikemukakan kepada COB. Skop-skop kerja yang telah ditetapkan di antaranya ialah kita nak membaiki bumbung, lif, *reiling* yang rumah kita tengok sudah amat daiflah. Ada rumah

itu, saya pergi, dekat 30 tahun, bumbungnya sudah bocor, tiada siapa yang hendak ganti. Lifnya ada tiga, tiga-tiga tidak berjalan. Bayangkan, rumah 16 tingkat, lif tiada.

Jadi, inilah di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, maka diberikan peruntukan khas ini untuk hendak memberikan penyenggaraan kepada rumah-rumah kos rendah, kos sederhana rendah supaya mereka yang memerlukan rumah ini diberikan pembelaan.

Dalam projek ini, saya ingat Selangor- bila kata Selangor banyak saya bagi, bukan saya menteri daripada Selangor. Ini kadang-kadang ada ahli yang dia ingat sebab saya Selangor, saya bagi peruntukan lebih kepada Selangor. Tidak. Kerana dalam rekod kita, skim rumah kos rendah ini paling banyaknya di negeri Selangor. Hampir 60 peratus berada di negeri Selangor. Jadi, kerana itulah projek TP1M ini yang kita hendak bantu kepada rakyat, ia pergi kepada orang miskin.

Skim yang kita kenalkan ini dia berbeza sedikitlah daripada skim kerajaan negeri...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan soal TP1M ini yang saya bangkitkan akan dilaksanakan terus. Secara peribadi, saya juga sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri ini atas kesudian untuk membantu dan menyalurkan peruntukan sebanyak RM16 juta untuk menyelesaikan masalah di Parlimen Gombak. Parlimen Gombak ini kawasan Parlimen Menteri Besar Selangor sendiri.

Cuma, saya semalam sebab dalam perbahasan saya ada menyatakan soal TP1M ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ada kekeliruan sekarang ini berlaku di negeri Selangor terutamanya juga dalam kawasan Parlimen Gombak, rakyat bertanya soal skim baru yang dikenalkan. Ada dua skim sekarang ini. Satu, TP1M yang memang sudah menyeluruh- keluar pula moderator.

Saya baru hendak tuju kepada moderator. Semalam tidak dapat, hari ini sudah lari pula moderator. Hari itu datang Gombak berdegar-degar cakap. Ini hendak tanya, sudah lari dah. Macam mana pembangkang ini? Semalam penat-penat saya jawab, hari ini saya bangun, dia lari lagi sekali. Apa betul lah? Maknanya betul apa yang saya cakap semalam, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Besar Selangor ini penipu nombor satu. Moderator pun lari keluar yang berdegar-degar bercakap dekat Gombak ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekarang ini ada satu skim baru pula iaitu Skim Ceria. Keliru rakyat Selangor ini. Bila kerajaan Barisan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menterinya- bukan kerana daripada Selangor, Tuan Yang di-Pertua, tetapi memang layaklah Yang Berhormat Tan Sri Noh Omar ini mengetuai Kementerian KPKT ini. Ini fakta. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Tan Sri, apakah Skim Ceria ini? Sekarang rakyat keliru. Itu satu.

Yang keduanya, kita sudah buat satu skim ADAM50. Sudah ada pula satu lagi, TAWAS. Yang ini apa TAWAS ini? Jadi, inilah yang kita hendak tanya supaya rakyat hendak...

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Boleh saya mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Ini saya tanya kepada Menteri. Nanti. Yang Berhormat belum lagi. Takkan yang ini Menteri.

Saya tanya TAWAS ini apa? Jadi supaya jangan dikelirukan lagi soal skim ini. Kita tidak mahu rakyat terkeliru. Jadi, ini soalan yang saya rasa perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya lah, ini dua skim yang berbeza. Dia Skim Ceria yang tak ceria lagilah. Skim Ceria ini ialah satu skim yang dikenalkan oleh kerajaan negeri yang berkebajikan kononnya. Bayangkan, kalau dia kata dibuat rumah kos rendah, kalau nak baiki lif sebagai contoh, lif ini nilainya dalam RM500,000. Satu lif kata RM500,000, Kerajaan Negeri Selangor suruh bayar 20 peratus. Ertinya, RM100,000. Macam manalah rakyat yang miskin, duduk rumah kos rendah nak kutip duit RM100,000 nak baiki lif?

Itu yang sebab hari ini kalau kita pergi dekat Selangor, banyak lif yang saya kata tadi lifnya rosak. Bukan sahaja itu, dalam Parlimen Gombak, saya pergi- Yang Berhormat bagi tahu Menteri Besar. Kawasan Parlimen sendiri pun tak *reti* jaga, dah nak pergi ke Johor pula berkempen. Apa punya Menteri Besar? Jaga Gombak ini. Ini kenyataan. RM16 juta saya luluskan. Saya tanya dengan orang Gombak, "*Eh, tak minta dengan Menteri Besar kah, Ahli Parlimen?*" "*Dah letih dah. Cakap sahaja, turun padang pun tidak.*" Saya bagi RM16 juta. Ada satu tempat, Taman Samudera kah apa, air kumbahan, Tuan Yang di-Pertua, bau pun busuk. Ini dalam kawasan Menteri Besar. Saya lulus itu berapa? RM21 juta. Baiki baliklah.

Jadi maksudnya, sebab apa rakyat tertipu dengan Ceria? Nak minta 10 peratus, 20 peratus daripada rakyat. Bila kita nak tolong rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata nak tolong, tolong betul-betul. Bila kita luluskan lif RM500,000, kita bagi RM500,000. Tak minta satu sen pun daripada rakyat. Barulah kerajaan yang menjaga kebajikan rakyat, yang tidak menyusahkan rakyat. Bukan macam Kerajaan Negeri Selangor, duit bilion-bilion- dengar ucapan, "*Kami bilion-bilion ada.*" Eh, bilion-bilion kalau simpan tak tahu belanja nak buat apa? Ini masalah.

Lepas itu buat TAWAS? Ha, tadi TAWAS. Ini saya kata bila kita buat macam ini- dalam bajet, dia kata kita tiru dia pula. Eh, dia tiru kita sekarang ini. TAWAS. TAWAS ini pun satu skim...

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Boleh saya mencelah?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Nak bagi habis TAWAS dulu.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Saya nak bercakap fasal TAWAS.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tak. Saya bagi, saya bagi. TAWAS dibangkit. TAWAS ini lagi skim, Yang Berhormat, saya tak tahulah. Saya pun terkejut juga. TAWAS ini rupanya skim anak Selangor lahir hari ini, dia bagi satu sijil. Sijil ini kena simpan 18 tahun. Lapan belas tahun, soalan yang pertama, kalau sijil ini hilang? Atau apakah kerajaan hari ini akan terus memerintah sampai 18 tahun? Kalau tukar kerajaan esok, nak tanggungjawab kah?

#### ■1840

Ini satu skim mengelirukan dan menipu rakyat ini. ADAM50 tidak ikut TAWAS, tetapi di Selangor Menteri Besar kata, kita ikut TAWAS, tidak. ADAM50 yang kita bagi ini, lahir sahaja terus bagi 200 unit, terus dapat, bukan bagi sijil kosong. Jadi, ini beza di antara Barisan Nasional dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang saya tengok cuba mengelirukan rakyat. Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak betulkan fakta tentang TAWAS ini. TAWAS sudah bermula pada era Tan Sri

Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim jadi Menteri Besar. Dia automatik, bila lahir sahaja sampai umur 18 tahun, masuk universiti, dia akan dapat RM1,800. Itulah program TAWAS yang telah bermula pada tahun 2008 kalau tidak silap ingatan saya. Bukan bermakna bahawa- kita tidak menafikan bahawa projek ADAM ini satu projek yang baik untuk kebajikan rakyat, memang satu yang baik dan kita tidak perlu bertengkar soal ini.

Kalau kita hendak menjadi sebuah negara maju seperti di Eropah, Amerika, New Zealand, Australia di mana ada parti pembangkang dan ada parti kerajaan, kita bertukar-tukar antara kerajaan *federalism* yang ada konsep *federalism* dengan kerajaan negeri, kita sentiasa mengamalkan dasar bantu-membantu, 'taawun' dalam istilah sekarang. Jadi, TAWAS sudah bermula. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya lah, betullah mula, tetapi bila hendak dapat duit itu? Umur 18 tahun baru hendak dapat duit. Kalau betul, ambil sekarang RM1,500 teruslah masukkan dalam ASB-kah. Ini bagi sijil kosong, simpan, 18 tahun baru hendak *claim*. Ini akan membebankan kerajaan yang akan datang. Jikalau dia memerintahlah, tetapi kita kena tengok kalau kita memerintah, kita tidak buat macam itu.

Hari ini RM1,500 terus bagi, nah ambil RM1,500, simpan dalam ASB, macam mana ADAM buat. Itulah maksud saya, janganlah hendak mengelirukan rakyat. Zaman siapa, tidak kira, soalnya ialah soal yang memerintah, yang buat dasar ini ialah kerajaan cacamarba. Pakatan Harapan lain daripada Barisan Nasional. Jadi saya ingat itu sahaja saya hendak gulung, terima kasih banyak. Mana-mana yang mungkin tertinggal, bolehlah menulis kepada saya, kita akan bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin:** Tan Sri, saya ada satu soalan. Belum lagi, tertinggal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih ya. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya mendengar setiap patah yang dikatakan oleh Tan Sri tadi dan saya catat setiap apa yang disuarakan. Saya dengar daripada kes bomba, sisa pepejal, undang itu semua termasuklah hinggakan kementerian ini membuat rumah mampu milik, bukan 'rumah mampu tengok'. Dia buat betul dan ini hasil kejayaan ini daripada seorang Menteri yang dedikasi dibantu oleh Timbalan Menteri dia. Rajin betul Yang Berhormat... [*Dewan tepuk*] Juga dibantu oleh amanah yang dipikul oleh pegawai-pegawai kanan dan bawah. Tahniah Yang Berhormat. Itu saya rasa satu kementerian yang boleh buat jasa, buat jasa bakti kepada keluarga kita di kampung dan di bandar. Saya nampak tadi Tan Sri sudah laksanakan, sudah ada dah. Jadi orang tua saya pesan, dia kata cuba sampaikan pantun ini kepada Tan Sri dia kata.

*Naik rakit si pohon jati,  
Nampak di sana hutan seberang,  
Buat bakti taburkan budi,  
Supaya hidup dikenang orang... [*Dewan tepuk*]*

Ini kita berjasa. Senang esok datang pilihan raya ada kenang jasa, nah kau hadiah. Jadi tahniahlah kepada Yang Berhormat Tan Sri kita daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sejahteralah kamu. Sekian dan terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak. Tahniah. Baik, terima kasih.

Sekarang saya hendak beralih pula kepada kementerian- juga saya hendak mengucapkan terima kasih, Menteri datang ucapan sendiri. Betul ya? Saya minta pula Kementerian Kesihatan, Menteri dia ada nampaknya. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**6.42 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkaitan dengan belanjawan Kementerian Kesihatan dan telah memberi cadangan yang bernas dan yang baik yang akan bantu di dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan tumpu jawapan saya kepada beberapa topik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan topik yang pertama ialah berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit atau apa yang dipanggil sebagai *noncommunicable diseases*. Beban penyakit-penyakit ini di dalam negara kita boleh dikatakan satu perkara yang merisaukan. Ini kerana berasaskan kepada kajian yang telah dijalankan oleh kementerian iaitu *National Health and Morbidity Survey 2015*, butiran yang telah diperoleh menunjukkan bahawa kadar kesihatan di kalangan rakyat Malaysia bukan di dalam satu kadar yang begitu memuaskan.

Contohnya, di dalam rakyat Malaysia yang lebih daripada 18 tahun, jumlah mereka yang telah mendapat penyakit kencing manis, peratusannya ialah lebih daripada 17.5 peratus dan daripadanya, lebih kurang 90 peratus ini tidak tahu bahawa mereka telah mengidap penyakit kencing manis. Seperti itu juga untuk penyakit darah tinggi, lebih daripada 30 peratus daripada umur itu telah dikesan mempunyai penyakit darah tinggi dan lebih daripada 47 peratus mendapat paras kolesterol yang lebih tinggi dalam darah mereka daripada apa yang ditetapkan oleh untuk umur mereka.

Ini semua butiran yang menunjukkan bahawa beban penyakit NCD ini boleh di dalam satu kaedah yang tinggi. Kerajaan mengambil pelbagai jenis langkah untuk mengawal perkara ini. Daripada itu, tiga jenis rancangan yang telah diamalkan oleh kerajaan, Kementerian Kesihatan khususnya. Salah satu daripadanya ialah untuk mengurangkan faktor-faktor iaitu yang menyumbang sebagai risiko tinggi untuk penyakit ini dan daripada itu, satu ialah daripada perkara-perkara berkaitan dengan amalan makanan yang tidak sihat dan macam mana kita boleh mewujudkan satu budaya makanan yang sihat dalam negara kita.

Pelbagai jenis rancangan yang telah dibuat oleh kerajaan. Ini dilakukan dalam semua peringkat, daripada mula, daripada peringkat sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, sampai ke peringkat tinggi dan kepada rakyat jelata pada keseluruhannya melalui pelbagai jenis kaedah termasuk menggunakan media-media yang tersedia ada dan melalui pelbagai jenis program pendidikan kesihatan yang sampai kepada rakyat melalui pelbagai jenis program yang telah disediakan oleh kerajaan.

Baru-baru, salah satu daripada program yang kita telah mengenalkan untuk meningkatkan kesedaran tentang cara makanan yang lebih sihat kepada rakyat ialah program yang dipanggil 'Suku Suku Separuh'. Ini adalah satu program yang mengenalkan kepada rakyat Malaysia tentang pinggan makanan yang sihat di mana rakyat Malaysia diminta supaya makan makanan, bila mengambil

hidangan makanan yang telah dihidangkan, kita kena memastikan bahawa separuh daripada pinggan itu diisi dengan buah-buahan dan sayur-sayuran. Suku ialah dengan makanan yang berkhasiat protein seperti daging ayam, ikan, telur dan sebagainya dan separuh suku ialah daripada biji bijirin seperti nasi dan sebagainya.

Ini satu konsep yang senang dan boleh diamalkan setiap kali kita mengambil makanan daripada apa-apa jenis majlis termasuk makan di rumah atau di kenduri atau di majlis-majlis yang lain. Jikalau dalam fikiran rakyat Malaysia mereka dipandu oleh pandangan ini, mereka akan amalkan ini. Ini akan membantu kita untuk mewujudkan satu masyarakat yang sihat. Macam itu juga di dalam meningkatkan taraf hidup yang lebih cergas, meningkatkan aktiviti di dalam kehidupan kita. Pelbagai jenis langkah telah diambil supaya rakyat Malaysia boleh mengamalkan kehidupan ini. Salah satu daripada itu ialah '*10,000 Langkah*' iaitu satu program di mana pelbagai jenis tempat termasuk di kampung-kampung.

#### ■1850

Kementerian Kesihatan telah turun padang dan selepas itu kita telah mengenal pasti kawasan-kawasan tertentu di mana rakyat boleh menggunakan kawasan ini untuk memastikan boleh berjalan 10,000 langkah sebagai satu langkah. Mungkin di dalam dua, tiga minggu atau dua, tiga hari seminggu untuk meningkatkan kesedaran untuk mengadakan satu cara hidup yang lebih sihat. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti untuk mengawal tabiat merokok dipertingkatkan melalui pelbagai jenis kaedah termasuk meningkatkan duti eksais rokok. Di dalam kalangan mereka yang menghisap rokok yang rasmi itu sudah dikurangkan tetapi kita dihadapkan dengan isu berkaitan dengan rokok yang tidak rasmi atau yang masuk ke dalam negara kita melalui penyeludupan dan ini menjadi satu isu yang besar.

Selain daripada itu, kementerian pun di dalam langkah untuk mengawal penyakit NCD, kita telah meningkatkan usaha untuk membuat saringan terhadap penyakit-penyakit ini kepada satu jumlah rakyat Malaysia secara lebih besar. Salah satu daripada inisiatif untuk mewujudkan masyarakat yang lebih sihat ialah program KOSPEN yang telah diperkenalkan di seluruh negara. Pada masa sekarang kita mempunyai lebih daripada 6,000 lokaliti di seluruh negara yang mempunyai aktiviti KOSPEN di mana kita telah memberi latihan kepada lebih daripada 40,000 sukarelawan yang ada di dalam lokaliti yang mempunyai keupayaan untuk membuat saringan terhadap pelbagai jenis penyakit.

Mereka telah diberikan latihan contohnya untuk memeriksa tekanan darah. Mereka telah diberikan latihan untuk memeriksa paras gula di dalam darah dan mereka telah dibekalkan dengan peralatan untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan ini. Apabila di dalam kawasan-kawasan pedalaman, di dalam kawasan perkampungan ada sukarelawan yang telah diberi latihan di dalam bidang-bidang ini dan mereka boleh membuat ini secara berterusan di dalam kawasan-kawasan mereka. Ini meningkatkan keupayaan kerajaan untuk sampai kepada satu jumlah yang lebih besar daripada rakyat kita di dalam proses membuat saringan.

Melalui ini, kita telah menjalankan saringan untuk beberapa ratus ribu orang yang telah dikenal pasti dan daripada itu ada lebih kurang 20 peratus hingga 25 peratus yang telah dikenal pasti mempunyai risiko yang tinggi dan telah dirujuk kepada sistem kesihatan supaya tindakan lanjutan boleh diambil kepada mereka. Selain daripada itu, banyak program-program *outreach* dibuat.

Sekarang kita ada membuat Program *Jom Sihat* di mana tujuannya ialah di setiap daerah, pejabat kesihatan daerah mengadakan program ini supaya program kesihatan ini pergi ke kawasan komuniti di mana langkah-langkah saringan ini dibuat. Melalui ini, kerajaan berusaha untuk mengenal pasti mereka yang mungkin ada penyakit-penyakit ini tetapi tidak tahu mereka menghadapi penyakit, macam mana kita boleh mengesan mereka secara awal dan membawa mereka ke dalam sistem kita.

Salah satu daripada usaha transformasi kesihatan yang sedang berlaku pada masa sekarang ialah transformasi yang telah dibuat kepada Sistem Penjagaan Kesihatan Primer atau *Primary Health Care* di dalam negara kita yang diuruskan melalui klinik-klinik kesihatan yang ada. Program transformasi ini dipanggil *Enhanced Primary Care* di mana tujuannya ialah untuk memastikan klinik-klinik kesihatan tidak berfungsi di dalam bangunan mereka sahaja tetapi aktiviti mereka akan keluar dan sampai ke peringkat masyarakat. Melalui usaha ini, klinik ini akan mewujudkan satu perhubungan yang lebih kuat dengan masyarakat setempat dan ini akan membantu kita di dalam program advokasi kesihatan untuk membuat saringan di peringkat akar umbi untuk membawa mereka di dalam sistem kesihatan dan untuk membuat langkah-langkah yang paling sesuai supaya mereka boleh dirawat.

Lanjutan daripada itu melalui perubahan yang akan dibuat kepada klinik-klinik kesihatan, kita mahu meningkatkan lagi mutu rawatan yang diberi kepada mereka yang mempunyai penyakit-penyakit ini. Contohnya, kalau ada seseorang yang ada penyakit kencing manis atau diabetes, mereka akan diberikan rawatan oleh satu pasukan dan bukan oleh seorang individu. Pasukan ini terdiri daripada doktor, jururawat, *dispenser*, *diabetic counselor* dan sebagainya supaya mereka akan diberi nasihat daripada pelbagai jenis sudut.

Satu ialah macam mana mereka boleh menjaga berat badan contohnya. Apakah makanan yang mereka kena makan? Cara macam mana mereka akan makan ubat mereka. Macam mana mereka meningkatkan aktiviti mereka dan macam mana mereka boleh makan ubat mengikut apa yang telah ditetapkan oleh doktor. Untuk memastikan bahawa melalui usaha ini kita boleh mendapat kejayaan yang lebih tinggi di dalam proses pengawalan supaya paras glukosa yang ada di dalam badan mereka boleh dibawa kepada satu tahap yang kita boleh terima sebagai satu rawatan yang boleh dikatakan baik.

Pada masa sekarang salah satu daripada kelemahan yang dihadapi walaupun ada banyak orang menerima rawatan mahupun di sektor awam atau di sektor swasta, kadang-kadang rawatan ini bukan tidak memberi kesan yang baik. So, untuk mereka, mereka sudah jumpa doktor tetapi akibatnya tidak sampai kepada apa yang telah ditetapkan. Ini tidak akan mengurangkan risiko mereka untuk mendapat kesan-kesan sampingan di dalam jangka masa yang panjang.

Tujuan memberi rawatan lebih awal dan lebih berkesan ialah untuk memastikan bahawa pesakit-pesakit ini tidak akan menghadapi risiko-risiko sampingan contohnya kehilangan fungsi buah pinggang. Untuk memastikan ini tidak berlaku, apa yang paling mustahak ialah untuk memastikan rawatan ini berkesan iaitu paras glukosa sentiasa ada di dalam satu kawalan yang baik. Kalau ini dibuat secara berterusan daripada awal, kita boleh memastikan bahawa mereka tidak ada menghadapi risiko-risiko sampingan ini. Daripada *health economics*, ini satu perkara yang sangat mustahak kerana kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke hospital-hospital kita mana-mana wad, kalau pergi contohnya wad ortopedik banyak daripada pesakit yang ada di ortopedik ialah mereka yang ada penyakit kencing



manis, yang kehilangan kaki akibat daripada luka yang tidak sembuh dan itu menjadi satu beban kepada sistem kesihatan.

Mereka yang pergi ke wad nefrologi contohnya banyak yang sudah kehilangan fungsi buah pinggang daripada mereka yang mungkin pesakit kencing manis tidak dikawal. So, itulah sebab kalau awalnya perkara ini tidak dikawal baik, kerosakan ini kita akan jumpa selepas 10 tahun lagi daripada *health economics*, bebannya kepada sistem kesihatan begitu besar. Itu sebab kerajaan telah menyedari perkara ini dan kita telah memberi tumpuan yang besar untuk proses pencegahan, proses memastikan mereka akan diberi rawatan secara awal.

Nombor tiga, mereka akan diberi rawatan optimum supaya mereka bebas daripada kesan-kesan sampingan yang mungkin akan datang di dalam 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang. Itulah perubahan pelbagai jenis yang sedang berlaku di dalam sistem kesihatan kita untuk memastikan beban NCD ini boleh dikawal.

Tajuk nombor dua yang saya mahu jelaskan ialah berkaitan dengan penyakit *rare diseases*. Saya telah jawab ini di dalam satu soalan lisan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, saya mengulangi apa yang saya telah jelaskan di dalam jawapan ini. Di dalam dunia ini ada lebih daripada 6,000 jenis penyakit-penyakit jarang dijumpai atau *rare diseases*. Kebanyakan daripada mereka ialah penyakit-penyakit yang berpunca daripada *genetic disorder* dan kadang-kadang daripada perkahwinan daripada dua orang yang mempunyai risiko dan apabila mereka berkahwin hasilnya penyakit ini terjadi.

So, untuk memastikan kita boleh mengawal perkara ini ia kena bermula daripada awal iaitu daripada *genetic counseling*, daripada untuk memberi nasihat kepada mereka yang akan berkahwin supaya kalau mereka ada risiko untuk mencari pasangan yang sesuai. Kalau mereka sudah mendapat penyakit ini, ada yang boleh diberi rawatan daripada segi ubat dan ada yang tidak ada ubat. Di dalam negara kita satu jenis *rare diseases* yang telah diberi rawatan oleh Kementerian Kesihatan dengan sokongan-sokongan orang lain ialah satu jenis penyakit yang dipanggil *Lysosomal storage diseases*.

#### ■1900

Seperti yang saya telah jelaskan dulu, kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM10 juta tiap-tiap tahun untuk memberikan rawatan bukan untuk satu jumlah yang besar, kurang daripada 30 orang pesakit. Oleh sebab kos rawatan mereka untuk tiap-tiap satu orang, ialah daripada RM500,000 hingga RM1 juta untuk setiap tahun. Semasa saya menjawab soalan lisan saya telah memberikan pandangan berkaitan dengan isu etika dan moral berkaitan ini dan apa kekangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk memastikan semua orang boleh diberikan rawatan yang mencukupi dan sebagainya. Akan tetapi proses ini diteruskan.

Kita lihat kepada perkara ini daripada semua sudut, satu ialah untuk mempertingkatkan melalui kekuatan sistem genetik kaunseling dan pakar para genetik di dalam negara kita. Pada masa sekarang, kita ada sembilan orang pakar *pediatric geneticist* di dalam Kementerian Kesihatan. Mereka daripada Hospital Besar Kuala Lumpur, memberikan rawatan kepada beberapa hospital yang lain di dalam negara kita. Selain daripada itu, kita telah menggalakkan untuk mewujudkan *genetic counselor* di dalam sistem kesihatan.

Ada program di dalam universiti yang sudah dimulakan di mana beberapa orang telah mendapatkan latihan dengan peredaran masa kita nampak bahawa bidang ini semakin lama semakin besar dan semakin luas dengan adanya pakar-pakar dalam bidang ini supaya mesej berkaitan dengan penyakit ini boleh sampai kepada satu lapisan rakyat yang lebih besar. Melalui *holistic approach* daripada kaunseling, daripada saringan secara awal dan daripada memberi rawatan untuk kumpulan-kumpulan tertentu kita boleh menangani perkara ini. Isu yang ketiga...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta pencilahan sedikit.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya, Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Dalam perbahasan saya, saya tanya mengapa antara beberapa jenis penyakit jarang jumpa itu, *rare diseases* hanya *Lysosomal Storage Diseases* yang mendapat perhatian sejak tahun 2007 di mana RM15 juta, selepas itu RM8.5 juta dan kemudian setiap tahun RM300,000 telah diberikan. Kenapa hanya satu, oleh sebab yang lain juga menunggu dana dan sokongan dari pihak kerajaan, itu pokok pertanyaan saya. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey, Terima kasih. Kementerian dibantu di dalam usaha ini oleh satu jawatankuasa teknikal yang kita wujudkan. Di mana ada ahli-ahli kepakaran daripada pakar-pakar *pediatric, neurologists, geneticist* yang duduk bersama. Mereka memberikan nasihat tentang siapa yang memerlukan rawatan, siapa yang diberikan rawatan dan mana yang boleh dirawat. Banyak faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ini, salah satu daripada faktor ialah adakah ubat yang berkesan.

Kedua, apakah kosnya. Apakah keberkesanan kalau diberikan rawatan ini dan perkara-perkara lain yang diambil kira dalam membuat keputusan.

Saya mahu beritahu di sini bahawa dalam usaha ini memang tumpuan diberikan kepada semua jenis penyakit yang ada. Penekanan diberikan kepada penyakit-penyakit di mana bukti daripada *medical evidence* menunjukkan bahawa *intervention* akan memberikan faedah yang begitu baik. Hal ini akan mungkin *rationalize* mengapa kita membuat satu keputusan supaya rawatan boleh diberikan kepada perkara ini. Hal ini kerana contohnya di dalam *Lysosomal Storage Diseases* yang kita berikan rawatan, ada yang sudah diberikan rawatan untuk satu jangka masa yang lama. Kita nampak bahawa perkembangan mereka daripada sudut fizikal dan mental begitu baik sehingga saya ada nampak seorang pesakit sudah menjadi seorang peguam.

Manakala kalau mereka tidak diberikan rawatan, mungkin di dalam empat atau lima tahun sahaja dalam umur mereka, mereka akan menghadapi maut. Ini ialah perbezaan di antara memberikan rawatan dan tidak memberikan rawatan. So kerana ada perkara-perkara macam ini kerajaan mengambil kira semua perkara ini di dalam membuat keputusan. Saya mahu mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini bukan tujuan kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada satu-satu jenis penyakit dan mengetepikan mana-mana penyakit yang lain. Kita akan lihat ini daripada holistik daripada semua bukti sains yang dipandu oleh jawatankuasa teknikal yang telah diwujudkan dan ke atas nasihat mereka.

Isu ketiga ialah berkaitan dengan aduan bahawa kadangkala ada rakyat yang menghadapi kesusahan untuk mendapatkan pembekalan ubat di dalam hospital atau klinik-klinik kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, secara kasar tiada kekurangan ubat di dalam hospital kerajaan atau klinik kesihatan.

Akan tetapi, dari semasa ke semasa, mungkin kita menghadapi situasi di mana daripada perbekalan atau *factory* yang membuat ubat itu mereka ada menghadapi, baru-baru ini, lebih kurang dua, tiga bulan dahulu ada satu pembekal untuk satu ubat yang diberikan untuk darah tinggi. Mereka tidak dapat memberikan *supply* ubat itu secara berterusan.

Apabila pembekal menghadapi masalah ini, kesannya sampai ke klinik kesihatan. Bila keadaan ini wujud maka doktor yang memberikan rawatan kepada mereka dan mereka tukar ubat untuk jenis ubat yang lain, yang mempunyai kesan yang sama, mungkin jenama yang lain dan memberikan nasihat kepada pesakit bahawa ubat ini tidak ada so, kita bagi ubat gantian. Ini disalah sangka oleh rakyat jelata seolah-olah kerajaan tidak ada ubat dan ini diuar-uarkan memberikan pandangan yang salah. Manakala, cerita yang sebenarnya ialah tidak ada situasi yang sedemikian.

Memang bekalan ubat ini mencukupi dan isu yang datang ialah daripada sistem logistik daripada *supply chain demand*. Kalau ada keadaan di mana salah satu klinik atau hospital yang menghadapi kekurangan, kita mempunyai sistem supaya ubat daripada klinik atau hospital yang lain boleh dibawa masuk kepada hospital di mana ada keperluan yang lebih tinggi. *This is very fluids dynamics situations* di mana di dalam sistem satu hospital boleh membantu satu hospital yang lain. So, saya mahu memberitahu bahawa ini bukan satu isu yang besar tetapi secara dasar kementerian memberikan keutamaan kepada penggunaan ubat-ubat *generic*. Ini kerana kosnya sangat berbeza. Kadang-kadang ubat *innovated drug* iaitu *patented to drugs* harganya kadang-kadang 10 kali atau 20 kali lebih mahal daripada ubat *generic*.

So, di dalam keadaan itu, kalau kementerian berpendapat ubat *generic* yang tersedia ada, dia punya *efficacy* ialah setaraf dengan ubat *innovator* maka kementerian memang memberikan keutamaan kepada kegunaan ubat *generic* dari segi *cost effectiveness*. Daripada sudut itu, banyak daripada ubat yang digunakan pada masa sekarang ialah ubat *generic*. Ini kadang-kadang memberikan satu pandangan yang berbeza kepada pesakit dan apabila mereka dahulu sudah menggunakan ubat *patented drug*, selepas itu ditukar kepada satu ubat *generic* mereka mempunyai pandangan seolah-olah kerajaan tidak mempunyai ubat.

So, ini semua sangkaan yang salah yang diwujudkan daripada kadang-kadang pengetahuan yang tidak berapa mencukupi. Untuk memastikan bahawa perkara ini atau isu ini boleh dikurangkan kita sudah minta semua pegawai-pegawai yang bertugas di dalam sistem kesihatan kita untuk menjelaskan perkara ini secara lebih baik kepada pesakit supaya mereka boleh memahami keadaan yang sebenar dan dapat mengurangkan kerisauan di kalangan mereka.

Secara tambahan kepada perkhidmatan yang diberikan, contohnya dengan menerima bahawa mereka yang duduk di dalam kawasan-kawasan yang jauh walaupun mereka datang ke klinik kita, mereka bayar RM1 sahaja tetapi bayaran teksi untuk datang ke klinik mereka bayar RM30. Untuk memastikan perkara ini boleh dilihat dan diselesaikan ada pelbagai jenis sistem yang lain.

#### ■1910

Contoh Tuan Yang di-Pertua, ada perkhidmatan melalui pos. Mereka cuma kena SMS apa ubat yang diperlukan dan alamat mereka dan klinik akan hantar ubat itu kepada rumah mereka melalui pos dan mereka kena bayar RM5 kepada Pos Malaysia untuk mendapat ubat. Kalau dibandingkan

dengan perbelanjaan teksi yang RM50 ini, mereka akan menjimatkan kerana dengan bayaran RM5 sahaja kepada Pos Malaysia, mereka akan mendapat ubat itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

So ini salah satu daripada perkhidmatan yang kita sudah buat untuk meningkatkan lagi cara perkhidmatan kesihatan yang lebih mesra dengan rakyat dan mengambil kira kesusahan yang dihadapi oleh mereka di dalam datang dan mendapat bekalan daripada sistem kesihatan. Ini ditambah dari semasa ke semasa supaya kita mengurangkan beban yang dihadapi oleh rakyat khususnya mereka yang ada di kawasan-kawasan pedalaman dan mereka yang daripada lingkungan pendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lanjutan ialah berkaitan dengan *the aging nation* ataupun isu negara yang tua iaitu menjelang tahun 2035. Lebih daripada 15 peratus daripada rakyat Malaysia akan di dalam umur yang lebih daripada 60 tahun dan mengikut apa yang telah ditetapkan di bidang antarabangsa, negara yang mempunyai demografi populasi yang sedemikian diterima sebagai *an aged nation*.

So apabila kita ke arah ini, memang ada pelbagai jenis cabaran yang dihadapi. Cabaran ini ialah daripada segi sosial, ekonomi dan daripada beberapa perspektif yang lain. Daripada sudut kesihatan, memang kita semua tahu, apabila di sesuatu negara di mana ada warga emas yang begitu banyak, isu-isu kesihatan pun lebih banyak juga. Beban kepada sistem kesihatan pun banyak juga.

Kalau seseorang di dalam umur 30 tahun, mungkin dia tidak makan apa-apa ubat. Apabila sudah sampai 65 tahun, mesti makan empat atau lima jenis ubat. Jadi ini akan meningkatkan beban kepada sistem kesihatan. Apabila lebih orang yang berada dalam lingkungan itu, beban sistem kesihatan akan lebih kuat. Macam mana kita akan menangani ini? Ini kena dilihat daripada beberapa perspektif. Satu ialah daripada perspektif kita mahu mengekalkan rakyat kita sentiasa di dalam tahap kesihatan yang sihat iaitu menjauhi penyakit seberapa banyak yang boleh. Kalau untuk mencapai itu, salah satu perkara yang sangat mustahak ialah daripada mulanya kita akan mengamalkan budaya kehidupan yang sihat. Seperti apa yang saya telah jelaskan tadi daripada sudut makanan dan kehidupan.

Contohnya di dalam negara Jepun yang boleh dikatakan contoh paling baik dalam sesuatu negara yang *aged*. Mereka sedang fikir macam mana hendak meningkatkan umur persaraan kepada 70 tahun atau 75 tahun kerana di dalam umur itu pun masa mereka produktif. *They are still very productive*. Mereka boleh kerja. Daripada sudut minda mereka, masih aktif. So, kalau kita kena mengekalkan produktiviti rakyat kita untuk satu jangka masa yang lebih panjang.

Produktiviti bukan sahaja dari sudut kesihatan tetapi produktiviti dari sudut ekonomi. Kalau tidak ada, mereka akan jadi satu beban kepada sistem ekonomi pun. So, ini cuma boleh dibuat kalau daripada awal, rakyat sentiasa berada dalam satu keadaan yang sihat iaitu daripada awal, budaya makanan yang sihat, kehidupan yang cergas, tidak merokok dan sebagainya. Kalau ini boleh diamalkan daripada awal, maka kita boleh memastikan isu pertama boleh diselesaikan.

Isu nombor dua ialah untuk mewujudkan infrastruktur yang mencukupi di dalam sistem kesihatan supaya mereka mendapat kemudahan-kemudahan kesihatan. Di dalam klinik-klinik

kesihatan, semua warga emas diberikan rawatan secara percuma. Tidak ada bayaran. Jadi ini ialah satu perkara yang kita buat untuk mereka dan dalam hospital pun, untuk warga emas, layanan yang lebih istimewa diberi dengan mengurangkan kos yang diperlukan untuk rawatan dan kalau mereka tidak mampu bayar, mereka akan dikecualikan daripada keperluan untuk memberi bayaran.

Di dalam sistem kesihatan kita sekarang di dalam 10 hospital, kita telah menyediakan rawatan geriatrik- *geriatric care*. Pakar-pakar yang ada, iaitu pakar geriatrik yang telah mendapat latihan di dalam bidang untuk menjaga warga emas secara khususnya selain daripada contohnya doktor pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur. Beliau menjalankan rawatan di Hospital Banting contohnya di mana ada wad khusus untuk *geriatric care*.

So Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Banting kedua-duanya menyediakan perkhidmatan *geriatric care*. Macam ini ada beberapa hospital yang lain di dalam negara kita di mana ada perkhidmatan kesihatan geriatrik untuk warga emas ini diperluaskan untuk satu jumlah hospital yang lebih banyak. Dua tahun lalu, kita telah memulakan satu perkhidmatan yang baru dipanggil *domiciliary healthcare service* di mana pasukan kesihatan daripada klinik kesihatan akan melawat rumah-rumah di mana ada pesakit-pesakit terlantar contohnya atau pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit amal contohnya supaya mereka boleh diberi rawatan di rumah tanpa datang ke klinik kesihatan.

Ada lebih daripada 100 pasukan sedemikian di seluruh negara yang membuat perkhidmatan ini. Tujuan kementerian untuk memperluaskan ini supaya ada lebih pasukan tetapi kekangan yang dihadapi daripada peruntukan dan jumlah tenaga pekerja yang mencukupi untuk memperluaskan ini. Kalau peruntukan hendak ditambahkan dan jumlah kakitangan yang lebih boleh diberi kepada kementerian untuk memperluaskan banyak lagi *domiciliary healthcare team* akan diwujudkan di seluruh negara. Ini akan dapat membantu warga emas khususnya banyak kerana keperluan mereka untuk datang ke klinik akan dikurangkan dan rawatan boleh diteruskan di dalam rumah mereka. Inilah beberapa cara yang digunakan oleh kementerian supaya perkhidmatan kesihatan ini ialah selaras dengan keperluan satu masyarakat di mana mereka yang berumur boleh diberi rawatan yang mencukupi.

Topik lanjutan ialah berkaitan dengan mutu perkhidmatan kesihatan dan apakah rancangan kementerian untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Ini adalah satu usaha yang dibuat secara berterusan. Banyak yang telah kita buat. Baru-baru ini kita telah memperkenalkan Program Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan di mana kita telah mengenal pasti 11 jenis langkah *transformation plan* untuk jangka masa panjang untuk memastikan *sustainability* sistem kesihatan kita di dalam jangka masa panjang dan untuk memastikan perkhidmatan yang diberi ialah selaras dengan harapan rakyat.

Cuma satu, dua perkara yang kita sudah buat. Satu ialah contohnya baru-baru ini, kita telah melanjutkan tempoh masa pembukaan klinik-klinik kesihatan yang dulu semua tutup pada 4.30 atau 5 petang, ada klinik-klinik yang dibuka sampai 10 malam sekarang. Tujuannya adalah untuk mengambil kira kesesakan yang ada di dalam klinik-klinik itu dan untuk memberi khususnya kita nampak para ibu selepas balik daripada kerja, nampak anak sudah ada demam, masa itu mereka membawa anak ke klinik. Kesesakan berlaku selepas waktu kerja.

Untuk menghadapi itu, macam mana ini boleh diselesaikan dan supaya kesesakan ini tidak berlaku di dalam Jabatan Kecemasan di dalam hospital, kita telah memperlanjutkan lagi tempoh dan masa perkhidmatan di klinik-klinik kesihatan.

Lagi satu kebaikan yang dibuat adalah konsep yang dipanggil *cluster hospital*. Contohnya, ada hospital di mana ada rawatan kepakaran dan hospital-hospital daerah di kawasan itu tidak mempunyai rawatan atau bidang-bidang kepakaran. Hospital di mana ada kepakaran, kesesakan yang tinggi kalau kegunaan *bed* mereka yang kita panggil *bed occupancy rate*, kalau daripada jumlah katil di dalam hospital itu, berapa peratus yang digunakan, ada hospital kegunaannya ialah cuma 40 peratus, 50 peratus atau 60 peratus.

#### ■1920

Akan tetapi ada hospital-hospital besar, *Bed Occupancy Rate* (BOR) itu ialah lebih daripada 100 peratus. Bermaksud, mereka mempunyai lebih pesakit daripada jumlah katil yang ada di dalam hospital. So, di dalam keadaan ini, macam mana kita boleh mengurangkan kesesakan yang tersedia ada, kita dalam mewujudkan apa yang dipanggil *cluster hospital concept*. *Cluster hospital concept* di mana contohnya Hospital Besar Melaka mempunyai kepakaran di dalam lebih kurang semua bidang.

Akan tetapi, hospital daerah di dalam negeri Melaka macam Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin tidak mempunyai perkhidmatan kepakaran. So, sekarang dengan Konsep Hospital Kluster, kita telah mewujudkan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan rawatan kepakaran di Hospital Alor Gajah dan Jasin juga.

So, doktor-doktor daripada Hospital Besar Melaka secara berpasukan akan pergi dan berkhidmat di Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin supaya tiga-tiga tempat ini mendapat rawatan kepakaran. Ini akan mengurangkan kesesakan di hospital besar dan membawa rawatan ini kepada hospital-hospital kecil dan macam ini kita sudah mewujudkan sepuluh jenis kluster di seluruh negara. Di negeri Perak, di negeri Pahang, di negeri Melaka, di negeri Johor, di negeri Kedah dan sebagainya. Di dalam setiap satu kluster ini, ada aktiviti kepakaran berlaku dan melalui ini, kita dalam meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan di dalam sistem kesihatan kita.

Seperti itu juga, Klinik 1Malaysia. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat masa Klinik 1Malaysia dimulakan beberapa tahun yang lalu, yang memberi perkhidmatan di Klinik 1Malaysia ialah Pegawai Penolong Perubatan atau mereka yang dipanggil *hospital assistant* dan juga jururawat. Akan tetapi pada masa sekarang, ada banyak Klinik 1Malaysia, kita ada lebih kurang 361 buah Klinik 1Malaysia di seluruh negara dan lebih daripada 100 buah Klinik 1Malaysia sekarang ada Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia. Dahulu mereka cuma diberi tanggungjawab untuk memberi rawatan kepada penyakit-penyakit ringan seperti demam, selesema dan sebagainya.

Akan tetapi, sekarang di Klinik 1Malaysia, *you* boleh mendapat rawatan untuk kencing manis, darah tinggi dan pelbagai jenis penyakit yang lain. Bermaksud, kita telah memperluaskan perkhidmatan ini yang dahulu di dalam klinik-klinik lebih besar sampai ke klinik-klinik kecil di mana ada doktor-doktor yang telah mendapat latihan yang memberi perkhidmatan ini. So, dengan adanya, dia telah sebenarnya bantu banyak pesakit khususnya di bandar kerana tujuan Klinik 1Malaysia ialah untuk mengadakan kemudahan kesihatan di tempat-tempat di mana yang ada kepadatan penduduk yang begitu banyak. Itu yang tujuan asalnya.

Dengannya, adanya Klinik 1Malaysia di seluruh Malaysia dan di mana ada pegawai perubatan yang memberi rawatan dan nasihat, maka banyak pesakit yang pergi ke situ dan salah satu daripada kesan sampingan yang tidak berapa sihat boleh dikatakan ialah kepada sistem swasta. Banyak klinik swasta ini menghadapi masalah kerana banyak pesakit pilih kepada pergi ke Klinik 1Malaysia. Ini salah satu daripada beberapa usaha yang telah dibuat oleh kementerian untuk meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan untuk rakyat Malaysia.

Melalui program transformasi, 11 jenis program transformasi yang kita telah mulakan sekarang dan dia akan ambil lagi dua tiga tahun untuk mendapat kejayaan sepenuhnya. Saya mempunyai keyakinan yang besar bahawa sistem perkhidmatan kesihatan kita akan menghadapi satu anjakan transformasi yang begitu besar dan melalui ini, kita akan mengekalkan kedudukan kita sebagai satu negara yang memberi perkhidmatan kesihatan yang telah diterima sebagai satu sistem yang baik di peringkat antarabangsa. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Saya mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Tidak, saya ada soalan saya yang belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Iaitu berkenaan- Yang tadi sebahagiannya sudah dijawab. Saya musykil satu perkara iaitu berkenaan dengan Klinik Kesihatan Batu Rakit. Saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Kita akan beri jawapan itu secara bertulis. Saya tahu tentang isu ini yang telah dibangkitkan di Terengganu bukan? Kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:**Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

#### 7.25 mlm.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) semasa perbahasan Belanjawan 2018 di Dewan yang mulia ini.

Kementerian amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana melalui pembentangan Bajet 2018 di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2017 yang lalu, MPIC telah diperuntukkan sejumlah RM441.1 juta untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM497.3 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Ini membuktikan bahawa sumbangan industri perladangan dan komoditi negara terus diiktiraf. Justeru, kementerian yakin Belanjawan 2018 ini akan menjadi pencetus semangat kepada sektor komoditi untuk

terus komited melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah di rencana bagi membantu meningkatkan sumbangan sektor komoditi kepada pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya akan memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2018 ini. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin memohon penjelasan sama ada kerajaan bercadang untuk menyediakan bantuan sara hidup juga kepada pekebun kelapa sawit sebagaimana yang diberikan kepada nelayan, penoreh getah dan pesawah padi. Pada masa ini, kerajaan belum bercadang memberi bantuan secara tunai kepada pekebun sawit. Ini kerana sifat pengeluaran sawit yang tidak terkesan sepenuhnya oleh kehilangan hasil dalam tempoh yang panjang akibat faktor luaran seperti hujan atau musim kering yang panjang.

Selain daripada itu, harga sawit adalah stabil iaitu tidak mengalami kejatuhan harga yang lebih rendah daripada kos pengeluaran. Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan ada menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit. Antara jenis-jenis bantuan tersebut adalah:

- (i) Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil;
- (ii) Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil;
- (iii) Bantuan Penyelenggaraan Kebun;
- (iv) Skim Diskaun Cantas;
- (v) Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit; dan,
- (vi) Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit.

Program dan subsidi ini diberikan kepada pekebun kecil yang layak berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif tidak berada di Dewan, saya akan menjawab soalan ini secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah membangkitkan isu berkenaan usaha mengkaji keserasian tanaman komoditi seperti geotropa dan koko dengan tanah setempat dan memaklumkan hasil kajian tersebut. Kerajaan bersetuju dengan saranan bahawa keserasian tanaman komoditi dengan tanah setempat perlu dibuat terlebih dahulu sebelum sesuatu tanaman itu disyorkan untuk diusahakan. Kementerian-kementerian yang berkenaan akan membuat kajian terlebih dahulu bagi memastikan sesuatu tanaman tersebut adalah berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi.

Sebagai contoh, tanaman geotropa beberapa kementerian agensi seperti Lembaga Getah Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah melaksanakan kajian dan hasil kajian mendapati, cadangan tanaman geotropa sebagai sumber alternatif bahan api adalah tidak berdaya maju dari segi ekonomi, memandangkan pulangan yang diperoleh tidak memuaskan disebabkan kos yang tinggi untuk penanaman, penyelenggaraan dan pembajaan.



## ▪ 1930

Tuan Yang di-Pertua, untuk koko, Lembaga Koko Malaysia sedang melaksanakan pelbagai aspek penyelidikan di bawah RMKe-11 bagi mengenal pasti tanaman koko yang sesuai mengikut kawasan. Di bawah projek pembangunan bahan tanaman koko unggul, LKM sedang melaksanakan pengujian klon-klon koko yang sesuai mengikut lokasi di Sabah, Sarawak, Selangor, Perak, Johor, Pahang dan Kelantan.

Melalui kajian ini, klon-klon yang sesuai untuk kawasan yang berkenaan dapat dikenal pasti kesesuaian klon koko dengan lokasi penanaman akan dapat meningkatkan pengeluaran hasil koko. Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ke atas Belanjawan 2018 di Dewan yang mulia ini, terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu-isu ini supaya industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**7.31 mlm.**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bersetuju untuk menukarkan giliran saya dari nombor 8 ke nombor 6. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar setuju untuk pertukaran saya. Jadi, saya tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua. Ada 5 Ahli Yang Berhormat yang berucap atas 3 isu.

Isu pertama berkaitan dengan *Digital Free Trade Zone*, di mana kita telah menerima pelaburan daripada Alibaba dan dirasmikan oleh Yang Berhormat PM pada 3 November lalu. Jadi, soalnya oleh tiga orang Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong; kedua- Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, tidak ada sini; dan ketiga, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun.

Pertama, ditanya kenapa tidak digalakkan penggunaan *e-market place*? Jadi, *e-market place* ini yang tempatan ya. Jadi, Alibaba ini daripada China. Jadi, Yang Berhormat mahu supaya digalakkan juga *e-market place* tempatan. Saya hendak bagi jaminan di sini bahawa kita juga bantu *e-market place* tempatan, termasuklah DagangHalal, *Aladin Street* seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kenapa kita menggalakkan pelaburan *Alibaba*? Oleh kerana *Alibaba* sebuah syarikat ternama di dunia, nombor satu dalam dunia. Mempunyai kira-kira hampir 500 juta pengguna, hampir 190 buah negara. Itu jawapan kepada persoalan pertama.

Kedua yang ditanya ialah boleh tidak dikembangkan ke Sarawak? Jawapannya boleh dan dalam program Alibaba ini, *Digital Free Trade Zone* ada 90 usahawan daripada Sabah, ada 20 daripada Sarawak, 16 dari Kelantan. Malangnya Sabah, Sarawak dan Kelantan tidak ramai. *Insya-Allah* kita akan cuba untuk meningkatkan penglibatan usahawan kecil sederhana kepada Kelantan, Sarawak, Sabah bagi menyertai *Digital Free Trade Zone* yang merupakan pelaburan daripada Alibaba.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan menyatakan ada, dengan izin, *contradiction* di satu sudut. Yang Berhormat menyatakan bahawa ekonomi berkembang tetapi sudut lain ada juga *retrenchment* ataupun penguasaan kerja ya.

Jadi, ini bukan perkara baru. Kerja ini- dulu kita semua banyak kerja dalam bidang pertanian, sekarang dalam bidang pembuatan, banyak bidang perkhidmatan. Jadi, memang benar ada yang dibuang kerja. Ini adalah kerana perubahan dalam struktur perniagaan. Umpamanya, *Seagate* di Pulau Pinang. Ia buat *hard disc drive*- 3 ribu pekerja tutup. Oleh kerana apa? Oleh kerana barang itu tidak lagi diminati, dikeluarkan dengan banyak. Akan tetapi yang berhenti kerja itu, mereka bekerja tempat lain. Tidak ada pengangguran ketara, kebanyakan yang berhenti kerja itu bekerja di tempat lain. Dengan izin, *destructive technology* ini perkara biasa, dengan adanya beberapa kemajuan teknologi, termasuklah Revolusi Industri 4.0.

Saya hendak maklumkan bahawa tahun lepas umpamanya, melalui MIDA sahaja telah diwujudkan 160 ribu peluang pekerjaan. Dua minggu lepas saya pergi ke Kulim, merasmikan syarikat Osram, 1,500 pekerja. Saya punya Timbalan merasmikan sebuah kilang lagi. Ada seribu pekerja. Jadi, ini contoh-contoh. Jadi, saya hendak bagi jaminan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan. Realitinya tidak kurang 150 ribu peluang pekerjaan dalam bidang pembuatan. Sejak Perdana Menteri kita menjadi Perdana Menteri, lebih 2.5 juta peluang pekerjaan. Jadi, apalah 20 ribu, 30 ribu berbanding dengan 2.5 juta peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh kerajaan.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ada membangkitkan, isu yang dibangkitkan ialah daripada Tuan...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Nanti sekejap ya. Yang Berhormat Tuan....

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang Berhormat Dato'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat duduk.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Sekejap. Yang Berhormat Tuan Ramli, dia bertanya adakah kerajaan boleh campur tangan jika ada masalah dalam bidang industri automatif? Apakah peranan MITI, peranan kerajaan? Memang saya sendiri dari semasa ke semasa berjumpa dengan pihak-pihak berkenaan, terutamanya syarikat-syarikat automatif sama ada syarikat-syarikat vendor, bumiputera. Jadi, kita sentiasa berjumpa dengan mereka untuk cuba selesai masalah-masalah, isu-isu, cabaran yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dan usahawan-usahawan lain dalam bidang industri automatif. Oleh kerana industri automatif ini satu industri yang penting, mempunyai 600 ribu pekerja dalam industri ini. Termasuklah yang pasang kereta, pasang motor, yang *repair* kereta, yang buat komponen, yang jual kereta, yang membiayai ataupun *finance* kereta.

Jadi, saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat Tuan Ramli bahawa kita sentiasa berjumpa dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan bahawa industri automatif berkembang dengan pesat. Termasuklah penyertaan bumiputera yang, dengan izin, *meaningful*, yang bermakna. Saya bagi peluang satu saja. Lepas itu, saya duduk Tuan Yang di-Pertua. Ya sila, ada soalan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih. Saya akui bahawa banyak pekerjaan baru telah diwujudkan. Bukan saja yang 150 ribu tapi kalau kita tengok ETP *progress* pun sebanyak 2.26 *million* telah kita wujudkan. Akan tetapi soalan saya ialah kalau dapat kali ini, dari pekerjaan-pekerjaan yang dapat diwujudkan, peratus yang diisi oleh pekerja asing. / tidak tahu sama ada kita dapat faedahnya atau dari segi peratus.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Kita di Malaysia ini, peratusan pekerja asing keseluruhannya 16%, keseluruhan ya 16 peratus dan dasar kita ialah untuk turun bawah dari 15%. Akan tetapi akhir-akhir ini, apabila kerajaan mengetatkan penggunaan pekerjaan asing, kita dapati bahawa terdapat pengurangan dalam bilangan pekerja asing di Malaysia, ini satu perkara yang menggalakkan. Akan tetapi kita tahu bahawa kita masih perlu pekerja asing. Apa yang kita hendak buat ialah yang pertama-hendak kawal bilangannya, kedua- untuk mengurangkan pekerja asing tanpa izin. Itu dasar kita. Pertama, hendak kurangkan peratusan, kita masih perlu lagi. Keduanya ialah untuk mengurangkan bilangan pekerja asing tanpa izin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih 5 Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang MITI. *Insyaa-Allah* kita akan bekerjasama dengan Ahli Yang Berhormat untuk memastikan bahawa negara kita Malaysia akan terus mencatatkan kemajuan yang terbaik. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tok Pa. Silakan Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat Menteri.

### 7.39 mlm.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahir Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali kerana mengizinkan giliran Kementerian Luar Negeri untuk didahulukan pada giliran ketujuh kerana pada awalnya saya dijadualkan untuk berlepas pada hari ini juga ke Istanbul untuk menyertai Yang Amat Perdana Menteri dalam Sidang Tergempar Kemuncak OIC yang berkaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh Presiden Donald Trump.

Saya hendak pergi secara ringkas. Pertama sekali, saya hendak ucapkan terima kasih kepada 4 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffn, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin dan Yang Berhormat Senator Dato' Farahiyah. Apa yang dapat saya simpulkan, berkisar kepada 3 isu utama iaitu pertamanya, tentang isu Rohingya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini hanya 2 Yang Berhormat yang ada.

### ■1940

**Dato' Seri Reezal Merican:** Kedua- ada dua ya? Kedua, berkaitan dengan isu *North Korea* dan yang ketiganya adalah berkaitan dengan isu Baitulmaqdis ataupun kenyataan Donald Trump yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Jadi yang pertamanya ialah berkaitan dengan isu Rohingya. Ini telah banyak kali dijawab dan tentunya semua telah sedia maklum pendirian Malaysia. Walaupun secara umumnya prinsipnya,

semua ASEAN sepakat bahawa isu ini perlu ditangani, namun kaedah, respons, tindakan dan pendekatan yang diambil oleh negara-negara ASEAN ada kalanya berbeza. Malaysia secara umumnya telah mengambil pendirian ini di semua peringkat. Kita telah bangkitkan di peringkat ASEAN, kita telah bangkitkan di peringkat UN, kita telah bangkitkan di peringkat OIC, kita telah bangkitkan di peringkat *Asia-Europe Meeting* dan Malaysia dilihat antara negara yang begitu ke depan dalam membangkitkan isu perihal *the plight of Rohingya* ini.

Dalam soal penghantaran ataupun bantuan yang dihantar, dihulurkan kepada golongan Rohingya ini, ASEAN sentiasa mengadakan kerjasama dalam hal bantuan kemanusiaan melalui apa yang dinamakan *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on disaster management* atau *AHA Centre*. ASEAN pada waktu yang sama juga bekerjasama rapat dengan IOM, demikian juga UNHCR dan peranan-peranan yang dimainkan oleh ASEAN juga memperlihatkan banyak kejayaan dalam memastikan pembelaan kepada golongan Rohingya dapat dilakukan dengan sebaik mungkin.

Namun begitu, peranan yang dimainkan oleh Malaysia secara khususnya, Malaysia telah membangkitkan pelbagai isu ini. Sebagaimana dimaklumkan, yang terakhirnya kita juga membangkitkan di Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Kita juga menaja satu resolusi. Salah satu daripada negara yang menaja resolusi *Human Rights Situation of Minority Rohingya Muslims Population and Other Minorities in the Rakhine State of Myanmar* pada 5 Disember yang lalu. Ini telah atau *has been adopted* dan telah mendapat undian dengan 33 menyokong. Kita telah melakukan penajaan usul ini melalui OIC.

Pendekatan lain yang telah kita gunakan juga melalui, selain daripada multilateral, adalah melalui bilateral. Soalan yang ditanya juga oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shukor berkaitan dengan peranan kita tentang lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke *United States of America* pada bulan September.

Sebagaimana sedia maklum, semasa mesyuarat dua hala sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan secara spesifik isu Rohingya ini dan telah membangkitkan isu-isu ini yang telah mendapat respons yang agak positif daripada pihak Amerika.

Lanjutan daripada perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Donald Trump pada 13 September itu, pada 20 September, Amerika Syarikat telah mengumumkan untuk kali pertamanya bantuan yang agak besar iaitu bantuan kemanusiaan sejumlah USD32 juta. Bukan itu sahaja, Amerika Syarikat telah mengumumkan akan menarik balik bantuan ketenteraan Myanmar serta kemudahan *travel waivers* bagi pihak tentera Amerika-Myanmar yang terlibat dengan kekejaman di Wilayah Rakhine.

Selain daripada itu, pada 22 November, Setiausaha Amerika Syarikat, Rex Tillerson juga telah mengeluarkan kenyataan dan menggesa agar kebertanggungjawaban akauntabiliti dikenakan ke atas pihak yang melakukan kekejaman.

Suka dimaklumkan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Malaysia ini yang membolehkan Amerika Syarikat mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini dikaitkan dengan kekejaman Rohingya adalah merupakan salah satu daripada kaedah untuk menambah tekanan kepada Kerajaan

Myanmar termasuk Kerajaan Tentera Myanmar untuk menghentikan penghapusan etnik dan mengembalikan keharmonian antara masyarakat Myanmar terutamanya membabitkan etnik Rohingya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya hendak *move* kepada DPRK yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Ada sini? Ataupun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh bagi secara bertulis, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey, saya boleh kemukakan secara bertulis. Dan yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin dan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin berkaitan dengan kenyataan rasmi pengumuman Donald Trump yang memaklumkan untuk memindahkan Kedutaan Amerika Syarikat dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis serta mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Sebagaimana yang telah pun kita dengar, untuk makluman, Kerajaan Malaysia menolak sekeras-kerasnya dan tidak akan sama sekali menerima cadangan oleh Presiden Amerika Syarikat untuk mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Dua kenyataan telah pun dikeluarkan oleh Wisma Putra. Kerajaan berpandangan bahawa keputusan Donald Trump akan menggagalkan usaha bagi mencari penyelesaian kepada konflik antara Palestin dan Israel selain ia merupakan *a violation* kepada banyak resolusi-resolusi yang telah dicapai di banyak peringkat sama ada di *UN Security Council* mahupun di *United Nations General Assembly*.

Sebarang usaha untuk mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara merupakan pelanggaran hak asasi rakyat Palestin, undang-undang antarabangsa serta resolusi-resolusi yang telah pun dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan. Maka, atas sebab itu, Malaysia mendesak agar Amerika Syarikat supaya mempertimbangkan semula keputusan ini.

Berikutan daripada itu, untuk makluman, bahawa Presiden Turki yang merupakan *Chairman of OIC* pada waktu ini iaitulah Recip Erdogan telah menghubungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memaklumkan hasrat Turki untuk mengadakan sidang kemuncak tergempar Pertubuhan Kerjasama OIC pada esok hari. Yang amat Berhormat Perdana Menteri telah pun berlepas dan akan menyertai sidang kemuncak itu pada esok hari. Sidang kemuncak itu akan didahului dengan mesyuarat pegawai kanan, kemudian menteri-menteri luar dan kemudiannya adalah ketua-ketua kerajaan yang akan mengeluarkan kenyataan secara kolektif.

Sidang tergempar ini akan digunakan sebaik-baik mungkin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membawa suara bantahan kerajaan dan juga suara bantahan rakyat Malaysia terhadap tindakan yang diambil oleh Kerajaan Amerika Syarikat ataupun cubaan yang diambil oleh Kerajaan Amerika Syarikat untuk memindahkan Baitulmaqdis menjadi ibu negara Kerajaan Israel.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang ada dalam perbahasan yang dibangkitkan. Kalau ada yang tertinggal, saya akan buat jawapan secara bertulis kerana ada juga perkara-perkara yang dibangkitkan itu mungkin ada yang terlepas pandang. Tetapi apa pun, saya akan kemukakan secara bertulis bagi pastikan tidak ada satu pun perkara yang dibangkitkan terlepas pandang daripada pihak Kementerian Luar Negeri. Pihak Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan bagi memastikan bahawa peranan Kementerian Luar Negeri akan terus dilihat dinamik dan sentiasa membawa suara-suara di peringkat antarabangsa.

Terima kasih. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat nak memberi masa untuk Yang Berhormat pergi ke Turki. Itu fasal tidak tanya soalan.

Silakan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**7.48 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan sejumlah RM2.527 bilion merangkumi peruntukan perbelanjaan mengurus sejumlah RM1.082 bilion dan peruntukan pembangunan sejumlah RM1.444 bilion.

Kementerian juga turut merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu alam sekitar sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas pada tahun ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai lapan Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin; dan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun. *Typing error*, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Tujuh ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat empat daripada nama itu tak ada dalam Dewan, bagilah secara bertulis. Fasal kita ini kesuntukan masa.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Pertama, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tak ada. Jawapan bertulis. Selamat saya. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Fahariyah dah masuk.

■1950

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tentang kerajaan menambah peruntukan pembangunan untuk kementerian ini, terima kasih dan menyelesaikan projek kawalan hakisan pantai khususnya di Terengganu.

Sebenarnya kerajaan telah menjalankan Kajian Hakisan Pantai Negara pada tahun 1985 bagi memastikan keadaan pantai di Malaysia diurus sebaik mungkin dari pelbagai aspek sama ada dari

hakisan, mahupun pembangunan di kawasan pantai. Seterusnya, kajian tersebut di kemas kini pada 2015 dengan mengambil kira keadaan semasa di kawasan pantai. Hasil kajian mendedahkan bahawa daripada sejumlah 8,840 kilometer garis pantai negara, kira-kira 15.2 peratus ataupun 1,347.6 kilometer mengalami masalah hakisan.

Oleh yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah RM784 juta kos projek telah diluluskan bagi program mencegah hakisan pantai seluruh negara termasuk meninggikan ban pantai dan mengatasi limpahan air pasang besar. Manakala bagi projek di Terengganu dalam RMKe-11 adalah seperti berikut, program mencegah hakisan pantai RM197 juta kos projek telah pun diluluskan.

Kedua, projek pemuliharaan hakisan pantai pelbagai negeri untuk Terengganu adalah RM21.8 juta anggaran kos untuk kerja yang diperuntukkan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi negeri Terengganu telah menerima peruntukan sebanyak RM275 ribu bagi program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai negara dan sejumlah 13,900 pokok dengan keluasan 12 hektar telah ditanam dengan spesies Rhu Pantai dan Ketapang. Ini untuk tanaman pokok yang berkaitan dengan hakisan pantai.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Jawapan bertulis. Elok juga sebab jawapannya panjang sangat. Kemudian, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada. Ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Mencadangkan supaya definisi Siam ini dilengkapkan dengan perimeter agama Buddha untuk pemilikan tanah rizab Melayu. Untuk rizab Melayu ialah terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti mana yang disenaraikan dalam Butiran 2(b) Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan selaras dengan perlembagaan bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74, Perlembagaan. Jadi, ini di bawah bidang kuasa negeri. Mungkin boleh minta bantu kawan-kawan di negeri untuk bangkitkan perkara ini.

Seterusnya juga tentang Bukit Broga yang diteres untuk pembangunan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bukit Broga adalah terletak dalam tanah kerajaan dan tanah milik negeri. Kawasan ini berhampiran dengan Hutan Simpan Sungai Lalang dalam jarak dari puncak ke hutan simpan kekal lebih kurang 500 meter dan tidak di bawah penyelenggaraan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, kita bersedia untuk memberi pandangan pada mana-mana perlu.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haja Md Nordin menyatakan tentang adakah Jabatan Alam Sekitar ada memberi kuasa kepada pihak SPAN ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara kuasa untuk mengambil tindakan kepada pihak yang mencemarkan kawasan di sekitar *water catchments*. Adakah JAS ada berbincang dengan syarikat air tempatan bertujuan untuk menjamin keselamatan penggunaan air? Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang di bawahnya bagi mencegah, mengawal dan menghapus pencemaran ke atas alam sekitar termasuk pencemaran di kawasan tadahan air dan sumber air yang juga menjadi bekalan air minuman bagi pengguna.

Buat masa ini, tiada mana-mana agensi yang di wakil kuasa oleh JAS bagi menjalankan siasatan dan mengambil tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes pencemaran sungai dan di sekitar kawasan tadahan. Untuk rekod, jabatan ini mengadakan beberapa siri perbincangan dengan SPAN, badan-badan kawal selia air di peringkat negeri dan operator-operator perkhidmatan air dari semasa ke semasa bagi membincangkan isu berkepentingan bersama seperti bekerjasama dalam pemantauan punca-punca pencemaran yang terdapat di sekitar loji rawatan air dan juga pengawasan status kualiti air sungai bagi menjamin ketersediaan dan keselamatan sumber air negara.

Selain penguatkuasaan secara konvensional ke atas punca-punca pencemaran khususnya daripada industri perkilangan dan loji rawatan kumbahan, pendekatan secara pematuhan sendiri, dipimpin ataupun *guided self-regulation* turut giat diperkenalkan agar masyarakat terkawal ataupun *regulated community* ini mampu bertindak sendiri mengawal pencemaran secara *micromanage* melalui polisi pengurusan alam sekitar yang jelas dan *facility system* kawalan pencemaran yang berupaya mematuhi kehendak perundangan, di samping personel alam sekitar yang terlatih dan kompeten.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun, tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak ada. Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Terima kasih semua yang terlibat dan mudah-mudahan kita berjumpa lagi, *insya-Allah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

#### 7.56 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, salam negaraku dan salam sejahtera.

Isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 merangkumi beberapa isu. Saya ucapkan terima kasih kepada beliau iaitu melibatkan rungutan isi rumah berpendapatan rendah terhadap tarif bil elektrik.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin telah meminta supaya pertama, kementerian memberi penjelasan adakah kaedah yang digunakan bagi memaklumkan pengguna akan harga tarif baru berdasarkan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin.

Kedua, TNB menjelaskan kaedah pemakluman tarif baharu kepada pengguna setiap kali ia disemak semula iaitu sama ada melalui bil elektrik atau media sosial atau kaedah lain.

Ketiga, kementerian menjelaskan adakah terdapat keperluan untuk menyemak harga tarif pada setiap suku tahun berbanding dengan amalan sedia ada iaitu pada setiap enam bulan.

Keempat, kementerian menjelaskan melalui kaedah ICPT, apakah kaedah yang digunakan bagi memastikan kadar tarif elektrik tidak membebankan pengguna.

Kelima, kerajaan menyatakan adakah terdapat cadangan supaya kabel penyambungan elektrik dibuat keseluruhannya di bawah tanah.



Akhir sekali, keenam, kerajaan menjelaskan bagaimana langkah yang diambil bagi memastikan pembaca meter elektrik TNB membuat bacaan yang tepat dan bil elektrik yang dikeluarkan tidak berasaskan penggunaan secara purata ataupun berdasarkan bacaan yang dibuat lebih dari 30 hari.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin memaklumkan bahawa sejak pelaksanaan GST, tiada kenaikan bil elektrik dikenakan kepada pengguna bagi tempoh 2015 hingga 2017. Malahan, kerajaan telah memberikan rebat berjumlah RM5.403 bilion kepada pengguna di Semenanjung bagi tempoh tersebut. Kaedah pemakluman tarif baharu kepada pengguna termasuk *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) termasuklah kenyataan akhbar oleh kementerian, Suruhanjaya TNB, pengumuman Bursa dan *analyst briefing* oleh TNB siaran di akhbar-akhbar utama berbahasa Melayu, Cina, Inggeris, dan Tamil. Siaran berita di media-media elektronik utama dan stesen-stesen radio utama dan sesi forum dan penerangan kepada pertubuhan-pertubuhan pengguna dan industri seperti FOMCA, CAPS, FFM, PPIM.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, semakan ICPT dilaksanakan setiap enam bulan selari dengan ketetapan penyelarasan rasionalisasi harga gas asli berpaip bagi sektor tenaga di Semenanjung yang dilaksanakan setiap enam bulan. Kita mengikut *volatility* harga akibat harga pasaran minyak. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator yang prihatin tersebut. Terima kasih saya ucapkan.

#### ■2000

Bagi memastikan kadar tarif elektrik tidak membebankan pengguna sehingga berlaku sebarang kenaikan kos penjanaan elektrik melalui ICPT, kerajaan telah mewujudkan Dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) yang bertujuan untuk menangani impak kenaikan tarif kepada pengguna. Wang bagi dana ini diperoleh daripada penjimatan hasil rundingan semula penjana-penjana bebas generasi pertama IPP dengan izin. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menampung sebahagian daripada kos ICPT dengan memberikan rebat berjumlah RM5.403 bilion kepada pengguna di Semenanjung seperti mana yang saya katakan tadi.

Cadangan supaya kabel penyambungan elektrik dibuat keseluruhannya di bawah tanah memerlukan penelitian lanjut oleh pihak kementerian atas sebab-sebab berikut. Pertama, kos pembangunan talian penghantaran bawah tanah adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kos pembangunan talian penghantaran yang dibina merentasi ruang udara. Kadang-kadang dengan izin, *developers* mengenakan bayaran ini kepada pengguna, *houses owners* dan industri *owners* kerana ia gunakan talian di bawah tanah. Kos ini begitu tinggi sekali dan juga ada isu-isu berkaitan dengan pembaikpulihan. Apabila berlaku apa-apa kerosakan kena korek semula. So, oleh sebab-sebab ini terpaksa kita ruang udarakan talian tersebut.

Kedua, risiko keselamatan yang lebih tinggi. Ketiga, kos penyelenggaraan talian penghantaran yang lebih tinggi dan tempoh pembaikan yang lebih panjang sekiranya berlaku kerosakan. Sebarang peningkatan kos pembangunan talian penghantaran akan dilepaskan dalam tarif pengguna.

Maka soalan seterusnya, banyak soalan Yang Berhormat tadi, keperinciannya mengagumkan. Orang Telekom atau TNB *kot*, maaf. Langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pembaca meter elektrik TNB membuat bacaan yang tepat dan bil elektrik yang dikeluarkan tidak berasaskan

penggunaan secara purata atau berdasarkan bacaan yang dibuat lebih daripada 30 hari adalah seperti berikut.

Mewujudkan *Key Performance Indicators* (KPI) kepada pekerja TNB supaya bil bacaan sebenar dapat diserahkan kepada pengguna dengan sebaiknya. Dengan KPI ini, anggaran bil dapat dikurangkan kepada bilangan yang minimum berdasarkan kepada keputusan KPI semasa. Yang Berhormat, 98 peratus pengguna telah berjaya diberi bil bacaan sebenar. Bil anggaran hanya dikeluarkan dalam keadaan meter elektrik yang tidak boleh diakses disebabkan pintu pagar berkunci, mereka sudah keluar, mungkin berpindah, mungkin bercuti atau keadaan bencana seperti banjir. Itu sebabnya ada dua peratus yang tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, bilangan dua peratus pengguna itu masih menerima bil anggaran itu akan semakin berkurangan. Kita akan kurangkan supaya dapat merangkumkan hampir 100 peratus. Akan tetapi memang mustahillah 100 peratus kerana ekosistem pengguna itu begitu berbeza. Lagi satu adalah mewujudkan KPI kepada anggota kerja di mana meter elektrik perlu dibaca setiap bulan mengikut kiraan kalendar bulanan. Berdasarkan kepada keputusan KPI semasa, lebih daripada 90 peratus meter elektrik di premis pengguna dapat dibaca dalam masa 20 hari, 30 hari dan 31 hari mengikut kalendar bulanan.

Akhir sekali bagi meningkatkan lagi prestasi bacaan bulanan, TNB akan menyediakan jadual bacaan bulanan dan tahunan yang mengambil kira cuti am dan cuti khas tahunan supaya setiap bacaan bulanan dapat diaturkan dengan tersusun supaya dapat dibaca dengan sebaiknya mengikut kalendar bulanan.

Maka saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua terima kasih lagi sekali kerana elektrik merupakan satu yang begitu penting kepada kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

#### **8.04 mlm.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas semua pandangan dan soalan yang dikemukakan sepanjang perbahasan mengenai Bajet 2018.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sembilan Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya sebutkan nama-nama sebab selepas ini saya cuba bincangkan secara *summary* kepada apa yang telah diutarakan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiayah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira secara keseluruhannya minat dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa amat memberangsangkan sekali. Ternyata

terdapat perbezaan pendekatan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dengan apa yang dikemukakan oleh rakan-rakan saya di Dewan Rakyat.

Perkara yang saya simpulkan perbahasannya kepada tiga perkara yang besar. Pertama sekali berkaitan dengan adanya minat terhadap apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajetnya mengenai apa yang disebutkan sebagai kekayaan baru. Keduanya satu tajuk yang saya kira popular selama ini tetapi pendekatan yang diberikan agak berbeza iaitu mengenai sekuriti makanan kita. Ketiga, hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan di kalangan pengusaha, petani, penternak dan nelayan kita.

Kekayaan baru adalah merupakan satu perkara yang disebutkan secara spesifik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet di mana penekanan juga diberikan bahawa kementerian ini yang begini besar, yang selama ini hanya menekankan tentang soal-soal bagaimana untuk meningkatkan keluaran dari segi bahan-bahan makanan kita.

Akan tetapi kali ini cuba kita lihat perkara-perkara baru yang bukan sekadar untuk membantu petani dan pengusaha kita keluar daripada kepompong kemiskinan tetapi boleh dapat mencetuskan sesuatu yang benar-benar memberi kekayaan kepada mereka. Jadi antara lain yang pernah kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah seperti durian. Kita katakan durian adalah merupakan suatu produk negara yang patut kita banggakan. Ini kerana ia ada pasaran tertentu. Ia boleh kita kembangkan sebagai *champion product* ataupun juara produk kita yang boleh kita pasarkan keluar negara. Kalau negara lain ada anggurnya, ada *apple* nya, yang boleh kita banggakan ialah durian kita. Ini kerana sukar negara lain hendak membandingkan apa yang boleh kita keluarkan.

Satu perkara lagi sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili misalnya. Disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya ialah kita melihat aspek kulinari sebagai satu daripada bidang baru yang perlu diberikan perhatian oleh kementerian. Ini kerana kulinari adalah satu perkara yang biasa dan ia melibatkan penyediaan makanan, bagaimana ia disediakan dan bagaimana ia dihidangkan. Tiga aspek iaitu persiapan, membuatnya dan juga sehinggalah bagaimana ia dihidangkan.

Di mana ayam yang harganya RM8 sekilo boleh menjadi RM80 sekilo nilainya ialah kerana bagaimana ia dihidangkan, bagaimana ia disediakan, bagaimana ia di rempah ratuskan dan sebagainya.

Jadi ini adalah satu perkara baru yang perlu kita kembangkan yang selama ini bidang ini belum ada tuan dia, belum ada kementerian. Ada kadangkala Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan membuat acara-acara yang tertentu tetapi sekarang kita sudah jadikan ini sebagai salah satu daripada apa yang disebutkan, dengan izin, *core business* bagi kementerian ini supaya melihat aspek kulinari ini adalah satu aspek yang penting. Pihak kementerian telah mengadakan pelbagai mesyuarat asas bagaimana untuk menentukan apakah skop bagi kita mengembangkan aspek kulinari ini? Apakah makanan keseluruhannya ataupun hendak tumpu makanan Malaysia?

#### ■2010

Makanan Malaysia, apakah kita hendak mengaitkan semua masakan Melayu, Cina, India dan sebagainya ataupun hendak memberikan penekanan kepada masakan tradisional Melayu dan sebagainya. Jadi ini semua perkara yang telah kita bincangkan dan kita akan putuskan apa yang perlu

dikembangkan. Kita juga ingin melihat satu masa nanti akan lebih banyak lagi kita dapat melahirkan restoran-restoran yang dapat menyajikan makanan Malaysia di peringkat *fine dining*, dengan izin, yang boleh kita banggakan bukan sahaja dalam negara kita tetapi boleh kita kembangkan di mana-mana tempat dalam dunia ini.

Kita tahu negara seperti Thailand misalnya, restoran tomyamnya ada di mana-mana termasuk di Eropah yang pada satu ketika dahulu Eropah ialah negara orang tidak makan pedas tetapi bila mereka perkenalkan juga dan ada pengikutnya, dan ini adalah merupakan sebahagian daripada *branding* bagi negara Thailand itu sendiri. Jadi sebab itu- daripada aspek ini, pihak kementerian akan memberikan penekanan dalam bajet dan dalam pelaksanaan bajet yang akan datang.

Oleh sebab itu apabila saya sebutkan durian dan sebagainya, mungkin saya hendak respons sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang bertanya kenapa sukar untuk bawa durian ke, anak pokok Musang King ke Sarawak. Jawapannya tidak ada masalah bagi pihak kami di Semenanjung. Mungkin masalahnya ialah kerana di sebelah Sarawak ataupun Sabah, ianya adalah peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Jabatan Pertanian mereka iaitu semuanya melalui proses yang tersendiri. Mereka perlukan mengeluarkan permit import di sana dan pihak kementerian ataupun Jabatan Pertanian di Semenanjung bersedia untuk membantu bagi memenuhi apa jua syarat-syarat yang ditentukan oleh rakan-rakan di sana.

Jadi sebab itu kalau untuk makluman Yang Berhormat, untuk buat masa sekarang ini sebenarnya sudah lebih daripada 12,000 anak pokok Musang King dah sampai ke Sarawak. Jadi kita rasakan bahawa *glory* Musang King ini bukan sahaja dikaitkan dengan mereka yang berada di Semenanjung, di Pahang sahaja dan sebagainya, Sarawak banyak tanah terutama sekali tanah tinggi dan sebagainya, begitu juga di Sabah, kita dapat menghasilkan lebih banyak durian-durian yang mempunyai potensi pasaran yang besar seperti Musang King.

Tuan Yang di-Pertua, berapa apa yang disebutkan lagi yang berkaitan dengan kekayaan, saya sebutkan tentang sekuriti makanan. Terdapat pendekatan yang cukup menarik yang dikemukakan oleh beberapa rakan-rakan kita di sini misalnya tentang apa yang Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok misalnya, dia melihat pendekatan bahawa sekuriti makanan ini bukan sekadar berapa banyak kita dapat keluarkan makanan dalam negara kita.

Selalunya kita mengukur kalau beras kita berapa tahap pencapaian sara dirinya, kita kata beras kita keluar 72 peratus, ikan kita 92 peratus, ayam kita 105 peratus yang terbaik, telur ayam pun banyak, daging kita kurang dan sebagainya. Akan tetapi satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang cukup menarik, salah satu daripada aspek dalam sekuriti makanan ini ialah bagaimana kita dapat mengurangkan soal pembaziran di dalam penggunaan makanan kita setiap hari. Ini adalah satu aspek yang cukup menarik.

Menurut kajian yang dibuat, di sini di bawah kementerian kami, pihak MARDI kita tugaskan untuk melaksanakan kajian dan memikirkan bagaimana untuk melaksanakan kempen bagi mengurangkan pembaziran di bawah program *MY Save Food*. Ini mesti dikempenkan banyak kerana menurut kajian yang dibuat, jumlah makanan yang dibazirkan, yang dibuang, yang dihantar daripada restoran, rumah, makan dan sebagainya ialah sebanyak 3,000 metrik tan satu hari seluruh negara. Orang susah hendak bayangkan apa maksud 3,000 metrik tan satu hari. Saya kata beras yang kita

import, total import kita ialah 700,000 metrik tan setahun, ertinya kalau sebulan 700,000 metrik tan, sebulan ini ialah kira-kira 58,000 metrik tan. Kalau kita bahagi dengan 30 hari sebulan, setiap hari ialah kira-kira kita perlukan 2,000 metrik tan tetapi kita bazirkan 3,000 metrik tan. Bayangkan.

Yang kita import, terpaksa import itu dengan jumlah yang kita bazirkan lebih banyak. Ertinya kalau kita tidak bazirkan, kalau beras ya walaupun yang dikatakan dibazirkan bukan beras sahaja, termasuk gandum, termasuk ayam, termasuk makanan yang tidak habis ini, yang kita bazirkan 3,000 metrik tan. Ertinya kalau kita dapat mengubah cara hidup kita, saya percaya bahawa jumlah beras yang perlu diimport atau makanan-makanan lain yang perlu diimport akan dapat dikurangkan. Jadi sebab itu kalau kita katakan aspek *food security* ataupun jaminan sekuriti makanan ini bukan sekadar berapa banyak yang kita boleh keluarkan tetapi berapa banyak yang boleh kita kurangkan dari segi pembazirannya dan memerlukan satu kesedaran yang meluas.

Banyak negara-negara ada peraturannya tentang bayaran kalau orang beratur untuk makan bufet misalnya. Bagaimana kempen orang tolong ambil makanan yang tidak habis waktu bazar Ramadhan misalnya di pasar tani dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu pendidikan yang luas supaya orang menyediakan makanan kira-kira apa yang diperlukan, bukan apa yang perlu dijual pada waktu tersebut. Jadi ini juga satu aspek yang perlu dilihat dan saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana perkara ini ditimbulkan dalam Dewan Negara tetapi tak ditimbulkan di Dewan yang lain. Jadi perkara ini adalah merupakan satu perjuangan yang besar yang perlu kita tekankan.

Ini termasuk juga salah satu daripada perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat ialah tentang soal berapa banyakkah misalnya padi yang kita tuai itu hilang selepas tuaian, dia kata *post-harvest loses*, dengan izin. Ertinya lepas tuai itu dia banyak ini tetapi hilang. Sekarang ini terdapat kira-kira 28 *percent* daripada padi itu hilang kerana dalam proses penuaian tersebut.

Ini memerlukan satu pendekatan kajian bagaimana untuk mengurangkan. Pihak MARDI sudah membina satu SOP tetapi belum diperkenalkan secara meluas kerana memerlukan pendidikan. Kita dapat mengurangkan kepada cuma 8 *percent*. Ini termasuk bagaimana kita membuat kolaborasi kembali mesin-mesin penuaian kita kerana kalau sepatutnya satu bendang itu satu hektar sepatutnya mengeluarkan enam tan, tiba-tiba menjadi lima tan kerana 20 *percent* di situ hilang waktu proses tersebut. Jadi kalau ia tidak hilang, ianya akan memberi pendapatan tambahan bukan sahaja kepada petani tetapi ia akan meningkatkan lagi tahap sekuriti makanan kita ataupun tahap sara hidup kita, *self-sufficiency level*, sara diri makanan kita.

Ertinya sekarang ini kita dok kata 72 *percent* kerana jumlah padi yang kita hasilkan ialah dua juta metrik tan setahun tetapi sebenarnya kalau kita tambah 20 peratus lagi daripada apa yang hilang itu, ertinya sudah tentu lebih daripada 200, dia boleh tambah 400,000 metrik tan lagi. Sekarang kita import 700,000 ertinya tidak perlu import 700,000 mungkin hanya perlu import 300,000 atau 400,000 tapi hilang dalam perjalanan tersebut. Jadi ini antara perkara yang kita kirakan menjadi suatu daripada tanggungjawab yang perlu dipertingkatkan lagi melalui bajet ini untuk melihat semua aspek dalam mengurangkan apa yang disebutkan *post-harvest loses* tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Datuk Paul Igai juga menyebut tentang soal kesesuaian tanah dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya bagi mereka yang ingin mengusahakan tanah, boleh rujuk kepada Jabatan Pertanian. Di kementerian kita ada sistem peta tanah kita, *land mapping* kita,

tanah ini tanah gambut, tanah bris, tanah yang sesuai apa tanaman dan sebagainya. Yang ini boleh kita bantu untuk mereka yang berminat.

#### ■2020

Satu perkara yang saya kira menarik dalam apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat ialah satu aspek dalam sekuriti makanan kita hanya bukan dilihat daripada aspek sekuriti karbohidrat beras kita. Akan tetapi sekuriti daripada segi protein kita dan salah satu daripada sumber protein yang besar ialah ikan kita. Kita sepatutnya sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh laut, kita patut cukup ikan kalau dibandingkan dengan negara yang lautnya sedikit. Oleh sebab itu ada banyak negara yang cemburu dengan negara kita kerana kita dikelilingi oleh laut misalnya Thailand, penduduknya lebih ramai tetapi lautnya hanya sedikit, Andaman dan sebahagiannya adalah di *Gulf of Siam* atau Teluk Siam.

Perkiraan yang dibuat oleh FAO dan sebagainya dapat mengukur dengan keluasan laut begini, ikannya sepatutnya banyak ini. Rakyatnya berapa ramai yang makan dan mereka mengawasi mengatakan bahawa bagaimana mereka dapat ikan yang mendarat di pelabuhan-pelabuhan mereka lebih daripada jumlah laut mereka. Oleh sebab itu ini menjadi suatu perkara yang menjadi tanda tanya dan inilah yang saya kira yang dikemukakan oleh dua senator kita iaitu Yang Berhormat Senator Puan Azizah dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya Mat Ghani yang mengatakan bahawa ada banyak ikan yang mendarat di negara berkenaan datangnya dari kita kerana kita mempunyai keluasan laut yang lebih luas kalau berbanding dengan tempat lain.

Saya cukup setuju bahawa pandangan yang memerlukan satu pendekatan yang lebih radikal di kalangan satunya, dasar daripada pihak kementerian untuk melihat bagaimana kita menguruskan laut kita, maritim kita supaya tidak ada orang yang mencuri ikan kita, supaya lesen yang kita berikan tidak dijadikan lesen untuk membolehkan orang merompak hasil kita. Ini kerana kita tahu kalau kita ada minyak di laut, ada sistem bagaimana kita hendak tahu kalau *Shell* pergi, berapa tong dia dapat keluarkan dan berapa banyak royalti yang kita boleh kenakan, berapa banyak cukai yang boleh kita kenakan. Berapa banyak dividen yang mereka kena bayar pada kita. Akan tetapi ikan, orang pergi tangkap, dia mendarat di mana dan sebagainya adalah satu perkara yang lebih sukar untuk buat demikian dan berapa royalti yang kerajaan dapat.

Dasar sebelum ini hanya kita lihat pergilah tangkap, kalau boleh mendarat di sini dan tidak ada sistem bagaimana untuk kita mengukur berapa banyak kah pendapatan yang diperolehi oleh negara. Oleh sebab itu apabila Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya menimbulkan perkara ini, ianya adalah merupakan satu perkara yang cukup penting yang saya beritahu pada rakan-rakan di kementerian saya. Ada banyak perkara yang perlu kita memulakan satu pemikiran yang penting dan lebih besar termasuk meminda akta-akta yang ada yang berkaitan dengan Akta Perikanan ini.

Macam mana misalnya orang yang mendapat lesen tetapi dia tidak benar-benar mengerjakannya. Dia kemungkinan hanya menyewakan lesen tersebut. Kalau ianya berlaku, seolah-olahnya kerajaan kita mengiakan untuk mewujudkan apa yang disebutkan *class rent seekers*, orang yang menyewa kedudukan dia. *Rent seekers*, *rentier class* dan sebagainya dan ini adalah merupakan suatu yang tidak baik.

Sebelum ini, belum ada satu dasar yang jelas tentang perkara ini dan kita perlu pinda akta ini dan sebenarnya kita akan memantau, bukan memantau, telah memantau perkara ini dan sentiasa di bawah saya sendiri, saya katakan kita akan memastikan bahawa mereka yang diberi lesen ialah orang yang mengusahakannya sendiri bukannya untuk sewa.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga akan melihat lagi tentang aspek-aspek lain misalnya di bawah Jabatan Pertanian, ini disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Kita sentiasa memantau misalnya salah satu daripada syarat untuk memberi lesen tersebut ialah setiap *vessel* yang datang mesti mengisytiharkan berapakah jumlah pendaratan dan dia mesti ada minimumnya. Kalau tidak, lesennya akan ditarik balik.

Misalnya pukut jerut, walau macam mana pun dia kena turunkan 350 metrik tan. Pukat tunda, 250 metrik tan. Rawai, 150 metrik tan. Dia turun, ada orang yang *check*. Di Tok Bali, di Tumpat dan sebagainya tempat-tempat pendaratan, kita letakkan kamera di situ. Kemudiannya saya sendiri dah bertemu dengan Menteri Pertanian negara jiran Thailand, saya kata bantu kami untuk tidak membenarkan pendaratan ikan yang Malaysia turun di sana dan di peringkat yang lebih tinggi lagi di negara jiran kita itu telah mendapat amaran ataupun dipanggil kad kuning daripada Kesatuan Eropah misalnya mengatakan bahawa terdapat kemungkinan disebut *illegal, unreported and unregulated (IUU) fishing* yang tidak dilaporkan dengan betul sebab dalam bidang perikanan ini ialah industri yang paling dipanggil dengan istilah *highly regulated*. Semua kena laporkan. Kurang lapor, dia beri kad kuning. Bila kad kuning, dia kata semua produk ikan kamu, kami tak nak import.

Jadi sekarang ini Thailand sudah kena, Vietnam juga sudah kena dan akhirnya kebimbangan mereka itu, mereka terpaksa yang tidak mendarat di negara kita sudah mula mendarat di negara kita dan kita sudah melihat sekarang ini trend begitu bagus. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, tahun 2014 jumlah ikan yang mendarat kata di Tok Bali sahaja sebab Tok Bali ini paling hampir dengan negara jiran. Kita buat Tok Bali mahal-mahal, dulu tidak berapa nak mendarat. Akan tetapi bila ada tindakan yang begini, tahun 2014 jumlah ikan yang mendarat di sana ialah kira-kira 62,000 metrik tan. Tahun 2015, naik 146,000 metrik tan. Tahun 2016, naik 219,000 metrik tan.

Maknanya dengan tindakan ini, akhirnya turun di Tok Bali, tiga tahun daripada 60 ribu jadi 218 ribu, empat kali ganda meningkat sekarang ini kerana satu, tindakan kita letak kamera. Kita pastikan dia turun banyak-banyak ini, kita berunding dengan negara jiran. *EU*, Kesatuan Eropah memberi amaran kita tidak beli ikan daripada kamu.

Dia ada- kalau di sebelah Selatan Thailand itu, ikan banyak. Misal nak proses tongkol ataupun tuna dia orang itu, hendak hantar kepada kilang-kilang syarikat-syarikat yang menempah untuk tujuan nak buat sandwich tuna misalnya, dia tanya daripada mana ikan ini. Mana *certificate of landing* dia. Kalau tidak ada, dia tidak akan beli dan akhirnya dia tidak mahu tutup kilang-kilang dia, dia merayu supaya Malaysia turun di Malaysia dan pergi ke tempat lain.

Itu pun kita kena perhatikan supaya ikan yang turun Malaysia sepatutnya memberi keutamaan jual dalam negara kita dulu. Boleh, kita tidak menghalang eksport tetapi ada banyak unsur-unsur subsidi di sini yang diberikan oleh kerajaan. Misalnya setiap tangkapan, 10 sen kita bagi, satu kilo, kita beri 10 sen. Kita tidak rela kalau kita dah bagi subsidi, ikan ini digunakan untuk rakyat lain. Mestilah dikembalikan. Jadi ini antara polisi ataupun dasar yang perlu kita tengok balik.

Saya setuju bila disebutkan oleh Yang Berhormat tentang perkara ini, kita akan memberikan perhatian supaya kita akan dapat memperbaiki dalam industri ikan ini dan saya juga setuju beberapa pandangan bagaimana untuk memudahkan pengusaha-pengusaha tentang hendak dapatkan bot dan sebagainya dan saya bersedia di pihak kementerian untuk berunding dan berbincang perkara-perkara yang berkaitan dengan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi juga bahawa dalam ikan ini, jumlah tangkapan kita dalam keseluruhan ikan kita yang ditangkap di laut ialah sebanyak 1.57 juta metrik tan di mana laut dalam hanya 379,000 tetapi yang pantai ini banyak iaitu kira-kira 1.195 juta metrik tan dan satu aspek yang perlu kita beri perhatian ialah pembangunan bahagian akuakultur. Ini juga penting kerana kita mengharapkan satu masa nanti ia sama banyak.

#### ■2030

Ikan yang ditangkap di laut dengan ikan yang kita hasilkan melalui pembangunan akuakultur ini sama banyak. Ini antara dasarnya. Sekarang ini hanya kira-kira 1/3 datang pada akuakultur. Ia akan mengubah, misalnya sekarang ini orang bimbang kerana ikan kembung naik, sampai RM18, RM20. Orang tanya kementerian kenapa tidak hasilkan, tangkap banyak-banyak ikan kembung. Saya beritahu ikan kembung bukan boleh kita bela, bukan kita boleh tentukan dia datang atau tidak. Ikan kembung naik, tetapi sekarang ini, dulu orang anggap ikan kembung sebagai ikan yang menjadi *benchmark* untuk mengingatkan orang bahawa ini ikan yang sepatutnya paling murah. Kalau ikan yang paling murah pun sudah RM20, apa rakyat hendak makan?

Akan tetapi melalui akuakultur, kita sudah bercakap sudah bahawa dulu orang anggap ikan yang mahal, ikan siakap. Ikan siakap sepatutnya lebih mahal daripada ikan kembung tetapi ikan siakap sekarang boleh dapat RM12, RM15, lebih murah daripada ikan kembung. Macam dulu orang kata orang kaya makan ayam. Sekarang ini ayam lebih murah daripada ikan sebab melalui teknologi- dulu ayam kampung 120 hari kena bagi makan hari-hari sebab itu dia jadi mahal. Sekarang sudah ada *broiler*, 35 hari cukup, makan dia tidak perlu banyak, dia cukup besar dan dia jadi murah. Jadi melalui akuakultur diharapkan lebih murah. Ada cabaran-cabarannya.

Oleh sebab itu, kalau kita kata makan *western* di hotel misalnya Tuan Yang di-Pertua, kalau orang tanya, "*Hendak chicken, nak beef ataupun nak ikan?*". Orang tidak *serve* ikan itu ikan kembung. Orang *serve* atau orang hidangkan ikan kerapu, ikan *seabass* ataupun *seabass* itu ertinya siakaplah. Akan tetapi siakap sekarang ini sebenarnya lebih murah daripada kembung kerana pembangunan akuakultur. Siakap boleh kita pelihara di muara sungai, dekat dengan laut dan sebagainya. Jadi ini juga antara perkara yang disebutkan dalam bajet ini yang perlu kita kembangkan, akhirnya akan mengubah.

Dulu orang kata, "*Saya tidak mampu kerana ikan bilis saja saya boleh makan*", tetapi sekarang ini ikan bilis mahal. Tidak lama mungkin ikan kembung yang mahal. Akan tetapi kita kena cari jalan misalnya dari segi pemasaran dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat, bagaimana mengelakkan orang tengah, bagaimana untuk waktu ikan yang banyak ditangkap, kita perlu ada cara kaedah segar beku, bukan sejuk beku, Q'Fish dan sebagainya, supaya orang hendak buat laksa, hendak buat apa sebagainya, ada bekalan yang cukup. Waktu banyak kita tangkap, kita simpan dan waktu yang diperlukan, kita boleh lepaskannya untuk keperluan orang ramai.



Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang saya boleh kongsi lagi di sini ialah isu-isu yang berkaitan dengan disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah misalnya, tentang insurans dan sebagainya. Ini masih lagi peringkat kita membangunkan insurans pertanian ini, tentang sumbangan BERNAS. BERNAS ada memberi sumbangan sebanyak RM10 juta sebagai *One-Off* baru-baru ini untuk kegunaan tabung tuaian di luar jangka. Kalau berlaku, misalnya berlaku hawar daun baru-baru ini, kita perlu memberikan pampasan ataupun sagu hati kepada petani-petani yang gagal mendapatkan tuaian yang baik. Hendak bangunkan insurans, ada banyak perkara yang masih lagi diteliti kerana berapakah premium yang dikatakan mampu, sama ada dibayar oleh kerajaan ataupun di kalangan pesawah itu sendiri, ia mestilah memenuhi apa syarat-syarat yang ditentukan oleh Bank Negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan tentang beberapa perkara yang ditimbulkan, peruntukan RM50 juta kepada FAMA. Saya sebutkan RM50 juta kepada FAMA ini, saya tidak boleh mengatakan dia menyelesaikan seluruh perkara yang berkaitan dengan kos sara hidup. Akan tetapi pentingnya melalui RM50 juta ini, kita akan membangunkan stok bekalan makanan yang paling penting sekali seperti sayur, barang kawalan, ayam standard, telur ayam, ikan, yang bersedia kita lepaskan terutama sekali di tempat-tempat yang dirasakan perlu kita pastikan tidak ada kenaikan mendadak di tempat tersebut. Menjadi sesuatu yang diharapkan boleh mengingatkan, kalau orang yang cuba mengambil kesempatan dari segi kenaikan harga barang dan sebagainya, FAMA akan membantu untuk mengimbangkan perkara tersebut.

Lain-lain saya rasa perlu disebutkan juga dari segi kebajikan petani, kita setuju banyak lagi kemudahan-kemudahan seperti perparitan, saliran dan sebagainya yang perlukan di selenggara. Kita tahu bahawa kos keseluruhan yang dianggarkan untuk penyelenggaraan, kita memerlukan RM200 juta. Akan tetapi tahun lepas, kita ada RM20 juta. Ia seperti mungkin mampu dibuat di sini tetapi tidak mampu dibuat di sana. Tahun ini kita dapat tambahan sedikit RM30 juta. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat memahami perkara ini, teruslah bersuara dan saya akan terus bersuara bersama dengan Yang Berhormat, perlukan lagi bantuan untuk penyelenggaraan infrastruktur pertanian yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih banyak di atas semua soalan, semua pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tahniah di atas kebernasan yang disampaikan pada kami. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan kita lihat perkembangan kita punya kementerian ini. Kita nampak kemajuannya tadi dan dia pandai sangat berbudi kepada bumi tadi. Saya nampak juga di mana dia punya durian belanda dan khususnya Musang King, dia sudah semakin menjadi-jadi. Di sini bak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dialah orang yang membawa Musang King ke negara China. Syabas dan tahniah ya. Jadi itulah kita terus berbudi kepada bumi dan saya ucap tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat melonjakkan kita punya hasil dan kita punya kewangan. Terima kasih Yang Berhormat dan tahniah sekali lagi ya.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**8.37 mlm.****Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan banyak terima kasihlah kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sepanjang perbahasan Bajet 2018 di Dewan Negara ini.

Izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan tersebut. Sebelum saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua, adakah kita masih menggunakan tadi dicadangkan Ahli Yang Berhormat yang tidak berada dalam Dewan ini, kita jawab secara bertulis atau saya jawab semua? Kalau saya jawab semua, sebab jawapan sudah disediakan adalah elok, tidak ada pencelahan, saya boleh *read*, cepatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mana yang senang.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mana yang senang.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey. Pertamanya adalah mengenai isu masyarakat Orang Asli yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Yang Berhormat Senator bertanyakan mengapakah JAKOA iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli belum lagi menambah nilai wang saku di bawah skim galakan kehadiran sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa kini, nilai wang saku di bawah skim galakan kehadiran sekolah berjumlah RM2 bagi setiap pelajar adalah mencukupi untuk perbelanjaan waktu rehat pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, pada tahun 2017, JAKOA telah memperuntukkan sejumlah RM4.4 juta bagi melaksanakan insentif tersebut yang melibatkan seramai 10,000 pelajar sekolah menengah sahaja. Walau bagaimanapun, JAKOA akan membuat penilaian bagi cadangan Yang Berhormat Senator tersebut.

**▪ 2040**

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan berapakah peruntukan bantuan elaun makan IPTS yang disalurkan pada tahun 2017 kepada pelajar Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 30 November 2017 ini, kementerian melalui JAKOA telah membelanjakan sejumlah RM80,100 bagi tujuan pembayaran elaun makan kepada seramai 89 orang pelajar Orang Asli di institut-institut pengajian tinggi swasta (IPTS). Kadar bantuan yang ditetapkan adalah di antara RM150 sebulan atau RM900 untuk satu semester. Seterusnya, Yang Berhormat Senator bertanyakan adakah JAKOA...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi cadangan Yang Berhormat hendak menjawab bertulis bagi Ahli-ahli yang tidak hadir.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul. Teruskan. Ahli yang tidak hadir itu, jawab secara bertulislah. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, seterusnya Yang Berhormat Senator bertanyakan adakah JAKOA dapat menyediakan peruntukan komputer kepada pelajar Orang Asli di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dasar sedia ada JAKOA adalah untuk memberi bantuan komputer riba kepada pelajar Orang Asli di IPGM yang hanya melibatkan pelajar di tahun tiga sahaja iaitu selepas pelajar-pelajar berkenaan melepasi tahap pengajian persediaan ijazah pada tahun satu dan tahun dua. JAKOA juga turut memantau prestasi pelajar-pelajar berkenaan bagi pihak pentadbiran IPGM yang berkaitan, termasuk dari aspek kemudahan pembelajaran. Pihak IPGM juga...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon mencelah?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon supaya pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dapat memohon bajet tambahan kepada kerajaan dan juga Kementerian Kewangan supaya elaun wang saku RM2 ini tidak lagi praktikal pada masa kini. Kalau dengan kos RM2 yang ada dengan bajet di JAKOA ini, maka masalah ini tidak akan selesai. Dengan kos makan, nasi ayam pun RM3.50, tidak termasuk air, maka saya rasa nilai RM2 ini perlu ditambah kepada nilai RM5. Begitu juga dengan bantuan catuan makanan bagi sekolah pedalaman. Daripada RM2 ini kita cadangkan kepada RM5. Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah cadangan. Jadi, buat masa sekarang kita terima cadangan itu dengan terbuka dan juga bersama-samalah akan kita mengambil perhatian Kementerian Kewangan dan sebagainya untuk dipertimbangkan.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, sehingga 30 November 2017 ini, JAKOA merekodkan terdapat seramai 136 orang pelajar Orang Asli sedang menuntut di IPGM di seluruh negara. Yang Berhormat Senator juga bertanyakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan di bawah JAKOA bagi tahun 2017 yang telah dibelanjakan dan projek sambungan pada tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2017, JAKOA telah diperuntukkan sejumlah RM115.9 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Sehingga 30 November 2017 ini, sejumlah RM87.6 juta telah dibelanjakan iaitu merupakan 87.7 peratus telah dibelanjakan, manakala terdapat lapan projek sambungan pada tahun 2018 yang berjumlah RM81.5 juta.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator bertanya mengenai pelan perancangan JAKOA dalam agihan projek 2018 dengan peruntukan pembangunan bersepadu berjumlah RM60 juta seperti yang telah diumumkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelan perancangan agihan projek 2018 adalah tertumpu kepada projek-projek komited yang sedang dilaksanakan, terutamanya di bawah program pembangunan bersepadu yang berjumlah RM60 juta seperti yang telah diumumkan.

Selain daripada itu, penumpuan juga turut diberikan kepada melaksanakan projek-projek ekonomi berdaya maju dan pemerikasaan usahawan Orang Asli. Seterusnya, Yang Berhormat Senator bertanyakan berapakah pula jumlah geran pembangunan usahawan yang diagihkan pada tahun 2017 dan jumlah pewujudan usahawan baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan usahawan Orang Asli pada tahun 2017. Sehingga 30 November 2017 ini, seramai 144 orang usahawan Orang Asli telah dilahirkan daripada 600 orang usahawan Orang Asli yang disasarkan sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas melalui pelbagai program usahawan yang akan dilaksanakan oleh JAKOA bersama-sama dengan agensi-agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang lain.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga bertanyakan berapakah pula dana atau geran pembangunan koperasi yang telah diagihkan kepada Koperasi Orang Asli pada tahun 2017. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, daripada peruntukan keseluruhan RM2 juta yang diterima di bawah Program Pembangunan Usahawan pada tahun 2017, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan untuk geran pembangunan koperasi. Sejumlah empat permohonan telah diterima daripada Koperasi Orang Asli.

Namun begitu, kesemua permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak memenuhi kriteria dan garis panduan pemberian geran koperasi yang telah ditetapkan oleh JAKOA. Seterusnya, Yang Berhormat Senator mencadangkan supaya JAKOA dan INFRA menyediakan latihan pengurusan ICT dalam meningkatkan sistem penyampaian di kalangan Tok Batin atau Penghulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JAKOA sememangnya memberikan latihan kepada Tok Batin dan Penghulu dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mereka. Namun, JAKOA akan bekerjasama dengan INFRA untuk mengkaji penambahbaikan program sedia ada untuk modul-modul yang lebih relevan, termasuk bidang ICT seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Seterusnya, perkara yang terakhir daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator menyarankan supaya KKLW bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyemak perjawatan di JAKOA.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JAKOA sedang menjalankan kajian dengan menyemak dan menyusun semula fungsi dan struktur organisasi bagi memperkasakan organisasi JAKOA dengan mengambil kira dasar semasa. Gred perjawatan yang rendah, terutamanya bagi Pegawai Kemajuan Orang Asli Daerah akan dikaji semula seiring dengan pertambahan bilangan kampung masyarakat Orang Asli dan skop tugas yang semakin luas. Sehubungan dengan itu, permohonan penyusunan dan pengukuhan semula struktur organisasi JAKOA akan dikemukakan kepada KKLW pada bulan Januari 2018 dan seterusnya dibawa kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim, tidak ada dalam Dewan. Okey, saya akan sampaikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, ada?... Okey.

#### ■2050

Yang Berhormat pula ingin mendapatkan penjelasan mengenai peruntukan projek jalan luar bandar dan peruntukan penyelenggaraan jalan di negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, peruntukan keseluruhan bagi program jalan luar bandar di negeri Kelantan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, *Rolling Plan*

Ketiga tahun 2018, adalah sebanyak RM72.35 juta yang melibatkan 16 projek. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.35 juta adalah untuk kerja-kerja awalan projek baru jalan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek-projek jalan luar bandar yang telah disiapkan akan diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan seterusnya didaftarkan di bawah MARRIS iaitu Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia untuk tujuan penyelenggaraan dan bukan lagi di bawah tanggungjawab kementerian.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga membangkitkan mengenai MARA. Yang Berhormat Senator bertanya mengenai jumlah dan prestasi anak syarikat dan pelaburan MARA sehingga November 2017 ini. Yang Berhormat Senator juga bertanya mengenai nilai aset luar negara dan keuntungan operasi yang dijana oleh anak-anak syarikat MARA serta liabiliti hutang dan tanggungan jaminan MARA ke atas semua anak syarikat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 30 November 2017 ini, MARA mempunyai 21 anak syarikat yang terdiri daripada 17 syarikat aktif dan empat syarikat *dormant* dengan kos pelaburan berjumlah RM795.2 juta. Manakala keuntungan sebelum cukai berakhir 31 Disember 2016 bagi 17 syarikat aktif tersebut adalah sebanyak RM55.1 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, MARA mempunyai sebuah anak syarikat yang memiliki aset luar negara. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit kumpulan berakhir 31 Disember 2016 bagi syarikat tersebut, nilai aset luar negara adalah berjumlah RM369.64 juta dan keuntungan operasi yang dijana adalah sebanyak RM10.25 juta. MARA tidak mempunyai sebarang liabiliti hutang dan tanggungan jaminan ke atas semua anak syarikatnya.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. Ada?... Ada ya. Okey. Yang Berhormat menyarankan supaya kuota pengambilan pelajar ke MRSM dari kumpulan B40 dinaikkan sehingga 75 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MARA tidak menetapkan sebarang kuota untuk calon daripada keluarga B40 di dalam pengambilan pelajar MRSM di seluruh negara. Walau bagaimanapun, MARA sentiasa mengutamakan pelajar-pelajar cemerlang daripada keluarga B40 di bandar dan di luar bandar untuk mendapat pendidikan menengah terbaik di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Usaha untuk meningkatkan bilangan calon daripada keluarga B40 mendapatkan pendidikan dan latihan berkualiti di MRSM adalah seperti berikut.

Pertama, menaikkan markah pemberat atau *weightage*, yang lebih tinggi dalam pengakhiran merit berdasarkan status sosioekonomi bagi pelajar dari keluarga B40 untuk meningkatkan lagi peluang bagi mendapatkan tawaran ke MRSM.

Syarat kemasukan ke MRSM juga dilonggarkan untuk pelajar di Semenanjung iaitu 3A, 3B, manakala pelajar di Sabah dan di Sarawak ialah 3A, 2B dan 1C tetapi mendapat A bagi subjek Sains dan Matematik.

Seterusnya, program *outreach* yang memberi peluang dan bantuan kepada pelajar di luar bandar dan di kawasan pedalaman membuat permohonan kemasukan ke MRSM. Antara pendekatan program *outreach* yang telah dilaksanakan adalah sebelum keputusan UPSR tahun 2017 diumumkan, setiap MRSM akan mengadakan program *outreach* dengan sekurang-kurangnya lima buah sekolah

harian berdekatan bagi mengenal pasti calon-calon dari kumpulan B40 yang layak dan berminat untuk melanjutkan pelajaran ke MRSM. Calon daripada keluarga B40 yang memenuhi syarat kemasukan akan ditawarkan ke MRSM.

Kerjasama juga turut diadakan dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), pejabat daerah dan majlis agama Islam negeri bagi mengenal pasti anak-anak Orang Asli dan asnaf yang berkelayakan ke MRSM.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Mohon mencelah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak buat sedikit pencerahan dan penjelasan tentang maksud perbahasan saya yang lalu iaitu berkenaan kuota B40 supaya dapat naik taraf pendapatan dan kelas kehidupan dia ke M40.

Jadi saya minta tadi yang pertama, saya minta kuota pelajar cemerlang B40 yang hendak masuk MRSM ditingkatkan kepada 75 peratus. Cuma, hari ini baru saya dapat faham yang MARA tidak ada kuota *percentage* untuk anak-anak B40. Kalau boleh, harapan saya, saya harap MRSM ini dia ada kuota. Sekurang-kurangnya- sebab kadang-kadang kita dengar kompelin daripada masyarakat, dekat MRSM itu yang datang ambil anak itu semua kereta yang besar-besar saja. Jadi kalau kita ada kuota, kita boleh tahu anak-anak B40 ini 50 *percent*, yang lagi 50 *percent* itu mungkin M40 dan sebagainya.

Yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu B40- saya hendak beri pencerahan sebab ada sedikit masalah *viral* oleh media. Ayatnya tentang saya menggesa kerajaan memperuntukkan hanya sekurang-kurangnya satu orang daripada anak-anak B40 dapat peluang kerja di sektor awam, badan berkanun dan GLC. Bukan hadkan satu keluarga satu kerja. Kalau kita bagi kuota khusus pengambilan kekosongan kerja tahunan pada golongan B40, maka banyak masalah B40 ataupun keluarga miskin kita selesaikan. Mungkin anak-anak mereka boleh buat pinjaman rumah dan menjamin anak mereka mendapat biasiswa.

Ini kerana kita kadang-kadang sebagai Yang Berhormat, kadang-kadang golongan B40 ini dia datang rumah minta sokongan minta kerja, minta tolong jadi penjamin, bagi tahu hendak beli rumah tidak ada slip gaji. Jadi kalau anak B40 dapat kerja di sektor awam, badan berkanun dan GLC, maka kerajaan sudah bantu banyak mereka ini.

Saya kena bagi penjelasan sebab pagi tadi saya tidak ada semasa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina menggulung. Jadi saya harap pihak media yang tersilap ambil kenyataan saya itu boleh ambil balik ayat di mana saya menggesa kerajaan memperuntukkan hanya sekurang-kurangnya satu orang dari anak-anak B40 dapat peluang kerja di sektor awam, badan berkanun dan GLC. Bukan hadkan satu keluarga satu kerja.

Dan kepada Yang Berhormat Menteri KKLW, terima kasih atas penerangan. Cuma, harapan sayalah, kalau boleh golongan B40 ini kita bagi peluang lebih banyak sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebenarnya cadangan itu baik dan sebenarnya kita buat masa sekarang sudah juga mencapai lebih 75 peratus. Sebenarnya jumlah B40 dan M40, golongan ini, di MRSM sekarang ialah di peringkat 79.25 peratus. Cadangan daripada Yang Berhormat itu 75

peratus. Kita sudah melebihi ya. Saranan dan cadangan ataupun syor-syor yang lain tadi, kita memang ambil perhatian dan terima kasih Yang Berhormat kerana membantu KKLW juga.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook membangkitkan mengenai keperluan pengesahan daripada beliau apabila masyarakat Siam memohon bantuan MARA. Yang Berhormat juga bertanya mengenai tindakan yang dilakukan oleh MARA bagi memastikan masyarakat Siam mendapat kemudahan pinjaman MARA seperti masyarakat Bumiputera lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MARA tidak menetapkan pengesahan daripada Yang Berhormat Senator sebagai syarat untuk permohonan pinjaman pelajaran MARA. Pengesahan permohonan sebagai bumiputera termasuk bagi masyarakat Siam adalah tertakluk kepada pengesahan berdasarkan siasatan oleh pegawai di Pejabat MARA Negeri atau Pejabat MARA Daerah.

■2100

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** [*Bangun*].

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sila.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma ada sedikit perkara yang perlu Yang Berhormat Menteri dan juga pihak MARA semak. Saya dimaklumkan proses untuk mendapatkan borang permohonan biasiswa itu dikendalikan oleh universiti di bawah MARA macam UniKL dan kes yang terbaru ialah di UniKL *Malaysian Institute of Aviation Technology* (MIAT). Jadi di universiti tersebut mereka yang memohon dan meminta pelajar mendapatkan pengesahan Senator, sedangkan dalam sijil itu sudah ada dinyatakan keturunannya. Jadi kalau pihak MARA boleh selaraskan dengan semua universiti di bawah MARA, perkara ini boleh diselesaikan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, kita ambil nota apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi supaya perkara ini kita perhalusi dan kita selaraskan supaya dapat mempermudah lagi untuk pelajar-pelajar masyarakat Siam masuk ke IPTS/IPTA itu.

Tuan Yang di-Pertua, proses permohonan di ITMA iaitu institut pengajian MARA atau MIAT perlu disahkan sijil. Tiada syarat untuk memohon pengesahan daripada Yang Berhormat Senator, tidak ada syarat. Ini maklumat daripada kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, sememangnya masyarakat Siam juga layak untuk memohon segala kemudahan pinjaman pelajaran dan pinjaman perniagaan yang ditawarkan oleh MARA.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan juga bertanya mengenai langkah yang dilaksanakan oleh KKLW untuk memastikan JKKK dan JKKP melaksanakan KPI yang telah diberikan dan mencadangkan supaya diberikan imbuhan setimpal dengan JKKK dan JKKP yang telah melaksanakan KPI tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KKLW sentiasa memantau prestasi JKKK dan JKKP menerusi agensi dan jabatan di bawah KKLW serta turut mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan negeri. KKLW di dalam hal ini telah menetapkan lima Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada JKKK dan JKKP iaitu:

- (i) mengadakan mesyuarat bulanan 12 kali setahun;
- (ii) mengemaskinikan profil kampung;
- (iii) melaksanakan 39 aktiviti dalam masa setahun;

- (iv) menyediakan Pelan Tindakan Desa; dan
- (v) menghadiri kursus induksi.

Setiap JKKK dan JKPP dikehendaki mengadakan mesyuarat bulanan secara tetap dan laporan aktiviti yang dilaksanakan perlu dibentangkan di dalam mesyuarat dan dikemukakan kepada pihak berkuasa melantik dan KKLW untuk tujuan pemantauan prestasi.

Berkaitan dengan pengemaskinian profil kampung, setiap JKKK dan JKPP diwajibkan untuk menyediakan profil kampung berdasarkan borang manual Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN). Borang yang telah lengkap dikemukakan semula kepada wakil penggerak iaitu agensi-agensi di bawah KKLW bagi kampung yang berkenaan untuk didaftar dan seterusnya dikemas kini ke dalam sistem.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa mengiktiraf sumbangan dan peranan JKKK dan JKPP dalam pembangunan kampung termasuklah di dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan. Komitmen ini telah dizahirkan kerajaan melalui perwujudan elaun tetap sebanyak RM900 sebulan kepada pengerusi dan RM300 sebulan kepada Setiausaha JKKK dan JKPP. Bagi ahli JKKK dan JKPP pula, elaun RM50 bagi kehadiran mesyuarat turut disediakan sekali sebulan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim, tidak ada. Okey, kita bagi jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong, tidak ada. Secara bertulis kita bagi jawapan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutamanya masyarakat luar bandar dan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar yang telah dirancang selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar yang bertemakan "Membandarkan Luar Bandar". Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga sedang menggubal Dasar Pembangunan Luar Bandar- Transformasi Nasional 2050 (DPLB-TN50) yang akan menjadi panduan dalam pembangunan luar bandar sehingga tahun 2050 nanti.

Pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan input dan maklum balas daripada semua Ahli Yang Berhormat Senator dalam penggubalan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengucapkan ribuan terima kasih dan salam hormat kepada semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita mendapati bahawa terima kasih atas ucapan perbincangan tadi dan kita percaya kementerian ini akan terus memperkasakan orang luar bandar dan juga Orang Asli ini, teruskan. Saya percaya dia akan terus maju dan menyenangkan negara kita.

Sekarang saya jemput pula iaitu tadi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya minta Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dipersilakan.

#### **9.07 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*



Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin mengucapkan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada empat orang Ahli Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; kedua Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili; ketiga Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; dan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan telah mengemukakan soalan berhubung kait dengan tugas angkatan tentera kita di perbatasan di sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Kalimantan.

Sebagai makluman Yang Berhormat, ATM melalui Tentera Darat sentiasa memastikan bahawa kawalan sempadan di sepanjang persempadanan negara dikawal rapi melalui operasi-operasi Tentera Darat yang dilaksanakan secara berterusan. Justeru, ATM melalui Tentera Darat telah mengatur gerakan tiga batalion di sempadan Malaysia-Thailand dan dua batalion di Sempadan Malaysia-Kalimantan untuk melaksanakan operasi sepanjang tahun.

■2110

Antara pasukan yang diatur gerakan adalah batalion daripada Briged Sempadan yang dibangunkan dan dilatih serta dilengkapi dengan penugasan dan pengurusan bagi kawalan keselamatan negara di sempadan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor juga meminta penjelasan berkenaan kerjasama terjalin yang melibatkan tiga agensi penguat kuasa bagi kawalan di perairan negara. Sebagai makluman Yang Berhormat kerjasama antara agensi-agensi ini dilaksanakan di bawah beberapa mekanisme Jawatankuasa Kerja seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kerja APMM dan TLDM yang bersidang dua kali setahun;
- (ii) Jawatankuasa Kerja Operasi dan Eksais ATM dan PDRM yang bersidang sekali setahun; dan
- (iii) Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim antara semua agensi keselamatan dan penguat kuasa Maritim yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara yang bersidang tiga kali setahun.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan menyelaras kerjasama setiap agensi meliputi peringkat strategik operasi dan teknikal dalam menangani ancaman keselamatan di perairan negara. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah operasi bersepadu yang melibatkan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang, latihan bersama bagi meningkatkan kemahiran anggota dan pegawai serta persefahaman antara agensi dan dengan perkongsian maklumat perisikan. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah ada dalam Dewan tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Tiada ya? Jadi tiada ini saya bagi secara bertulis lah ya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bertulis.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** ...Secara bertulis. Yang Berhormat Dr. Zaidi ada? Yang Berhormat Dr. Zaidi bin Haji Suhaili telah membangkitkan isu pembinaan pangkalan TLDM di Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat beberapa siri perbincangan berhubung kait tentang pembinaan Markas Wilayah Laut 4 atau MAWILLA4 di Pelabuhan Bintulu telah diadakan di antara TLDM, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Kerajaan Sarawak. Pembinaan MAWILLA4 ini adalah amat penting kepada TLDM bagi menjalankan operasi di kawasan perairan Sarawak.

Kita berharap ketiga-tiga pihak dapat bersetuju untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan umpamanya seperti tanah, isu tanah yang belum dapat di *finalize* lagi, yang untuk membolehkan kita membina markas ini secepat mungkin. Apabila semua isu-isu selesai dalam perbincangan, *insya-Allah* kita akan membina.

Walau bagaimanapun, pihak TLDM telah mengambil inisiatif untuk menempatkan sebuah Tim Nukleus MAWILLA4 di kawasan Pelabuhan Bintulu. Memang kita sudah adapun anggota kita dan juga kelengkapan kita di sana. Isu yang berikutnya ialah berkenaan dengan trup kita di ini- Yang Berhormat Puan Siti Aishah ada? Tiada juga? Tiada ya. Tidak jawablah, kita beri secara bertulis sebab banyak lagi kementerian ini. Keenam, isu yang keenam lah yang dibangkit berkenaan dengan veteran. Veteran ini biasanya ditanya oleh Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar (B).

Isu yang pertama ialah mencadangkan kadar kenaikan pencen tahunan ditingkatkan kepada lebih dua peratus setahun kepada pesara yang menamatkan perkhidmatan sebelum tahun 2004 bagi mengurangkan jurang perbezaan pencen dalam tempoh panjang persaraan ATM dan menamatkan perkhidmatan selepas 2004.

Isu yang kedua ialah mencadangkan pencen terbitan yang diterima oleh pasangan pesara angkatan tentera yang berkahwin selepas tamat perkhidmatan dilanjutkan daripada 20 tahun ke 50 tahun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, isu mengenai pencen ini saya dan juga Menteri Pertahanan telah menjawab berkali-kali di dalam Dewan ini. Oleh yang demikian saya memohon jasa baik Yang Berhormat untuk merujuk kepada *Hansard* kita.

Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 22(1)(p) pertanyaan ini tidak dijawab kerana ia telah berulang kali ditanya di dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat urusan pencen ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya jawab juga di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan tidak mempunyai apa-apa kuasa merujuk kepada soal pencen ini.

So, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya untuk mendapat jawapan yang lebih tepat pada masa berhubung kait dengan pencen ini, eloklah Yang Berhormat kemukakan soalan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri di sesi yang akan datang. Ini kerana dia lebih menjawab kerana ia meliputi *cross the board*, melibatkan perjawatan perkhidmatan awam yang lain kerana saya biasa di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal kepada pencen ini. Jadi kita di ATM ini kita tidak ada kuasa langsung berhubung kait dengan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar (B) mencadangkan bekas tentera yang tamat perkhidmatan atas kesalahan disiplin diberi kelonggaran untuk turut menerima kemudahan seperti mana kemudahan yang diterima oleh veteran ATM. Untuk pengetahuan

Dewan yang mulai ini, dan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri sendiri yang bekas Panglima Angkatan Tentera yang amat memahami bahawa disiplin ini diutamakan di dalam ATM.

Oleh itu, soal-soal disiplin ini di dalam ATM ini kita tidak boleh tolak ansur kerana disiplin ini merupakan satu perkara paling penting dalam angkatan tentera. Jadi setakat ini cadang itu belumlah lagi diambil untuk dijadikan sebagai perkara yang utama. Ini kerana ia akan menjejaskan prestasi angkatan tentera. Tahun ini pun lebih 200 orang yang diberhentikan atas masalah disiplin. Kalau mereka-mereka ini diberi keutamaan apa akan jadi kepada ATM kita. Jadi disiplinlah penting kepada kita.

Yang Berhormat yang seterusnya mencadangkan iaitu pembinaan rumah baru dan penambahbaikan rumah di bawah Program Penambahbaikan Rumah Veteran 1Malaysia ditingkatkan daripada 100 kepada 500 unit setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan warga ATM melalui teras perumahan program hala tuju kementerian telah mengemukakan cadangan ini kepada agensi-agensi yang terlibat khususnya KKLW. Jadi peruntukan ini kita letak di bawah KKLW dan kerjasama kementerian-kementerian lain seperti KPKT dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada kemampuan kerajaan dan keupayaan agensi pelaksana. Jadi bagi pihak kementerian kita amatlah mengalu-alukan cadangan ini dan kita telah mengusahakan supaya mendapat peruntukan yang lebih daripada kementerian-kementerian yang terlibat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di bawah Teras Perumahan MINDEF melalui Program 1 Rumah 1 Anggota (SASAR). Kementerian Pertahanan akan memastikan setiap anggota memiliki rumah sendiri sebelum mereka menamatkan perkhidmatan. Jadi sekarang ini kalau selepas mereka tamat perkhidmatan kita hendak supaya tiap-tiap anggota kita sudah mempunyai rumah, mesti ada rumah. So, program ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

#### ■2120

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan tidak lupa kepada veteran. Jadi 70 peratus rumah yang dibina untuk anggota kita ini diberi kepada anggota kita yang sedang berkhidmat dan 30 peratus lagi akan diberi kepada veteran. Jadi veteran juga akan diberi. Mengenai veteran ini, macam-macam lagilah yang kita buat, yang sedang dilaksanakan. Baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet iaitu kita akan membina hospital veteran untuk veteran hospital *specialist* untuk veteran akan dibina di Ipoh. Banyak lagi yang telah kita berikan kepada veteran kerana kita tidak pernah lupa jasa veteran ini kerana merekalah yang menentukan kedudukan kita hari ini.

Kita hari ini hidup dalam keadaan selesa, aman damai kerana pengorbanan mereka. Jadi sebab itu kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah lupa kepada jasa veteran.

Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah saya ucap bagi pihak Kementerian Pertahanan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan dan *insya-Allah*, Kementerian Pertahanan akan melakukan yang terbaik demi bangsa, agama dan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak dan saya dengar cerita kemajuan di Kementerian Pertahanan. Oleh sebab itu, Yang Berhormat terima kasih banyak dan saya ingat lagi bahawa ramai tentera-tentera, pahlawan-pahlawan kita yang taat setia. Saya masih ingat lagi, disiplin dan taat setia iaitu pemimpin-pemimpin yang bijak-bijak. Pemimpin-pemimpin yang disanjung dikatakan. Sebab itu berpaksi kepada ingat, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Itulah, ya. Jadi sekali lagi kita terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum yang telah menyampaikan benda yang baik dan tepat dan padat, ya. Terima kasih banyak. Sekarang saya beralih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

#### 9.22 mlm.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga perkara-perkara lain di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Perkara pertama yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan R&D dan pengkomersialan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook yang telah pun membangkitkan mengenai usaha-usaha pengkomersialan produk-produk R&D oleh agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Institusi-institusi pengajian awam serta syarikat dan orang-orang perseorangan yang terlibat. MOSTI melaksanakan agenda pengkomersialan produk R&D yang dihasilkan oleh agensi-agensi di bawah MOSTI secara berterusan dan ditonjolkan melalui pelaksanaan agensi Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) semenjak tahun 2016.

Apabila MCY tahun 2016 telah digerakkan melalui lima komponen utama iaitu pembangunan kapasiti, fasilitasi dan perniagaan. Kedua, penglibatan penggiat-penggiat industri. Ketiga, perwujudan portal perkhidmatan maklumat. Keempat, perwujudan pusat sehati secara fizikal dan atas talian dan kelima, promosi berterusan pemantauan produk atau perkhidmatan melalui petunjuk utama prestasi KPI khas untuk MCY.

Melalui pelaksanaan KPI khas, MCY 2016 sebanyak 110 produk dan perkhidmatan telah dikomersialkan dan sedang memasuki pasaran secara berperingkat. Dari jumlah ini, sebanyak 66 produk perkhidmatan telah pun dihasilkan oleh empat agensi pendidikan dan tujuh agensi pembangunan teknologi di bawah MOSTI. Sebagai contohnya, MIMOS Berhad sebagai agensi pembangunan teknologi bidang ICT melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi serta pelesenan teknologi dalam bidang ICT kepada syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan.

Keadaan pasaran global yang tidak menentu serta ditambah dengan harga minyak pasaran yang berubah-ubah menyebabkan permintaan untuk pemindahan teknologi serta pelesenan bagi tahun 2017 adalah agak perlahan. Sehingga bulan November 2017, sebanyak 10 syarikat tempatan telah berjaya menandatangani Perjanjian Perpindahan Teknologi ataupun *Technology License Agreement* (TLE). Syarikat-syarikat ini seterusnya menerima pemindahan teknologi daripada MIMOS Berhad yang

melibatkan 27 platform teknologi tempatan yang dibangunkan oleh MIMOS Berhad. MOSTI juga bekerjasama dengan pihak pelaburan modal teroka seperti *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) dan *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC) bagi membantu syarikat-syarikat tempatan mengembang luaskan produk-produk R&D mereka.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI menawarkan pelbagai geran untuk pengkomersialan hasil R&D. Antaranya ialah Dana *Smart (SMART Fund)*, dana fasilitasi dan dana ENO (*ENO Fund*). Dana Pengkomersialan Hasil Penyelidikan (CRDF), Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF). Pelbagai inisiatif juga telah diambil untuk meningkatkan hasil pengkomersialan R&D seperti *engagement* bersama *stakeholders*, *pitching business matching* dan juga permohonan upaya dan lain-lain. Sebagai contohnya, MOSTI melalui *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC) menawarkan Dana CRDF untuk membantu syarikat tempatan mengkomersialkan hasil R&D yang dihasilkan oleh agensi-agensi R&D MOSTI, universiti-universiti awam dan juga pihak swasta, universiti pendidikan awam dan swasta atau syarikat tempatan.

Dana yang disediakan ini diagihkan berdasarkan keperluan sebenar melalui setiap permohonan yang diterima dan mengikut bidang keutamaan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Untuk tujuan ini, keseluruhan peruntukan Dana CRDF untuk Rancangan Malaysia Kesebelas ialah RM400 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan diterima pada tahun 2016 dan 2017 adalah RM40 juta, masing-masing membawa kepada jumlah keseluruhannya RM80 juta untuk dua tahun.

Sehingga kini, kelulusan CRDF ialah RM89.86 juta kepada 70 syarikat tempatan. Tuan Yang di-Pertua, semua usaha dilakukan oleh MOSTI sama ada melalui agenda MCY sejak tahun 2016 atau melalui fungsi khusus agensi penyelidikan dan agensi pembangunan teknologi diharap dapat mengetengahkan hasil daya cipta dan reka cipta *invention* tempatan bagi tujuan pengkomersialan.

Agenda MCY ini sedang diteruskan pada MCY 2.0 bersama Kementerian Kewangan (MOF) yang sedang pun berjalan sekarang di KLCC melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk tahun 2017 sehingga tahun 2019 dengan tiga matlamat utama iaitu memantapkan ekosistem pengkomersialan tujuan bagi *niche market* dan pengkomersialan pasaran global. MCY 2.0 juga merupakan *push factor* kepada industri dalam mengaplikasikan teknologi baru melalui kolaborasi perpindahan teknologi dan penembusan pasaran global. Kerjasama strategik dan R&D juga diperluaskan di kalangan agensi di bawah kerajaan negeri, universiti, institut pendidikan awam dan swasta dan penggiat-penggiat industri yang relevan.

Topik yang kedua yang disentuh adalah berkenaan dengan *foresight*. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad telah membangkitkan isu mengenai *foresight* ataupun jangkaan masa hadapan berdasarkan perubahan teknologi yang radikal dan pesat di arena global khususnya Gelombang Revolusi Industri Keempat ataupun singkatannya 4IR. *Foresight* merupakan strategi perancangan dan persediaan jangka masa panjang bagi mencapai visi yang disasarkan oleh negara. Contoh pendekatan *foresight* yang sedang dilaksanakan ialah inisiatif Transformasi Nasional 2050. Pendekatan *foresight* amat sesuai dalam menganalisis maklumat, trend teknologi, mega pola dunia serta membina masa hadapan yang diaspirasikan oleh rakyat Malaysia.

## ■2130

MOSTI dan juga agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk melihat potensi dan cabaran yang sedang dan bakal dihadapi oleh Malaysia ke arah negara maju berdasarkan kreativiti dan inovasi. Di antara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah inisiatif *Envisioning Malaysia in 2050 Foresight Narrative*, dan Kajian Mega Sains oleh Akademi Sains Malaysia yang meneliti isu keperluan asas dan industri negara dalam tempoh jangka panjang.

Kajian telah mengenal pasti lima bidang teknologi yang berpotensi memberi impak tinggi kepada masa hadapan iaitu nanoteknologi, bioteknologi, teknologi digital, teknologi hijau dan neuroteknologi. Teknologi-teknologi ini akan diberi keutamaan dalam membentuk Malaysia sebuah negara yang harmoni, makmur dan mampan menjelang tahun 2050. Selain teknologi masa hadapan diramal berkembang dengan lebih pesat ke arah *convergence* ataupun gabungan dan kompleksiti yang lebih besar.

Kajian ini tidak dihadkan kepada teknologi, malah melihat kepada masyarakat dan budaya, ekonomi, kewangan dan tadbir urus. Kaedah ini yang berbentuk *living document* menggariskan dasar jangka masa panjang sedia ada serta dapat membantu menetapkan perancangan dan pencapaian berdasarkan trend global.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengharungi gelombang IR4.0 ini, kerajaan akan mengambil pendekatan holistik dengan mengenal pasti pelbagai inisiatif yang akan dilaksanakan supaya tidak bertindih antara satu sama lain. Dengan cara tersebut juga, bahagian sumber dapat dilaksanakan dengan cekap dan impak dapat ditangani untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Pelaksanaan IR4.0 ini juga akan menjadi inti pati kepada kerajaan masa hadapan dalam mendukung aspirasi Transformasi Nasional 2050 atau yang kerap diperkatakan TN50.

Gelombang IR4.0 bukan sahaja akan mempengaruhi perubahan dalam sektor pembuatan perkilangan, bahkan merangkumi semua faktor ekonomi, sosioekonomi seperti pertanian, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan sebagainya. MOSTI telah mengambil inisiatif membentang staf cadangan untuk mewujudkan IR4.0 Strategik atau *IR4.0 Strategic Framework* yang akan dilaksanakan melalui program kolaborasi perkongsian pintar di kalangan komuniti, akademi, industri dan juga kerajaan termasuk agensi bukan kerajaan atau *non-governmental organization* atau NGO.

Antara langkah yang sedang dikenal pasti di bawah rangka kerja ini adalah mewujudkan satu kaedah penyelarasan bagi memudahkan pembangunan dan pelaksanaan pelan tindakan IR 4.0 melalui pendekatan N-BOS yang meliputi penyelarasan program berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad bahawa kerajaan harus memperuntukkan bajet yang lebih banyak dalam membangunkan sains dan teknologi kerana ia menjadi pengukur kemajuan pembangunan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, dalam cabaran ekonomi global, kita sedar akan keperluan-keperluan yang lebih kritikal dan berjangka pendek dalam mencapai kesejahteraan rakyat. Kami meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam memutuskan perkara ini.

Sekian sahaja penjelasan saya berhubung perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh bidang MOSTI. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita lihat banyak kemajuan yang telah diterokai oleh pihak kementerian ini. Terima kasih ya.

Dan sekarang saya pergi ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dipersilakan.

### 9.34 mlm.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua 14 Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang ternyata prihatin terhadap pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian ini menerima segala pandangan, saranan, cadangan dan teguran secara terbuka dan pihak kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mengikut isu yang dibahaskan. Pertamanya, mengenai isu bantuan kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang menjaga anak-anak yatim yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan dan Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam. Semua ada dalam Dewan?

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak termasuk anak-anak yatim. Berdasarkan statistik JKM sehingga Jun 2017, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang ditempatkan di bawah institusi JKM adalah seramai 2,302 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 404 orang ataupun 17.54 peratus adalah merupakan anak yatim dan anak yatim piatu yang kematian ibu bapa atau keduanya serta kanak-kanak bagi kes yang dijumpai atau ditinggalkan atau dibuang.

Kerajaan amat menghargai usaha-usaha yang telah diberikan oleh PSK, terutamanya yang menyediakan perkhidmatan jagaan kepada anak yatim. Pemberian geran langsung ialah bantuan yang diberikan oleh kerajaan, bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan dan menyediakan makan dan minum penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke PSK. Bagi tahun 2017, sebanyak 12.4 juta geran langsung telah diperuntukkan kepada 178 buah PSK. Daripada jumlah ini, sebanyak 3.4 juta telah diluluskan kepada 34 buah PSK di bawah pentadbiran PEYATIM yang melibatkan 2,503 orang penghuni.

Kementerian mengambil berat isu-isu yang dibangkitkan oleh PSK dan sentiasa berusaha untuk memastikan semua penghuni PSK mendapat perkhidmatan yang lebih baik dalam aspek keperluan makan dan minum termasuklah mengemukakan kertas cadangan kenaikan kadar kepada kerajaan. Dalam masa yang sama, kementerian juga menyokong usaha PSK untuk mengambil inisiatif sendiri mengumpul dana, termasuklah mendapatkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR)

daripada syarikat korporat. Kementerian memberikan sokongan pengecualian cukai kepada syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad menyentuh mengenai program pemeriksaan *pap smear*. Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program *Wellbeing Of Women* atau WOW, iaitu program pemeriksaan *pap smear* secara percuma kepada wanita di seluruh Malaysia bermula 1 September 2017 sehingga 30 November 2017. Program ini telah dilanjutkan sehingga bulan Februari tahun depan. Bilangan wanita yang telah menjalani ujian *pap smear* secara percuma, sehingga 5 Disember 2017 adalah seramai 18,255 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian belum bercadang untuk melaksanakan program ini melalui pendekatan dari rumah ke rumah. Walau bagaimanapun, LPPKN dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) melaksanakan ujian *pap smear* melalui penganjuran program-program berskala sederhana besar yang melibatkan penyertaan wanita.

Semasa program ini berlangsung, LPPKN akan menyediakan tenaga kerja yang bertauliah bagi menjalankan ujian *pap smear* terhadap wanita. Kaedah ini ternyata lebih efektif dan berkesan untuk menarik minat lebih ramai penyertaan wanita bagi menjalani ujian *pap smear*. Namun begitu tidak dinafikan, LPPKN juga menghadapi cabaran dan rintangan dalam melaksanakan program ini iaitu persepsi ramai wanita di Malaysia yang malu dan takut untuk menjalani ujian *pap smear* menyebabkan kesukaran mendapatkan wanita dalam menjalani ujian *pap smear*.

Keduanya, *accessibility* untuk menyediakan perkhidmatan ujian *pap smear* tersebut bergantung pada faktor geografi seperti kawasan pendalaman, kemudahan perkhidmatan bas yang bergerak dan cuaca, hujan, musim tengkujuh secara tidak langsung menyukarkan perkhidmatan disasarkan kepada lebih ramai wanita. Sehubungan dengan itu, kaedah yang terbaik untuk meneruskan program ialah melaksanakan promosi melalui media massa dan media sosial secara berterusan bagi memberi kesedaran kepada wanita dan ahli keluarga yang lain mengenai bahaya kanser serviks dan pentingnya menjalani ujian *pap smear*.

Kedua, mendapat kerjasama dari pihak majikan bagi menggalakkan anggota wanita menjalani ujian *pap smear* semasa waktu bekerja.

Ketiga, menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru atau N-BOS, bagi usaha kerjasama agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan atau NGO, dan *community based organisation*, dalam melaksanakan program *outreach*, termasuklah mengadakan aktiviti lain seperti sesi kaunseling, ceramah kesihatan dan pakej saringan kesihatan percuma, yang boleh menarik minat lebih ramai wanita.

#### ■2140

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed..., adakah?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun dan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) telah membangkitkan isu gejala sosial.



Dalam usaha menangani gejala sosial di kalangan remaja, kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan pelbagai program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI). Antara program ialah:-

Pertama, melaksanakan program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. Pada tahun 2012, program rintis PEKERTI telah dijalankan kepada pelajar Pendidikan Khas, pelajar Darjah 6 serta pelajar Tingkatan 3. Seramai 683 orang guru telah diberikan latihan bermula tahun 2012 hingga tahun 2015. Hasilnya, seramai 10,025 orang pelajar daripada 141 buah sekolah yang mendapat manfaat daripada program ini. Pada tahun 2017, sebanyak 40 buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih dalam menjalankan program ini bermula Oktober sehingga November 2017.

Sementara itu pada tahun 2018 pula, iaitu tahun hadapan, program ini akan diperluaskan di sekolah menengah supaya lebih ramai pelajar mendapat manfaat daripada program ini. Bagi memastikan program dilaksanakan memberikan impak yang meluas, kementerian akan melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuklah PIBG dalam melaksanakannya.

Kedua, kita mewujudkan 16 buah Pusat Remaja Kafe@TEEN oleh LPPKN di seluruh negara. Kafe@TEEN ini menyasarkan golongan remaja berumur antara 13 tahun hingga 24 tahun.

Ketiga, memberikan pendedahan kepada ibu bapa melalui Modul Cakna Diri edisi ibu bapa supaya ibu bapa mempunyai peranan dalam memberikan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti.

Keempat, kementerian juga telah melaksanakan kajian di seluruh negara tentang reproduktif remaja bagi membantu mengenal pasti isu faktor kaedah dan program intervensi yang sesuai untuk golongan remaja. Hasil daripada kajian ini, maka kementerian telah melebar luaskan lagi Program PEKERTI kepada golongan yang berisiko tinggi, mempertingkatkan lagi akses remaja kepada kesihatan reproduktif melalui pendekatan transit Kafe@TEEN serta menjalankan kajian impak bagi program-program yang telah dilaksanakan.

Kelima, Kempen Keselamatan Kanak-Kanak di sekolah rendah yang dinamakan Sahabat B.I.J.A.K '*Safe and Protect*', yang diteruskan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama rapat Jabatan Pendidikan, Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Kempen ini merupakan satu bentuk advokasi dan literasi undang-undang secara bergerak dari sekolah ke sekolah. Kempen ini juga dilihat sebagai satu usaha yang tepat dalam aspek keselamatan dan memberikan pendedahan kepada kanak-kanak sekolah untuk melindungi diri daripada ancaman jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui LPPKN dalam membangun dan melaksanakan beberapa modul pendidikan keibubapaan Pakej KASIH seperti Modul Kebapaan (Pancaran KASIH), Modul Keibubapaan dan Anak Kecil (Belaian KASIH) dan Modul Keibubapaan dan Anak Remaja (Mutiarah KASIH). Pengisian modul-modul tersebut disampaikan melalui siri kursus ilmu keluarga LPPKN yang disasarkan kepada ibu bapa.

Melalui kursus itu, ibu bapa didedahkan kepada aspek pertumbuhan dan perkembangan anak, teknik dan kemahiran keibubapaan ke arah memaksimumkan potensi anak serta penerapan nilai-nilai murni, di samping membina hubungan erat antara ibu bapa dan anak.

Selain daripada itu, LPPKN juga telah membangunkan Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA). Program ini melibatkan ibu bapa di peringkat akar umbi melalui mekanisme N-BOS bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan (JPNIN) dan Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia.

Bagi ibu bapa yang bekerja pula menyediakan kursus-kursus seperti *Parenting@Work* telah dilaksanakan di tempat-tempat kerja bagi membantu ibu bapa dalam mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga. Kementerian juga turut menyediakan perkhidmatan kaunseling keluarga dan kaunseling kerjaya kepada keluarga melalui agensi LPPKN, JKM, JPW dan juga Yayasan Kebajikan Negara untuk memastikan perkembangan anak-anak secara sihat fizikal, mental dan emosi.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) yang bertujuan memperkasakan peranan komuniti dalam pembangunan keluarga melalui program intervensi. Sehingga Jun tahun ini, sebanyak 18 komuniti telah terlibat dengan program FACE.

Selain itu, kempen secara meluas Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan pada bulan November setiap tahun juga turut dilaksanakan di seluruh negara bagi memastikan perspektif keluarga terus diarusperdanakan oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita Malaysia.

Saya juga ingin berkongsi sesuatu yang boleh dipraktikkan terus oleh para remaja bersama ahli keluarga dan juga di antara suami dan isteri iaitu *'Ten Seconds Hug'* dan *'No Gadget Hour'*. Kedua-dua amalan ini saya percaya boleh menyemarakkan rasa kasih sayang dan hormat kita kepada ahli keluarga serta boleh merapatkan lagi hubungan dan kemesraan, pelukan sepuluh saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok..., adakah?... Tiada ya? Jadi kalau tiada saya bagi secara bertulis sahaja ya.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, ada atau tidak?... Ada, okey. Menyentuh tentang pemerksaan kaum lelaki. Untuk makluman, buat masa sekarang, kementerian tidak bercadang untuk membangunkan kerangka pembangunan kaum lelaki.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian sememangnya sedar akan pentingnya peranan lelaki dalam masyarakat dan sekiranya wujud kepingcangan dalam melaksanakan tanggungjawab oleh golongan lelaki, maka wanita dan seluruh golongan masyarakat akan turut merasai kesannya. Menyedari hakikat tersebut, konsep mengarusperdanakan gender diperkenalkan supaya wanita dan lelaki dapat memainkan tanggungjawab masing-masing dan menghargai kepelbagaian peranan antara lelaki dan wanita dalam usaha membangunkan negara...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Datuk Seri, boleh saya mencelah sedikit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat sebab dewasa ini kita lihat ramai kes buang bayi, puncanya daripada lelaki. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betulkah?

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Kalau kita lihat di penjara, ramai lelaki gelandangan, ramai lelaki dadah, ramai lelaki. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Menteri, kalau kita wujudkan 'Jabatan Pembangunan Lelaki' ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan kah, di bawah Menteri Brig. Jen. Khairy Jamaluddin kah? Sebab punca wanita dilanda masalah ini sebenarnya dari lelaki. Wanita

ini tiada masalah. Akan tetapi punca *mai* masalah itu daripada lelaki. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Kita terimalah pandangan daripada Yang Berhormat itu, dan kita akan kemukakan kepada kerajaan supaya kalau ada keperluan, mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan. Saya tidak tahu bahawa kementerian yang mana satulah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, ada lagi kah? Tiada?... Ada. Okey- membangkitkan isu penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita sentiasa memberikan komitmen untuk meningkatkan penglibatan semua golongan wanita, sama ada di bandar ataupun di luar bandar agar dapat menjana pendapatan. Program-program dizahirkan mengambil kira kumpulan sasar di daerah-daerah yang mana pelaksanaan program semuanya berpusat di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

Antara usaha yang telah dilakukan oleh kementerian ialah memberikan latihan terhadap usahawan yang ingin memulakan perniagaan dan mewujudkan Program Bazar Wanita untuk wanita memasarkan produk. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) atau kini dikenali dengan nama *Development of Women Entrepreneurship Initiatives* (DeWI) merupakan program keusahawanan yang menggunakan konsep inkubator ataupun *hand-holding*- latih dan bimbing, di mana peserta akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.

#### ■2150

Pencapaian DeWI sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga November 2017 menunjukkan seramai 6,342 wanita telah menyertai program ini. Sehingga November 2017, bilangan program bagi melaksanakan DEWI pula adalah sebanyak 54 program dan jumlah peserta meningkat daripada tahun 2016 seramai 212 orang hingga November 2017 seramai 1,048 orang. Selain itu Program Bazar Wanita 1Malaysia diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

Di bawah inisiatif ini dipertanggungjawabkan kepada kementerian untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di Pasar Tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan juga di UTC dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Sehingga November 2017, Bazar Wanita 1Malaysia dilancarkan di seluruh negara dengan jumlah peserta seramai 320 orang.

Di samping itu, kementerian telah melaksanakan Program 1Azam iaitu 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Oktober 2017, Program 1Azam telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah 202,881 orang dari seluruh negara dan 62 peratus ataupun 125,054 orang, terdiri daripada jumlah tersebut adalah wanita. Program ini turut mencatatkan seramai 101,009 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM300 dan seramai 71 peratus adalah terdiri daripada peserta wanita.

Selain itu kementerian juga membantu usahawan wanita dengan kerjasama agensi lain dalam program seperti DanaNita, TamaNita (TEKUN). Program seperti Laman Wanita (LaWa) juga

merupakan salah satu inisiatif kolaborasi strategik kementerian membantu usahawan wanita. Setakat ini seramai 33 orang usahawan wanita yang beroperasi di Program LaWa ini. LaWa MATIC, LaWa Melaka Mall dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM750 hingga RM3,200. Program ini juga telah diluaskan di Kem Terendak, LaWa Kem dan juga LaWa Kampus diadakan di UPM.

Seperti mana telah diumumkan melalui Bajet 2018 baru-baru ini, tahun 2018 merupakan tahun memperkasakan wanita. Maka, dengan itu kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan lebih memperkasakan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri sebagai *focal person* di peringkat negeri-negeri bagi kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim ada kah? Tidak ada ya. Tidak ada, kita bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah? Ada Yang Berhormat Senator Engku Naimah. Menyentuh berkaitan bajet kementerian. Peningkatan perbelanjaan mengurus kementerian bagi tahun 2018 adalah bagi perbelanjaan bayaran bantuan untuk keseluruhan penerima bantuan termasuk kenaikan kadar bantuan sosioekonomi kepada golongan sasaran di bawah kementerian iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), bantuan OKU tidak upaya bekerja, bantuan penjagaan pesakit kronik dan OKU terlantar dan bantuan orang tua.

Manakala, kadar belanja pembangunan pada 8.56 peratus adalah kerana kementerian dalam peringkat pelaksanaan awal projek-projek yang telah diluluskan. Di samping itu, terdapat projek dan program yang telah selesai pada *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas dan projek baharu yang diluluskan pada *Rolling Plan* Ketiga akan bermula pada tahun 2018. Kementerian juga memfokuskan kepada projek pembangunan dengan kos yang optimum, namun berimpak tinggi dan meliputi keseluruhan kumpulan sasaran di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pusat jagaan kanak-kanak, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff ada kah?... Oh! Ada, okey.

Yang Berhormat Senator membangkitkan isu pusat jagaan kanak-kanak. Kerajaan menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja bagi kemudahan kakitangan menghantar anak mereka menerima asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Pemakluman berkaitan taska di tempat kerja telah dikeluarkan sebagai galakan dan pematuhan menerusi surat pemakluman, dihantar kepada persatuan-persatuan majikan berserta garis panduan penubuhan taska di tempat kerja sektor swasta. Taklimat telah diadakan kepada persatuan majikan berhubung penubuhannya.

Sehingga Oktober 2017, terdapat sebanyak 4,085 buah taska yang berdaftar iaitu taska institusi, taska di tempat kerja, taska komuniti, taska di rumah. Bilangan taska yang dikenal pasti tidak berdaftar sehingga Oktober 2017 adalah sebanyak 817 buah. Jumlah taska yang telah diambil tindakan perundangan sehingga Oktober 2017 adalah seperti berikut, arahan bertulis sebanyak 47 buah, lak tujuh buah, kompaun sebanyak 23 buah, tutup sementara sebanyak lima buah, batal pendaftaran sebanyak 79 buah dan didakwa sebanyak lapan buah. SOP pendaftaran taska adalah seperti berikut:

- (i) konsultasi dengan pegawai diberi kuasa di pejabat kebajikan masyarakat daerah yang berhampiran;
- (ii) berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS);

- (iii) mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada agensi teknikal pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat, pejabat kesihatan daerah; dan
- (iv) pengusaha perlu mengemukakan permohonan serta dokumen sokongan seperti senarai semak kepada pegawai diberi kuasa tugas di pejabat kebajikan masyarakat daerah untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah tidak ada ya? Dengan itu kita secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan ada kah?... Ada, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Beliau membangkitkan seperti biasa, isu OKU. Pada masa kini, dalam usaha menjaga kesejahteraan golongan OKU, terdapat sebanyak 31 peralatan tiruan ataupun sokongan OKU pelbagai kategori yang mendapat perlepasan GST. Senarai barangan ini boleh diperolehi daripada laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian melalui JKM juga sentiasa berunding dengan pihak Kementerian Kewangan untuk meluaskan lagi peralatan dalam senarai sedia ada mengikut keperluan OKU dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah, masih ada? Yang Berhormat juga turut bertanyakan isu gelandangan. Gelandangan yang daftarkan melalui lima buah Anjung Singgah di seluruh negara sehingga bulan November 2017 ialah 5,263 orang. Kemasukan ke Anjung Singgah adalah secara sukarela bagi memudahkan proses intervensi dijalankan. Penerima manfaat akan ditempatkan mengikut keperluan individu meliputi padanan kerjaya, sewaan perumahan yang sesuai, penempatan di institusi kebajikan yang diselia oleh agensi ataupun NGO, bantuan kewangan yang merujuk kepada agensi yang sesuai serta tambang pulang ke kampung halaman.

Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur pula merupakan penempatan sementara kepada gelandangan di Kuala Lumpur. Kemasukan ke Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur adalah menggunakan konsep *low barriers* kepada gelandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga November 2017, seramai 1,365 orang gelandangan telah mendaftar masuk ke Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon mencelah sedikit sahaja tentang gelandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pujian kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kalau tidak silap saya. Oleh sebab baru-baru ini ada satu program dengan gelandangan, selalunya mereka datang dalam 100 lebih ke 200 tetapi baru-baru ini tinggal dalam 70.

Apabila saya tanya kepada gelandangan ini, mereka maklumkan sekarang ini ada satu operasi, di mana gelandangan yang tidur di kaki lima ini diambil dan dibawa ke satu tempat dan diberi kemahiran selama tiga tahun. Saya tidak tahu kementerian mana yang buat tetapi saya hendak ucap, saya rasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lah *kot*. Jadi, saya hendak ucap terima kasih kerana satu tindakan yang baik dan gelandangan makin berkurang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tempat yang dimaksudkan itu ialah Desa Bina Diri, di mana kita menghantar mereka yang masih produktif untuk dilatih selama tiga tahun, selepas itu mereka boleh berdikari *insya-Allah*. Kementerian menubuhkan satu sekretariat bagi menyelaras semua operasi aktiviti bantuan berkaitan pengemis dan gelandangan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan, *stakeholders* seperti Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan tindakan yang lebih holistik dan berkesan dapat diambil.

#### ■2200

Pendekatan N-BOS juga telah dijalankan di Anjung Singgah bagi memastikan penerima manfaat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Isu gelandangan memerlukan jaringan strategik antara pelbagai agensi PBT, NGO dan lain-lain. Antara rakan strategik Anjung Singgah ialah Jabatan Tenaga Kerja dan syarikat untuk padanan kerjaya, bagi perumahan ialah pihak berkuasa tempatan, untuk kewangan pula Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal, manakala bagi kesihatan pula, hospital, klinik kerajaan dan untuk rohani, jabatan agama dan rumah ibadat untuk bukan Islam.

Di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dan pihak DBKL telah menyediakan 10 unit rumah PPRT kepada golongan gelandangan yang telah mempunyai kerjaya yang dinamakan Rumah Bimbingan. Rumah tersebut terletak di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Sri Selangor.

Kemasukan ke Rumah Bimbangan adalah kepada gelandangan yang telah selesai menjalani proses intervensi di Anjung Singgah dan pusat transit. Setiap rumah boleh menempatkan empat orang gelandangan dan kadar sewa adalah RM30 seorang sebulan. Pembayaran utiliti serta keperluan lain ditanggung sendiri oleh penyewa berkenaan. Inisiatif ini dijalankan sebagai langkah untuk mengintegrasikan semula gelandangan ke dalam komuniti dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penerangan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap penjelasan ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas dan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sekali lagi, jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkenaan kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tahniah dan terima kasih atas jawapan tepat dan panjang lebar itu. Terasa oleh saya betapa luasnya kementerian itu iaitu mendidik anak bangsa. Peranan wanita itu. Itulah yang kita nampaknya. Tahniah dan terusnyanya maju ya iaitu bagaimana bak kata orang, pentingnya kasihnya ibu itu. Kasihnya ibu sepanjang masa. Wanita ya dan juga ingat malam ini kita harapkan supaya kementerian terus berjaya, dapat melentur buluh dari rebungunya.

Daripada pagi tadi hingga hari ini, sudah hampir pukul 10 malam, kita berada di sini lagi. Berada di sini membuat budi, berbakti untuk anak bangsa kita. Tepuk tangan sedikit- kita-kita... *[Tepuk]* Itu sahaja. Kita berbudi.

Kita punya Presiden nampak segar lagi sebab jiwa itu. Semangat hendak berbudi itu. Termasuk kita sini, kawan-kawan kita, segar kerana membuat budi itu. Itu mustahak. Jadi, orang kata tadi, bak kata orang tua-tua tadi.

*Nelayan berlayar dengan layar,  
Layar berisi penuh syarat,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi sampai akhirat.*

Itulah kita tadi ya. Jadi, jam 10 lebih dan saya dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 13 Disember 2017. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.04 malam]***